



**LAPORAN PENYATA RASMI
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGKAL KEDUA
MESYUARAT PERTAMA**

Bil. 8

Isnin

6 Mei 2019

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
PEMSYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA Ucapan Tahniah Atas Pelantikan Ketua Hakim Negara	(Halaman 33)
USUL-USUL:	
Waktu Mesyuarat dan Urusan	
Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 34)
Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong	(Halaman 34)

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT PERTAMA
Isnin, 6 Mei 2019

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: Selamat pagi dan salam sejahtera. Ahli-ahli Yang Berhormat, sempena bermulanya bulan Ramadhan, saya ingin mengucapkan selamat menunaikan ibadah puasa kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator dan warga Parlimen yang beragama Islam.

Pada bulan yang mulia ini, sebagai rakyat Malaysia, kita sewajarnya bersyukur kerana dapat menikmati keamanan dan keharmonian yang dikurniakan kepada kita. Marilah bersama-sama terus merapatkan serta mengukuhkan hubungan silaturahim sesama kita atas semangat penyatupaduan demi tanah air tercinta.

Pertanyaan bagi jawab lisan, Yang Berhormat Senator Datuk Ir. Yong Wui Chung, silakan

1. Datuk Ir. Yong Wui Chung minta Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim menyatakan, sejauh manakah kerjasama dengan kerajaan negeri bagi mengatasi pencemaran plastik dan sisa toksik di seluruh negara dan pelan jangka panjang yang akan dirangka.

Timbalan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim [Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian ini melalui Jabatan Alam Sekitar telah menubuhkan pasukan petugas di peringkat ibu pejabat dan negeri yang merancang serta melaksanakan operasi bersepadu di negeri masing-masing. Pasukan petugas di peringkat negeri dipengerusikan oleh Exco Alam Sekitar negeri. Pasukan petugas ini diurus setia oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri dan dianggotai oleh PBT, pejabat tanah, PDRM, imigresen, kastam dan syarikat utiliti di negeri yang berkaitan.

Jabatan Alam Sekitar (JAS) tidak melesenkan kilang kitar semula plastik tetapi dilesenkan oleh pihak berkuasa tempatan. Walau bagaimanapun, melalui penguatkuasaan bersepadu yang telah dilaksanakan sehingga 11 April 2019 oleh JAS bersama dengan agensi-agensi yang berkaitan, didapati bahawa daripada 300 buah kilang kitar semula sisa plastik yang diperiksa di seluruh Malaysia, sebanyak 111 premis beroperasi secara sah, 112 buah kilang adalah beroperasi secara haram, dan 148 buah kilang telah dihentikan atau ditahan operasinya.

Bagi menangani isu berkaitan kilang kitar semula sisa plastik yang mencemarkan alam sekitar yang dihadapi oleh negara pada masa kini, satu garis panduan berkenaan kualiti dan jenis sisa plastik yang dibenarkan untuk di kitar semula di premis-premis yang tertakluk di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 akan disediakan sebagai rujukan dan panduan kepada pengusaha-pengusaha kilang kitar semula sisa plastik bagi memastikan supaya mereka mematuhi sepenuhnya standard seperti yang ditetapkan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Selain itu, JAS juga telah menetapkan polisi-polisi berikut bagi pematuhan kilang kitar semula sisa plastik di Malaysia:

- (i) kilang baharu kitar semula sisa plastik adalah tertakluk di bawah aktiviti 14(b)(ii) Perintah Kualiti Alam Sekeliling, aktiviti yang ditetapkan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling 2015 yang dikehendaki menyediakan Laporan Penilaian Alam Sekeliling (EIA);
- (ii) premis sedia ada wajib memastikan semua komponen sistem kawalan pencemaran alam sekitar seperti Alat Kawalan Pencemaran Udara (AKPU) dan Sistem Pengolahan Efluen Perindustrian (IETS) beroperasi dengan baik dan diselenggarakan;
- (iii) premis hendaklah terletak di dalam kawasan perindustrian;
- (iv) sistem kawalan pencemaran alam sekitar ini perlu mematuhi standard seperti yang ditetapkan dalam Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974;
- (v) premis hendaklah mempunyai orang yang berwibawa iaitu *competent person* bagi pemantauan dan pengendalian alat kawalan pencemaran; dan
- (vi) premis hendaklah sentiasa mengamalkan *good housekeeping*.

Bagi pelan jangka panjang, strategi JAS adalah seperti berikut:

- (i) kawalan dari segi penempatan di mana hanya kilang yang terletak di dalam kawasan industri sahaja akan disokong oleh JAS untuk mendapatkan lesen operasi daripada pihak berkuasa tempatan;

- (ii) memastikan pematuhan berterusan kilang dengan mempertingkatkan penguatkuasaan termasuk penguatkuasaan yang dijalankan secara bersepadu dengan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan;
- (iii) kawalan terhadap kualiti sisa plastik yang akan diproses dan kilang hanya dibenarkan beroperasi berdasarkan kapasiti atau had sebenar sisa plastik yang dikendalikan; dan
- (iv) kilang perlu menggunakan kelengkapan kawalan pencemaran atau teknologi yang lebih cekap untuk memastikan pematuhan secara berterusan.

Sebagai langkah menangani dan mengurangkan isu pencemaran sisa plastik sekali guna, kementerian telah melancarkan *Malaysia Roadmap Towards Zero Single-Use Plastics-2018-2030* pada 17 Oktober 2018 yang lepas. Selain itu, kementerian juga telah mengedarkan Surat Pekeliling Am Bil. 2 Tahun 2019 mengenai pelaksanaan Kempen Hindari Penggunaan Plastik Sekali Guna di kementerian, agensi, Kerajaan Persekutuan dan negeri yang berkuat kuasa pada 19 Mac 2019. Melalui *roadmap* dan Surat Pekeliling Am ini, kerajaan menyarankan semua kementerian, Kerajaan Persekutuan dan negeri untuk memainkan peranan.

■1010

Antara lain mengadakan kempen-kempen seperti tiada penggunaan produk plastik sekali guna di organisasi semasa mesyuarat, majlis rasmi serta program kerajaan. Sekian, terima kasih.

Datuk Ir. Yong Wui Chung: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya pencemaran *microbeads* iaitu plastik mikro ketika ini menjadi tumpuan banyak negara. Negara UK sendiri telah pun *ban microbeads*. *Microbeads* diperkenalkan dalam bahan-bahan kosmetik seperti pembersih muka, ubat gigi dan krim pencukur. Tanpa rawatan air yang baik, plastik mikro ini boleh menjadi pencemar utama dalam air kita.

Kita juga bimbang apabila memikirkan kesan pengambilan makanan yang dicemari plastik mikro terhadap kesihatan manusia. Sehubungan dengan itu, saya mohon Yang Berhormat Menteri menerangkan tentang isu ini dan usaha-usaha yang telah dibuat bagi mengurangkan penggunaan *microbeads* di negara kita. Terima kasih.

Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat di atas soalan tambahan. Cuma saya rasa mungkin ini agak lebih terperinci tentang pencemaran *microbeads*. Saya minta maaf untuk masa ini saya tidak ada *detail* ini bersama saya sekarang. Saya akan bagi jawapan bertulis kepada Yang Berhormat. Terima kasih.

Puan Raj Munni binti Sabu: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengemukakan dua soalan tambahan daripada soalan asal. Pertama adalah berkaitan dengan penemuan terbaru yang menjadikan Malaysia sebagai *dumping ground*. Barang-barang sisa plastik daripada 119 buah negara difahamkan termasuk UK dan juga Australia. Saya cuma ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah langkah proaktif dan konstruktif yang mungkin akan diambil oleh kerajaan untuk menangani isu ini?

Kedua, soalan saya ialah apakah kerajaan mempunyai perancangan untuk mencontohi Singapura dalam sudut pengurusan pepejal dengan penggunaan kaedah *composting*? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy: Terima kasih kepada soalan tambahan. Kalau saya boleh berceritakan di sini, cuma saya lupa tarikh sebenar dia bila. Antara langkah proaktif yang telah kita buat- saya ingat pada beberapa minggu lepas Yang Berhormat Menteri MESTECC sendiri telah pun pergi ke *port* untuk menggeledah dan memeriksa beberapa kita lihat kontena yang membawa sisa plastik ini yang haram.

Jadi kita cuba untuk bekerjasama dengan kementerian-kementerian lain, kementerian-kementerian lain untuk terus bekerjasama supaya kita memastikan sebab perkara ini bukan terletak dengan MESTECC sahaja pencemaran tetapi dari segi pelesenan juga kita bekerjasama dengan- *it is a cross-cutting ministry after all. Insya-Allah* saya terima cadangan Yang Berhormat untuk kita bincangkan di kementerian dan juga bersama-sama dengan kementerian-kementerian lain. Terima kasih.

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, masalah mengatasi pencemaran plastik dan sisa satu cabaran tinggi dan tugas berat bukan sahaja di Malaysia tetapi di seluruh dunia.

Antara sebab-sebab lain ialah di mana kekurangan kewaspadaan atau *lack of vigilance* atau kekurangan hukuman berat dan kekurangan alternatif kepada plastik. Kebanyakan sisa plastik yang dibuang ada sebahagian dibakar dan sebahagian kecil iaitu lebih kurang tiga peratus di kitar semula. Mengikut satu kajian pada tahun 2016 di *Science Magazine*, Malaysia adalah negara yang nombor lapan terburuk di dunia untuk sisa plastik.

Soalan saya Yang Berhormat Menteri, adakah kita mempunyai satu program untuk tukar sisa plastik kepada pembuatan *bitumen polymer* yang mana ini boleh digunakan untuk pembinaan jalan di kawasan-kawasan-kawasan luar bandar? Itu soalan saya Yang Berhormat Menteri.

Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy: Terima kasih kepada soalan tambahan. Saya sangat berterima kasih kepada Yang Berhormat kerana kita sangat bekerjasama dan sama-sama ingin memastikan bahawa Malaysia ini kita punya *roadmap*.

Kalau saya boleh ceritakan di sini *single-use plastics* ini berkesan. Kita mahukan *roadmap* ini sebab itu kita buat *roadmap* dalam jangka yang mungkin nampak panjang, tetapi kita mahu walaupun ia *slow* tetapi ia berkesan.

Salah satu yang kita dalam *roadmap single-use plastics* ini tahun 2018 hingga tahun 2030, ada satu program yang kita panggil CEPA iaitu pendidikan. Oleh sebab pada kita, kita mahukan kesedaran ini, kita terapkan kepada semua pelajar-pelajar daripada sekolah rendah dan sekolah menengah dan kementerian sedang giat menjalankan kesedaran tentang pencemaran ini dengan kerjasama MOE dan juga KPKT.

Mengenai soalan...

Tuan Yang di-Pertua: Menggunakannya untuk...

Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy: Dalam *Roadmap Towards Zero Single-Use Plastics* juga...

Tuan Yang di-Pertua: Jalan-jalan dipakaikan.

Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy: Ya. Ada beberapa perkara yang kita dalam sini iaitu contoh macam *biodegradable plastic* dan saya terima cadangan Yang Berhormat tentang bitumen ini. Saya ada- kita pernah menerima cadangan ini, cuma nanti saya bagi jawapan bertulis kepada soalan Yang Berhormat sebab saya tidak ada kepastian di sini. Saya akan bagi jawapan bertulis kepada Yang Berhormat. Terima kasih atas cadangan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya berharap apabila soalan berkenaan dengan sesebuah perkara seperti mana dalam soalan ini, sisa toksik dan plastik, saya harap kementerian ini akan siap dengan jawapan, bukan semua hendak bagi secara bertulis. Soalan kedua Yang Berhormat Tuan Kamarudin bin Abdun, dipersilakan.

Tuan Kamarudin bin Abdun: *Assalamualaikum warahmatullahi wabaratuah*. Salam sejahtera dan selamat berpuasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang ini terlebih dahulu bagi pihak Dewan ingin mengalu-alukan kehadiran tetamu Yang Berhormat Timbalan Menteri Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna ke Dewan ini. Semoga kehadiran mereka mendapat rahmat... [*Dewan tepuk*]

2. **Tuan Kamarudin bin Abdun** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) adakah Kementerian bercadang memasang mesin pengimbas untuk anggota badan dan kenderaan yang canggih seperti di Singapura, Amerika Syarikat, Korea, di semua pintu keluar masuk sempadan terutama di Negeri Perlis supaya dapat membendung aktiviti penyeludupan barangan terlarang seperti senjata api, dadah, ketum dan lain-lain lagi; dan
- (b) adakah Kementerian bercadang membuka semula zon bebas cukai di Wang Kelian, Perlis untuk menampung ekonomi rakyat negeri Perlis.

Timbalan Menteri Pertahanan [Tuan Liew Chin Tong]: Terima kasih Tuan Yang di Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Kamarudin bin Abdun. Saya mengucapkan selamat berpuasa kepada umat Islam yang menjalankan ibadah puasa hari ini. Saya mewakili Kementerian Dalam Negeri untuk menjawab soalan Tuan Pengerusi Haji Kamarudin bin Abdun.

Berhubung penggunaan mesin pengimbas untuk anggota badan dan kenderaan yang canggih, Kementerian Dalam Negeri mengalu-alukan cadangan tersebut. Penggunaan teknologi tinggi dalam penguatkuasaan pastinya akan membantu agensi penguatkuasaan melaksanakan peranannya dengan lebih berkesan. KDN mempunyai perancangan untuk membuat perolehan mesin pengimbas kenderaan- *mobile scanner* pada masa hadapan. Namun demikian, kelulusan perolehan tersebut bergantung kepada kemampuan kewangan semasa kerajaan.

Walau bagaimanapun, KDN melalui Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM) telah mengambil langkah-langkah untuk mengatasi masalah penyeludupan. KDN sentiasa mempertingkatkan serta menambah baik aspek risikan, berkongsi maklumat risikan bersama agensi penguat kuasa yang lain seperti Jabatan Kastam Diraja Malaysia, ATM dan pihak berkuasa Thailand serta mengadakan *engagement* dengan masyarakat setempat dalam usaha membanteras aktiviti penyeludupan di sempada negara.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kedudukan zon bebas cukai Wang Kelian, Perlis. Untuk makluman Yang Berhormat, *Immigration and Passports (Wang Kelian Free Flow Zone) (Exemption) Order 2009* merupakan satu perintah yang mengecualikan rakyat Thailand daripada keperluan mendapatkan pas lawatan dan keperluan mengemukakan pasport ke kawasan pintu masuk Wang Kelian di Malaysia serta mengecualikan rakyat Malaysia daripada keperluan mengemukakan pasport ke kawasan Wang Pracan di Thailand.

■1020

Perintah pengecualian ini bermula berkuat kuasa sejak 19 Jun 2009. Walau bagaimanapun, kerajaan telah menghentikan kemudahan keluar masuk *free flow* di Kompleks

Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Wang Kelian bermula 1 April 2015, bertujuan untuk menguatkuasakan akta dan peraturan berkaitan kawalan keluar masuk Malaysia.

Ini bermakna rakyat Malaysia yang ingin menyeberangi sempadan perlu melalui pintu masuk yang diwartakan dan perlu mempunyai pasport antarabangsa dan dokumen perjalanan yang sah seperti pas sempadan dan begitu juga sebaliknya untuk rakyat Thailand. Peraturan ini dilaksanakan segera sebagai langkah kawalan pergerakan keluar masuk dan kawalan sempadan yang bertujuan untuk mengekang penyeludupan barangan terlarang dan melindungi sempadan negara daripada sebarang ancaman.

Sehubungan itu, kementerian tidak bercadang untuk membuka semula zon bebas cukai di Wang Kelian, Perlis atas faktor-faktor keselamatan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan Yang Berhormat.

Tuan Kamarudin bin Abdun: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana memberikan jawapan yang agak *detail* kepada saya.

Walau bagaimanapun soalan tambahan saya, memandangkan kerajaan negara jiran telah memberi kelulusan dan kebenaran untuk menggunakan sejenis ganja secara bebas di negara tersebut, apakah langkah kerajaan untuk mengawasi sempadan, mengawasi supaya barang-barang tersebut tidak masuk ke sempadan Malaysia? Bagaimana untuk mengawal rakyat Malaysia yang menjadi penagih di sana, yang balik akan diperiksa dan akan dikenakan caj bila mereka ini dikesan menggunakan ganja tersebut?

Jadi, ini akan menambah kos untuk mengendalikan penjara, bilangan...

Tuan Yang di-Pertua: Soalan. Saya pun tidak berapa pasti. Sila ulang balik Yang Berhormat.

Tuan Kamarudin bin Abdun: Okey. Saya ingin tahu, apakah langkah kerajaan untuk mengawasi sempadan bila mana ganja ini di Thailand diberi kebebasan untuk menggunakannya secara bebas? Jadi, apakah langkah kerajaan untuk mengawasi kemasukan barang-barang tersebut ke Malaysia? Satu, barang ganja itu.

Kedua, bagaimana kita hendak mengawasi rakyat Malaysia yang mengambil dadah di sana dan bila balik ke Malaysia, mereka ditahan atau diperiksa, di *urine*, dia sudah tentu akan...

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya. Dia disabitkan kesalahan.

Tuan Kamarudin bin Abdun: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri.

Tuan Liew Chin Tong: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Kamarudin bin Abdun. Terima kasih atas soalan tambahan. Jawapannya mudah kerana kita memang ada kawalan sempadan dan semua kawasan sempadan kalau ada apa-apa masalah, memang kita kena ketatkan. Akan tetapi undang-undang sedia ada dan juga kawalan yang sedia ada harus memuaskan untuk menangani masalah ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Puan Hajah Sabani binti Mat: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri di atas jawapan.

Cumanya saya hendak bertanya, tadi dalam jawapan Yang Berhormat Menteri mengatakan untuk menyediakan mesin pengimbas yang canggih ini memerlukan satu kos yang tinggi. Akan tetapi saya juga hendak cadangkan Yang Berhormat Menteri, supaya walaupun kos yang tinggi, kita kena juga sebab saya tengok pihak penduduk ini dia akan orang kata kalau dia akan menggunakan pelbagai taktik. Antaranya dia masukkan kita kata macam bawang dan barang-barang makanan tetapi yang di bawah itu kalau kita tengok, dia mungkin ada dadah, dia mungkin ada senjata api.

Oleh sebab itulah walaupun ada usaha-usaha membanteras dadah, pelbagai agensi yang ditubuhkan tetapi nampak tidak berjaya, inilah salah satunya yang dibuat. Jadi saya hendak mintalah walaupun kos tinggi tetapi terpaksa juga dilaksanakan. Terima kasih.

Tuan Liew Chin Tong: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat, KDN ingin mencadangkan kepada kerajaan dan agensi pusat pada tahun ini supaya dimasukkan dalam...

Tuan Yang di-Pertua: Bajet.

Tuan Liew Chin Tong: Belanjawan dan Bajet 2020 dan ini adalah perancangan KDN.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. So, dalam kamar ini kalau hisap ganja di Thailand ini jangan masuklah Malaysia. Masuk, kita tangkap. Silakan Yang Berhormat Senator Tuan Alan Ling Sie Kiong.

3. Tuan Alan Ling Sie Kiong minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan, jumlah kes penderaan haiwan yang dilaporkan pada tahun 2018 dan jenis haiwan serta tindakan yang diambil terhadap mereka yang terbabit. Apakah langkah Kerajaan untuk mengurangkan/mencegah kejadian tersebut.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Tuan Sim Tze Tzin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, pada tahun- sebelum ini saya ucapkan selamat berpuasa untuk umat Islam di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator, pada tahun 2018, sebanyak 662 kes penderaan haiwan telah dilaporkan dan diambil tindakan di bawah Akta

Binatang 1953, dan Akta Kebajikan Haiwan 2015. Kes-kes penganiayaan dan pengabaian haiwan adalah melibatkan kucing sebanyak 50 ekor, anjing sebanyak 30 ekor, ayam sebanyak 13 ekor, lembu sebanyak lapan ekor, dan burung sebanyak tiga ekor. Daripada jumlah aduan yang telah dilaporkan pada tahun 2018- 40 kes telah didapati mempunyai asas untuk diambil tindakan di bawah Akta Binatang 1953, dan Akta Kebajikan Haiwan 2015.

Sebanyak 10 kes telah disiasat di bawah Akta Binatang 1953. Daripada 10 kes yang disiasat di bawah akta tersebut, lima kes tidak diteruskan proses pendakwaan, *no further action* (NFA) atas arahan Timbalan Pendakwa Raya manakala empat kes masih lagi di dalam siasatan. Terdapat satu kes telah dituduh dan telah dikenakan hukuman bon untuk berkelakuan baik selama tempoh setahun mengikut seksyen 91(i)(b) Akta Kanak-kanak 2015 kerana ia melibatkan pesalah juvana.

Sebanyak 30 kes telah disiasat di bawah Akta Kebajikan Haiwan 2015. Daripada 30 kes yang telah disiasat di bawah akta tersebut, sebanyak 12 kes tidak diteruskan proses pendakwaan atas arahan Timbalan Pendakwa Raya manakala 13 kes masih lagi di dalam siasatan. Sebanyak satu kes telah dituduh dan telah dikenakan hukuman denda sebanyak RM25,000.

Satu kes lagi telah dikenakan *acquittal* dan *discharge*. Terdapat tiga kes masih dalam proses perbicaraan. Jumlah keseluruhan denda sehingga tahun 2018 adalah sebanyak RM46,200 yang turut melibatkan denda-denda kes yang dibawa daripada tahun 2017 dan telah dijatuhkan hukuman pada tahun semasa iaitu tahun 2018.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar sentiasa berusaha untuk mengurangkan dan mencegah kes kezaliman haiwan serta pengabaian kepada haiwan di negara ini menerusi pelbagai inisiatif yang telah dilaksanakan, antaranya:

- (i) mengadakan program promosi dan kesedaran berkaitan kebajikan haiwan di seluruh negara kepada semua pihak tentang kepentingan kebajikan haiwan;
- (ii) penggubalan Akta Kebajikan Haiwan 2015 untuk memberi pendidikan kepada masyarakat melalui pencegahan daripada melakukan penganiayaan kepada haiwan; dan
- (ii) menjalankan kerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menerapkan elemen-elemen kebajikan haiwan kepada pelajar-pelajar sekolah bermula di peringkat prasekolah, sekolah rendah dan peringkat sekolah menengah.

Sekian, terima kasih.

■1030

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan Yang Berhormat.

Tuan Alan Ling Sie Kiong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Saya juga ingin mengalu-alukan kedatangan tetamu khas daripada Sarawak yang diketuai oleh rakan seperjuangan saya, saudara Leon Jimat yang datang jauh. Kita mengalu-alukan beliau... [*Tepuk*] dari Sri Aman. Saudara Leon Jimat juga adalah anak kepada mendiang Yang Berhormat Sri Aman, Yang Berhormat Jimmy Donald yang menjadi Ahli Parlimen Sri Aman untuk tiga penggal daripada tahun 1995 sehingga 2008.

Soalan saya, Tuan Yang di-Pertua. Saya menerima baik inisiatif yang diadakan tetapi bagi saya, ada satu masalah iaitu saya tidak nampak satu *hotline*, aduan, talian khidmat 24 jam yang senang diingati oleh rakyat kita supaya kita boleh melaporkan kes-kes kezaliman haiwan ini kepada pihak tertentu. Oleh itu, saya mencadangkan supaya kementerian boleh mengadakan satu *hotline* yang senang diingati supaya kita boleh melaporkan melalui *WhatsApp* dan sebagainya di seluruh Malaysia dan bertindak selepas itu.

Soalan saya adalah, saya telah dimaklumkan bahawa veterinar Sarawak ini di bawah kerajaan negeri dan Akta Kebajikan Haiwan 2015 yang dikuatkuasakan pada tahun 2017 belum lagi dilanjutkan ke Sarawak. Saya ingin mengetahui daripada kementerian, adakah kementerian bercadang untuk melanjutkan Akta Kebajikan Haiwan 2015 ke Sarawak untuk keseragaman dan supaya Ordinan 1999 yang perlu dikemaskinikan dapat diseragamkan untuk melindungi hak-hak haiwan ini? Sekian soalan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Tuan Sim Tze Tzin: Terima kasih Yang Berhormat Senator, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Akta Kebajikan Haiwan 2015 atau *Animal Welfare Act 2015*, sebenarnya apabila kita menggubal akta ini, ada perundingan dengan Kerajaan Negeri Sarawak dan Kerajaan Negeri Sabah. Perundingan itu berterusan dengan tujuan untuk adaptasi daripada Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak. Malangnya, negeri Sabah dan Sarawak tidak ingin *adopt* akta ini dan saya pun tidak tahu kenapa. Ini adalah yang telah berlaku.

Maka, untuk negeri Sabah, sebenarnya mereka telah menggubal *Sabah Animal Welfare Enactment 2015*. Saya difahamkan bahawa mereka ada *adapt* beberapa cadangan atau akta-akta dalam *Animal Welfare Act 2015* dalam enakmen tersebut di Sabah.

Akan tetapi untuk negeri Sarawak tidak berlaku sedemikian. *Veterinary Public Health Ordinance 1999* telah digubal tetapi tidak ada akta-akta tentang *animal welfare*. Saya

berharap bahawa Kerajaan Negeri Sarawak mempunyai *political will* untuk menggubal *animal welfare* yang merupakan satu elemen dan kesedaran yang sangat tinggi dalam masyarakat Malaysia di mana masyarakat Malaysia sekarang sangat sensitif dan tidak setuju dengan pelbagai cara dan juga penganiayaan terhadap binatang dan sebagainya.

Jadi, saya rasa Yang Berhormat Senator daripada Sarawak haruslah memainkan peranan ini untuk mendesak Kerajaan Negeri Sarawak yang mundur ke belakang dari segi *animal welfare*. Mereka perlu memperbaiki dari segi ini. Jangan terlambat. Kalau boleh, *adopt* lah *this Animal Welfare Act 2015*, sudah sedia lengkap dengan pelbagai. *What is so difficult? Just adopt this act*, di mana mereka merupakan *part of the consultation* dan mereka juga merupakan salah satu *member* dalam Lembaga Kebajikan Haiwan di bawah akta ini. Mereka merupakan salah seorang ahli walaupun *ex-officio* tetapi mereka duduk dalam Lembaga Kebajikan Haiwan. Jadi, kalau boleh mereka meningkatkan dengan *adopt this act, then everything can be done immediately*.

Untuk *public complaint*, kita mempunyai *hotline* DVS iaitu 03-88702000. Saya ulang sekali lagi, *hotline* DVS adalah 03-88702000 untuk sebarang *complaint* tentang *animal welfare* dan isu-isu binatang dan sebagainya. Kita pun ada *WhatsApp* juga, aduan melalui *WhatsApp* kerana ini zaman teknologi dan DVS sangat maju ke depan menerima *complaint*. Jadi, boleh di *WhatsApp* kan segala video dan sebagainya kepada 019-2242233. Saya ulang sekali lagi, 019-2242233 untuk sebarang *complaint* tentang isu *animal welfare*. Terima kasih.

Tuan Alan Ling Sie Kiong: Satu lagi soalan, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih jawapan panjang. Ringkas sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak bolehlah, Yang Berhormat Senator. Ini bukan perbincangan. Sila duduk. Yang Berhormat...

Tuan Alan Ling Sie Kiong: Soalan, bukan perbincangan.

Tuan Yang di-Pertua: ...Soalan-soalan tambahan...

Tuan Alan Ling Sie Kiong: Cukup?

Tuan Yang di-Pertua: Cukup. Sudah, sudah. Yang lain boleh tanya, soalan tambahan- ingin berbincang, sila jumpa Yang Berhormat Timbalan Menteri di luar.

Tuan Alan Ling Sie Kiong: Boleh, boleh, boleh. Jumpa nanti.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dipersilakan Yang Berhormat Senator Datuk John Ambrose.

4. **Datuk John Ambrose** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, hasil dapatan kementerian dalam mengenal pasti sektor-sektor pekerjaan yang banyak menggunakan khidmat pekerja asing, jumlah pendapatan yang diperoleh serta sebab utama kenapa rakyat Malaysia tidak mahu pekerjaan tersebut.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Mahfuz bin Haji Omar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan selamat menyambut kedatangan bulan Ramadhan al-Mubarak kepada semua rakyat Malaysia dan selamat menunaikan ibadah puasa untuk rakan-rakan yang beragama Islam dan umat Islam seluruhnya. Nampak sunyi. Baru mula berpuasa, letih kah apa? Yang Berhormat Dato' Seri Kamaruddin pun senyap sahaja, letih berpuasa *kot no?* Tidak makan sahur kah semalam? *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, makan sahur. Silakan Yang Berhormat.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar: Baik, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, berdasarkan kepada statistik Jabatan Imigresen Malaysia sehingga 31 Mac 2019, sektor perkilangan mencatatkan jumlah tertinggi penggunaan pekerja asing yang berdaftar dan dikeluarkan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) iaitu sebanyak 702,294 orang- ini sektor yang paling tinggi- dan diikuti dengan sektor pembinaan seramai 445,972 orang, sektor perladangan seramai 279,252 orang, sektor perkhidmatan seramai 311,399 orang dan sektor pertanian seramai 157,538 orang.

Macam saya katakan tadi bahawa yang paling tinggi ialah sektor perkilangan. Antara faktor-faktor ataupun sebab-sebabnya ialah sudah tentu dilihat kerana taraf pendidikan masyarakat anak-anak Malaysia ini makin meningkat dan tawaran pekerjaan dan gaji yang ditawarkan itu dilihat tidak sepadan. Ini berasaskan kepada dialog dan *survey* yang dibuat oleh pelbagai pihak termasuk daripada Kementerian Sumber Manusia menunjukkan bahawa tidak sepadan antara taraf pendidikan dengan jawatan kekosongan pekerjaan, jenis pekerjaan dan juga gaji yang ditawarkan kepada mereka.

Jadi, ini juga ada kaitan, Tuan Yang di-Pertua, kerana tahap industri kita masih lagi berada pada tahap berasaskan kepada buruh separuh mahir, bukan pekerja mahir. Jadi, ini menyebabkan kita tidak berkembang. Oleh sebab itu, kalau dilihat berasaskan kepada Rancangan Malaysia Kesebelas, kalau tahun 1990 iaitu 0.46 peratus tenaga untuk mencapai peningkatan satu peratus KDNK- itu untuk 1990, tetapi sekarang untuk tahun 2010 sehingga 2014, 0.60 peratus untuk peningkatan yang sama iaitu satu peratus KDNK.

Jadi, kita masih menggunakan tenaga buruh yang separuh mahir. Sepatutnya industri kita ini sudah harus berganjak kepada industri yang berasaskan kepada teknologi moden, apatah lagi dalam zaman IR4.0 ini. Jadi, kita rasa bahawa ini antara punca-punca yang menyebabkan kita masih lagi berada pada kadar kedudukan buruh yang lebih rendah. Jadi,

menyebabkan ia tidak menarik minat kepada anak-anak Malaysia untuk menyertai sektor-sektor ini.

■1040

Namun begitu, kita harap bahawa dengan perkembangan ekonomi yang ada sekarang ini, kita harap bahawa ia akan memberikan sesuatu yang lebih baik pada masa yang akan datang dengan perubahan industri kepada IR4.0. Saya juga melihat bahawa antara isu-isunya juga ialah kita harus mengkaji semula iaitu pengambilan *expatriate* khususnya kepada mereka yang bergaji RM3,000 ke RM5,000 sebulan sebab bagi saya jawatan-jawatan ini, pekerjaan ini boleh dilakukan oleh rakyat Malaysia, boleh dipenuhi oleh rakyat Malaysia.

Jadi, seharusnya ada satu pengkajian semula harus dibuat bagi memastikan bahawa tempat-tempat dalam *expatriate* yang bergaji di antara RM3,000 ke RM5,000 orang yang dibuka kepada rakyat asing ini, boleh ditempatkan kepada rakyat dalam negara kita. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan Yang Berhormat Senator.

Datuk John Ambrose: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Menteri.

Soalan tambahan saya ialah pada masa ini permohonan untuk mendapatkan pekerja asing dilakukan secara talian. Namun yang demikian, kriteria-kriteria yang digunakan tidak boleh diaplikasikan secara menyeluruh kepada semua negeri kerana saiz industri berbeza dari satu kawasan ke kawasan yang lain yang menyebabkan permohonan mereka tidak dapat dimuat naik ke dalam sistem.

Soalan tambahan saya, apakah langkah-langkah pihak kementerian untuk mengatasi masalah yang dihadapi melalui permohonan pekerja asing atas talian ini?

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Silakan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar: Baik, terima kasih. Tidak ada masalah bagi saya untuk permohonan pekerja asini ini. Ini kerana kita telah pun menaik taraf *JobsMalaysia* 2.0 iaitu dengan menampilkan ciri-ciri pepadanan automatik dan juga memberikan syor-syor berkenaan dengan peluang pekerjaan yang sesuai serta tawaran itu di e-mel terus kepada calon-calon.

Jadi, ini tidak ada masalah. Apatah lagi khususnya kepada permohonan kepada pihak-pihak tertentu untuk mengambil pekerja-pekerja asing. Saya lihat bahawa ini tidak ada masalah kerana mereka boleh iklankan dahulu di dalam *JobsMalaysia*, kemudian dalam tempoh tertentu selepas dua minggu kalau tidak ada permohonan daripada warganegara,

barulah mereka boleh *submit* permohonan itu melalui sistem atas talian ini. Ini tidak menjadi masalah setakat ini, *insya-Allah*.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Puan Raj Murni binti Sabu: Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Silakan, Yang Berhormat Senator Datuk Mohan a/ Thangarasu.

Datuk Mohan a/ Thangarasu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan, saya hendak tanya berkenaan dengan *success rate* di mana Yang Berhormat Menteri kata, kalau sekiranya kita *apply* melalui sistem *online* untuk mendapatkan pekerja. Saya hendak tahu berapakah *success rate* yang mereka ini dapat kerja? Okey, *success rate*.

Tuan Yang di-Pertua: Peratus kejayaan. Silakan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar: Ini agak- kalau di atas talian, apabila pendaftaran itu dibuat oleh pihak majikan, buat pendaftaran atas majikan itu. Kalau dilihat di dalam jumlah permohonan yang dikendalikan untuk penggajian pekerja asing ya. Untuk pekerja-pekerja asing kah atau untuk warganegara?

Datuk Mohan a/ Thangarasu: Warganegara.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar: Warganegara. Kalau untuk warganegara, kalau dalam yang disebut maknanya daripada 260,000 orang yang kita luluskan untuk permohonan pekerja asing itu, daripada itu hanya 8,000 orang sahaja untuk dalam tempoh sehingga Mac kalau tidak silap saya, hanya dalam 8,000 orang sahaja pekerja-pekerja tempatan.

Jadi, ini berdasarkan kepada kekangan masa yang agak terhad untuk iklan-iklan itu boleh diusahakan oleh pihak kementerian khususnya JTK dan *JobsMalaysia* untuk hendak mencari warga tempatan ini untuk mengisi jawatan-jawatan yang ditawarkan. Oleh sebab, tempoh yang digunakan sehingga hari ini ialah dalam tempoh dua minggu. Dia iklankan, selepas dua minggu kalau tidak ada pekerja warganegara yang memohon maka dia boleh memohon pekerja asing.

Jadi, tempoh ini agak menyukarkan pada saya bahawa untuk JTK dan *JobsMalaysia* untuk hendak buat iklan balik, untuk hendak cari kerja, gantung *banner*, hendak buat *job fair*, karnival dan sebagainya, untuk *walk-in interview* ini agak sukar. Jadi, juga harus dikaji untuk tempoh ini untuk memudahkan pihak Jabatan Tenaga Kerja dan juga *JobsMalaysia* untuk turun padang untuk mendapatkan pekerja-pekerja daripada warganegara. Akan tetapi, apabila kita mengadakan *job fair* ataupun karnival pekerjaan, kembara kerja dan sebagainya, memang kita dapat jumlah yang besar untuk memenuhi perjawatan itu kepada rakyat Malaysia.

Ini kelebihan melalui program kita turun padang. Akan tetapi atas talian memang agak sukar untuk dalam tempoh-tempoh tertentu untuk kita hendak penuhi permintaan majikan itu.

Dato' Dr. Ananthan a/l Somasundaram: Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator, saya belum bagi Yang Berhormat Senator. Silakan Yang Berhormat Senator Datuk Ng Chiang Chin.

Datuk Ng Chiang Chin: Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang *clear* memberikan jawapan. Soalan tambahan saya, memandangkan ramai lagi warga asing menjawat jawatan *security*, maknanya *Securicor*, jaga syarikat atau bangunan kerajaan. Adakah kerajaan mengkaji bagi pasukan RELA untuk mengambil alih *security* dalam negara ini? Jadi, saya rasa tidak logik kita pakai Bangla atau Myanmar mari jaga tempat yang mustahak ini...

Tuan Yang di-Pertua: Bangladesh.

Datuk Ng Chiang Chin: Bangladesh, *sorry* Bangladesh. Biasa pakai "Bangla", dia terlekat. Maaf, Tuan Yang di-Pertua [*Ketawa*]

Jadi, kalau boleh jawatan seperti ini amat penting, baik kita pakai askar RELA, kita ada RELA, pakai RELA untuk memegang jawatan ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Silakan.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar: Ya, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator. Satu pandangan dan cadangan yang sangat baik, yang perlu dipertimbangkan selepas daripada ini untuk menjadikan institusi RELA di bawah KDN itu sebagai satu institusi yang boleh memberikan peluang pekerjaan kepada ramai warga tempatan. Sememangnya, di kebanyakan pejabat-pejabat kerajaan di Putrajaya khususnya di Kementerian Sumber Manusia, di KDN sememangnya menggunakan anggota RELA untuk mengawal keselamatan siang dan malam. Mereka mendapat gaji yang sebaiknya untuk menampung kehidupan mereka. Terima kasih Yang Berhormat Senator.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Puan Raj Murni binti Sabu: Tuan Yang di-Pertua, boleh- soalan tambahan?

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Senator.

Puan Raj Murni binti Sabu: Ya. Berkaitan dengan pekerja asing, dalam Rancangan Malaysia Kesebelas, tahun 2016 sehingga tahun 2020, kerajaan telah meletakkan satu dasar untuk pengambilan pekerja asing untuk tidak melebihi daripada 15 peratus daripada pekerja yang ada di dalam negara.

Walau bagaimanapun, dalam bulan Ogos yang lepas, Menteri Sumber Manusia yang baharu telah menyebutkan bahawa kementerian boleh mencadangkan dasar-dasar pengambilan tetapi yang akan mengambilnya adalah Kementerian Dalam Negeri. Akan tetapi,

walaupun bagaimanapun, Kementerian Sumber Manusia difahamkan akan menentukan semula, akan menyusun semula polisi pengambilan pekerja asing.

Cuma, yang saya ingin tanya, sejauh manakah persiapan terhadap penyediaan dasar dan polisi baharu ini?

Kedua, ialah sejauh mana cadangan Yang Amat Berhormat Tun, Perdana Menteri, dari hal bekerja ditukar kepada waktu malam untuk sektor 3D? Ini mungkin juga mengambil kira rancangan ataupun strategi dalam pengurangan pekerja asing. Ini kerana juga disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Tun, bahawa sekiranya ini tidak dilakukan, duit yang mengalir keluar lebih kurang sebanyak RM60 bilion setahun itu akan nantinya merugikan negara kita. Bagaimana kementerian menyusun? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar: Baik, terima kasih Yang Berhormat Senator. Berkaitan dengan dasar dan polisi kementerian ini sedang kita rangka. Kita juga harus berbincang dengan pihak KDN. Akhir sekali ialah Kabinet harus membuat keputusan tentang bidang-bidang kuasa yang ada kepada KSM dan juga bidang kuasa yang ada kepada KDN. Oleh sebab, apa yang berlaku hari ini walaupun kita memberikan kelulusan kepada pihak-pihak majikan tetapi akhirnya permit lawatan sementara bekerja itu ialah dikeluarkan di bawah KDN.

■1050

Jadi ini pengagihan yang telah pun diberikan. Namun ada cadangan-cadangan daripada Jawatankuasa Bebas yang telah pun di buat sebelum ini dan telah menyiapkan laporan dan sekarang ini saya percaya bahawa hanya menunggu untuk pembentangan kepada pihak Kabinet untuk Kabinet merumuskan apakah cadangan-cadangan itu yang boleh dilaksanakan untuk isu-isu yang berkaitan dengan pekerja asing.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cadangan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu ada di dalam- untuk menukar dari kementerian Yang Berhormat kepada Kementerian Dalam Negeri.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar: Itu saya tidak boleh. Itu saya serah kerana masih di dalam Kabinet.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apa Yang Berhormat, itu ada di dalam cadangan tidak?

Dato' Mahfuz bin Haji Omar: Saya tidak bolehlah hendak kata ada dalam cadangan.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak adalah.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar: Itu rahsia.

Tuan Yang di-Pertua: Oh, rahsia.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar: Itu masih dalam Kabinet. Tidak boleh sebut.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, boleh Yang Berhormat cakap rahsia pun, tidak ada hal

[Ketawa]

Dato' Mahfuz bin Haji Omar: Okey, okey. Berkaitan dengan apa yang sebut oleh Yang Berhormat tadi tentang cadangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk berganjak dari sektor 3D ini kepada malam. Saya fikir tidak ada masalah. Sekarang ini pun banyak. Orang buat jalan, *dok* baiki jalan, *renovate* jalan, ada buat bangunan sampai waktu malam dan sebagainya. Ini bukan satu yang mustahil.

Dulu kita *dok pikiaq* satu benda tidak mungkin boleh berlaku. Hari ini serba mungkin. Saya pun dulu ada pemikiran begitu, Allahyarham Tan Sr Sanusi Junid pernah mencadangkan tanam padi atas bumbung. Saya pun *dok* kata ini apa ini tanam padi atas bumbung. Akan tetapi hari ini kita tengok satu bangunan dipenuhi dengan sayur-sayuran. Di Jepun, satu bangunan dipenuhi dengan sayur-sayuran. Di luar bangunan, dalam bangunan dan bilik mesyuarat pun dihiasi dengan pokok-pokok sayur. Jadi satu benda yang tidak mustahil untuk kita lakukan. Apatah lagi hanya sekadar hendak berganjak waktu bekerja daripada siang kepada malam. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Cukup Yang Berhormat. Dipersilakan Yang Berhormat Senator Dato' Sri Ti Lian Ker. *Sorry*, minta maaf.

Dato' Sri Ti Lian Ker: Nombor lima dahulu.

Tuan Yang di-Pertua: Inilah fasal kerja malam ini [*Ketawa*] Silakan Yang Berhormat Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin.

5. Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan, menerusi Bajet 2019, apakah pihak kementerian bercadang untuk menyediakan projek seperti membina lebih banyak lagi Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) dalam usaha membantu golongan yang kurang bernasib baik. Nyatakan jumlah projek yang dicadangkan.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar [Tuan Sivarasa Rasiah]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin di atas soalan beliau.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator dan Dewan yang mulia ini, Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) merupakan usaha kerajaan bagi membolehkan rakyat mendiami rumah yang lebih selamat dan selesa kepada kumpulan sasar golongan miskin dan miskin tegar di kawasan luar bandar. Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM200 juta bagi projek Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) ini untuk tahun 2019 meliputi bantuan bina baru dan juga baik pulih rumah.

Daripada peruntukan tersebut, sebanyak RM86.038 juta telah diperuntukkan bagi bantuan bina baru rumah melibatkan sasaran pembinaan sebanyak 1,224 unit. Manakala untuk bantuan baik pulih rumah sebanyak RM113.962 juta telah diperuntukkan bagi sasaran

pembaikan 7,354 unit rumah di seluruh negara. Boleh saya tambahkan sedikit. Pembinaan dan baik pulih rumah ini akan memberi manfaat kepada lebih kurang 43,000 penduduk di seluruh Malaysia. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Silakan soalan tambahan Yang Berhormat.

Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Berkenaan dengan Program Perumahan Rakyat Termiskin ini (PPRT), ini mungkin kali kedua saya buat soalan ini. Apabila ianya sudah siap dan telah selamat diduduki oleh pemiliknya yang layak dan akan tetapi sekiranya musibah menimpa tanpa diduga, adakah rumah tersebut dilindungi oleh insurans? Contohnya insurans kelompok.

Soalan tambahan saya juga ialah sekiranya tiada, apakah bantuan susulan kepada semua penerima mangsa-mangsa ini? Adakah rumah mereka akan diganti dengan yang baharu? Adakah mereka akan mendapat apa-apa bentuk pampasan? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Tuan Sivarasa Rasiah: Terima kasih, Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan itu yang cukup relevan. Buat masa sekarang Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak ada apa-apa rancangan atau skim insurans seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Senator tadi. Kalau berlaku kebakaran, banjir dan apa-apa yang memusnahkan atau kerosakan rumah itu dan kalau pemilik itu adalah masih dalam kategori miskin dan miskin tegar memang kerajaan akan baik pulih atau ganti rumah itu. Itulah pendekatan kita.

Akan tetapi kalau didapati pemilik itu sudah keluar daripada golongan miskin atau miskin tegar dan itu tidak akan berlaku. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob.

Dr. Yaakob bin Sapari: Antara syarat untuk PPRT ialah kena ada tanah yang jelas miliknya. Bila keadaan rumah-rumah atas air yang banyak di Sabah. Jadi bagaimana kerajaan- peraturan ditentukan untuk membina rumah-rumah PPRT ini?

Tuan Yang di-Pertua: Peraturan pembinaan.

Tuan Sivarasa Rasiah: Peraturan?

Tuan Yang di-Pertua: Pembinaan.

Tuan Sivarasa Rasiah: Okey. Syarat-syarat pembinaan itu ada beberapa syarat. Saya tidak ada jawapan penuh untuk itu tetapi memang...

Tuan Yang di-Pertua: Jangan basah sangat. Tidak apa.

Tuan Sivarasa Rasiah: Syarat yang asas seperti yang saya sebut tadi golongan miskin atau miskin tegar. Tanah memang kita memerlukan pemohon itu memiliki tanah itu juga. Akan tetapi, itu bukan- macam di Sabah, saya baru balik dari Sabah. Kita baru buat sebagai contoh enam buah PPRT di Kampung Atas Air. Di sana itu kita bagi kelonggaran sedikit sebab memang mereka tidak ada *title* atau geran untuk tapak itu tetapi mereka diiktiraflah sebab sudah duduki tapak itu dan sekarang mereka dibantu dengan rumah PPRT.

Ada beberapa syarat itu tetapi tidak ada dengan saya. Saya akan bagi jawapan bertulis untuk itu.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh, boleh Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Nanti saya mencari ini. Sila Yang Berhormat Senator Datuk Donald Peter Mojuntin.

Datuk Donald Peter Mojuntin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Akhirnya dapat juga [*Ketawa*] Terima kasih, Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya adalah memandangkan ada dua projek mega di Sabah iaitu *Pan Borneo* dan *flood mitigation project*, dengan izin, banyak tapak rumah terbabit menyebabkan rakyat atau penduduk kehilangan rumah atau tanah.

Jadi apakah rancangan kerajaan melalui program PPRT untuk membantu dalam permasalahan ini? Terima kasih.

Tuan Sivarasa Rasiah: Terima kasih, Yang Berhormat Senator atas soalan itu juga. Isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator memang penting. Bila projek-projek mega itu dilaksanakan memang akan ada impak kepada beberapa buah rumah dan sebagainya dan pemindahan terpaksa berlaku.

Akan tetapi isu bukan- Tuan Yang di-Pertua bukan dalam bidang kuasa Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Tumpuan kita adalah kepada golongan miskin dan miskin tegar bila mereka memohon kita pertimbangkan *case-by-case basis*, dengan izin, dan luluskan sekiranya semua syaratnya dipenuhi.

Isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator isu penting tetapi bagi saya isu itu perlu ditangani oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sebab itulah di bawah bidang kuasa mereka bila ada perpindahan besar dalam skala macam itu. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Senator Dr. Nuing Jeluing.

Dr. Nuing Jeluing: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Saya Ahli-ahli Yang Berhormat bila Menteri menjawab dia akan beri secara bertulis itu saya menganggap itu sebagai bukan soalan tambahan. Silakan.

■1100

Dr. Nuing Jeluing: Pertama, saya ingin mengucapkan selamat berpuasa kepada rakan-rakan yang beragama Islam. Yang Berhormat Menteri, semasa saya membahaskan Usul Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, saya pernah menyentuh berkenaan dengan pinjaman untuk pembinaan rumah panjang yang telah diluluskan semasa kerajaan dahulu tetapi sudah ditarik balik oleh Kerajaan Pusat sekarang. Kes yang saya rujukan ialah kes di kawasan Parlimen Selangau, di mana 91 rumah panjang yang telah diluluskan pinjaman tetapi ditarik balik.

Oleh sebab itu, saya minta penjelasan, apa sebab pinjaman ini ditarik balik? Walhal, Ahli Parlimen Selangau, ialah Yang Berhormat Menteri Kerja Raya sekarang dan kebanyakan orang dalam 91 rumah panjang ini adalah penyokong dia.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, saya ingat Yang Berhormat Menteri faham Yang Berhormat... *[Dewan Ketawa]*

Dr. Nuing Jeluing: So, saya minta penjelasan dari kementerian, apa sebab peruntukan ini ditarik balik walaupun sudah diluluskan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Jikalau bukan rahsia, Yang Berhormat boleh jawab... *[Dewan Ketawa]*

Tuan Sivarasa Rasiah: Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan itu yang berkaitan dengan kononnya ada pinjaman yang ditarik balik. Akan tetapi, sebelum saya jawab Tuan Yang di-Pertua, saya minta bila Yang Berhormat Senator bangun juga, sila pastikan bahawa isu yang dibangkitkan itu adalah di bawah bidang kuasa Yang Berhormat Timbalan Menteri atau Yang Berhormat Menteri yang jawab.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Sivarasa Rasiah: Kalau tidak, kita bangun buat soalan, mungkin untuk ada matlamat sendiri, tidak mengapa. Akan tetapi, tidak pergi ke mana-mana.

Tuan Yang di-Pertua: Betul.

Tuan Sivarasa Rasiah: Sebab isu itu perlu di bawah... *[Disampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Isu itu di bawah kementerian Yang Berhormat?

Tuan Sivarasa Rasiah: Tidak. Itu yang saya hendak sebut satu lagi. Kementerian Pembangunan Luar Bandar tidak terlibat dalam pinjaman kepada 91 buah rumah panjang. Jadi itu, kita tidak terlibat.

Tuan Yang di-Pertua: Bukan bidang kuasa Yang Berhormat?

Tuan Sivarasa Rasiah: Yes, dan atas sebab itu, saya pun tidak boleh sahkan sama ada ini benar... *[Disampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat Yang Berhormat pun tidak tahu kementerian mana kot.

Tuan Sivarasa Rasiah: Ya, sebab itu saya bangkitkan, saya mintakan ini sebagai-wajar juga bila kita bangun, kita tahu isu itu di bawah kementerian itu. Baru kita boleh jawab. Kalau tidak saya tidak boleh sahkan sama ada apa yang dikatakan adalah fakta oleh Yang Berhormat sebentar... *[Disampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri boleh tolong tidak, itu di bawah kementerian mana?

Tuan Sivarasa Rasiah: No. Satu, sama ada fakta ini betul, kita pun tidak tahu.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau betul itu, di kementerian mana?

Tuan Sivarasa Rasiah: Kalau betul, kita *speculate* sampai bila-bila pun.

Tuan Yang di-Pertua: Itulah yang saya tidak tahu Yang Berhormat *[Ketawa]*

Tuan Sivarasa Rasiah: Saya rasa lebih baik... *[Disampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Tidak mengapalah Yang Berhormat kalau bukan di bawah kementerian Yang Berhormat, tidak payah jawab.

Tuan Sivarasa Rasiah: Oleh sebab mungkin ini, Tuan Yang di-Pertua mungkin di bawah kerajaan negeri?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak payah. Kalau Yang Berhormat tidak tahu, tidak payah.

Tuan Sivarasa Rasiah: / tidak tahu, saya tidak tahu dan saya rasa... *[Disampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Kadang-kadang Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Negara ini dia bertanya kerana tidak pasti di bawah kementerian mana, bukan hendak-dia kena bangkitkan isu-isu kerana mereka adalah dari negeri-negeri tersebut bukan dari niat jahat pun.

Tuan Sivarasa Rasiah: Itu bagus, akan tetapi elok juga kita pastikan memang di bawah kementerian itu. Sebab kalau tidak, kita tidak boleh bantulah dari segi fakta itu dan itu sahaja saya boleh katakan kepada soalan itu. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Kadang-kadang ini Ahli-ahli Yang Berhormat kalau tidak pasti boleh bertanya dengan Setiausaha Dewan supaya mereka boleh menolong pada Ahli-ahli Dewan Negara. Macam isu yang dibangkitkan, Yang Berhormat Timbalan Menteri pun tidak tahu di bawah kementerian mana. So, macam mana pula Yang Berhormat hendak tahu? So, kalau hendak tahu, tanya Setiausaha Dewan, dia lebih tahu.

Dr. Nuing Jeluing: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya membuat penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak payah buat penjelasan Yang Berhormat.

Dr. Nuing Jeluing: Oleh sebab, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengatakan ini dalam Kementerian Luar Bandar. Itu jawab dia itu hari *bah* Yang Berhormat Menteri.

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Sambanthan a/l Manickam: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat saya ada Yang Berhormat Menteri-Menteri lain hendak jawab. Kalau kita ini- ini bukan perbahasan Yang Berhormat. Akan tetapi, saya ingat Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh ambil perhatian bahawa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tolak kepada kementerian Yang Berhormat. Okey?

Silakan Yang Berhormat Dato' Sri Ti Lian Ker.

6. Dato' Sri Ti Lian Ker minta Menteri Hal Ehwal Ekonomi menyatakan, sejauh manakah formula pelaksanaan agenda bumiputera tanpa 'apologetik' yang dicadangkan pihak kementerian boleh diperkasakan dalam situasi ketidakpastian ekonomi negara yang perlahan di samping persekitaran ekonomi global yang mencabar dan apakah kerajaan juga telah merangka pelan pembangunan ekonomi untuk bukan bumiputera khususnya yang tinggal di luar bandar.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi [Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. pertama sekali, saya ingin mengucapkan selamat berpuasa kepada Ahli-ahli Dewan yang beragama Islam dan Muslimin dan Muslimat di seluruh negara. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah pun memberi komitmen bahawa strategi pembangunan bumiputera akan terus menjadi agenda nasional yang penting tanpa meminggirkan segmen masyarakat lain di negara ini.

Melalui Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kerajaan Ke-11 (KSP RMK-11), kerajaan telah memberi keutamaan dan penekanan baharu termasuk strategi di bawah Tonggak Dua bagi memperkukuh Komuniti Ekonomi Bumiputera (KEB) melalui beberapa inisiatif termasuklah memperkukuh keberkesanan institusi dan program, memperkasa pendidikan dan modal insan bumiputera, meningkatkan kawalan efektif dan kemapanan dalam pemilikan ekuiti korporat, meningkatkan pemilikan kekayaan bumiputera dan membina KEB yang berdaya tahan dan mampan. Selain itu, penekanan turut diberi terhadap penerapan nilai moral dan etika yang baik seperti bekerja bersungguh-sungguh, berdisiplin dan berdikari dalam meningkatkan status sosioekonomi serta memastikan kejayaan KEB akan terus dipergiat.

Untuk memastikan inisiatif berkaitan dengan KEB mencapai matlamatnya, kerajaan akan menumpukan kepada pelaksanaan yang cekap dan pemantauan yang berkesan dan berterusan. Seperti mana Yang Berhormat sedia maklum, 71 peratus daripada isi rumah B40

adalah terdiri daripada bumiputera, manakala 29 peratus lagi adalah bukan bumiputera. Usaha untuk meningkatkan taraf sosioekonomi mereka khususnya yang tinggal di luar bandar sudah tentu akan memberi kesan positif kepada rakyat dan negara secara keseluruhannya. Dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas, dasar dan strategi untuk meningkatkan pendapatan isi rumah B40 di seluruh negara telah diberi keutamaan khusus bagi memastikan pengagihan kekayaan secara adil. Antara langkah jangka panjang yang telah dikenal pasti adalah seperti berikut;

Pertama ialah, membangunkan kapasiti dan keupayaan dalam kalangan isi rumah B40 melalui peluasan program pendidikan dan latihan. Ini meliputi penyediaan kemudahan pembiayaan pendidikan dan latihan bertujuan yang meningkatkan taraf kemahiran serta peluang mereka memperoleh pekerjaan berpendapatan tinggi seterusnya meningkatkan mobiliti sosial isi rumah ini.

Kedua, memperluaskan penglibatan dalam bidang perniagaan dan keusahawanan termasuk secara atas talian, atau *online*. Ini dilaksanakan melalui pelbagai strategi termasuklah dengan meningkatkan akses dan peluang kepada bantuan pembiayaan kredit mikro, khidmat nasihat dan latihan keusahawanan.

Ketiga, meningkatkan produktiviti dan pendapatan para petani, pekebun kecil dan nelayan melalui aplikasi teknologi moden, amalan pertanian terbaik atau *good agricultural practices* dan aktiviti ekonomi tambahan.

Keempat ialah, memperluas akses kepada kemudahan asas seperti infrastruktur dan pengangkutan, utiliti dan *amenities social* di kawasan bandar bagi memperkukuh keterhubungan lalu merancakkan aktiviti ekonomi dan meningkatkan peluang pekerjaan di kalangan golongan B40 di luar bandar. Manakala, bagi program jangka pendek, di bawah Belanjawan 2019 kerajaan telah memberi fokus kepada program meningkatkan kesejahteraan dan kebajikan serta menangani kos sara hidup rakyat seperti menambah baik Bantuan Sara Hidup, memperkenalkan skim caruman KWSP i-Suri dan subsidi elektrik kepada penerima Program eKasih.

Untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan kesihatan dan perlindungan sosial, dana perlindungan kesihatan B40 dan Skim Pembangunan Kesihatan (PeKa B40) telah diperkenalkan. Peruntukan perumahan mampu milik juga disediakan termasuk penyediaan dana pembiayaan perumahan oleh Bank Negara Malaysia. Usaha kerajaan untuk meningkatkan taraf sosioekonomi golongan rakyat B40 sudah tentu akan memberi kesan yang positif kepada rakyat dan negara secara keseluruhannya. Melalui pendekatan pembangunan yang inklusif dan holistik berasaskan *shared prosperity*, kerajaan yakin bahawa jurang ekonomi antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak, antara golongan kaya dan

miskin, dan antara kaum akan dapat dirapatkan. Ini memastikan hasil pertumbuhan negara dapat dikongsi dan dinikmati oleh seluruh rakyat dan negara akan mencapai kemakmuran bersama. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan Yang Berhormat?

■1110

Dato' Sri Ti Lian Ker: Tuan Yang di-Pertua, niat, nawaitu dan semangat untuk membantu masyarakat bumiputera haruslah suci. Jadi, adakah, patut kah kita mempunyai semangat memberi keistimewaan ataupun membantu mereka yang kurang upaya? Adakah kita akan mengayakan yang miskin ataupun mengayakan yang kaya, menyenangkan yang susah ataupun menyenangkan yang senang?

Patut kah kita mempunyai satu KPI ataupun laporan pemberitahu secara telus untuk memastikan sasaran dalam membantu kaum bumiputera dicapai tanpa helah dan alasan lagi? Adakah kerajaan dalam memberi bantuan kepada bumiputera mempunyai sasaran KPI, piawaian dan sebagainya supaya bumiputera dapat berdikari dan berupaya untuk berdikari tanpa dibantu?

Saya ingin memetik petikan Yang Amat Berhormat Langkawi sekali lagi untuk ingatan kita. Kita sudah cuba beritahu mereka kalau bergantung kepada subsidi, nanti akan menjadi lemah. Akan tetapi, mereka macam tidak faham. Kita beritahu kalau gunakan tongkat, nanti tidak boleh berdiri. Buanglah tongkat, berdiri tegak, kerana masih ada kemampuan.

Soalan tambahan saya lagi ialah sejauh manakah pelaksanaan dasar dan agenda baharu untuk bumiputera yang akan digariskan oleh kerajaan untuk menjamin pemupukan perpaduan kaum pada hari ini dan tidak kelihatan ia sebagai satu diskriminasi terhadap yang bukan bumiputera? Apakah status jurang pembangunan ekonomi semasa di antara kaum bumiputera dan bukan bumiputera di kawasan bandar dan di luar bandar pada hari ini? Bagaimanakah pihak kementerian melihat perbezaan jurang ini telah menjadi satu beban kepada kerajaan untuk memberikan keseimbangan terhadap pembangunan ekonomi di negara ini?

Akhirnya, bagaimanakah pihak kementerian melihat penubuhan Majlis Tindakan Ekonomi di bawah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berupaya mencetuskan dimensi baharu terhadap pelaksanaan agenda dan dasar ekonomi terkini untuk melengkap keperluan kaum bumiputera dan bukan bumiputera pada hari ini? Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, bila hendak tanya soalan berkenaan dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, tidak perlulah

menggunakan Yang Berhormat Langkawi. Dewan ini lain dari Dewan Rakyat. Di sini 'Yang Amat Berhormat' itu gelaran dia ialah Perdana Menteri. Silakan Yang Berhormat.

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Ti Lian Ker. Banyak soalan tadi. Izinkan saya merangkum...

Tuan Yang di-Pertua: Tiga, tiga soalan.

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: ...Rangkumkan soalan tersebut. Pertama sekali tentang pelaksanaan agenda bumiputera. Sepertimana yang kita sedia maklum...

Tuan Yang di-Pertua: Pelaksanaan pelan baharu.

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Perkara yang pertama tadi menyentuh tentang pelaksanaan. Sepertimana yang kita sedia maklum, tentang pelaksanaan ini, agenda bumiputera itu sendiri kita tahu memberi manfaat tetapi terdapat kelemahan dari segi pelaksanaan. Itulah antara perkara pertama yang kita lakukan sebagai kerajaan baharu.

Apabila kita menang, kita kaji balik, kita lihat di mana silapnya, di mana isunya, di mana kita boleh tambah baik. Antara penekanan yang diberikan adalah untuk melihat kepada pelaksanaan yang cekap. Jadi, kita tidak mahu hasilnya hanya dirasai oleh segolongan pihak tertentu sahaja. Kita mahu hasil polisi tersebut dirasai oleh mereka yang sepatutnya.

Kedua adalah dari segi pemantauan. Apabila dasar-dasar dilaksanakan tanpa pemantauan yang baik, maka kita tidak dapat tahu sama ada dasar tersebut mencapai objektifnya ataupun tidak. Itu sebab saya bersetuju dengan Yang Berhormat Dato' Sri Ti Lian Ker bahawasanya kita perlu ada pemantauan supaya ada *benchmark* apa yang ingin dicapai. Inilah yang sedang dirangka oleh kerajaan untuk melihat secara lebih objektif bagaimanakah caranya, apakah polisinya, bagaimanakah cara pelaksanaannya, apakah *outcome* yang kita ingin lihat supaya hasil daripada input yang diberikan atau sumber-sumber yang diberikan untuk membangunkan agenda bumiputera ini atau pelan pembangunan strategik bumiputera ini dapat memberikan manfaat kepada golongan sasaran.

Kedua, tentang apakah rangka. Kita bercakap tentang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyebut tentang apa yang kita panggil kemakmuran bersama yang kita mahu perkongsian kemakmuran negara ini dapat dikongsi secara adil, secara saksama oleh semua pihak dalam negara ini dan memberi tumpuan kepada golongan-golongan yang memerlukan. Di sinilah yang kita perlu mengambil perhatian apabila kita bercakap tentang dasar-dasar terutamanya apabila melihat tentang negara pelbagai kaum.

Saya suka menyentuh ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, beliau menyebut bahawasanya hatta dalam negara satu kaum sekali pun, apabila terdapat jurang yang besar, maka mereka yang di bawah ini apabila berasa *insecure* atau bila rasa tidak

selesa mungkin mengambil tindakan yang boleh menimbulkan *social conflict*. Itulah perkara yang ditekankan supaya kita hidup aman, damai, harmoni dan kita makmur bersama.

Seterusnya yang ketiga berkaitan dengan Majlis Tindakan Ekonomi. Majlis Tindakan Ekonomi ini adalah bersifat *action-oriented*. Hasrat Majlis Tindakan Ekonomi adalah untuk mengambil tindakan segera bagi menangani isu-isu semasa untuk membolehkan rakyat menikmati keadaan ekonomi yang lebih baik. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, berkenaan dengan KPI dengan jurang bandar dan luar bandar?

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tentang jurang, saya boleh bagi maklumat lanjut...

Tuan Yang di-Pertua: Bentang jikalau ada...

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: ...Tentang hal tersebut secara bertulis. Tentang maklumat statistik, saya boleh sertakan pada Yang Berhormat Dato' Sri Ti Lian Ker. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff.

Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang budiman... *[Disampuk]* Mungkin kerana pakai songkok *[Ketawa]* Selalu Yang Berhormat Dato' Suhaimi pakai songkok, hari ini saya pakai.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Suhaimi dia pakai songkok tinggi sikit.

Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: *[Ketawa]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini soalan yang sangat penting. Saya cuba memahami soalan yang ditanya oleh rakan saya kerana dimulakan dengan satu mukadimah bahawa melibatkan nawaitu untuk melakukan kebaikan. Walaupun begitu, saya mengatakan soalan yang ditanya tadi itu, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *flip...* *[Disampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat tanya soalan Yang Berhormat lah.

Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Ya. Jadi, saya sambung penjelasan. Sebab pada saya, *the flip of the coin*, dengan izin, soalan yang ditanya oleh rakan saya tadi masih lagi kita terperangkap dalam identiti politik- bumiputera dan bukan bumiputera. Bagi saya, Tuan Yang di-Pertua, orang India kah, orang Cina kah, orang Melayu kah, miskin- miskin, susah- susah, semua kena tolong. Ini prinsip yang saya rasa perlu diangkat. Oleh sebab isunya ialah, dengan izin, *justice*, adil, keadilan.

Jadi, bagi saya soalan saya ialah, Yang Berhormat Menteri, adakah kita masih lagi mengambil pendekatan, dengan izin, *identity* di dalam membangun kemakmuran atau

keadilan kepada kaum terutama dalam agenda, dengan izin, kemakmuran bersama, *shared prosperity*? Ini kerana pada pandangan saya, dengan izin, *affirmative action* ini ialah, dengan izin, juga ialah *positive discrimination*. Marilah kita cari jalan dalam kerangka yang melangkaui diskriminatif ini. Carilah ruang yang lebih adil, *just* kerana, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, dalam semangat bulan puasa, dia kata jagalah masyarakat dengan... [*Bercakap dalam bahasa Arab*] dengan keadilan dan keihsanan.

Jadi, soalan saya, adakah pendekatan yang dirangka oleh kerajaan dalam strategi baharu ini mengambil kira bukan pendekatan identiti lagi tetapi pendekatan yang berlaku adil kepada semua kaum? Mohon penjelasan.

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Pertama sekali, sentuh sikit tentang identiti politik. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan pun kita selalu berbincang tentang identiti politik ini yang kita rasa jika kita lihat suka atau tidak, itulah hakikatnya. Suka atau tidak. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri pun menyebut bahawa rakyat masih dikenali secara identiti politik, secara berdasarkan kaumnya.

Akan tetapi, apa yang saya sebut tadi, apabila kita bercakap tentang jurang, jurang ekonomi ini, pertama sekali, kita ada lihat jurang antara kaya dan miskin.

Kedua, saya sebut jurang antara wilayah- wilayah yang membangun dengan wilayah yang ketinggalan.

Ketiga adalah jurang antara kaum. Jadi, bila kita ada polisi untuk *address* setiap jurang ini, kita tidak bercakap semata-mata mengenai kaum sahaja tetapi kita *address* mengikut golongan pendapatan tinggi dan rendah, mengikut wilayah dan juga mengikut kaum.

Jadi, ia satu keterangkuman yang meliputi semuanya dan itulah yang kita kata tadi supaya kemakmuran ini dapat dinikmati oleh semua pihak. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan kemakmuran bersama ini yang diperkatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

■1120

Saya nak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, macam mana kita nak mencapai jurang ini, kesamarataan jurang ini? Ini kerana daripada angka yang kita tengok, pendapatan isi rumah sahaja, kaum Melayu bumiputera RM6,267, kaum India RM7,150 dan kaum Cina RM8,750. Kalau kita tengok daripada senarai 10 orang-orang terkaya di Malaysia, tak capai Yang Berhormat, tak tercapai kita.

- (i) Tan Sri Robert Kuok;
- (ii) Tan Sri Quek Leng Chan;
- (iii) Tan Sri Teh Hong Piow;

- (iv) Tan Sri Ananda Krishnan;
- (v) Tan Sri Lee Shin Cheng;
- (vi) Tan Sri Dr. Chen Lip Keong;
- (vii) Tan Sri Lim Kok Thay;
- (viii) Tan Sri Lau Cho Kun;
- (ix) Tan Sri Koon Poh Keong; dan
- (x) Tuan Kuan Kam Hon.

Macam mana kita nak mencapainya Yang Berhormat Menteri, kesamarataan ekonomi tadi? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Menteri.

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Kita bercakap tentang kesaksamaan ya, maknanya pihak mungkin bukan 100 peratus mendapat satu *level* yang sama. Apa yang kita ingin atau kita perlu fahami dalam konteks ini adalah *baseline*. Apabila satu kumpulan itu *baseline* nya dah tinggi, manakala satu kumpulan lagi *baseline* nya rendah maka walaupun kedua-dua kumpulan ini mendapat peluang untuk meningkatkan kekayaan, mendapat peluang yang sama untuk meningkatkan kekayaan tetapi yang *baseline* rendah ini akan masih ketinggalan.

Saya bagi contoh, satu kumpulan ada RM10. *Baseline* nya RM10, satu kumpulan lagi ada RM100. Kedua-dua kumpulan ini diberi peluang untuk meningkatkan kekayaan mereka 100 peratus. Maknanya yang RM10 ini, 100 peratusnya akan menjadi tambah RM10 lagi, jadi RM20. Nilai yang RM100 ini, 100 peratusnya adalah RM100, menjadi RM200. Bila *baseline* ini berbeza, maka jurang ini akan membesar jika kerajaan tidak mengambil langkah-langkah yang sepatutnya. Inilah yang sepertimana saya sebut tadi, yang diusahakan oleh kerajaan supaya jurang ini tidak akan terus terlalu menjadi besar. Jika terlalu besar maka implikasinya kepada keharmonian sosial mungkin akan terjejas.

Jadi, apa yang penting adalah pendekatan kerajaan dan inilah yang sedang dilakukan oleh kerajaan untuk melihat kerana kita sedar bahawa *baseline* nya berbeza, asasnya berbeza. Maknanya kita kena ambil kira tentang *equal opportunity*, pada masa yang sama kita perlu lihat *equal outcome*, *outcome* nya bagaimana. Sekiranya diberikan *opportunity* yang sama, peluang sama tetapi *outcome* nya menyebabkan jurang itu terus membesar maka ia bukan satu polisi yang efektif. Jadi, itulah yang diberi penekanan oleh kerajaan untuk memastikan usaha merapatkannya itu akan berjaya. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Dr. Yaakob bin Sapari: Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Puan Nuridah bt Mohd Salleh.

Puan Nuridah binti Mohd Salleh: Tuan Yang di-Pertua, *assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terlebih dahulu saya mengucapkan Ramadan Kareem, namun dalam masa yang sama mengecam tindakan ganas Israel yang menyerang Gaza menjelang Ramadhan yang mulia ini. Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, nombor tujuh, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Menteri.

7. Puan Nuridah binti Mohd Salleh minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, apakah kaedah kerajaan bagi memastikan institusi Polis Diraja Malaysia bebas rasuah dan berhubungan baik dengan rakyat serta bentuk bantuan yang disediakan kepada para pegawai polis.

Timbalan Menteri Pertahanan [Tuan Liew Chin Tong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Nuridah. Saya jawab sekali lagi bagi pihak Kementerian Dalam Negeri, polis dan tentera berpisah tiada. Kementerian Dalam Negeri sentiasa melaksanakan usaha berterusan untuk meningkatkan integriti dan profesionalisme Polis Diraja Malaysia. Ini termasuk melaksanakan perakuan-perakuan Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan PDRM atau biasa dikenali sebagai Laporan Zaidin, Tun Zaidin pada 2005 yang amat menekankan aspek integriti dan profesionalisme PDRM. Ini termasuk membendung dan memerangi gejala rasuah di samping memberikan keutamaan kepada usaha-usaha meningkatkan kebajikan anggota polis.

Kerajaan telah bersetuju untuk menubuhkan Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis (IPCMC) seperti yang diperakukan oleh Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan PDRM. Pada masa ini, sebuah jawatankuasa yang dianggotai oleh wakil Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (SIAP), KDN dan PDRM sedang meneliti cadangan pelaksanaan IPCMC secara terperinci sebelum rang undang-undang mengenainya digubal. Kerajaan sedar bahawa pelaksanaan IPCMC hanya akan membuahkan hasil yang diharapkan sekiranya ia disokong dan diterima baik oleh anggota dan pegawai polis. Untuk ini, sesi libat urus dengan warga PDRM dan semua pemegang taruh akan diadakan sebelum IPCMC dilaksanakan.

KDN berpandangan bahawa satu pendekatan yang komprehensif perlu diambil untuk meningkatkan integriti dan profesionalisme PDRM. Selain penubuhan IPCMC, tidak kurang pentingnya juga ialah inisiatif berterusan akan dilaksanakan oleh KDN untuk menambah baik persekitaran kerja, keselesaan tempat tinggal, kemudahan dan kebajikan anggota polis sebagai usaha bersepadu untuk meningkatkan integriti dan profesionalisme mereka. PDRM juga menerusi Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) juga telah melaksanakan

pelbagai inisiatif untuk membendung gejala rasuah dalam kalangan warga PDRM. Antaranya ialah:

- (i) mengeluarkan Manual Pematuhan Standard PDRM yang merupakan mekanisme kawal selia dalam memastikan pematuhan kepada semua arahan, peraturan dan undang-undang;
- (ii) mengeluarkan Pelan Integriti 2016-2020 yang bertindak sebagai pemacu budaya organisasi berpaksikan integriti dan pematuhan standard;
- (iii) mewujudkan Kod Etika PDRM bagi memastikan setiap tingkah laku hendaklah berasaskan nilai-nilai murni yang telah diperakui dan diterjemahkan melalui Kod Etika PDRM;
- (iv) menjalankan pemeriksaan dan integriti *testing* ke atas semua warga kerja PDRM di semua penugasan dalam pasukan bagi memastikan pematuhan kepada undang-undang, peraturan, arahan pentadbiran dan prosedur kerja yang berkuat kuasa serta menepati standard yang ditetapkan;
- (v) mengambil tindakan yang tegas ke atas warga PDRM yang melakukan kesalahan tatatertib sehingga boleh dikenakan hukuman buang kerja atau turun pangkat bagi kesalahan yang serius; dan
- (vi) mengeluarkan *lesson learn* sebagai iktibar dan pengajaran untuk mengelakkan kejadian yang sama berulang di masa akan datang; dan
- (vii) membuat pemantauan dan penyeliaan yang rapi ke atas pegawai polis yang menerima gaji bersih di bawah 40 peratus dan anggota yang bertugas di bahagian yang terdedah kepada gejala rasuah dan salah guna kuasa.

Selain itu, Bahagian Agama dan Kaunseling (BAKA) PDRM juga berperanan meningkatkan integriti warga PDRM menerusi program-program kerohanian yang memberi fokus kepada usaha meningkatkan amalan nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian. Matlamat utama program-program ini adalah untuk melahirkan warga PDRM yang beretika, mematuhi peraturan dan undang-undang serta profesional dalam menyampaikan perkhidmatan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Silakan soalan tambahan Yang Berhormat.

Puan Nuridah binti Mohd Salleh: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita sangat menghargai pihak polis yang berkorban nyawa demi rakyat dan negara serta kita

juga mengucapkan syabas dengan penubuhan Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis yang perakui bagus oleh Ketua Polis Negara sendiri.

Namun, tadi juga disentuh oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang kebajikan. Jadi di sini, saya ingin menyebut tentang kebajikan yang kita mendapat aduan daripada kakitangan jugalah yang menyatakan. *Maintenance* berek polis, perumahan polis diabaikan, kualiti pakaian beruniform yang kurang dan segala aksesori di mana polis wanita khususnya, terpaksa guna duit sendiri demi menjaga imej seorang polis serta prosedur *claim* yang disusahkan. Kalau RM500 perlu di *claim*, yang dapat hanya separuh. Itu pun memakan masa berbulan-bulan.

■1130

Ada itu bila pencen pun hutang sara hidup pun masih belum habis dibayar. Jauhnya beza kehidupan badan beruniform dan orang awam. Perkara ini nampak kecil tetapi jika ditambah baik *insya-Allah* dapat mengurangkan peluang pemberi rasuah dan menerima rasuah kerana semua keperluan telah dicukupkan.

Apakah tindakan kerajaan juga untuk mengurangkan beban polis supaya mereka dapat menjalankan tugas yang baik dengan *claim*, elaun dan sebagainya itu dipermudahkan. Apabila cukup keperluan itu *insya-Allah* undang-undang kita mengharapkan mereka jauhlah daripada anasir rasuah ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Liew Chin Tong: Terima kasih, Yang Berhormat Senator Puan Nuridah. Saya walaupun bukan dari KDN tetapi saya baru-baru ini bincang dengan Menteri Dalam Negeri. Dalam KDN dan juga Menteri Pertahanan ada isu yang sama. Isu yang sama ialah dalam Kementerian Pertahanan kami ingin mengkaji bagaimana menambah baik pengalaman tentera *or basic soldierly experience*.

Dalam Kementerian Dalam Negeri sama juga untuk polis, untuk anggota polis, pegawai polis terutamanya anggota polis yang bawahan uniform seperti yang disebut tadi, rumah beruniform, rumah kalau makanan, kalau pun gaji dan *allowance*. Ini perlukan bantuan dan perlukan tumpuan kerajaan dan memang dalam perbincangan saya dengan Menteri Dalam Negeri, dia pun berpandangan bahawa ini adalah isu yang kita usahakan dalam kerajaan. So, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator, ini memang kerajaan akan beri perhatian.

Saya juga hendak sebut sedikit tentang IPCMC. IPCMC sebenarnya adalah sebahagian daripada satu cadangan di antara 125 cadangan laporan Tun Zaidin dan saya pun bawa satu *copy* ini. Memang pada masa itu ini- pada masa itu saya sebagai pelajar saya baca 600 muka surat, *cover-to-cover* saya baca.

Di kalangan masyarakat banyak bertumpu terhadap isu IPCMC tetapi saya rasa seruan saya kepada semua rakan-rakan, kita kalau boleh bincang pembaharuan polis kita secara keseluruhan seperti apa yang dicadangkan oleh Tun Zaidin dan jawatankuasa atau suruhanjaya beliau. Saya rasa kalau boleh apabila kita bincang tentang IPCMC, isu-isu lain boleh dibawa sekali supaya pihak polis dan juga pihak orang ramai rasa kita- selepas kita ada pembaharuan bukan sahaja IPCMC tetapi juga isu-isu lain boleh ditangani. Maka kita ada satu pasukan polis atau perkhidmatan polis yang bertaraf dunia. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: IPCMC ini tidak ada soalan tambahankah? Silakan Yang Berhormat Senator.

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengingatkan kepada pihak kerajaan oleh kerana mengenai perkara IPCMC ini memang ada di dalam folio nombor 20. Saya baca sedikit dekat sini, "*Kerajaan akan tubuhkan IPCMC dalam penggal pertama pentadbiran Kerajaan Pakatan Harapan.*" Penggal Pertama. Jadi saya menonton TV dan beberapa di dalam program televisyen, kita nampak bantahan-bantahan daripada warga polis dan juga warga veteran polis.

Saya ingin memohonlah kepada kementerian supaya kita tegas dalam janji kita dan kita tidak mahu dilihat *U-turn* lagi dalam usaha untuk mewujudkan IPCMC sebagaimana diterangkan oleh Tan Sri Abu Kassim tempoh hari. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Liew Chin Tong: Okey, Jemaah Menteri telah bersetuju secara prinsip untuk melaksanakan IPCMC pada 27 Jun 2018 dan mengarahkan KDN untuk mengkaji pelaksanaannya. Awal tahun ini Jawatankuasa GIACC ataupun Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Antirasuah (GIACC) yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri telah bersetuju untuk melaksanakan IPCMC. Kalau baca kenyataan Menteri Dalam Negeri dan juga kenyataan Ketua Polis baharu, memang kerajaan akan melaksanakan IPCMC tetapi juga IPCMC akan dilaksanakan dengan konteks bahawa kebajikan polis akan dijaga dan akan diperbaiki.

Seperti apa yang saya cadangkan tadi, laporan Tun Zaidin perlu diambil kira secara keseluruhan iaitu pembaharuan polis-polis, pasukan polis atau perkhidmatan polis sampai satu tahap di mana ia bertaraf dunia dan ia bukan sahaja bertaraf dunia untuk rakyat tetapi untuk polis sendiri. Terima kasih.

Tuan Aknan a/l Ehtook: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Lazimnya kita tengok apa keputusan dibuat kerajaan apabila terlanggar dinding akan buat *U-turn*. Jadi yang ini saya harap pihak kerajaan dapatlah meneliti perkara ini supaya tidak berlaku sedemikian. Jadi saya

hendak tanya apakah, dengan izin, *concern* pihak polis dan pihak bekas polis yang tidak bersetuju dengan IPCMC ini. Terima kasih.

Tuan Liew Chin Tong: Saya rasa ada banyak pihak yang beri pandangan dan dari *concern* ataupun pandangan polis ialah bahawa ini hanya menuju terhadap polis dan ini- ada salah tafsir cadangan IPCMC. Oleh kerana apa yang ditafsirkan ialah berdasarkan cadangan rang undang-undang oleh laporan Tun Zaidin tetapi itu bukan rang undang-undang kerajaan. Itu cadangan dalam laporan 2005 bahawa konteks yang diberikan adalah cadangan daripada laporan Tun Zaidin.

Akan tetapi sekarang ini GIACC ataupun JKKMAR, Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Antirasuah akan menjalankan bersama dengan SIAP dan bersama dengan KDN- akan menjalankan lipat urus ataupun *consultation*, perundingan dengan pihak polis, pihak veteran polis supaya dapat satu *consensus* bagaimana kita melaksanakan IPCMC yang akan membawa kebaikan kepada polis dan juga bukan sahaja melaksanakan IPCMC tetapi melaksanakan cadangan-cadangan laporan Tun Zaidin secara keseluruhan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk soalan-soalan jawab lisan selesai.

[Sesi Pertanyaan-pertanyaan Bagi Jawab Lisan tamat]

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

Ucapan Tahniah Atas Pelantikan Ketua Hakim Negara

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Datuk Tengku Maimun Tuan Mat yang telah dilantik sebagai Ketua Hakim Negara yang baharu oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong... *[Tepuk]*

Pelantikan beliau ini sekali gus melakarkan sejarah negara sebagai Ketua Hakim Wanita Pertama dilantik menerajui badan kehakiman.

Saya percaya beliau akan terus melindungi dan memastikan kebebasan berterusan Badan Kehakiman Negara serta melakukan pembaharuan komprehensif yang dapat meningkatkan tahap kecekapan mahkamah negara kita ini.

USUL**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT****11.39 pg.**

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai diputus dan diluluskan Usul Menjunjung Kasih Titah Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga esok pagi hari Selasa, 7 Mei 2019.”

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Tuan Sim Tze Tzin]: Saya menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

USUL**MENJUNJUNG KASIH TITAH
UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatutnya dipersembahkan kepada Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya;

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Tuanku semasa membuka Penggal Kedua, Parlimen Yang Keempat Belas.” **[30 April 2019]**

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ekonomi menjawab.

■1140

11.40 pg.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi [Dr. Mohd Radzi bin Md. Jidin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbincangan Usul Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang menyentuh perkara-perkara di bawah bidang tanggungjawab Kementerian Hal Ehwal Ekonomi.

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa menyampaikan titah di Dewan Rakyat telah menyentuh bahawa kerajaan akan meneruskan pelaksanaan pelbagai program dan projek bagi memastikan semua rakyat dapat menikmati manfaat pembangunan selaras dengan dasar kerajaan agar kehidupan rakyat dipertingkatkan dan kekayaan negara dikongsi secara adil dan saksama. Tema ini adalah asas kepada penggulungan saya pada hari ini di mana sembilan perkara utama telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa membincangkan usul Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Pertamanya saya ingin menjawab pertanyaan yang dibangkitkan berkaitan dengan ekonomi negara. Yang Berhormat Senator Dato' Sri Ti Lian Ker, Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid, Yang Berhormat Senator Puan Raj Murni binti Sabu, dan Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhammad bin Mustafa telah memohon penjelasan mengenai prestasi ekonomi bagi tahun 2018 dan jangkaan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi tahun 2019, unjuran ekonomi pada masa hadapan serta mekanisme penampakan ekonomi yang dirangka bagi menghadapi sebarang krisis ekonomi...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sambung.

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat, pertumbuhan ekonomi negara bagi tahun 2018 berkembang pada kadar 4.7 peratus iaitu masih dalam lingkungan pertumbuhan yang disasarkan. Pertumbuhan ini didorong oleh penggunaan dan pelaburan swasta yang terus meningkat dan dipacu oleh sektor pembuatan dan perkhidmatan. Kestabilan ekonomi juga disokong oleh kepelbagaian

sumber pertumbuhan ekonomi yang tidak terlalu bergantung kepada mana-mana komoditi, produk ataupun pasaran eksport.

Kadar pengangguran pula terus berada pada tahap guna tenaga penuh iaitu di bawah empat peratus, manakala kadar inflasi terus terkawal pada kadar 1.0 peratus pada tahun 2018 berbanding 3.7 peratus pada tahun 2017. KDNK bagi tahun 2019 adalah dijangka berkembang sebanyak 4.3 hingga 4.8 peratus. Jangkaan pertumbuhan ini adalah selari dengan unjuran pelbagai agensi luar seperti *Asian Development Bank* iaitu 4.5 peratus, Bank Dunia 4.7 peratus dan Tabung Kewangan Antarabangsa 4.6 peratus. Berdasarkan kepada sasaran pertumbuhan ini, kerajaan menjangkakan pendapatan per kapita negara akan dapat mencapai RM44,275 pada tahun 2019 iaitu peningkatan sebanyak 3.9 peratus berbanding RM42,627 pada tahun 2018.

Secara terperinci, peningkatan pendapatan per kapita ini akan dipacu oleh pertumbuhan ekonomi Malaysia yang kekal mampan, disokong oleh pertumbuhan domestik terutamanya permintaan swasta yang kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan. Penggunaan swasta disasarkan berkembang pada 6.6 peratus manakala pelaburan swasta dijangka meningkat sebanyak 4.9 peratus pada tahun 2019. Dalam masa yang sama, kesemua sektor ekonomi utama turut di sasar mencatatkan pertumbuhan positif dengan sektor perkhidmatan dijangka meningkat sebanyak 5.7 peratus dan sektor perkilangan sebanyak 4.8 peratus.

Kedua-dua sektor ini kekal sebagai penyumbang terbesar ekonomi negara iaitu dalam lingkungan 79 peratus daripada KDNK. Namun begitu, terdapat juga cabaran yang dijangka akan mempengaruhi pertumbuhan ekonomi seperti ketidaktentuan pertumbuhan ekonomi Amerika Syarikat pada tahun 2019 berikutan penutupan operasi pentadbiran pada suku pertama tahun ini. Sebagai tambahan, ketidakpastian dasar monetari Amerika Syarikat, kesan pertumbuhan ekonomi China yang lebih perlahan serta ketegangan perdagangan antara Amerika Syarikat dan China masih belum berakhir dijangka turut memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi dunia dan seterusnya mempengaruhi ekonomi Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sentiasa mengambil langkah-langkah proaktif bagi mendepani cabaran ekonomi dan memastikan momentum pertumbuhan ekonomi sentiasa meningkat. Tumpuan akan terus diberi kepada pengukuhan asas-asas ekonomi sebagai penampan dalam mengukuhkan ekonomi negara bagi menghadapi sebarang krisis ekonomi melalui pelaksanaan strategi-strategi berikut:

- (i) memacu produktiviti pada peringkat nasional, sektor dan perusahaan bagi memastikan pertumbuhan mampan dan inklusif;

- (ii) menggalakkan pelaburan berkualiti dengan menumpukan kepada pelaburan yang mempunyai nilai tambah yang tinggi, yang menggunakan teknologi tinggi serta yang berintensifkan pengetahuan. Ini sekali gus dapat mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan berkemahiran dengan gaji yang tinggi;
- (iii) melaksanakan inisiatif untuk beralih kepada rantai nilai yang lebih tinggi. Ini termasuklah melalui penumpuan kepada perkhidmatan berintensif pengetahuan dan pemodenan sektor pertanian;
- (iv) mengukuhkan eksport dan mengurus import untuk menambah baikimbangan pembayaran; dan
- (v) memberi penekanan kepada langkah pengukuhan fiskal untuk memastikan keamanan dalam jangka masa sederhana.

Kerajaan yakin bahawa langkah-langkah ini dapat menyumbang kepada pengukuhan dan keamanan ekonomi negara bagi menghadapi sebarang krisis ekonomi. Kerajaan juga akan terus mempelbagaikan sumber pertumbuhan ekonomi dan memastikan eksport negara tidak bergantung kepada suatu produk atau pasaran. Langkah ini bertujuan untuk meningkatkan daya tahan dan daya saing ekonomi negara. Kerajaan yakin bahawa langkah-langkah ini dapat menyumbang kepada pengukuhan dan keamanan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memperjelaskan sedikit mengenai kedudukan Malaysia dalam Laporan *World Happiness* 2019 seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Sri Ti Lian Ker.

Untuk makluman Yang Berhormat, Laporan *World Happiness Index 2019* disediakan berdasarkan kaji selidik yang dilaksanakan terhadap 1,000 orang responden bagi setiap negara. Kaji selidik ini dilaksanakan sekitar bulan Julai dan Ogos 2018 iaitu dalam tempoh tiga bulan pertama selepas Kerajaan Pakatan Harapan mengambil alih tampuk pemerintahan.

Berdasarkan kaji selidik tersebut, penurunan indeks kebahagiaan bagi Malaysia telah dipengaruhi oleh beberapa faktor antaranya termasuk persepsi rasuah iaitu penurunan sebanyak 0.035 mata, sokongan sosial penurunan sebanyak 0.038 mata dan kemurahan hati atau *generosity* iaitu penurunan sebanyak 0.051 mata. Selain itu, terdapat juga faktor lain yang tidak dinyatakan dengan jelas punca penurunan tersebut dan ia diklasifikasikan di dalam model tersebut di bawah komponen *residual* yang menurun sebanyak 1.18 mata.

Kerajaan menyedari bahawa terdapat pelbagai faktor lain yang boleh mempengaruhi kebahagiaan rakyat selain daripada faktor yang dinyatakan di dalam kaji selidik berkenaan. Semasa proses penyediaan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas (KSP RMK-11), kerajaan telah menyemak semula isu-isu dan cabaran ekonomi yang dihadapi

rakyat. Antara isu dan cabaran yang telah dikenal pasti termasuk ketidaksamarataan pendapatan antara kumpulan masyarakat, ketidaksamaan pertumbuhan ekonomi antara negeri, kadar

Kesemua isu dan cabaran ini telah pun diambil kira dalam penyediaan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas bagi memastikan pembangunan yang dirancang lebih bermakna dan dapat dinikmati oleh rakyat secara keseluruhannya.

■1150

Seterusnya, Yang Berhormat Dr. Zaidi Haji Suhaili dan Yang Berhormat Puan Sopiha binti Sharif pula memohon penjelasan mengenai perancangan jangka panjang bagi menentukan hala tuju strategik pembangunan negara.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, bagi memastikan kesinambungan Wawasan 2020, Pelan Pembangunan Sosioekonomi Pasca 2020 sedang dirangka dengan objektif yang jelas iaitu bagi memacu negara ke tahap pembangunan yang lebih inklusif dan bermakna. Dalam menjayakan perancangan ini, sesi libat urus akan diadakan dengan semua pihak berkepentingan termasuk kementerian dan agensi Kerajaan Persekutuan dan negeri, pihak swasta, badan antarabangsa, akademia, pemimpin masyarakat dan badan bukan kerajaan. Ini penting bagi mendapat pandangan serta input yang relevan dengan isu atau keperluan kumpulan sasar terbahagi bagi memastikan dasar yang dilaksanakan adalah bersifat holistik dan memenuhi keperluan rakyat.

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi telah memulakan kerja penyediaan Pelan Pembangunan Pasca 2020. Surat Arahan Ketua Setiausaha Negara berhubung penyediaan pelan pembangunan ini telah dikeluarkan pada 16 April 2019. Surat tersebut merupakan pemakluman kepada semua kementerian dan agensi kerajaan bagi memulakan penyediaan pelan pembangunan tersebut termasuk Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) 2125 yang dijangka akan dibentangkan di Parlimen pada pertengahan tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya beralih kepada perkara berkaitan dengan jurang pembangunan ekonomi yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Donald Peter Mojuntin, Yang Berhormat Senator Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin dan Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair.

Kerajaan menyedari bahawa wujud jurang ekonomi di antara wilayah, di antara golongan kaya dan miskin dan di antara pelbagai kaum. Kerajaan komited untuk merapatkan jurang-jurang ini melalui pelaksanaan dasar dan strategi berdasarkan pendekatan pembangunan inklusif berasaskan prinsip pertumbuhan dengan ekuiti sepertimana yang ditekankan di dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas.

Yang Berhormat Senator Datuk Donald Peter Mojuntin telah membangkitkan mengenai jurang pendapatan di Sabah, manakala Yang Berhormat Senator Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin telah membangkitkan tentang ketidakseimbangan pembangunan di Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak.

Kerajaan menyedari bahawa masih terdapat jurang pendapatan keluaran dalam negara kasar per kapita dan purata pendapatan isi rumah di Sabah sekiranya dibandingkan dengan negeri-negeri lain. Namun demikian, pada hakikatnya, KDNK per kapita Sabah pada tahun 2017 didapati meningkat sebanyak 13.7 peratus kepada RM23,979 berbanding tahun sebelumnya iaitu RM21,086 pada tahun 2016.

Dari aspek purata pendapatan isi rumah pula, berdasarkan Laporan Penyiasatan Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah (PPPIR) 2016 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, purata pendapatan isi rumah Sabah pada tahun 2016 didapati meningkat sebanyak 9.7 peratus kepada RM5,354 berbanding RM4,879 pada tahun 2014.

Kerajaan telah memberi perhatian khusus kepada usaha untuk merapatkan jurang pembangunan antara wilayah melalui Tonggak III KSP RMKe-11 iaitu menuju ke arah pembangunan wilayah seimbang. Di bawah tonggak ini, kerajaan telah menggariskan dengan jelas strategi-strategi untuk mempercepat pembangunan negeri Sabah dan Sarawak sepertimana berikut:

- (i) mempergiat pertumbuhan ekonomi dan perancangan pembangunan;
- (ii) mempertingkat infrastruktur dan untuk menambah baik ketersambungan;
- (iii) memperluas akses kepada infrastruktur, ameniti dan perkhidmatan asas;
- (iv) menambah peluang pekerjaan; dan
- (v) meningkatkan pembangunan tanah adat.

Kerajaan juga akan memberi keutamaan kepada enam negeri yang kurang membangun dalam mengagihkan peruntukan pembangunan bagi tempoh dua tahun terakhir RMKe-11 termasuklah Sabah dan Sarawak. Di bawah *Rolling Plan* Keempat 2019, RMKe-11, Sabah dan Sarawak telah pun diperuntukkan sejumlah RM9.36 bilion atau 17.1 peratus daripada jumlah peruntukan pembangunan keseluruhan. Jumlah peruntukan ini telah meningkat 10.5 peratus iaitu sebanyak RM889 juta daripada tahun sebelumnya.

Seterusnya, untuk makluman Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair, kerajaan komited untuk merapatkan jurang di antara golongan kaya dan miskin dan juga jurang di antara masyarakat pelbagai kaum. Berdasarkan statistik, 71 peratus daripada isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah- B40 terdiri daripada bumiputera dan 29 peratus lagi adalah isi rumah bukan bumiputera.

Dalam Kajian Separuh Penggal RMKe-11, dasar dan strategi untuk meningkatkan pendapatan isi rumah B40 di seluruh negara telah diberi keutamaan khusus bagi memastikan pengagihan secara adil dan saksama. Antara langkah jangka panjang yang telah dikenal pasti adalah membangunkan kapasiti dan keupayaan dalam kalangan isi rumah B40 melalui:

- (i) peluasan program pendidikan dan latihan;
- (ii) memperluaskan penglibatan dalam bidang perniagaan dan keusahawanan termasuk secara atas talian;
- (iii) meningkatkan produktiviti dan pendapatan para petani, pekebun dan nelayan melalui aplikasi teknologi moden;
- (iv) amalan pertanian baik dan aktiviti ekonomi tambahan; dan
- (v) memperluas akses kepada kemudahan asas seperti infrastruktur dan pengangkutan, utiliti dan ameniti sosial di kawasan luar bandar bagi memperkukuh keterhubungan lalu merancakkan aktiviti-aktiviti ekonomi dan meningkatkan peluang pekerjaan di kalangan golongan B40 di kawasan luar bandar.

Manakala bagi program jangka pendek di bawah Belanjawan 2019, kerajaan telah memberi fokus kepada pelbagai program untuk meningkatkan kesejahteraan dan kebajikan serta menangani kos sara hidup rakyat.

Usaha kerajaan untuk meningkatkan taraf sosioekonomi golongan B40 sudah tentu akan memberi kesan yang positif kepada rakyat dan negara secara keseluruhannya. Melalui pendekatan pembangunan yang inklusif sepertimana saya sebutkan tadi yang berdasarkan *shared prosperity*, kerajaan yakin bahawa jurang antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak dapat dirapatkan serta jurang antara golongan kaya dan miskin dan antara kaum dapat turut dirapatkan. Ini akan memastikan hasil pertumbuhan ekonomi negara dapat dinikmati dan dikongsi bersama.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya izinkan saya beralih kepada perkara berkaitan dengan projek pembangunan. Yang Berhormat Senator Datuk Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat telah membangkitkan mengenai berapakah jumlah dan nilai projek yang telah ditangguhkan dan dibatalkan. Yang Berhormat Senator Datuk Sr. Haji Hanafi tiada di sini, saya bacakan sedikit penjelasan tentang projek yang ditangguhkan dan dibatalkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, sebanyak 278 projek di bawah peruntukan pembangunan telah ditangguhkan pelaksanaannya pada tahun 2018. Projek yang ditangguhkan ini merupakan projek yang belum dikeluarkan surat setuju terima (SST). Penangguhan ini adalah bagi menyemak semula keutamaan pelaksanaan dan penyelarasan kos projek melalui sesi rundingan antara pihak kementerian yang melaksana dan

Kementerian Kewangan. Kerajaan telah mengambil keputusan untuk meneruskan kesemua projek-projek yang telah ditangguhkan pelaksanaannya. Ini adalah selaras dengan usaha kerajaan untuk segera merencanakan aktiviti ekonomi negara. Pelaksanaan projek-projek yang memberikan manfaat terus kepada rakyat atau *people centric and high impact projects*, dengan izin, seperti jalan raya, jambatan, bekalan air, bekalan elektrik, sekolah dan rumah ibadat akan terus diberi keutamaan.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob bin Sapari telah mencadangkan agar disediakan sekurang-kurangnya RM400 juta peruntukan khas bagi membangunkan sebuah Kompleks Wisma Persekutuan di negeri Selangor. Kementerian akan memberikan pertimbangan yang sewajarnya mengenai cadangan ini dengan mengambil kira kedudukan kewangan semasa kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya beralih kepada perkara berkaitan dengan FELDA, peneroka dan FGV.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Dato' Sri Ti Lian Ker, sebagaimana pembentangan Kertas Putih FELDA di Dewan Rakyat pada 10 April 2019, FELDA sedang melaksanakan program pengemaskinian data pemilikan tanah peneroka yang akan memuktamadkan maklumat pewarisan serta memastikan peralihannya lancar.

■1200

Ini amat kritikal dalam usaha untuk menjayakan model FELDA yang baharu. Yang Berhormat, sepertimana yang dinyatakan di dalam Kertas Putih FELDA, usaha perlu dibuat untuk memastikan aliran tunai FELDA kembali pulih. Selain daripada penstrukturan semula hutang, FELDA sedang melaksanakan proses rasionalisasi aset-aset tidak strategik yang berpotensi untuk dicairkan bagi membantu memulihkan aliran tunai. Namun begitu, pelupusan sebarang aset akan dibuat dengan teliti bagi memastikan FELDA mendapat nilai yang terbaik dan memberi manfaat yang optimum kepada FELDA dan peneroka.

Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Sri Ti Lian Ker, Yang Berhormat Datuk Lim Pay Hen, Yang Berhormat Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair dan Yang Berhormat Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid, kerajaan bersetuju untuk memberi bantuan kewangan sebanyak RM6.23 bilion berbentuk geran, pinjaman dan jaminan kerajaan secara berperingkat mengikut keperluan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya untuk makluman Yang Berhormat Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair, FELDA akan mengenal pasti program tanaman gantian dan ternakan yang mampu memberikan hasil tuaian dalam tempoh yang singkat dan berpotensi untuk meringankan beban peneroka yang terkesan akibat kejatuhan harga komoditi.

FELDA bertekad untuk melahirkan peneroka baharu yang mahir dan inovatif bagi meningkatkan pendapatan melalui aktiviti pertanian dan ternakan yang menggunakan teknologi baharu seperti dengan izin, *smart farming* dan *precision agriculture*. Usaha ini akan membantu peneroka untuk mengurangkan kebergantungan kepada hasil sawit. Sebaliknya peneroka mampu menjana pendapatan baharu yang bernilai tinggi melalui hasil tuaian dalam tempoh yang lebih singkat. Bagi melaksanakan gagasan baharu ini, kerajaan bersetuju memperuntukkan RM1 bilion untuk tempoh empat tahun bermula 2019 sehingga 2022.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, inisiatif ini akan dilaksanakan melalui kerjasama strategik antara Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dan Kementerian Pertanian. Kedua-dua kementerian telah bersetuju untuk menubuhkan sebuah jawatankuasa khas yang dipengerusikan secara bersama oleh Ketua Setiausaha Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dan Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian serta agensi-agensi berkaitan. Bagi pihak Kementerian Hal Ehwal Ekonomi selain daripada FELDA, jawatankuasa khas ini juga akan turut disertai oleh agensi-agensi lain seperti RISDA dan FELCRA.

Seterusnya saya beralih kepada perkara berkaitan FGV Holdings Berhad (FGV). Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Sri Ti Lian Ker, Yang Berhormat Datuk Lim Pay Hen dan Yang Berhormat Dr. Yaakob bin Sapari, FELDA memegang sebanyak 33.67 peratus di dalam FGV Berhad dan selebihnya iaitu sebanyak 66.33 peratus dipegang oleh pelbagai pelabur institusi, kerajaan negeri dan pelabur persendirian. Pembayaran dividen kepada kesemua pemegang-pemegang saham dibuat berdasarkan jumlah saham yang dipegang mereka. FGV sedang dalam proses transformasi untuk memulihkan semula prestasi kewangan syarikat.

Pemulihan ini secara langsung akan memberi impak kepada keuntungan syarikat sekali gus juga kepada nilai dividen yang akan dikeluarkan pada masa hadapan. Ia seterusnya akan memberi impak positif yang mampan kepada semua pihak termasuklah pemegang-pemegang saham khususnya FELDA dan peneroka. Untuk makluman Yang Berhormat Dr. Yaakob bin Sapari, Kertas Putih FELDA yang dibentangkan di Dewan Rakyat pada 10 April 2019 mengandungi analisis kedudukan kewangan FGV bagi tempoh 2009 hingga 2017. Analisis ini merangkumi pendapatan, keuntungan atau kerugian aset dan liabiliti serta aliran tunai.

Memandangkan FGV adalah sebuah syarikat senaraian awam di mana pegangan saham semasa FELDA di FGV adalah sebanyak 33.67 peratus dan selebihnya iaitu sebanyak 66.33 peratus dipegang oleh pelbagai pelabur institusi, kerajaan negeri dan pelabur persendirian, kerajaan perlu mengambil kira sensitiviti pasaran modal dalam

mempertimbangkan maklumat-maklumat yang wajar dimasukkan dalam Kertas Putih berkaitan FGV.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan semakan semula terma dalam perjanjian pajakan tanah, untuk maklumat Yang Berhormat Datuk Lim Pay Hen, FELDA sedang berbincang dengan pengurusan FGV untuk meneliti hubungan strategik mereka agar ia memberi manfaat kepada semua pihak khususnya FELDA dan peneroka.

Sokongan padu dan kerjasama erat antara kerajaan, FELDA, FGV serta warga peneroka secara keseluruhannya akan dapat memastikan perancangan yang dibuat dapat dilaksanakan dengan efisien dan efektif.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya beralih kepada perkara berkaitan RISDA...

Dr. Yaakob bin Sapari: Mohon untuk pencilahan.

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Silakan.

Dr. Yaakob bin Sapari: Saya tertarik soalan FGV. Saya sebut soal penyelesaian masalah FELDA, ia mesti menyeluruh, bukan hanya masalah *settler* FELDA tetapi masalah FGV. Industri hiliran itu menjadi fokus kepada FGV. Kalau boleh FGV pergi sama *level* seperti *Nestle International*, seperti *food industry* akan tetapi, FGV pergi masuk industri yang bukan bidang dia seperti perhotelan dan sebagainya. Apa pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Terima kasih Yang Berhormat Dr. Yaakob bin Sapari. Ini adalah antara keutamaan yang diberikan oleh FGV dalam pelan transformasi mereka untuk menumpukan kepada *core business*, dengan izin. Ini membolehkan supaya mereka dapat mempunyai kekuatan dan kekuatan FGV itu sendiri. Jika kita lihat memandangkan *Land Lease Agreement* (LLA) antara FGV dan FELDA itu mempunyai dua komponen iaitu sewaan tanah berjumlah RM248 juta setahun dan juga hasil 15 peratus perkongsian hasil di atas tanah yang disewa dan komponen lain ialah dividen. Itulah apabila FGV memberi penekanan kepada *core business* mereka, kita harapkan ia akan memberi manfaat kepada peneroka secara tidak langsung.

Ini penting ya, kita sedar terutamanya, contohnya apabila kilang-kilang di mana peneroka menghantar hasil mereka adalah dimiliki oleh FGV. Apa yang berlaku di situ, akan turut memberi kesan kepada peneroka dan inilah yang sedang diberi keutamaan. Itulah saya sebut tadi bahawa FELDA sedang berbincang dengan pengurusan FGV untuk melihat hubungan strategik mereka ini supaya ia dapat memberikan manfaat kepada bukan sahaja FGV, bukan sahaja FELDA tetapi peneroka secara keseluruhannya. Terima kasih.

Tuan Manolan bin Mohamad: Timbalan Menteri mohon pencilah.

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Silakan.

Tuan Manolan bin Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya berkenaan dengan saya menarik perhatian berkenaan dengan mencairkan aset-aset FELDA untuk menampung tunai mereka dan juga akan mencairkan aset-aset yang strategik. Soalan saya, adakah pihak Menteri, kementerian akan mengumumkan atau menyenaraikan aset-aset manakah yang akan dcairkan itu supaya rakyat khususnya peneroka FELDA tahu mana aset yang hendak dcairkan tersebut. Ini supaya ia akan boleh memberi sekurang-kurang kementerian dapat pandangan daripada umum dan juga daripada rakyat supaya nilai itu adalah bersesuaian ataupun tidak untuk mencairkan aset tersebut. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Manolan bin Mohamad. Pertama sekali yang saya sebut tadi adalah rasionalisasi aset-aset tidak strategik, bukan aset-aset strategik. Aset-aset tidak strategik ini jika kita lihat dalam Kertas Putih itu sendiri, bagaimana apabila FELDA pada waktu selepas penyenaian FGV mendapat RM6 bilion dan sebahagiannya digunakan untuk membeli aset-aset yang tidak berkaitan dengan *core business* FELDA terutamanya hotel-hotel, apartmen seperti di luar negara dan sebagainya. Inilah antara perkara yang sedang dilihat oleh pengurusan FELDA.

Sepertimana yang saya sebut tadi, sebarang keputusan untuk *rationalize* atau mencairkan aset-aset ini dibuat berdasarkan nilai yang terbaik. Kita bukan sekadar cakap kita hendak jual *and then* jual *at any price*, tidak. Kita mahukan, kita mendapat nilai yang terbaik supaya ia memberi manfaat balik kepada FELDA dan peneroka. Jadi pihak pengurusan FELDA sedang meneliti aset-aset yang mereka rasakan sesuai, yang tidak strategik, yang boleh dirasionalisasikan pada harga, pada nilai yang terbaik, itu penekanan utama kerajaan. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Manolan bin Mohamad.

Seterusnya saya beralih kepada perkara berkaitan RISDA dan pekebun kecil. Yang Berhormat Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid membangkitkan mengenai usaha kerajaan dalam memastikan pekebun kecil memperoleh pendapatan RM4,000 sebulan pada tahun 2020.

■1210

Untuk makluman Yang Berhormat, kenyataan bahawa pekebun kecil boleh mendapat pendapatan RM4,000 sebulan pada tahun 2020 adalah berdasarkan pernyataan objektif RISDA di dalam Model Perancangan Strategik RISDA (MPSR) tahun 2016-2020. Berdasarkan objektif tersebut, RISDA mensasarkan pekebun kecil memperoleh purata pendapatan RM4,000 sebulan sekeluarga pada tahun 2020. Sejumlah RM4,000 sebulan sekeluarga dengan melaksanakan empat teras strategi iaitu memenangi keremajaan, memenangi produktiviti, memenangi pemasaran dan memenangi keusahawanan.

Kejayaan teras satu hingga teras tiga adalah berkaitan dengan pengurusan kebun-kebum getah untuk mengoptimumkan hasil. Teras pertama tadi memenangi keremajaan itu berkaitan dengan pokok getah, bukan berkaitan dengan remaja, pekebun ya. Teras keempat pula berkaitan dengan keusahawanan. Pelaksanaan teras satu hingga tiga tersebut akan membantu pekebun kecil memperoleh pendapatan sekurang-kurangnya RM1,500 sebulan sekeluarga pada tahun 2020 daripada hasil kebun.

Selain mensasarkan RM1,500 daripada hasil kebun tadi, strategi teras keempat iaitu memenangi keusahawanan dilaksanakan melalui program aktiviti ekonomi tambahan dengan memberi bantuan kepada pekebun kecil atau ahli keluarga dalam bentuk bantuan peralatan dan bahan pengeluaran. RISDA juga memberi bantuan latihan pemasaran, pembangunan produk, persijilan dan premis perniagaan ke arah pendapatan tambahan yang konsisten iaitu sekurang-kurangnya RM2,500 sebulan sekeluarga menjadikan keseluruhan pendapatan mencapai RM4,000 sebulan sekeluarga pada tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin.

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Menteri. Soalan saya, sama ada pendekatan kerajaan ini bolehkah dicapai untuk pekebun kecil mendapat pendapatan RM4,000 sebulan memandangkan harga getah terus menurun. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Terima kasih Yang Berhormat Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid. Itulah antara cabaran yang kita hadapi, walaupun kita laksanakan, walaupun RISDA laksanakan ketiga-tiga teras berkaitan dengan komoditi getah tadi, sekiranya harga getah menurun, maka hasilnya mungkin tidak mencapai hasrat RM1,500. Akan tetapi apa yang berlaku adalah apabila ada komponen keusahawanan itu, komponen keusahawanan ini dapat membantu keluarga-keluarga terutamanya apabila diberi bantuan kerajaan dalam aktiviti tambahan. Inilah antara yang menjadi, dengan izin, *buffer* sekiranya berlaku kejatuhan harga getah.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin membangkitkan mengenai masalah yang dihadapi pekebun kecil iaitu masalah birokrasi tuntutan Insentif Pengeluaran Getah (IPG).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program Insentif Pengeluaran Getah (IPG) dilaksanakan oleh Lembaga Getah Malaysia di bawah Kementerian Industri Utama. Namun begitu, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ekonomi pada 20 Mac 2019 semasa di Kedah telah mengumumkan supaya semua pusat tanggungjawab RISDA membuka kaunter untuk

menerima borang permohonan IPG bagi memudahkan pekebun kecil getah membuat tuntutan dan proses penghantaran borang diuruskan bersama oleh RISDA dan LGM.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Yang Berhormat Tuan Adrian Banie Lasimbang membangkitkan mengenai kelewatan penyaluran bantuan musim tengkujuh kepada pekebun kecil.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah mengumumkan insentif BMT pada tahun 2018 sebanyak RM600 seorang dengan peruntukan sebanyak RM164.78 juta melibatkan 274,639 orang pekebun kecil getah RISDA yang memiliki keluasan kebun getah 2.5 hektar dan ke bawah. RISDA telah melaksanakan bayaran insentif tersebut kepada seramai 254,006 orang dengan jumlah sebanyak RM152.4 juta yang dibuat secara dua peringkat iaitu pada 31 Disember 2018 dan pada 15 Januari 2018. Manakala baki seramai 2,633 orang pekebun kecil tidak dapat dibayar disebabkan maklumat tidak lengkap, nombor akaun tidak sah atau tidak aktif, penama meninggal dan faktor-faktor lain.

Bagi bayaran BMT 2018 negeri Sabah, pembayaran dilaksanakan tanpa kelewatan kepada seramai 5,935 orang pekebun kecil melibatkan bayaran sebanyak RM3.56 juta. Untuk makluman Yang Berhormat, pada 26 April 2019, tambahan sebanyak RM42 juta telah diluluskan untuk dibayar melalui Lembaga Industri Getah Sabah (LIGS) di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) melibatkan seramai 70,000 orang pekebun kecil yang memiliki tanah di bawah enam hektar.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya beralih kepada perkara berkaitan dengan perancangan kerajaan bagi pembinaan LPT3 dari Gemuruh ke Tumpat dan Pelabuhan Tok Bali yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad. Kementerian Hal Ehwal Ekonomi telah mempertimbangkan untuk kerja-kerja awalan dibuat bagi LPT3 yang merangkumi penyiasatan tanah atau *soil investigation*, dengan izin, *social impact assessment*, *utility mapping* dan *survey LIDAR- Light Detection and Ranging* bagi penentuan jajaran. Pada masa yang sama, MA dimaklumkan oleh Kementerian Kerja Raya (KKR) bahawa pihaknya akan menjalankan kajian trafik mengenai penggunaan lebuh raya ini yang mana hasilnya akan dibentangkan kepada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi.

Proses seterusnya ialah melaksanakan makmal pengurusan nilai bagi tujuan penentuan skop dan kos sebenar projek sebelum proses tender dapat dilaksanakan oleh Kementerian Kerja Raya. Secara umumnya, projek LPT3 akan meningkatkan keterhubungan di sepanjang jajaran lebuh raya tersebut dan memberi impak ekonomi khususnya di Kelantan dan negeri-negeri di pantai timur.

Tok Bali Supply Base (TBSB) yang menyediakan perkhidmatan bagi sektor minyak dan gas di perairan pantai timur dan juga selatan Thailand telah dibangunkan melalui inisiatif

swasta. TBSB juga telah menyediakan pelabuhan bagi perkhidmatan *transshipping* serta *bulk cargo*. Bagi meningkatkan keupayaan pelabuhan ini, kerajaan telah menyokong inisiatif *East Coast Economic Region Development Council* (ECERDC) melalui pembangunan *Tok Bali Industrial Park*. Manakala *Tok Bali Integrated Fisheries Park* (TBIFP) dibangunkan bagi menyokong pelabuhan perikanan LKIM Tok Bali sedia ada serta industri perikanan setempat. Menurut pihak ECERDC, pembangunan ini dijangka akan mewujudkan sebanyak 13,261 peluang pekerjaan di negeri Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya beralih kepada perkara berkaitan dengan bayaran royalti minyak negeri Kelantan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Muhammad bin Mustafa. Seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan Negeri Kelantan telah mengemukakan saman terhadap PETRONAS dan Kerajaan Persekutuan berhubung tuntutan pembayaran tunai atau lebih dikenali sebagai royalti minyak di Mahkamah Tinggi pada tahun 2011. Kerajaan Negeri Kelantan pada Oktober 2018 telah menyatakan hasrat untuk menarik balik saman tersebut. Pada masa ini, prosiding mahkamah masih berjalan dan dalam perbincangan bersama pihak-pihak yang terlibat untuk penyelesaian kes.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya maklumkan bahawa kerajaan sentiasa bekerjasama rapat dengan PETRONAS sebelum membuat sebarang keputusan terhadap sesuatu perkara yang dibangkitkan berkaitan dengan petroleum di mana-mana negeri pengeluar minyak dan gas di Malaysia. Sebagai sebuah entiti perniagaan yang berdaya saing, bertanggungjawab dan menekankan tadbir urus yang tinggi, PETRONAS sentiasa menjalankan kajian dan penilaian yang teliti terlebih dahulu sebelum membuat keputusan untuk melaksanakan sebarang projek dan pelaburan.

■1220

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga hari ini tiada lapangan minyak mahupun gas yang terletak di dalam lingkungan tiga batu nautika dari pesisir pantai Semenanjung Malaysia. Oleh sebab, kesemua lapangan minyak dan gas ini melebihi tiga batu nautika dari pesisir pantai maka ianya tidak dikenal pasti di bawah mana-mana persempadanan negeri tetapi adalah tertakluk di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan berdasarkan Akta Laut Wilayah Tahun 2012.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Yang Berhormat Datuk Donald Peter Mojuntin turut membangkitkan isu royalti minyak bagi negeri Sabah. Suka saya nyatakan bahawa perkara ini masih dalam perbincangan di Jawatankuasa Khas Kabinet PEMANDU bagi menyemak pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Mesyuarat Jawatankuasa PEMANDU pada 5 Mac 2019,

bersetuju supaya forum berasingan diwujudkan, yang antara lain akan membincangkan isu berkaitan agihan royalti kepada Sabah dan Sarawak.

Forum ini akan dipengerusikan secara bersama oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ekonomi dan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri negeri yang terlibat. Keahlian forum berasingan ini adalah terdiri daripada wakil-wakil seperti berikut:

- (i) Kementerian Hal Ehwal Ekonomi;
- (ii) Kementerian Kewangan Malaysia;
- (iii) Jabatan Peguam Negara
- (iv) PETRONAS;
- (v) kerajaan negeri yang berkaitan; dan
- (vi) Bahagian Hal Ehwal Undang-undang Jabatan Perdana Menteri selaku
urus setia.

Hasil perbincangan dan syor daripada forum berasingan ini akan diangkat terus kepada Jawatankuasa Khas Kabinet PEMANDU, MA63 untuk pertimbangan dan persetujuan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya beralih kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Adrian Banie Lasimbang berkaitan dengan usaha supaya kesemua kementerian mengadaptasi matlamat pembangunan mampan atau SDG dalam merangka dasar kerajaan.

Konsep pembangunan mampan yang memberi penekanan kepada keseimbangan di antara pertumbuhan ekonomi, pembangunan sosial dan penjagaan alam sekitar sentiasa menjadi agenda utama pembangunan negara. Komitmen kerajaan diterjemahkan melalui dasar perancangan pembangunan jangka sederhana dan jangka panjang termasuk KSP RMK ke-11. Satu daripada enam tonggak dasar tersebut adalah mempertingkatkan kemampanan alam sekitar melalui pertumbuhan hijau.

Tonggak dasar ini bertujuan untuk mempertingkatkan kemampanan, pada masa yang sama mengekalkan pertumbuhan ekonomi dan menggalakkan kesejahteraan yang lebih baik dengan melindungi khazanah semula jadi dan meningkatkan kualiti alam sekitar. Penggubalan pelbagai dasar, akta dan garis panduan berkaitan pengurusan alam sekitar dan sumber asli di bawah pelbagai kementerian dan jabatan seperti Dasar Kepelbagaian Biologi Tahun 2016-2025, Dasar Alam Sekitar Tahun 2002, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Akta Perhutanan 1984 mencerminkan komitmen negara untuk memastikan sumber semula jadi yang dimiliki ini di manfaatkan secara cekap oleh generasi masa kini supaya ia turut dapat dinikmati oleh generasi yang akan datang.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada perkara berkaitan dengan sektor pelancongan di Melaka yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Rabiyah binti

Ali. Bagi merancakkan perkembangan sektor pelancongan di Melaka, Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan RM10 juta dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-11 bagi tujuan pemuliharaan dan pengubahsuaian bangunan lama Hong Kong dan Shanghai Bank (HSBC) untuk dijadikan Galeri Warisan Kota Melaka.

Pelaksanaan projek ini dijangkakan dapat menyediakan produk pelancongan yang baharu di bandar Melaka. Selain dari itu, kerajaan memperuntukkan RM70 juta bagi tujuan promosi dan pemasaran untuk meningkatkan kedatangan pelancong ke Malaysia. Ini secara tidak langsung akan menyumbang kepada kedatangan pelancong ke Melaka di mana negeri tersebut merupakan negeri ketiga tertinggi yang menerima kedatangan pelancong di Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pada penghujung bulan Mac 2019, Kerajaan Persekutuan telah menyalurkan 50 peratus daripada hasil kutipan cukai pelancongan di negeri Melaka iaitu sebanyak RM5.35 juta daripada RM10.7 juta yang berjaya dikutip di negeri tersebut. Hasil kutipan ini adalah untuk aktiviti promosi dan penyelenggaraan infrastruktur pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja penjelasan saya terhadap isu-isu utama yang telah dibangkitkan sepanjang tempoh perbahasan. Akhir sekali, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang terlibat dalam mengemukakan pertanyaan dan membangkitkan perkara-perkara berkenaan. Agensi-agensi di bawah Kementerian Hal Ehwal Ekonomi akan mengambil perhatian terhadap perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan akan terus memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk memajukan negara dan meningkatkan kesejahteraan rakyat dalam menjunjung Titi Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin, Menteri Hal Ehwal Ekonomi yang telah menjawab dengan panjang lebar dan tepat dan terima kasih sekali lagi.

Sekarang saya hendak beralih kepada Kementerian Pembangunan Usahawan. Dipersilakan Menteri nya.

12.26 tgh.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Pertama, kita ucapkan selamat menyambut bulan Ramadan kepada umat Islam. Mudah-mudahan kita mendapat keberkatan sepanjang bulan ini dan terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah

mengemukakan isu dan pandangan berkaitan bidang kuasa Kementerian Pembangunan Usahawan dalam perbahasan pada usul menjunjung kasih Titah Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong di Dewan Negara yang mulia ini.

Kesimpulannya untuk penggulungan ini, saya akan memberikan maklum balas dan penjelasan terhadap perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator melalui tiga turutan perkara seperti berikut iaitu pertama, sokongan dan bantuan oleh kementerian kepada usahawan dari segi latihan keusahawanan termasuklah pengurusan akaun dan kewangan syarikat.

Kedua, mengenai pemasaran produk-produk usahawan ke luar negara dan yang ketiga, program kerjasama kementerian dengan Badan-badan Bukan Kerajaan ataupun NGO dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang pertama adalah berkenaan pertanyaan daripada Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin. Tidak ada dalam ya. Akan tetapi, kita jawab jugalah ya. Iaitu mengenai isu usahawan PKS yang kurang pengetahuan dan kemahiran berkaitan pengurusan akaun dan kewangan syarikat yang akhirnya akan mengurangkan pegangan wang tunai dan kemampuan mendapatkan pinjaman dan geran.

Saya rasa isu ini memang isu yang sebenarnya berlaku dan telah banyak menyebabkan usahawan-usahawan kita yang telah pun mendapatkan pinjaman pun gagal untuk membuat pembayaran balik dan meningkatkan perniagaan mereka kerana pengurusan kewangan yang lemah.

Untuk makluman Dewan, Kementerian Pembangunan Usahawan sentiasa berusaha dalam memastikan kemandirian usahawan negara ini. Kementerian mengambil pendekatan yang inklusif dan holistik agar usahawan di negara ini tidak akan mengalami keciciran atau kegagalan dalam perniagaan mereka akibat daripada masalah kekurangan ilmu di dalam sebahagian daripada aspek perniagaan mereka.

Justeru MED melalui Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) melalui SME Bank, *SME Corporation Malaysia*, *Malaysian Global Innovation & Creativity Centre (MaGIC)* dan *Profesional Training and Education for Growing Entrepreneurs (PROTEGE)* telah menyediakan pelbagai program untuk para usahawan bagi meningkatkan kemahiran dalam bidang keusahawanan serta daya saing usahawan tempatan termasuklah kursus-kursus pengurusan perniagaan dan pengurusan kewangan. Antara program-program yang dijalankan adalah seperti berikut Tuan Yang di-Pertua.

Pertama, Program Asas Keusahawanan (INSKEN). Ini keusahawanan 101 ini. Untuk pembangunan usahawan yang merangkumi topik seperti pengurusan kewangan perniagaan, pengurusan operasi perniagaan dan penyediaan rancangan perniagaan.

■1230

Keduanya, *Centre for Entrepreneur Development and Research Sdn Bhd* ataupun CEDAR iaitu sebuah anak syarikat SME Bank yang juga menyediakan latihan keusahawanan bagi mempertingkatkan kemahiran pengurusan perniagaan yang dijalankan seluruh negara.

Ketiganya, MaGIC pula menyasarkan kumpulan usahawan sosial dalam menyediakan kursus-kursus asas keusahawanan dan teknologi inovasi.

Keempatnya, SME Corp menjalankan program *SME University Internship* khusus kepada pelajar universiti dengan institut pengajian tinggi awam (IPTA) yang mendedahkan kepada peserta berkenaan kemahiran penting dalam persekitaran perniagaan sebenar.

Selain itu, SME Corp juga mengadakan program Peningkatan Enterprise Bumiputera ataupun BEEP yang bertujuan untuk meningkatkan daya saing PKS Bumiputera melalui bantuan bersepadu yang meliputi khidmat nasihat, bantuan teknikal, latihan dan kewangan.

Kelimanya, protege melalui program *PROTEGE Ready To Work* juga menyediakan latihan wajib termasuk dua modul asas keusahawanan sebagai tambah nilai program sebelum ini iaitu satu, *Entrepreneurship 101* dan yang keduanya, *Environment Sustainability and Social Impact (Social Entrepreneurship)*.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, Institut Koperasi Malaysia (IKM) melalui *National Entrepreneurship Framework* di bawah objektif strategik kesembilannya telah bekerjasama dengan INSKEN untuk memberikan latihan kursus asas keusahawanan dan kursus elektif kepada usahawan yang memerlukan pengetahuan dalam menguruskan perniagaan yang melibatkan diri mereka dalam program-program koperasi.

Untuk tahun 2019, IKM menyasarkan 1,000 orang usahawan untuk mengikuti latihan keusahawanan ini di bawah program setaraf. Manakala pihak INSKEN akan meneruskan latihan kepada usahawan yang sama di bawah program *Skill Up*.

Objektif bagi IKM ini, Tuan Yang di-Pertua, satu, meningkatkan pengetahuan dan kemahiran usahawan sebagai persediaan dalam menghadapi situasi perniagaan masing-masing.

Kedua, membantu membuat perancangan perniagaan kerana ramai di antara usahawan kita, Tuan Yang di-Pertua, datang dengan tidak ada satu pelan perniagaan yang baik dan ini bakal menyebabkan mereka gagal untuk meneruskan usaha mereka. Ini kita buat melalui dokumentasi yang sistematik dan dinilai sebelum mendapat pembiayaan atau geran bantuan daripada mana-mana penyedia kewangan. Jadi, menjadi syarat kepada sebarang bentuk permohonan ialah mereka mesti melalui satu program latihan ini.

Ketiganya, memberi peluang kepada usahawan untuk terpilih menjalankan perniagaan secara lebih fokus dan dipimpin ke peringkat *Skill Up* iaitu secara *business coaching* dan *mentoring* oleh pihak INSKEN.

Justeru, kementerian berharap agar usahawan-usahawan kita mengambil peluang yang banyak ini, berusaha sedikit mencari maklumat-maklumat ini yang ada disediakan dalam semua agensi-agensi di bawah kementerian untuk sama memanfaatkan dan melibatkan diri dalam program latihan yang disebutkan. Ini supaya mereka dapat menguruskan perniagaan mereka secara yang lebih profesional dalam hal-hal pengurusan kewangan dan juga pelan perniagaan mereka.

Bagi perkara yang kedua pula, Tuan Yang di-Pertua, juga telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin iaitu berkenaan bentuk bantuan yang diberikan oleh kementerian kepada usahawan tempatan untuk memasarkan produk mereka ke luar negara untuk eksport dan pada masa yang sama memastikan pemasaran produk ini berkekalan untuk tempoh masa yang panjang.

Untuk makluman Dewan, bagi membantu usahawan tempatan memperluaskan pasaran ke peringkat antarabangsa, pelbagai bentuk bantuan khusus telah disediakan oleh kementerian ini yang merangkumi bantuan latihan, bantuan kewangan, bantuan pemasaran dan promosi produk di peringkat antarabangsa.

Pada peringkat awal, kementerian terlebih dahulu akan memastikan supaya usahawan tempatan ini diberi bantuan latihan yang mencukupi supaya mereka bersedia dari semua aspek perniagaan sebelum mengeksport produk mereka ke luar negara.

Justeru, latihan yang khusus akan diberikan oleh kementerian. Pertama iaitu Siri Latihan Pra Eksport menerusi SME Corp Malaysia. Latihan ini dilaksanakan dengan kerjasama MARA, MATRADE, EXIM Bank dan juga Jabatan Kastam Diraja Malaysia yang bertujuan untuk memberikan pendedahan yang khusus berkenaan pemasaran ke luar negara seperti penyediaan pelan eksport, pengurusan barangan bersama Kastam dan pematuhan peraturan di luar negara. Sehingga Januari tahun ini, sejumlah 663 buah syarikat dari seluruh negara yang menyertai siri latihan ini.

Kedua, siri bantuan latihan menerusi INSKEN. Bantuan latihan ini berbentuk program *mentoring*, *coaching* seperti *INSKEN Business Coaching*, *Business Enhancement Program* dan kursus latihan teknikal perniagaan.

Dari segi bantuan kewangan pula, kementerian telah menyediakan Program *Going Export* (Go-Ex) dan Program Galakan Eksport Bumiputera. Untuk makluman Yang Berhormat dan juga Dewan, Program Go-Ex adalah program dalam bentuk geran bersama bagi membantu PKS yang bersedia menembusi pasaran eksport melalui pembiayaan sebanyak

50 peratus daripada aktiviti dan perbelanjaan yang layak sehingga RM200,000. Sejak tahun 2014, sebanyak 287 PKS telah menyertai program ini dengan 40 pasaran baharu telah diterokai dan potensi jualan eksport sebanyak RM500 juta.

Manakala bagi Program GEB, sebanyak 46 permohonan telah diluluskan dengan nilai geran dan pinjaman berjumlah RM4.4 juta sejak tahun 2016 sehingga Januari 2019. Ia telah membantu PKS melaksanakan aktiviti promosi dan pemasaran di luar negara, peningkatan pembungkusan, pembangunan jenama dan pensijilan bagi piawaian antarabangsa, pembelian mesin dan modal kerja bagi memenuhi permintaan luar negara seperti Jepun, United Kingdom, Arab Saudi, Australia, Belanda dan Indonesia.

Perkara ini penting, Tuan Yang di-Pertua, kerana sebahagian daripada usahawan kita memperoleh banyak kontrak luar tetapi kegagalan untuk menepati jumlah permintaan yang banyak itu akan menyebabkan rekod kita, hubungan kita dengan negara asing ini akan terjejas.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, selain daripada bantuan latihan dan kewangan yang disebutkan tadi, kementerian juga menyediakan bantuan bagi pemasaran dan promosi produk usahawan tempatan kita di peringkat antarabangsa. Bagi tujuan ini, beberapa program telah dilaksanakan oleh kementerian yang bakal diulang-ulang pada setiap tahun bagi membuka peluang pemasaran usahawan kita di peringkat global.

Antara program yang telah dilaksanakan ialah *Malaysia Halal Expo 2019* yang kita buat pada bulan Januari yang lalu.

Keduanya, program *Malaysia-Korea Technology Exchange Conference*.

Dan ketiganya, *Malaysia Entrepreneur Carnival 2019* di Bosnia. Tujuan program ini ialah untuk mendedahkan jenama-jenama produk-produk kita yang *export ready* supaya dapat menembusi pasaran-pasaran negara-negara yang berkenaan.

Untuk makluman Dewan, melalui program *Malaysia Halal Expo* ini, kementerian telah membantu memudah cara sesi pepadanan perniagaan dengan membawa 14 pembeli ataupun *buyers* daripada negara Jepun kerana tema *Malaysia Halal Expo 2019* ini ialah eksport ke Jepun untuk menepati keperluan khususnya untuk Olimpik 2020 Tokyo.

Seramai 309 pempamer telah menyertai eksport ini dan kesimpulan yang kita lihat ialah hampir kesemua produk mereka ini hampir-hampir bersedia untuk menembusi pasaran antarabangsa tetapi sebahagian besarnya masih memerlukan beberapa pengubahsuaian dan penambahbaikan. Sebanyak 223 sesi pepadanan perniagaan telah direkodkan antara lima buah syarikat besar tempatan dan 14 pembeli ataupun *buyers* Jepun dengan 144 PKS yang mengambil bahagian. Kita telah dapat menjana potensi jualan RM135 juta dalam tempoh tiga hari program tersebut.

Program *Malaysia-Korea Technology Exchange Conference* yang telah diadakan pada Mac baru-baru ini telah juga memberi peluang mewujudkan rantaian perniagaan di antara PKS Malaysia dan juga Korea melalui kerjasama perniagaan, usaha sama dan pertukaran teknologi. Program ini juga telah berjaya membantu PKS menembusi pasaran Korea dan telah menghasilkan potensi jualan- tidak banyak, sebanyak RM10 juta melalui sesi pepadanan dan perjanjian kontrak perniagaan.

Terakhir dan terbaru ialah menyertai *Malaysia Entrepreneur Carnival* di Bosnia pada bulan April yang lepas dengan membawa usahawan-usahawan TEKUN dan koperasi yang mempunyai prospek dagangan antarabangsa. Sebanyak enam buah syarikat dan tiga koperasi telah terpilih berdasarkan kriteria yang ditetapkan untuk menyertai delegasi MED untuk mengembang dan memperkenalkan produk mereka.

■1240

Antara kejayaan yang dicatatkan di Bosnia-Herzegovina ini Tuan Yang di-Pertua ialah apabila Syarikat Helang Gagah Group Sdn. Berhad, *local company* yang membawa produk minyak sawit Lesong dan DFTZ Network Sdn. Berhad untuk membawa produk minyak sawit 'Aivolin' telah berjaya mendapat tempahan sebanyak 5,000 tan metrik sebulan. Ini merupakan satu kejayaan yang bakal digunakan untuk kita menembusi pasaran Eropah melalui *getaway* Bosnia-Herzegovina. Pihak syarikat dalam fasa untuk meneliti dan memuktamadkan perjanjian ke arah melaksanakan usaha pengeksportan ini.

Berikutan dengan pernyataan di Bosnia-Herzegovina ini Tuan Yang di-Pertua, kita mendapati bahawa produk kesihatan dan kecantikan juga mendapat perhatian daripada pihak antarabangsa. Mereka berminat untuk menjalinkan kerjasama dan memasarkan produk usahawan tempatan kita di pasaran Eropah. Tuan Yang di-Pertua, orang Eropah pun berminat dengan hasil produk kecantikan kita. Kita ingat mereka cantik dah, rupanya mereka hendak lagi nampak. Jadi kita dalam negara pun, kita sepatutnya berpuas hati dengan kecantikan orang kita dan produk-produk kita yang banyak kita buat di dalam negara. Ini adalah peluang yang baik untuk usahawan-usahawan kita mendapatkan pasaran yang lebih besar.

Di bawah MaGIC pula, para usahawan telah disediakan program akses pasaran luar. Ini antara lagi inisiatif kita dengan pepadanan perniagaan, program *accelerator thematic* dan sebagainya. Melalui *ASEAN Centre of Entrepreneurship* di bawah MaGIC ini, MaGIC telah mewujudkan jaringan di semua negara ASEAN, sepuluh negara ini dalam ekosistem keusahawanan yang setaraf. Sebagai contoh, usaha sama yang dijalankan di antara kita dengan Vietnam, ada enam usahawan kita. Kita juga sedang merangka beberapa negara lain dan di Sri Lanka kita bekerjasama dengan UNDP untuk membuat skim pertukaran usahawan-

usahawan ini. Di luar daripada ASEAN, kita juga ada kerjasama MaGIC ini dengan Jepun dan juga Korea.

Jadi, inilah di antara sebahagian daripada usaha-usaha kita untuk membantu usahawan-usahawan kita memasarkan produk mereka di peringkat antarabangsa bagi memastikan syarikat PKS terus kekal di peringkat global, MED akan terus membantu mereka supaya mempersiapkan diri berdepan dengan model dan teknologi ekonomi baharu yang menuntut persediaan yang lebih baik daripada usahawan-usahawan kita.

Satu lagi perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Aknan a/l Ehtook iaitu berkenaan bentuk bantuan dan kerjasama di antara kementerian dengan badan-badan bukan kerajaan (NGO) bagi membantu para usahawan.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan juga Dewan, sebenarnya kementerian telah menjalinkan kerjasama dengan banyak NGO untuk mengadakan program yang berkaitan keusahawanan. Sebagai contoh, SMECorp. sering bekerjasama dengan NGO atau persatuan industri untuk menyebarkan maklumat tentang bantuan yang disediakan oleh kerajaan, meningkatkan ilmu ahli persatuan dan memberi motivasi serta berkongsi pengalaman dengan usahawan-usahawan yang berjaya.

Antara beberapa aktiviti kerjasama yang telah dibuat ialah Seminar BizRev anjuran Pertubuhan Perintis Malaysia (MyPerintis), FMM SME Conference anjuran *Federation of Malaysian Manufacturers* (FMM) dan program *LGC Ascend 800* anjuran Majlis Perundangan Melayu (MPM) di samping beberapa NGO lain yang kita turut serta dalam perbincangan untuk cuba membuka pasaran-pasaran NGO ini di luar negara. Meskipun tiada peruntukan khusus untuk NGO daripada agensi kementerian yang lain, ia tidak menjadi halangan bagi pihak kementerian untuk mengadakan kerjasama dengan pihak NGO dan juga sebagai rakan strategik.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator dan juga Dewan, TEKUN telah mengambil inisiatif dengan menubuhkan Institut Keusahawanan TEKUN Nasional yang menyediakan latihan dan seminar dalam bidang keusahawanan kepada usahawan-usahawan TEKUN khususnya. Institut ini telah ditubuhkan pada 2010 dan sepanjang lapan tahun kewujudannya sehingga tahun ini, institut telah melaksanakan sebanyak 750 siri kursus untuk hampir 200,000 orang usahawan yang terlibat dengan TEKUN.

Selain daripada itu, pihak NGO juga boleh mencadangkan kerjasama dengan INSKEN. Kita amat terbuka dalam hal ini dan mempersilakan terutamanya persatuan-persatuan yang melibatkan kumpulan-kumpulan sasaran yang seperti B40, orang-orang keperluan khas iaitu Orang Kurang Upaya dan juga mana-mana badan lain yang memerlukan kerjasama untuk program pemasaran media sosial mereka.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, itulah sekadar tiga pandangan yang diberikan oleh Ahli-ahli Dewan untuk dijawab oleh kementerian ini. Sekian, *assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Tuan Haji Muhammad bin Mustafa: Tuan Yang di-Pertua, sedikit saja soalan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat...

Tuan Haji Muhammad bin Mustafa: Sedikit soalan. Iaitu berkenaan kerjasama tadi Yang Berhormat Menteri. Berkenaan- saya pernah mencadangkan supaya pihak kementerian membuat kerjasama dengan AADK dan juga Jabatan Penjara Malaysia. Ini supaya mereka dapat disalurkan untuk beroperasi dalam masyarakat sebagai anggota masyarakat yang normallah, *insya-Allah*. Sejauh manakah tindakan yang diambil?

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang cadangan ini telah diajukan oleh Yang Berhormat sebelum daripada ini dan kita telah mengambil maklum dan sememangnya kumpulan-kumpulan ini di bawah AADK dan juga di bawah Jabatan Penjara Malaysia adalah kumpulan khusus yang kalau kita usahakan sebagai persediaan mereka untuk menyertai semula masyarakat, adalah lebih mudah diuruskan daripada masyarakat yang terbuka.

Jadi, *insya-Allah* cadangan ini akan diambil berat dan kita mungkin akan menjalankan usaha-usaha kalau tidak pun sendiri oleh kementerian, dengan agensi-agensi ataupun NGO-NGO lain yang berminat. Saya yakin program ini kalau kita buat, lebih mudah berjaya.

Begitu juga agensi-agensi lain yang ada usaha-usaha, saya sudah bangkitkan di dalam Dewan ini juga. Contohnya, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan yang menyediakan peruntukan untuk membangunkan asnaf khususnya. Asnaf yang di bawah Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. Kita harap program yang sama dapat kita, bukan ulang, kita tiru. Bukan tiru, kita cadangkan kepada majlis agama negeri-negeri yang lain untuk menyediakan peruntukan dengan kerjasama SMECorp. di Kementerian Pembangunan Usahawan, dapat kita bantu supaya asnaf yang hari ini menerima zakat yang akhirnya akan *independent*, malahan mereka juga akan mengeluarkan zakat pula selepas ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli. Kita dapati bahawa dalam ucapannya banyak usaha-usaha sudah berjaya oleh pihak kementeriannya dan saya mengucapkan ucapan tahniah, ya. Terima kasih banyak.

Sekarang saya jemput pula Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Yang Berhormat, dipersilakan.

12.48 tgh.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Chong Chieng Jen]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Salam sejahtera.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan memberikan pandangan serta mengutarakan isu-isu yang berkaitan dengan kementerian ini semasa perbahasan ke atas Usul Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sepanjang perbahasan, terdapat seramai lapan orang Ahli Yang Berhormat telah membahaskan enam perkara di bawah kementerian saya yang akan saya perjelaskan hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, isu pertamanya adalah mengenai isu harga barangan seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid dan Yang Berhormat Senator Dr. Nuing Jeluing. Penentuan harga barangan dan perkhidmatan adalah berdasarkan kepada fakta-fakta yang berbeza di antara satu sama lain seperti permintaan dan penawaran iaitu *demand and supply*, faktor cuaca, ekonomi global, persaingan, kadar tukaran wang asing, kos pengeluaran dan sebagainya.

Antara punca harga yang lebih tinggi di Sarawak adalah disebabkan oleh kos pengangkutan barangan memandangkan kebanyakan pengeluar beroperasi di Semenanjung Malaysia. Keadaan ini ditambah lagi dengan kos pengangkutan darat yang tinggi disebabkan oleh faktor bentuk muka bumi dan taburan penduduk di kawasan-kawasan pedalaman yang terletak jauh dari bandar dan tidak mempunyai infrastruktur perhubungan yang baik.

■1250

Bagi mengurangkan jurang perbezaan harga barangan asas di antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak, kerajaan turut melaksanakan program penyeragaman harga sejak dari tahun 2009 sehingga kini. Melalui program ini kerajaan menanggung kos penghantaran barang-barang keperluan asas seperti beras, tepung gandum, minyak masak paket satu kilo, gula pasir, gas petroleum cecair, gas memasak, petrol RON95 dan diesel ke kawasan pedalaman di Sabah, Sarawak dan Semenanjung. Hasilnya penduduk-penduduk di kawasan pedalaman boleh membeli barangan asas tersebut pada harga yang berpatutan.

Tambahan kepada itu, harga barangan asas seperti gula, minyak masak, gas petroleum cecair dan tepung gandum dan kegunaan am ini tidak terjejas walaupun berlaku perubahan polisi percukaian di dalam negara. Ini kerana dikawal harga di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011. Sebentar lagi saya akan membentangkan statistik kes pencatutan yang telah diambil di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 sepanjang tahun 2016 sehingga tahun 2019.

Isu keduanya adalah mengenai kos sara hidup seperti yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat, Yang Berhormat Senator Datuk Ir. Yong Wui Chung dan Yang Berhormat Senator Dato' Zahari bin Sarip. Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) telah ditubuhkan berperanan sebagai badan utama bagi menangani isu-isu dan cabaran berhubung kenaikan kos sara hidup yang memberi kesan kepada kesejahteraan rakyat. Selain itu, NACCOL bertujuan untuk memperkukuhkan dan menyelaraskan pelaksanaan strategi-strategi dan pelan tindakan berkaitan isu-isu sara hidup dengan berkesan melalui kerjasama strategi merentasi sektor awam dan swasta agar segala inisiatif yang dirancang dapat dilaksanakan secara holistik dan bersepadu.

Antara keputusan-keputusan dan inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan di bawah NACCOL adalah seperti berikut. Pertamanya pelaksanaan kad My100 dan My50 bagi tambang pengangkutan awam. Perkara ini dipersetujui oleh Jemaah Menteri pada 10 Oktober 2018 dan diumumkan dalam Bajet 2019 pada 2 November 2018. Dilaksanakan pada 1 Januari 2019 untuk rakyat Malaysia sahaja. Inisiatif My100 ini boleh digunakan selama 30 hari tanpa had untuk penggunaan di semua servis *train* dan bas RapidKL iaitu LRT, MRT, BRT, monorel dan bas RapidKL. Manakala pas My50 pula adalah pas berharga RM50 untuk 30 hari penggunaan di perkhidmatan bas RapidKL sahaja termasuk bas dan MRT tetapi tidak termasuk bas BRT.

Inisiatif keduanya adalah inisiatif kerajaan untuk memudahkan rakyat mendapatkan pembiayaan perumahan yang mana untuk golongan berpendapatan tidak melebihi RM2,300 sebulan dan memiliki rumah buat kali pertama. Dana berjumlah RM1 bilion akan ditubuhkan oleh Bank Negara untuk pembelian Rumah Mampu Milik berharga sehingga RM150,000. Mulai 1 Januari 2019, dana ini tersedia di Ambank, CIMB Bank, Maybank, RHB dan BSN melalui kadar pembiayaan serendah 3.5 peratus. Ini akan turut mengurangkan jumlah bayaran ansuran bulanan kepada peminjam.

Isu yang ketiga ialah mengenai jumlah kes pencatutan sehingga bulan April 2019 seperti yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Rabiyyah binti Ali. Untuk makluman Ahli Dewan yang Mulia ini, daripada tahun 2016 hingga April 2019, sebanyak 89,878 pemeriksaan telah dibuat ke atas premis-premis perniagaan termasuk kedai runcit, pemborong, pengedar dan pengilang di bawah Ops Catut 2.0 sehingga 5.0.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak 3,757 Notis di bawah seksyen 21 Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dikeluarkan dan 374 kertas siasatan telah dibuka. Sebanyak 14 kes telah didakwa ke mahkamah serta 97 kes dikenakan kompaun mengikut pelbagai kesalahan berkaitan pencatutan. Ini termasuk gagal memberi maklum balas Notis seksyen 21

dan tidak menyelenggarakan rekod dan telah dicatat oleh Unit Anti Pencatutan Bahagian Penguatkuasa KPDNHEP seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang keempat ialah mengenai inisiatif Kedai Ekonomi Pengguna (i-KeeP) seperti yang telah turut dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Rabiyah binti Ali. Program i-KeeP merupakan satu inisiatif baharu kerajaan dalam usaha menangani isu kos sara hidup rakyat dengan menawarkan barangan keperluan harian pada harga yang berpatutan. Program i-KeeP telah dilancarkan pada 29 November 2018. Program ini tidak hanya memfokuskan harga murah tetapi menumpukan usaha kepada *outlets* i-KeeP dengan menawarkan barangan keperluan harian pada harga yang berpatutan.

Selain itu, penjimatan yang pengguna dapat hasil daripada membeli barangan keperluan harian di *outlet* i-KeeP adalah sehingga 20 peratus lebih rendah daripada harga pasaran. Sehingga April 2019, sejumlah 332 premis i-KeeP telah diwujudkan dengan penyertaan daripada 10 buah syarikat sebagai rakan strategi i-KeeP. Menjelang tahun 2020, kerajaan menyasarkan untuk mengembangkan premis i-KeeP sehingga 500 premis. Pelaksanaan i-KeeP digerakkan melalui kerjasama strategik kerajaan dengan syarikat peruncitan yang berkaliber dan berkeupayaan tanpa melibatkan bantuan peruntukan kewangan daripada pihak kerajaan.

Pihak kerajaan terbuka kepada mana-mana pihak terutamanya syarikat peruncitan yang berminat untuk menyertai i-KeeP. Tumpuan barangan yang dijual melalui i-KeeP adalah barangan keperluan asas seperti gula, minyak masak, tepung gandum dan beras. Selain itu, i-KeeP juga menjual barangan keperluan harian yang berjenama dengan mengekalkan pembungkusan barangan jenama tersebut pada harga yang berpatutan dan munasabah.

Isu yang kelima ialah mengenai kempen beli produk halal-toyyiban seperti yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Nuridah binti Mohd Salleh. Produk halal-toyyiban bukanlah di bawah seliaan kementerian saya secara langsungnya tetapi kementerian saya sentiasa menggalakkan produk-produk tempatan untuk mendapatkan pensijilan halal daripada JAKIM. Ini kerana para pengguna akan berasa lebih yakin sekiranya sesebuah produk itu telah dipersijilkan dengan pensijilan halal.

Dalam hal ini, KPDNHEP telah bekerjasama dengan pihak JAKIM dan Halal Industry Development Corporation (HDC) untuk menggalakkan lebih banyak usahawan memperoleh pensijilan halal pada produk-produk keluaran mereka. KPDNHEP juga telah menjalankan kerjasama dengan HDC dan *hypermarkets* tempatan dalam menerbitkan sebuah buku panduan kemasukan produk-produk PKS halal ke pasar raya besar asing dan tempatan di Malaysia sebagai panduan kepada usahawan-usahawan PKS tempatan untuk

memperbanyak lagi produk-produk halal tempatan menembusi pasaran *hypermarket* di negara ini.

Isu yang keenam Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang lagi?

Tuan Chong Chieng Jen: Tidak. Dua muka sahaja. Dua muka lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Atau kita sambung petang karang?

Tuan Chong Chieng Jen: Bolehkah saya habiskan?

Timbalan Yang di-Pertua: Okey.

Tuan Chong Chieng Jen: Isu terakhir iaitu isu keenam ialah mengenai harga petrol RON95 seperti yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid dan Yang Berhormat Senator Puan Raj Munni binti Sabu. Selaras dengan keputusan Jemaah Menteri pada 27 Februari 2019, kerajaan bersetuju untuk meletakkan paras harga petrol RON95 kepada RM2.08 seliter dan diesel pada RM2.18 seliter. Langkah ini adalah bertujuan bagi membantu mengurangkan beban serta kos sara hidup rakyat.

Untuk makluman Ahli Dewan yang mulia ini, harga semasa petrol RON95 adalah sebanyak RM2.50 seliter sekarang dan kerajaan perlu menanggung subsidi sebanyak RM130.45 juta seminggu apabila harga petrol RON95 distabilkan pada harga RM2.08. Subsidi ini dibayar kepada syarikat minyak yang dapat bekalan petrol dan diesel dari dalam dan luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan pada kali ini. Saya percaya pandangan dan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat dapat membantu memperkukuhkan lagi polisi dan tanggungjawab yang telah diamanahkan kepada kementerian ini untuk dilaksanakan. Mudah-mudahan setiap perkara yang dibahaskan pada hari ini akan membawa kebaikan kepada kita semua. Terima kasih. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Chong Chieng Jen, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah menjawab dengan padat, ringkas dan difahami. Ahli Yang Berhormat, petang ini saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan Selamat Menyambut Bulan Ramadan Al-Mubarak 1440H bagi semua umat Islam dan selamat berpuasa. Semoga puasa kita bagi tahun ini diberkati dan dirahmati. Terima kasih banyak.

Ahli Yang Berhormat, terima kasih banyak dan jam telah 1 petang. Sekarang saya tangguhkan mesyuarat hingga jam 2.30 petang. Terima kasih.

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.03 tengah hari]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

■1430

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera. Ahli-ahli Yang Berhormat, kita sambung dengan Kementerian Wilayah Persekutuan. Dipersilakan Kementerian Wilayah Persekutuan, Menteriunya.

2.32 ptg.

Datuk Dr. Shahrudin bin Md Salleh: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator Dewan Negara yang telah pun menyertai perbahasan Titah Diraja pada kali ini yang telah pun menyentuh isu-isu di Wilayah Persekutuan. Akan tetapi sebelum itu, ingin saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat menjalani ibadah puasa, *Ramadhan Kareem* kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Dato' Ong Chong Swen telah membahaskan mengenai isu *urban planning*. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Kementerian Wilayah Persekutuan melalui PLANMalaysia iaitu Jabatan Perancangan Bandar dan Desa telah menyediakan Rancangan Fizikal Negara Ke-3 atau dikenali singkatannya RFN Ke-3 yang menjadi kerangka pembangunan fizikal negara di mana golongan warga emas diunjurkan meningkat kepada 20 peratus pada tahun 2030.

Setakat tahun 2020, warga emas sekarang dianggarkan hanya tujuh peratus. Mengikut *United Nations*, jika golongan warga emasnya mencapai sehingga lebih 15 peratus, maka *nation* itu dianggap sebagai *the ageing nation* atau *the ageing state*.

Justeru itu, dokumen ini atau dokumen RFN Ke-3 ini telah menggariskan satu strategi perancangan iaitu persekitaran kehidupan lengkap dan berkualiti yang bertujuan membentuk komuniti sejahtera melalui perumahan yang sesuai untuk semua golongan sasaran terus kepada warga emas, orang kurang upaya, kanak-kanak dan sebagainya. Ia disokong dengan meningkatkan akses ataupun memudahkan golongan sasaran mencapai dan menggunakan kemudahan masyarakat dan mewujudkan persekitaran kehidupan yang selamat dan bersih.

Dalam memperincikan strategi tersebut, PLANMalaysia telah menyediakan garis panduan perancangan fizikal bagi warga emas 2018. Saya bawa dokumennya di sini. Ini buku garis panduan itu. Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat boleh membacanya atau membelinya,

mendapatkannya dengan memuat turun daripada laman web PLANMalaysia. Tidak lah tebal. Hanya 77 muka surat sahaja yang bertajuk 'Garis Panduan Perancangan Fizikal bagi Warga Emas. Jadi, ramai mungkin Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk dalam golongan warga emas, termasuklah saya.

Jadi, garis panduan ini adalah sebagai panduan kepada agensi persekutuan, Pihak Berkuasa Negeri (PBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), badan bukan kerajaan, agensi awam dan agensi swasta dalam merancang, membangunkan dan mereka bentuk penempatan-penempatan warga emas.

Garis panduan perancangan tersebut menerapkan keperluan perancangan dan reka bentuk bagi tiga jenis penempatan. Warga emas yang telah dikenal pasti iaitu pusat jagaan warga emas, perumahan khas warga emas dan perumahan persendirian warga emas. Garis panduan ini turut mengambil kira empat prinsip utama dalam merancang penempatan mesra warga emas di kawasan pembangunan baharu dan yang telah sedia ada iaitu tujuannya untuk menghasilkan keharmonian, ianya selamat, mesra pengguna dan mudah sampai dalam usaha memastikan kelangsungan warga emas yang berdaya tahan.

Selain daripada itu juga, PLANMalaysia juga telah menyediakan garis panduan perancangan *Healthy Workable City*. Ada dua. Satu lagi, buku garis panduan perancangan untuk panduan dan rujukan PBT juga. Nampak tidak. Garis panduan ini tidak lah tebal, hanya 110 muka surat sahaja. Garis panduan ini untuk panduan dan rujukan PBT, para profesional perancang bandar, arkitek, jurutera dan arkitek landskap, pemaju serta agensi teknikal yang berkaitan.

Garis panduan dan perancangan ini mengambil kira ketersambungan, mesra pengguna, selesa, selamat dan mampan yang mana sebarang reka bentuk laluan pejalan kaki, kerusi roda, dan yang bertongkat dan juga basikal memenuhi keperluan piawaian bagi OKU meliputi orang kurang penglihatan, rabun, kurang pendengaran, masalah kognitif dan yang mungkin ada masalah mengenal warna dan sebagainya.

Projek perintis *Healthy Workable City* telah pun dijalankan. Projek perintis ini di Bandar Kluang, Johor dan Bandar Kuala Terengganu. Ia merupakan projek fizikal di bawah seliaan PLANMalaysia dengan kerjasama PBT yang terlibat yang menerapkan prinsip perancangan yang digariskan dalam garis panduan yang disediakan ini. Di samping itu juga, PLANMalaysia turut menyediakan garis panduan perancangan reka bentuk sejagat, *universal design*.

The last one, yang akhir. Ada juga satu lagi garis panduan yang menekankan konsep bebas halangan- *barrier-free* atau reka bentuk mudah akses. *Accessible design* bertujuan untuk memberi akses kepada golongan OKU, warga emas dan juga kanak-kanak secara

terperinci untuk diguna pakai oleh pihak PBT di dalam mempertimbangkan kelulusan perancangan.

■1440

Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan sangat komited dalam memastikan setiap perancangan dan pembangunan mengambil kira keperluan pelbagai golongan termasuklah, yang disebutkan tadi, warga emas, OKU dan kanak-kanak bagi memastikan hak dan keperluan mereka akan terus dibela kerana mereka juga adalah sebahagian daripada masyarakat dan pengguna sebagaimana juga golongan-golongan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Dato' Sri Ti Lian Ker...

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Sedikit penjelasan, boleh? Minta. Boleh, Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Boleh ya. Sebab menarik dengar penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Timbalan Menteri, tahniah di atas tiga naskhah buku rujukan tersebut.

Soalan tambahan, hendak tanya penjelasan, kalau pihak-pihak yang sepatutnya mengikut panduan tersebut tidak mengikut, adakah ia mempunyai implikasi? Itu satu.

Kedua, saya hendak tanya, bagaimana sisi peranan budaya dalam perancangan bandar? Sebab saya tengok tidak ada sisi budaya sebab saya tengok di Kuala Lumpur ini sudah jadi seolah-olah macam orang lain pula tentukan identiti budaya. Oleh sebab itu, saya tengok nama-nama tempat pun sekarang sudah nama orang putih, kadang tidak ada asas sejarah, tidak ada asas budaya. Yang ada budaya, ditukar.

Jadi, adakah pihak kementerian melihat perkara tersebut sesuatu yang perlu ada satu garis panduan tambahan pula di sisi budaya pula? Itu pada pandangan saya. Saya rasa budaya penting juga dalam pembangunan masyarakat.

Datuk Dr. Shahrudin bin Md Salleh: Baik. Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Tentang garis panduan yang telah kita keluarkan ini, namanya pun garis panduan, okey? Ia bukan satu akta atau undang-undang yang harus atau wajib diikuti. Akan tetapi, bukan ini sahaja garis panduan yang telah dikeluarkan. Bahagian Kejuruteraan Awam misalnya, juga mengeluarkan garis panduan untuk mana-mana pihak yang hendak merancang dan membina pembinaan untuk mengikut garis panduan yang telah ditetapkan. Seharusnya mereka ikut garis panduan itu kerana garis panduan itu dibuat setelah membuat kajian yang teliti dalam satu-satu perancangan.

Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat tentang perlunya dimasukkan aspek seni budaya kepada perancangan bandar pada masa akan datang dan sudah tentu kita mengambil maklum perkara yang telah dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Dato' Sri Ti Lian Ker, Yang Berhormat Senator Puan Nuridah binti Mohd Salleh dan Yang Berhormat Senator Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah telah membahaskan isu yang sama mengenai cadangan pengambilan tanah dan pembangunan semula Kampung Baru, Kuala Lumpur.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, cadangan pelaksanaan pembangunan Kampung Baru telah dilihat, dikaji dan diteliti semula secara terperinci oleh pihak kerajaan sekarang. Kesukaran pelaksanaan pembangunan Kampung Baru di antaranya disebabkan oleh faktor-faktor pemilikan tanah berganda, penyelesaian isu-isu faraid dan penentuan sumber peruntukan kewangan yang perlu ditangani dalam memastikan hasrat membangunkan semula Kampung Baru akan tercapai.

Selaras dengan itu, pada 18 September 2018 yang lalu, pihak kerajaan telah mengambil langkah melalui Kementerian Wilayah Persekutuan dengan menubuhkan Jawatankuasa Pembangunan Kampung Baru yang memfokuskan kepada tanah *Malay Agricultural Settlement* (MAS) Kampung Baru yang luasnya adalah sebanyak 220.27 ekar bagi menyelesaikan empat isu utama seperti berikut:

- (i) menentukan kaedah terbaik memperoleh tanah bagi tujuan membangunkan semula Kampung Baru dan mencadangkan cara paling efisien menyelesaikan isu pemilikan terutamanya faraid;
- (ii) menilai setiap pelan-pelan pembangunan semula Kampung Baru dan mencadangkan susun atur fizikal, *building skyline* serta intensiti pembangunan semula Kampung Baru dengan mengambil kira kepentingan dan ciri-ciri warisan serta budaya orang-orang Melayu;
- (iii) meneliti model pembiayaan dan mekanisme terbaik membangunkan semula Kampung Baru terutamanya penentuan kos memperoleh tanah, termasuklah implikasi pasaran dan pengekalan pegangan pemilikan Melayu yang ditetapkan untuk tanah-tanah Kampung Baru; dan
- (iv) mendapatkan pandangan dan ulasan daripada pemilik dan pewaris tanah serta pihak-pihak berkepentingan bagi memastikan pembangunan Kampung Baru adalah bersifat menyeluruh serta mampu dilaksanakan dengan sempurna.

Beberapa penemuan telah diperoleh oleh jawatankuasa ini dan aspek yang sedang diberikan perhatian dan diperincikan adalah berhubung kaedah memperoleh tanah serta penentuan sumber kewangan bagi melaksanakan perolehan tersebut. Merujuk kepada analisis awal, dijangkakan kos perolehan tanah mencapai atau mencecah RM10 bilion yang mana ianya adalah melebihi nilai pasaran semasa dan kaedah perolehan tanah adalah perlu dilaksanakan secara serentak bagi mengelakkan spekulasi nilai tanah yang tidak sepatutnya. Aspek-aspek yang diambil kira dalam penentuan nilai tanah adalah:

- (i) nilai potensi pembangunan semula Kampung Baru berdasarkan zon guna tanah perdagangan pusat bandar raya dan nisbah plot 10 yang ditetapkan dalam Pelan Tempatan Kuala Lumpur;
- (ii) nilai pembangunan di sekitar kawasan; dan
- (iii) penetapan untuk pemilikan tanah Kampung Baru kekal kepada orang Melayu dengan kemungkinan pajakan kepentingan ke atas tanah yang akan dikenal pasti untuk tempoh masa tertentu sepertimana yang telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada tahun 2010.

Walaupun penetapan berhubung kaedah memperoleh tanah sama ada melalui pemakaian Akta Pengambilan Tanah 1960 atau dengan kaedah jual beli masih sedang diteliti, tertakluk kepada persetujuan penyelesaian isu-isu pemilikan tanah dan persetujuan pembangunan dengan pemilikan dan pewaris tanah serta pihak-pihak berkepentingan di Kampung Baru, pihak kerajaan juga sedar bahawa pelaksanaan pembangunan semula Kampung Baru tidak boleh dilaksanakan secara tergesa-gesa. Semenjak tahun 2013, sejumlah 792 sesi perbincangan seperti Program Turun Padang (TUPA), Program Jejak Waris, Program *Mobile Team* dan Klinik Harta Pusaka bersama pemilik dan pewaris tanah Kampung Baru telah diadakan dan diteruskan dari semasa ke semasa.

Kolaborasi dengan agensi-agensi berkaitan seperti Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG), Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan (PTGWP), Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur serta Amanah Raya Berhad turut diadakan bagi memastikan penyelesaian isu pemilikan tanah mampu dilaksanakan dengan seberapa segera. Pandangan dan idea dari pelabur dan pemaju tanah juga sedang diteliti dalam menentukan kaedah terbaik melaksanakan pembangunan semula Kampung Baru.

Satu sesi soal selidik telah dilaksanakan bermula 1 November 2018 sehingga 31 Disember 2018 dan telah dilanjutkan sehingga 28 Februari 2019 melibatkan semua pemilik berdaftar Kampung Baru.

■1450

Maklum balas yang diterima menunjukkan bahawa 88 peratus bersetuju dengan pembangunan semula Kampung Baru di mana 65 peratus mengkehendaki bahawa pembangunan itu dilaksanakan oleh kerajaan atau syarikat berkaitan kerajaan. Selain itu, bagi memastikan pengkelan penempatan pemilik dan pewaris tanah Kampung Baru ke atas harga tanah yang dibangunkan, pihak kerajaan juga telah bersetuju untuk menetapkan syarat pulangan berdasarkan nilai tanah adalah dalam bentuk *in kind* atau unit-unit kediaman yang dibangunkan dan bukan hanya dalam bentuk tunai sahaja.

Konsep pembangunan Kampung Baru berdasarkan pelan pembangunan yang sedang diperincikan dibuat berdasarkan kepada prinsip iaitu:

- (i) satu pelan yang kompetitif bagi menarik minat pelabur, pembeli dan penyewa melibatkan diri dalam pembangunan semula Kampung Baru;
- (ii) memastikan penyediaan jaringan infrastruktur dan memenuhi keperluan utiliti yang mampu menampung pertambahan penduduk, pekerjaan dan isi padu trafik yang lebih tinggi pada masa hadapan;
- (iii) memastikan penyediaan ruang-ruang awam seperti kawasan lapang, riadah dan kemudahan masyarakat dalam menampung keperluan penduduk di masa akan datang; dan
- (iv) memastikan pengkelan kepada elemen-elemen warisan, seni budaya dan cara hidup orang Melayu terus dapat dipelihara serta diseimbangkan dengan konteks pembangunan moden.

Pihak kerajaan juga telah menetapkan kawasan khusus dalam pembangunan semula Kampung Baru yang akan menempatkan rumah-rumah tradisional Kampung Baru yang telah dikenal pasti sebagai memiliki nilai-nilai khazanah seni bina warisan Melayu yang boleh dikekalkan dan menjadi tarikan kepada semua dan juga pelancong asing.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pelan pembangunan yang disediakan ini akan dibentangkan kepada orang awam bagi tujuan mendapatkan maklum balas sebelum ia dimuktamadkan. Semua aspek yang dinyatakan akan dikaji secara terperinci dan satu memorandum Jemaah Menteri akan disediakan untuk diperhalusi dan dipersetujui oleh pihak kerajaan sebelum program pembangunan Kampung Baru dapat dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, boleh saya berubah ke...

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Datuk Dr. Shahrudin bin Md Salleh: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Nuridah binti Mohd Salleh ada membangkitkan tentang lapan hingga sembilan orang

penduduk *flat* Setapak Jaya yang telah diminta keluar daripada kediaman mereka dalam notis yang pendek.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, jabatan telah mengeluarkan notis tindakan kunci air kerana kegagalan menjelaskan tunggakan sewa bagi tempat duduk kediaman mereka kepada penduduk di Perumahan Awam Setapak Jaya yang mempunyai tunggakan sewa sebanyak tiga bulan ke atas. Notis berkenaan telah diserahkan kepada penghuni yang bertunggakan sewa pada 6 Mac 2019 bertujuan memaklumkan kepada penghuni berkenaan bahawa mereka mempunyai tunggakan sewa yang ditanggung oleh penghuni yang harus dijelaskan. Dalam notis tersebut, DBKL telah menyatakan sekiranya penghuni gagal menjelaskan tunggakan sewa berkenaan, DBKL boleh menamatkan perjanjian penyewaan dan melaksanakan tindakan mengosongkan unit.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, notis tersebut bertujuan sebagai peringatan kepada penghuni-penghuni untuk menjelaskan tunggakan sewa masing-masing. Sekiranya penghuni gagal menjelaskan tunggakan sewa, DBKL tidak akan sewenang-wenangnya mengusir dan meminta dikosongkan unit dalam tempoh yang singkat ataupun serta-merta. DBKL masih memberi peluang kepada penghuni yang mempunyai tunggakan sewa untuk berbincang dan berunding dan mencari kaedah yang terbaik untuk menyelesaikan sebarang tunggakan yang mereka punya. Sekiranya penghuni masih ingkar dan enggan berunding untuk menyelesaikan tunggakan sewa, DBKL akan menghantar notis peringatan seterusnya dan mendapatkan tindakan mahkamah untuk tindakan selanjutnya.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya Kementerian Wilayah Persekutuan mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian. Segala teguran, pandangan dan cadangan yang membina daripada Ahli-ahli Yang Berhormat semua amatlah saya hargai dan akan kami manfaatkan untuk kepentingan kita bersama. Akhir kata daripada saya, "Wilayah Peduli, Harapan Dipenuhi". Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Dr. Shahrudin bin Md Salleh mewakili Menteri Wilayah Persekutuan. Banyak cerita tentang pembangunan Kampung Baru yang masyarakat sana menunggu-nunggu apa yang terbaik termasuk juga kampung saya itu ya.

Baik, jadi sekarang kita jemput pula Kementerian Kewangan. Silakan.

2.56 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga seperti rakan-rakan yang lain ingin mengambil

kesempatan ini untuk mengucapkan selamat menyambut Ramadhan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang beragama Islam dan semoga *insya-Allah*, madrasah Ramadhan tahun ini akan menjadikan kita lebih bertakwa kepada Allah SWT.

Saya ingin merakamkan penghargaan ke atas Titah Diraja semasa Majlis Istiadat Pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Parlimen Keempat Belas, tahun 2019 pada 11 Mac 2019. Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam Dewan ini dari 22 hingga 25 April yang lepas, antara lain menyentuh portfolio Kementerian Kewangan. Semua pandangan, teguran dan cadangan yang diberikan dan yang dibangkitkan berkaitan kewangan amatlah kita hargai.

Tuan Yang di-Pertua, pertama yang ingin saya sebutkan di sini ialah jawapan terhadap kejatuhan KLCI dan apakah hala tuju yang hendak diambil jangka masa panjang dan pendek untuk menangani kerisauan para pelabur ini. Perang perdagangan ataupun *trade war*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, antara Amerika Syarikat dan China, penetapan kadar faedah oleh Bank Pusat Amerika Syarikat, ketidaktentuan harga minyak mentah global, unjuran pertumbuhan ekonomi dunia yang perlahan adalah antara faktor yang telah mempengaruhi prestasi pasaran ekuiti global termasuk Malaysia.

Jadi ekonomi-ekonomi besar dunia Tuan Yang di-Pertua apabila mereka bersin sikit, kita ini sudah demam. Oleh sebab kita *a small and an open economy*. Jadi, ini juga menjadi antara perkara-perkara yang telah dibincangkan agak hangat di forum *ASEAN Plus Three* dan juga *Asian Development Bank* yang baru selesai pada hari Sabtu yang lepas di Fiji. Jadi untuk memastikan pasaran modal tempatan kita kekal stabil dan berdaya tahan, Bursa Malaysia telah menyediakan pelan perniagaan empat tahun iaitu 2017 hingga 2020 yang memberikan tumpuan kepada peningkatan kerancakan aktiviti pasaran saham tempatan bagi menjadikan pasaran Malaysia lebih kompetitif di rantau ini. Antara inisiatif yang telah dijalankan adalah:

- (i) menambah kepelbagaian produk sekuriti dan produk berkaitan yang lain;
- (ii) membangun dan meningkatkan jumlah pelabur;
- (iii) menambah baik dan menyediakan ekosistem yang diperlukan; dan
- (iv) mengembangkan pasaran serantau.

Dalam jangka masa panjang, prestasi bursa saham secara keseluruhannya akan di dorong oleh kekuatan asas ekonomi negara.

■1500

Mungkin ada insiden-insiden tertentu yang berlaku, yang menyebabkan ada sedikit perubahan penurunan yang berbentuk tidak kekal. Akan tetapi, dengan kekuatan asas

ekonomi negara kita yang lebih baik dan kukuh, itu akan menyebabkan kita, *we can weather*, dengan izin, ketidaktentuan ini dengan lebih baik dengan meningkatkan daya tahan ekonomi dengan mempelbagaikan sumber ekonomi, memperkukuh daya saing ekonomi dan kedudukan fiskal negara.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tengok pada tahun 2018, walaupun kita berdepan dengan cabaran yang pelbagai, seperti yang saya sebutkan tadi, kita FBM KLCI merupakan yang kedua terbaik di Asian selepas Indonesia. Jadi, itulah yang kita sebutkan tadi, kekuatan dan stabilnya kita dalam *long-term* ini adalah suatu yang amat perlu. Kita mengharapkan bahawa inilah yang akan membuat kita dapat bertahan dengan lebih baik apabila adanya gangguan-gangguan sementara yang berlaku di ekonomi dunia itu.

Kemudian, saya masuk kepada kadar pengurangan hutang negara. Ini disentuh oleh Yang Berhormat Senator Tuan Ismail bin Yusop yang meminta jumlah yang tepat pada kadar pengurangan hutang yang telah dicapai dalam masa yang terdekat. Tuan Yang di-Pertua, secara amnya, jumlah hutang langsung Kerajaan Persekutuan akan terus meningkat selagi perbelanjaan kerajaan mengalami defisit. Pinjaman yang dibuat adalah bagi membiayai semula hutang yang matang dan kita akan cuba mencari pembiayaan yang lebih murah berbanding dengan yang kita ambil sebelum itu untuk menampung perbelanjaan pembangunan.

Hutang langsung Kerajaan Persekutuan hanya dapat dikurangkan sekiranya kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan mempunyai lebihan ataupun surplus yang mencukupi untuk membiayai perbelanjaan pembangunan dan membayar hutang. Jadi, disiplin ini perlu kita ikuti dengan sebaiknya. Nanti akan ada satu pembentangan tentang bagaimana ada sedikit surplus kita yang dapat daripada *current account* kita- maknanya pendapatan kita melebihi belanja mengurus kita. Manakala yang lebihan itu dapat kita masukkan sebagai perbelanjaan di dalam pembangunan yang akan- kalau tiada aral atau apa, kita akan bentangkan esok *insya-Allah*.

Bagi tahun 2018, hutang Kerajaan Persekutuan meningkat daripada RM686.8 bilion ataupun 50.7 peratus daripada KDNK pada tahun 2017 kepada RM741 bilion ataupun 51.8 peratus daripada KDNK. Peningkatan sebanyak RM54.2 bilion ini digunakan untuk membiayai defisit tahun 2018. Bagi memastikan paras hutang langsung, Kerajaan Persekutuan kekal rendah dan terurus dalam jangka masa panjang, langkah konsolidasi fiskal akan diteruskan.

Di samping itu, kerajaan juga mempunyai tanggungan liabiliti lain seperti jaminan yang perlu ditanggung kerajaan, *government guarantee* yang kita kena bayar, hutang 1MDB dan liabiliti lain menjadikan kedudukan hutang dan liabiliti Kerajaan Persekutuan dianggarkan

berjumlah RM1.1 trilion atau sekitar 76 peratus daripada KDNK pada akhir tahun 2018 lebih rendah berbanding 80.3 peratus pada tahun 2017.

Suka saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ini, ya kita berhutang untuk memastikan bahawa projek pembangunan akan terus dapat kita lakukan untuk kesejahteraan rakyat. Akan tetapi, ada perkara-perkara yang telah pun dibelanjakan dahulu yang akhirnya kita tahu tidak akan memberikan apa-apa pulangan kepada kita seperti mana dalam kes 1MDB.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kita telah membayar dari segi *interest*-nya sahaja untuk 1MDB hampir-hampir berjumlah RM8 bilion tanpa kita sentuh lagi pinjaman pokok yang perlu dibuat. Dapat kita bayangkan Tuan Yang di-Pertua, hampir RM8 bilion ini yang kalau dapat kita gunakan untuk memperbaiki infrastruktur sekolah, kemudahan, kesihatan dan sebagainya. Jadi, benda sudah berlaku. Kita sudah beri *guarantee* untuk membayar balik bila tiba masanya yang diperlukan, maka kita akan terus memastikan bahawa perkara tersebut akan kita laksanakan.

Kerajaan mengambil langkah proaktif dengan menubuhkan Pejabat Pengurusan Hutang- *Debts Management Office*, seperti yang diumumkan dalam Bajet 2019...

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Tuan Yang di-Pertua? Hendak mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri sikit. Boleh ya?

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan. Ya.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Mengenai 1MDB tadi, sebab mutakhir ini saya tengok ada kenyataan dari beberapa orang yang mengatakan duit kita di 1MDB daripada Amerika akan dibawa pulang, duit daripada Singapura pun katanya akan dibawa pulang. So, hari ini mahu tanya dekat Yang Berhormat Menteri sebab tengok *dok* baca kenyataan dalam akhbar, media kan. Sebenarnya kedudukannya itu bagaimana? Ia hendak dipulangkan secara bagaimana ataupun masih lagi di peringkat apa? Kalau boleh dijelaskan.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Sebenarnya dalam kes-kes tertentu ini kita masih belum selesai urusannya. Contohnya, di Amerika dengan DOJ itu masih belum selesai. Akan tetapi, kita amat optimis bahawa perkara itu akan berlaku apabila selesai prosedur yang perlu mereka lalui ini. Kita juga seperti mana mengharapkan ada harta yang dapat kita rampas, kemudian negara tidak memerlukan harta-harta tersebut. Contohnya, Equanimity. Akan tetapi, sayangnya apabila kita buka pada bidaan, agaknya market pun tahu kita terdesak untuk *disposed*, dengan izin, akhirnya kita tidak mendapat nilai yang kita harap-harapkan. Ini kerana terpaksa melepaskan pada harga yang jauh lebih rendah daripada *expectations* kita.

Jadi, saya sambung balik. Kita telah mengadakan Pejabat Pengurusan Hutang bagi memastikan pengurusan hutang yang lebih berhemat dan pemantauan yang lebih menyeluruh terhadap tanggungan liabiliti kerajaan. So, kita harap sejarah yang lama tidak akan berulang lagi apabila kerajaan diminta- kadang-kadang bukannya untuk menyediakan peruntukan tapi untuk menjadi *guarantee*.

Kita hendak pastikan bahawa *due diligence* dibuat dengan betul-betul dan memastikan bahawa hanya projek-projek yang berdaya saing yang boleh memberikan keuntungan kepada GLCs dan sebagainya yang dapat kita berikan *guarantee* ini supaya akhirnya kita tidak- *we are not being saddle*, dengan izin, hutang yang tinggi tetapi hasilnya tidak ada langsung. Jadi, kita berhutang dan ianya tidak memberikan pulangan kepada kita.

Kerajaan juga telah menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Hutang dan Liabiliti pada Januari tahun 2019, dengan objektif utama untuk mengurangkan jumlah hutang dan liabiliti kerajaan ke arah tahap yang lebih terurus. Jangka masa yang diberikan kepada jawatankuasa ini untuk mencapai objektif tersebut adalah selama 18 bulan dan bertanggungjawab untuk melaporkan terus kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua- kena cepat sikit ini. Ramai permintaan, supaya kalau boleh masing-masing dapat buka puasa dengan keluarga di rumah. Peningkatan hutang ataupun defisit bajet kita sebanyak 2.8 peratus yang diunjurkan pada tahun 2018 menjadi 3.7 peratus. Apakah defisit ini akan terus kekal...

Dr. Yaakob bin Sapari: Tuan Yang di-Pertua, mohon menceleh?

Timbalan Yang di-Pertua: Sila, ya.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Tidak buka puasa *awai* lah ini [*Ketawa*]

■1510

Dr. Yaakob bin Sapari: Saja. Dah tahu datang tengah hari mengantuk- jadi kena bangunlah.

Saya dapati bajet negara berterusan defisit selama 20 tahun, menjadikan hutang terus meningkat dan negara diuruskan dengan hutang. Kalau ini berterusan, maknanya kita dalam keadaan yang tidak baik. Jadi, kerajaan kena berusaha untuk mengurangkan defisit ini dan kalau ini berterusan, hutang itu terus meningkat. Jadi apa pandangan Yang Berhormat Menteri?

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Ya, terima kasih Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob. Ya, memang kita mengimpikan agar bagaimana kewangan negara, pernah kita *surplus* dulu ini. Kita harap sejarah itu dapat kita ulangi semula. Akan tetapi, kita tidak dapat mencapai perkara tersebut dengan segera kerana ia akan melibatkan- maknanya kekangan-kekangan yang lain. Dia perlu mengambil masa, *even* untuk kita kurangkan defisit fiskal kita

daripada 3.7 peratus kepada tahap yang lebih *manageable*, masih lagi kita akan berada dalam tahap defisit tetapi dalam keadaan yang lebih terurus dan memastikan bahawa setiap sen yang dibelanjakan itu, kita dapat *value for money* dan untuk kita pastikan bahawa permintaan kepada pembangunan.

Kita juga tahu bahawa setiap tahun apabila kita berbelanja untuk pembangunan, di samping *operating expenditure*, kita tahu apabila kita tambah pembangunan, maka *operating expenditure* kita juga akan bertambah disebabkan oleh penyelenggaraan yang perlu kita buat. Kebanyakan infrastruktur yang kita sudah buat 20 tahun, 25 tahun, 30 tahun dahulu, dah *due* dah untuk kita membuat penyelenggaraan yang secara besar-besaran di samping penyelenggaraan berkala yang perlu kita lakukan.

Ya, saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat tadi untuk kita lebih terurus di dalam belanjawan kita ini, perlu adanya disiplin dan perlu kita pastikan bahawa hanya projek-projek yang memerlukan pembiayaan pembangunan ini yang memang kita berhutang. Untuk belanja mengurus, kita okey. Bahkan saya sebutkan tadi, kita ada lebihan, dalam akaun kita, pendapatan kita lebih daripada perbelanjaan kita.

Akan tetapi untuk pembangunan, memang ia tidak mencukupi dan terpaksa kita hutang. Jadi, itulah hasrat kita dan kerajaan pun untuk memastikan bahawa disiplin ini akan dapat kita teruskan dan mengidamkan suatu masa nanti untuk belanjawan negara adalah belanjawan yang *surplus* dan tidak lagi defisit seperti yang berlaku sebelum-sebelum ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi tahun 2018, saya telah sebutkan tadi tentang peningkatan defisit yang berlaku dan peningkatan ini kita gunakan sebahagiannya untuk perbelanjaan pembangunan dan ditumpukan kepada perbelanjaan pembangunan bagi projek yang berimpak tinggi yang akan memberikan pulangan kepada negara dan rakyat dalam tempoh jangka masa panjang seperti pembinaan sekolah, hospital, infrastruktur pengangkutan, jalan raya, utiliti dan lain-lain.

Di samping itu, kerajaan juga mempunyai tanggungan liabiliti seperti yang saya sebutkan tadi. Walau bagaimanapun, ia berada dalam keadaan yang lebih rendah berbanding tahun 2017. Jadi bagi memastikan ia akan terus kekal rendah dan terurus, macam saya sebutkan tadi, langkah konsolidasi fiskal akan kita teruskan dan paras hutang dijangka akan berkurangan apabila kedudukan kerajaan mengalami lebihan ataupun surplus.

Kita juga berada dalam keadaan yang sementara kita suka kerana antara pendapatan negara yang besar adalah daripada minyak. Sementara kita suka bahawa harga di pasaran dunia ini semakin meningkat tetapi dalam masa yang sama juga kita memberi subsidi kepada rakyat sebab harganya akan terus meningkat. Contohnya macam minggu lepas, kita kekalkan pada tahap RON95 pada RM2.08. Padahal kalau menggunakan APM itu, harga yang

sepatutnya dibayar oleh pengguna di Malaysia ialah RM2.50. Jadi, perbezaan ini adalah merupakan subsidi yang kerajaan tanggung untuk memastikan bahawa rakyat tidak terbeban dengan harga minyak yang terlalu tinggi.

Kemudian Yang Berhormat Senator Tuan Khairul Azwan bin Harun membangkitkan tentang pengukuhan nilai Ringgit. Sehingga 2 Mei 2019, Ringgit telah menyusut nilai sebanyak poin satu peratus. Prestasi Ringgit ini sejajar dengan pergerakan kebanyakan mata wang serantau lain yang telah berubah nilai dalam lingkungan, ada yang lebih terus kenanya, *minus* 4.7 peratus sehingga julatnya 2.1 peratus, berbanding Dolar Amerika Syarikat.

Secara khususnya, penyusutan nilai ringgit baru-baru ini didorong oleh kemerosotan sentimen pelabur dalam pasaran kewangan dunia berikutan kelemahan prospek pertumbuhan ekonomi global. Masing-masing tengah *review downwards* pertumbuhan ekonomi. Ketidaktentuan berkaitan dengan perkembangan geopolitik serta kebimbangan bon Kerajaan Malaysia yang dikeluarkan daripada *World Government Bond Index* oleh FTSE *Russell* yang boleh menyebabkan aliran keluar dana asing. Dalam keadaan pasaran kewangan global yang tidak menentu, kadar pertukaran ringgit yang fleksibel memainkan peranan yang penting sebagai penyerap kejutan luaran tanpa menjejaskan aktiviti ekonomi domestik.

Namun begitu, *volatility* Ringgit yang ketara, boleh menjejaskan aktiviti ekonomi berikutan kesukaran sektor perniagaan dan perindustrian merancang strategi dan mengambil keputusan yang wajar. Oleh yang demikian, kerajaan melalui Bank Negara Malaysia sentiasa memastikan keadaan pasaran kewangan lebih lancar dan mengambil langkah yang proaktif dengan memperkenalkan langkah untuk memastikan kecairan yang mencukupi, pasaran yang berdaya tahan dan mengurangkan aktiviti spekulasi dalam pasaran.

Langkah ini termasuk dalam menetapkan syarat supaya sebahagian besar daripada hasil eksport dalam mata wang asing, ditukarkan kepada Ringgit bagi meningkatkan mudah tunai wang asing dalam pasaran dalam negeri dan meningkatkan penguatkuasaan ke atas peraturan tukaran wang asing sedia ada bagi mencegah aktiviti spekulasi mata wang ringgit diniagakan di luar pesisir. Dalam jangka masa panjang, nilai Ringgit akan didorong terutamanya oleh kekuatan asas ekonomi negara. Oleh yang demikian, Malaysia perlu menumpukan usaha untuk meningkatkan daya tahan ekonomi dengan mempelbagaikan sumber ekonomi, memperkukuh daya saing ekonomi dan kedudukan fiskal negara.

Jadi baru-baru ini *havoc* lah sedikit Tuan Yang di-Pertua berkenaan dengan kedudukan kita dalam *World Government Bond Index* yang mana FTSE *Russell* telah mengumumkan untuk mereka mempertimbangkan kemungkinan Malaysia akan dikeluarkan. Untuk makluman, pihak Bank Negara telah pun *engaged*, dengan izin, dengan pihak FTSE

Russell ini dan sebenarnya keputusan muktamad hanya akan berlaku pada bulan September. Jadi kita telah *engaged* dengan mereka dan memberitahu tentang kekhawatiran tentang perkara ini akan dapat diatasi terutamanya mengenai kemudahan lindung nilai ataupun *hedging* dalam pasaran kewangan domestik.

Jadi, Bank Negara telah mengambil langkah proaktif memperkenalkan rangka dinamik *hedging* pada tahun 2016 dan sepatutnya mereka sudah adapun satu instrumen yang boleh mereka lindungi nilai atau pelaburan mereka itu dengan kita mengadakan *dynamic hedging* ini. Kita berdoa supaya *insya-Allah*, apa yang mereka berhajat untuk hendak buat itu tidak diteruskan apabila kita mampu meyakini kepada mereka bahawa ada instrumen-instrumen yang sesuai di pasaran kita untuk melindungi nilai pelaburan mereka.

Kemudian saya pergi kepada Bon Samurai yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Sri Ti Lian Ker, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Suhaimi dan- ya, dua itu yang bangkitkan. Jadi pada 8 Mac 2019, Kerajaan Malaysia telah menerbitkan Bon Samurai dengan jaminan *Japan Bank for International Cooperation* (JBIC) sebanyak 200 bilion yen iaitu RM7.2 bilion pada tempoh matang 10 tahun. Terimaan daripada terbitan ini akan digunakan untuk membiayai sebahagian perbelanjaan pembangunan menerusi projek seperti pembinaan sekolah, hospital, infrastruktur pengangkutan, jalan raya dan lain-lain.

■1520

Untuk makluman, bon ini telah diterbitkan berikutan tawaran khusus Kerajaan Jepun sebagai insentif kerukunan Malaysia untuk memperoleh pinjaman pasaran dalam bentuk bon di dalam pasaran kewangan Jepun. Mereka telah menawarkan kadar kupon yang rendah iaitu hanya 0.63 peratus lebih rendah berbanding kadar kupon MGS dan MGI yang kita keluarkan di tempatan ini pada tempoh matang 10 tahun adalah pada kadar 4.118 peratus dan 4.307 peratus. Jadi maknanya yang mereka tawarkan ini jauh lebih rendah.

Berdasarkan simulasi yang dibuat, kerajaan akan menikmati penjimatan kos pembiayaan daripada kadar kupon yang rendah iaitu 0.63 peratus ini sekiranya kadar tukaran mata wang Yen tidak meningkat melebihi 3.3 peratus setahun selama 10 tahun berturut-turut atau secara kumulatifnya 38.3 peratus.

Jadi memang kadar kuponnya rendah tetapi ia di dalam Yen. Kemungkinan akan berlaku maknanya pertukaran *exchange rate* yang naik turun ini dan kita telah melakukan simulasi, ia masih kekal lebih rendah daripada MGI ataupun MGS sekiranya ia tidak meningkat melebihi 3.3 peratus setahun.

Untuk makluman, berdasarkan trend 10 tahun sebelum ini iaitu tahun 2009 hingga 2018, kadar tukaran mata wang Ringgit Malaysia kepada Yen menyusut nilai 3.09 peratus. Tadi kita kata 3.3 *benchmark* kita. Kalau lebih daripada itu, kita akan terkesan berbanding

dengan MGS, MGI kadar kupon itu tetapi 10 tahun yang berlalu, kadarnya hanyalah menyusut nilai 3.09 peratus. Jadi, terbitan ini ataupun risiko ketidaktentuan ini adalah minimum dan kita doakan supaya tidak berlaku apa-apa perkara yang menyebabkan ia meningkat lebih daripada apa yang telah saya sebutkan tadi.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, ia telah terlebih langgan sebanyak 1.6 kali. Maknanya, yang minta untuk beli bon ini lebih banyak 60 peratus lebih daripada apa yang dapat ditawarkan. Maknanya *confidence* mereka pada ekonomi Malaysia itu adalah baik.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid tentang harga minyak RON95 yang sepatutnya diturunkan pada RM1.80 berbanding harga sekarang RM2.08. Ini berdasarkan janji Manifesto PH.

Tuan Yang di-Pertua, saya *check* punya *check*, punya *check*, tidak jumpa pun kata kita berjanji hendak turunkan kepada RM1.80. Apa yang ada ialah kita memberi janji untuk menstabilkan harga itu. Sebab itulah antara perkara yang kita lakukan dan ini sebenarnya memberikan impak yang cukup baik kepada ekonomi kita. Apabila mereka yang berada dalam pasaran ini sudah tahu bahawa RON95 dan diesel ini tidak akan meningkat lebih daripada harga yang kita tetapkan, jadi ketidaktentuan itu sudah tidak ada lagi dalam pemikiran mereka dan dalam banyak hal, ia dapat memberikan satu kelegaan kepada ekonomi negara.

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid: Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya tidak mengatakan bahawa kita berjanji RM1.80. Itu saya minta supaya diturunkan RM1.80. Kita berjanji menstabilkan. Cuma, saya mempertikaikan apabila harga minyak dahulu naik, tahun 2013, 2012, USD110 satu tong, harga minyak kita naik juga. Ini apabila harga minyak turun, harga minyak kita naik juga. Kenapa tidak boleh harga minyak di pasaran turun, harga minyak kita turunlah juga? Itu yang saya cuba kaitkan. Saya bukan ahli ekonomi tetapi cuba hendak memikirkan. Hendak membela rakyat. Kalau boleh RM1.80 juga, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Terima kasih Yang Berhormat Senator Haji Imran. Mungkin kita tersilap ambil nota. Maknanya itu permintaan daripada Yang Berhormat Senator sendiri dan bukan sepertimana yang dikatakan berdasarkan janji Manifesto PH.

Ya, macam saya sebutkan tadi, sebenarnya kita amat mengharapkan harga minyak mentah dunia itu mencanak tinggi sebab ia memberi kesan langsung kepada kita untuk pendapatan negara. Akan tetapi, dalam masa yang sama juga, ia akan memberi kesan kepada berapa harga yang hendak kita tetapkan dalam pasaran tempatan. Kalau kita biarkan dia *float* mengikut apa yang berlaku di pasaran minyak mentah dunia, macam saya sebutkan tadilah- Jumaat yang lepas ini sepatutnya kita tidak boleh lagi membayar RM2.08 untuk

RON95. Sepatutnya ia sudah menjadi RM2.50. Jadi, itu juga penetapan tersebut menyebabkan kerajaan terpaksa menanggung subsidi daripada perkara tersebut.

Pengekalan ini, seperti yang saya sebutkan tadi, adalah merupakan suatu yang dapat memberikan kesan yang cukup positif kepada ekonomi. Pada tahun 2018, Yang Berhormat, kerajaan telah berbelanja sebanyak RM7.3 bilion bagi menstabilkan harga produk petroleum termasuklah LPG yang ada.

Kemudian, saya pergi kepada isu peruntukan dan pinjaman, Tuan Yang di-Pertua. Untuk menjawab apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Haji Mohamad Imran berkenaan dengan sehingga suku tahun pertama ini berapa banyak yang telah dibelanjakan peruntukan yang telah ditentukan mengikut Buku Anggaran Belanjawan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, setakat suku tahun pertama, prestasi perbelanjaan mengurus- *operating expenditure* bagi Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak RM59.7 bilion atau 22.9 peratus daripada jumlah yang telah diluluskan dalam Buku Anggaran Belanjawan. Manakala bagi perbelanjaan pembangunan pula, sebanyak RM11.6 bilion atau 21.55 peratus telah dibelanjakan daripada jumlah yang telah diluluskan dalam Belanjawan 2019. Prestasi ini adalah selari dengan perancangan kerajaan bagi tahun 2019.

Kemudian, saya pergi kepada isu pinjaman rumah panjang yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Nuing Jeluing pada 23 April. Jadi apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Nuing Jeluing ialah supaya ini diteruskan dan mengharapkan rakyat akan mendapat faedah daripada skim pinjaman rumah panjang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Persekutuan telah menyediakan peruntukan secara geran-geran ya, bukan pinjaman-kepada Kumpulan Wang Amanah Pinjaman Perumahan kepada golongan berpendapatan rendah di negeri Sarawak yang diuruskan oleh Kerajaan Negeri Sarawak melalui Perbadanan Pembangunan Perumahan Sarawak (HDC) mulai tahun 2006 dan dikenali sebagai Skim Pinjaman Rumah Panjang.

Kerajaan Persekutuan bagi geran pemberian terus, bukan pinjaman, tetapi apabila diuruskan oleh HDC ini, ia menjadi Skim Pinjaman Rumah Panjang. Skim ini bertujuan menyediakan kemudahan pinjaman untuk membina dan membaiki rumah tersebut termasuk rumah panjang yang mana pemiliknya sukar mendapat pembiayaan secara komersial. Kelulusan pinjaman tertakluk kepada syarat yang telah ditetapkan oleh HDC seperti berikut:

■1530

- (i) rumah panjang hendaklah tidak kurang daripada 10 pintu;
- (ii) tuai rumah ataupun ketua rumah panjang hendaklah dilantik oleh kerajaan negeri;

- (iii) rumah panjang tidak dibina atas rizab jalan raya, sungai atau tanah yang diisytiharkan untuk tujuan pembangunan oleh kerajaan;
- (iv) purata pendapatan keluarga bagi satu pintu itu sekurang-kurangnya RM400 sebulan;
- (v) had pinjaman adalah RM10,000 sepintu, tertakluk kepada kemampuan peminjam dan bahan-bahan yang diperlukan;
- (vi) pembinaan akan dilakukan oleh peminjam sendiri dan dikehendaki menjalankan kerja-kerja pembinaan tersebut dalam tempoh enam bulan;
- (vii) tempoh bayaran balik adalah selama 25 tahun dan kadar faedah yang dikenakan adalah tiga *percent* setahun; dan
- (viii) bayaran bulanan maksimum ialah RM63 sebulan bagi pinjaman sebanyak RM15,000.

Sehingga tahun 2019, Kerajaan Persekutuan telah menyalurkan peruntukan berjumlah RM152.5 juta kepada Kerajaan Negeri Sarawak bagi pelaksanaan skim ini. Jadi, itu menjawab tentang Skim Pinjaman Rumah Panjang yang bermula dengan geran, tetapi akhirnya menjadi pinjaman.

Isu tentang yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat tentang jumlah projek yang tertangguh dan jumlah projek yang dibatalkan, beberapa projek yang dirunding semula tanpa mengambil kira ECRL.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan melalui Kementerian Kewangan telah mengeluarkan surat arahan bertarikh 29 Oktober 2018 mengenai hala tuju pelaksanaan perolehan dan projek Kerajaan Persekutuan. Semua kementerian telah diminta untuk mengkaji semula projek yang ditawarkan secara tender terhad dan rundingan terus sebelum ini. Berdasarkan hasil kajian tersebut, kerajaan telah mengarahkan supaya dirundingkan semula nilai kontrak perolehan yang telah dikeluarkan Surat Setuju Terima tanpa melibatkan penggunaan skop atau spesifikasi bagi perolehan yang dilaksanakan secara rundingan terus dan tender terhad bernilai melebihi RM10 juta serta pencapaian kemajuan setakat 29 Jun 2018, 15 peratus dan ke bawah.

Langkah ini diputuskan sebagai usaha rasionalisasi kos projek dan seterusnya mengurangkan tekanan kepada kedudukan fiskal kerajaan seperti yang telah diumumkan dalam siaran media Kementerian Kewangan pada 31 Mac berikutan hasil usaha semua kementerian merundingkan semula nilai kontrak perolehan yang dilaksanakan secara rundingan terus dan tender terhad sebanyak 121 buah projek infrastruktur bernilai RM13.9 bilion di seluruh negara. Ini tidak termasuk dengan projek mega seperti LRT3 dan MRT2 akan

diteruskan pelaksanaannya dan usaha ini telah berjaya penjimatan ke atas kos pelaksanaan projek sebanyak RM805 juta. Satu *saving* yang agak baik.

Seterusnya saya hendak sentuh tentang perolehan bagi kontraktor Bumiputera yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris, dibangkit oleh Yang Berhormat Senator Ir. Md. Nasir bin Hashim dan Yang Berhormat Senator Datuk John Ambrose. Izinkan saya menjawab soalan yang dibangkit ini secara bersama kerana ia melibatkan pelaksanaan perolehan secara tender terhad dan rundingan terus untuk kontraktor bumiputera.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Dewan Negara sekalian, selaras dengan keputusan kerajaan, Kementerian Kewangan telah mengeluarkan surat arahan pada 29 Jun 2018 untuk menerangkan mengenai langkah penambahbaikan tadbir urus perolehan kerajaan termasuk keputusan untuk memansuhkan pelaksanaan perolehan secara tender terhad dan digantikan dengan tender terbuka pra kelayakan.

Selain daripada memberi peluang saingan yang lebih luas, keputusan kerajaan untuk melaksanakan perolehan secara tender terbuka pra kelayakan juga dilihat sebagai mekanisme perolehan yang lebih telus dalam memilih syarikat atau kontraktor yang benar-benar layak dan mempunyai pengalaman serta kepakaran yang diperlukan sahaja untuk bersaing dalam tender tersebut. Dengan pelaksanaan perolehan secara terbuka ini bukan sahaja dapat mewujudkan persaingan yang sihat, malah dapat membantu kerajaan untuk mendapatkan nilai faedah terbaik serta menguntungkan kerajaan. Dalam usaha untuk memulihkan dan memperbetulkan amalan yang salah sebelum ini, kekeliruan telah timbul bilamana orang ramai beranggapan bahawa apabila kerajaan meneruskan pelaksanaan perolehan secara tender terbuka, ia akan menyebabkan dasar keutamaan kepada usahawan bumiputera terbatal.

Kekeliruan dan salah faham ini tercetus berikutan ketidakfahaman orang ramai ke atas dasar dan peruntukan yang telah kerajaan gariskan melalui Pekeliling Perbendaharaan. Berikutan itu, kerajaan melalui Kementerian Kewangan telah pun mengeluarkan surat bertarikh 15 Januari 2019 bagi menjelaskan bahawa dasar keutamaan kepada usahawan bumiputera masih lagi terpakai seperti mana yang diperuntukkan sebelum ini dan kerajaan tidak pernah membatalkan atau menghalang mana-mana usahawan bumiputera untuk mendapatkan keistimewaan ini.

Suka saya tegaskan sekali lagi bahawa kerajaan di bawah Pakatan Harapan tidak pernah mengabaikan, mahupun menindas usahawan bumiputera. Kerajaan masih lagi mengekalkan perolehan secara rundingan terus untuk usahawan bumiputera bagi situasi di mana terdapat satu atau dua pembuat bumiputera sahaja seperti mana diperuntukkan di

bawah Pekeliling Perbendaharaan PK 7.13, perenggan 1.1.5 bagi membantu mewujudkan pembuat bumiputera yang berdaya saing. Kerajaan juga telah memberikan keutamaan kepada pembuat, pengilang, pengimport bumiputera serta ahli Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu untuk terlibat dalam perolehan kerajaan.

Di samping itu, bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan, kerajaan melalui Kementerian Kewangan telah menetapkan supaya perolehan dalam kategori ini yang melebihi RM50 ribu sehingga RM100 ribu hendaklah dipelawa di kalangan syarikat bumiputera sahaja yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan. Manakala bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan yang bernilai melebihi RM100 ribu sehingga RM15 juta, keutamaan kepada syarikat bumiputera diberikan berdasarkan kepada peratusan yang telah ditetapkan.

Seterusnya bagi perolehan kerja pula, tadi bekalan dan perkhidmatan. Kementerian Kewangan menetapkan supaya perolehan yang melibatkan kerja-kerja kecil atau penyelenggaraan bernilai RM200 ribu ke bawah serta kerja yang menggunakan Jadual Kadar Harga adalah dikhaskan untuk kontraktor bumiputera sahaja. Manakala bagi kontrak kerja bernilai antara RM200 ribu sehingga RM350 ribu, pengagihan kerja sekurang-kurangnya 50 peratus adalah dikhaskan untuk ditandingi di kalangan kontraktor bumiputera sahaja.

Selain itu, penetapan sekurang-kurangnya 30 peratus daripada nilai kerja tahunan tidak termasuk kerja kecil atau kerja yang menggunakan Jadual Kadar Harga (JKH) hendaklah dikhususkan untuk ditandingi di kalangan kontraktor bumiputera sahaja. Begitu juga bagi kerja wang kos prima atau kerja mekanikal serta pakar yang menilai melebihi RM200 ribu hingga RM15 juta, keutamaan kepada kontraktor bumiputera diberikan berdasarkan kepada peratusan yang ditetapkan.

Langkah yang diambil oleh kerajaan seperti dinyatakan adalah menunjukkan komitmen kerajaan dalam memastikan kelestarian usahawan bumiputera supaya terus berdaya saing dan maju dalam bidang masing-masing. Mereka yang terpilih adalah merupakan mereka yang paling layak, terbaik, cekap dan mantap di kalangan usahawan Bumiputera setelah melalui penilaian yang adil.

Selain daripada dasar dan peruntukan yang telah dicorakkan untuk merangsang ekonomi usahawan bumiputera, kerajaan melalui jawatankuasa khas yang dipengerusikan oleh saya sendiri juga sedang giat menjalankan kajian ke atas cadangan penyenaian kontraktor bumiputera Gred G1. Sesi libat urus saya bersama Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia dan Persatuan Kontraktor Bumiputera Kelas F pada 17 April 2019 telah membincangkan dengan lebih terperinci cadangan pembukaan semula pendaftaran kontraktor bumiputera, Gred G1. Cadangan penambahbaikan dan inisiatif yang telah

dibincangkan semasa sesi libat urus tersebut akan dibentangkan kepada Mesyuarat Jemaah Menteri yang akan datang untuk pertimbangan dan kelulusan.

Tuan Yang di-Pertua, ada lagi ini, sekejap. Cukai ke atas produk tempatan. Ini dibangkit oleh Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Ananthan a/l Somasundaram yang meminta supaya produk tempatan dikurangkan cukainya supaya mendorong rakyat lebih cenderung untuk memilih produk tempatan. Secara asasnya di bawah aturan *World Trade Organization* (WTO) serta pelbagai *free trade agreements* yang ditandatangani oleh Malaysia dengan negara lain, sebahagian besar duti eksais import telah 'diliberalisasikan'... [Agak sukar menyebut] Tergeliat lidah.

■1540

Namun, produk-produk tertentu masih dilindungi yang mana berkenaan bagi memastikan industri tempatan adalah kompetitif. Dari segi layanan cukai jualan pula, ia tidak membezakan barangan import atau tempatan. Namun, selaras dengan pengenaan cukai jualan ke atas barang yang dikilangkan dalam negara, barang-barang seperti buah-buahan adalah tidak tertakluk kepada cukai jualan.

Kemudian tentang pelaksanaan SST dan sebagainya, langkah kerajaan menggantikan GST dengan cukai jualan dan cukai perkhidmatan adalah merupakan pendekatan terbaik bagi membendung kenaikan harga barangan dan perkhidmatan demi menjaga kepentingan pengguna seterusnya mengurangkan bebanan dari segi kos sara hidup rakyat. Ini adalah kerana skop pengenaan cukai jualan dan cukai perkhidmatan adalah kecil di mana pelbagai jenis barang dan keperluan asas pengguna seperti bahan makanan asas tidak dikenakan cukai jualan. Manakala cukai perkhidmatan hanya dikenakan ke atas beberapa jenis perkhidmatan tertentu sahaja.

Selain itu, kadar *threshold* bagi tujuan pendaftaran juga telah dinaikkan bagi pengusaha restoran daripada RM500,000 kepada RM1.5 juta di bawah cukai perkhidmatan. Ini bermaksud banyak restoran tidak perlu berdaftar dan pengguna tidak perlu membayar cukai perkhidmatan kerana kita lihat trend sekarang ini lebih ramai keluarga yang keluar makan malam di restoran-restoran dan sebagainya. Bagi restoran-restoran yang *threshold* jualan ia itu tidak melebihi RM1.5 juta, mereka tidak perlu berdaftar dan pengguna juga tidak perlu membayar cukai perkhidmatan.

Berdasarkan kajian perubahan harga barangan, kesan daripada pelaksanaan cukai jualan dan cukai perkhidmatan yang dibuat oleh kementerian perdagangan dalam negeri dan hal ehwal pengguna didapati secara purata sebanyak 63.2 peratus ataupun 568 item daripada 900 barangan telah mencatatkan penurunan harga. Sebanyak 35.3 peratus atau 317 item

mengalami kenaikan dan 0.9 peratus ataupun lapan item sahaja yang harganya tidak berubah.

Hasil kajian tersebut menunjukkan bahawa pelaksanaan Cukai Jualan dan Perkhidmatan dapat mempengaruhi harga barangan dan seterusnya memberi kesan kepada kos sara hidup rakyat. Walau bagaimanapun perlu diingatkan bahawa terdapat pelbagai faktor lain seperti elemen cukai yang boleh menyumbang ke arah perubahan harga barang. Ini termasuk aspek permintaan dan penawaran pada suatu tempoh masa, kadar tukaran wang asing, harga pasaran minyak dunia dan juga faktor cuaca.

Pada masa ini, kerajaan tidak bercadang untuk menggantikan sistem Cukai Jualan dan Perkhidmatan dengan sistem percukaian yang lain. Walau bagaimanapun, kerajaan akan sentiasa membuat penilaian semula dan penambahbaikan dari segi dasar dan pelaksanaan cukai jualan dan perkhidmatan bagi memperkemaskan lagi sistem percukaian tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, ada soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Khairul Azwan bin Harun tentang pendapatan negara apabila kita tukar daripada GST kepada SST. Kerajaan Persekutuan menyediakan peruntukan perbelanjaan pembangunan yang konsisten dan tidak berkurang setiap tahun walaupun terdapat pengurangan dalam pendapatan kerajaan. Perbelanjaan pembangunan pada tahun 2017 adalah sebanyak RM44.9 bilion dan sebanyak RM56 bilion pada tahun 2018.

Seterusnya pada tahun 2019, Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan sebanyak RM54.7 bilion bagi melaksanakan projek pembangunan yang memberi manfaat kepada rakyat. Peruntukan pembangunan tidak dipengaruhi sepenuhnya oleh prestasi kutipan hasil kerajaan kerana kebanyakannya merupakan projek yang bersambung dan peruntukan disediakan berdasarkan keperluan aliran tunai projek. Peruntukan untuk melaksanakan projek-projek pembangunan sebahagian besarnya adalah melalui pinjaman sekiranya tiada lebihan hasil. Untuk peruntukan bantuan kepada rakyat, ia tetap menjadi keutamaan kepada kerajaan walaupun ia dipengaruhi oleh kutipan hasil kerajaan.

Sebagai sebuah kerajaan yang prihatin, peruntukan untuk golongan B40 adalah menjadi keutamaan kepada kerajaan dalam mengurangkan beban kos sara hidup rakyat. Hasil Kerajaan Persekutuan pada tahun 2019 dianggarkan sebanyak RM261.8 bilion. Daripada jumlah tersebut, hasil cukai dianggarkan sebanyak RM176.1 bilion manakala hasil bukan cukai sebanyak RM85.7 bilion. Walaupun cukai barang dan perkhidmatan GST telah dimansuhkan dan hasil kerajaan telah berkurang sebanyak RM23 bilion bagi tahun 2018, kerajaan telah mengutip RM5.4 bilion bagi pelaksanaan cukai jualan dan cukai perkhidmatan iaitu lebih tinggi daripada anggaran asal sebanyak RM4 bilion. Manakala bagi tahun 2019,

kerajaan dijangka dapat mengutip hasil daripada cukai jualan dan perkhidmatan sebanyak RM22 bilion.

Bagi meningkatkan kutipan hasil seperti yang telah diumumkan di dalam Belanjawan 2019, kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Pembaharuan Cukai bagi menjalankan kajian menyeluruh mengenai sistem percukaian negara termasuk mengenal pasti sumber pendapatan baharu. Kerajaan turut akan melaksanakan inisiatif semakan semula dasar percukaian dan memanfaatkan aset. Inisiatif semakan semula dasar percukaian antara langkah yang akan dilaksanakan bagi meningkatkan hasil kerajaan adalah seperti berikut:

- (i) mengenakan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan yang diimport termasuk perkhidmatan atas talian- *digital service tax*, yang kita sebutkan itu;
- (ii) melancarkan Program Khas Pengakuan Sukarela- *Special Voluntary Disclosure Programme*, bagi meningkatkan pengisytiharan pendapatan oleh pembayar cukai secara sukarela;
- (iii) meningkatkan usaha membanteras aktiviti penyeludupan dan penipuan khususnya penyeludupan rokok oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia;
- (iv) mengenakan levi pelepasan bagi semua penumpang keluar negara melalui laluan udara. Perkara yang ini akan kita bincangkan di dalam rang undang-undang yang akan dibentangkan nanti, esok, *insya-Allah*;
- (v) memperkemarkan Cukai Keuntungan Harta Tanah (RPGT) ke atas keuntungan daripada pelupusan harta tanah dan saham dalam syarikat hartanah dalam tahun keenam; dan
- (vi) meningkatkan kadar cukai fi dan levi ke atas sektor perjudian yang tidak dinaikkan sejak tahun 2005.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya ingin saya sentuhkan sedikit apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi Krishnan berkenaan dengan perkhidmatan perbankan mesra OKU.

Tuan Yang di-Pertua, industri perbankan prihatin terhadap isu-isu yang dihadapi oleh golongan OKU dan sentiasa komited untuk meningkatkan lagi mutu perkhidmatan perbankan kepada golongan ini termasuk mereka yang cacat penglihatan. Dalam membantu golongan OKU mendapat akses kepada perkhidmatan perbankan, Bank Negara Malaysia akan terus bekerjasama dengan industri kewangan untuk mempertingkatkan kemudahan perkhidmatan bagi golongan OKU. Antara langkah yang telah dan akan diambil adalah seperti berikut.

Pertama, menambah jumlah cawangan bank yang menyediakan infrastruktur dan perkhidmatan yang mesra OKU seperti:

- (a) tempat letak kereta khas OKU;
- (b) tanjakan ataupun *ramp* dari tempat letak kereta ke laluan kaki lima premis bank;
- (c) pintu automatik di kawasan mesin atau terminal layan diri iaitu mesin ATM;
- (d) ketinggian mesin deposit tunai dan cek ataupun CDM yang bersesuaian; dan
- (e) kaunter khas OKU dan warga emas.

Kedua, menambah jumlah mesin pengeluaran wang ATM yang mesra golongan OKU dalam kategori cacat penglihatan berkerusi roda, bertongkat seperti mempunyai angka titik timbul pada nombor satu dan lima- supaya mereka dapat *navigate* jari mereka itu ke atas papan kekunci itu bila tahu mana satu dan mana lima, jadi senang dia hendak *navigate*. Kita sahaja rasa susah tetapi *insya-Allah*, mereka yang sudah biasa itu akan rasa boleh mereka lakukan operasi itu. Bagi mengenal pasti kekunci di sekeliling dan ketinggian kedudukan papan kekunci serta slot kad dan ruang pengeluaran dan penyimpanan wang tunai yang bersesuaian bagi memudahkan mereka untuk menjalankan transaksi perbankan.

Dan ketiga, bagi pelaksanaan ATM bersuara, perbincangan lanjut bersama pihak persatuan yang terlibat akan dilaksanakan bagi membantu pihak industri kewangan mengenal pasti keperluan yang bersesuaian untuk komuniti OKU penglihatan.

Untuk makluman Ahli Dewan yang mulia ini, maklumat berkenaan cawangan bank yang mesra OKU tersebut akan dikongsi bersama dengan pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat dan juga dalam laman sesawang bank yang berkaitan.

■1550

Laman sesawang bank yang mematuhi piawaian W3C iaitu *Web Content Accessibility Guidelines*. Perkhidmatan perbankan alternatif yang lebih baik berbanding dengan ATM bersuara untuk keperluan perbankan golongan OKU penglihatan adalah perbankan elektronik. Ia lebih efisien, jimat, selamat dan fleksibel di mana transaksi boleh dijalankan pada bila-bila masa dan di mana-mana.

Bank Negara Malaysia dan industri institusi kewangan akan bekerjasama dengan persatuan yang berkaitan untuk menambah baik laman sesawang agar mematuhi standard *Web Content Accessibility Guidelines* yang ditentukan oleh *The World Wide Web Consortium*.

Pengesahan pengenalan diri boleh juga dilaksanakan melalui kaedah biometrik. Pengesahan pengenalan diri melalui kaedah biometrik ialah tatacara operasi standard ataupun SOP institusi kewangan yang menawarkan produk dan perkhidmatan perbankan.

Namun penggunaan kaedah biometrik turut mengambil kira keadaan dan keupayaan fizikal keperluan untuk seseorang OKU.

Akhir sekali, dua kali akhir. Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad telah membangkitkan tentang bagaimana dapat kita memanfaatkan koridor negeri Kelantan untuk industri huluan dan hiliran minyak dan gas agar pertumbuhan ekonomi dapat dirancarkan seiring dengan kerancangan pertumbuhan koridor di negeri lain.

Tuan Yang di-Pertua, lokasi strategik negeri Kelantan yang bersempadan dengan Selatan Thailand dan berhampiran dengan rantau *Indochina* menjadikannya pilihan yang ideal sebagai gerbang rentas sempadan dan pusat logistik untuk Timur Laut Semenanjung Malaysia.

Kolaborasi Tok Bali ataupun Tok Bali *Convention* yang telah dikenal pasti sebagai sebuah kawasan pertumbuhan baru bagi negeri Kelantan. Kini sedang dibangunkan untuk menjadi sebuah hab yang dinamik bagi perdagangan rentas sempadan. Antaranya perkhidmatan sokongan industri minyak dan gas dan industri berkaitan.

Pelabuhan Tok Bali berperanan sebagai pangkalan bekalan bagi perkhidmatan sokongan pesisir laut, *supply base*, dengan izin, dalam sektor minyak dan gas. Seperti mana yang kita ada di Kemaman *supply base*. Pelabuhan Tok Bali juga akan memainkan peranan yang sedemikian sebagai pusat sehenti bagi memenuhi keperluan syarikat-syarikat multinasional yang beroperasi di bawah Kawasan Pembangunan Bersama Malaysia-Thailand (JDA), Lembangan Melayu Utara dan Kawasan Perjanjian Komersial Malaysia-Vietnam.

Kesan limpahan ekonomi huluan dan hiliran sektor minyak dan gas ini akan dirasai oleh syarikat-syarikat industri minyak dan gas dengan perancangan peluasan pelabuhan Tok Bali sebagai pelabuhan maritim sepenuhnya pada masa akan datang. Ia akan membantu industri minyak dan gas melangkah ke arah industri nilai tambah tinggi sekali gus merencanakan pertumbuhan ekonomi negeri Kelantan.

Dalam masa yang sama, pelaksanaan lima projek utama yang telah diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ekonomi di Kelantan pada bulan Mac yang lalu iaitu pembinaan LPT3, pembesaran serta penaiktarafan Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra Kota Bharu, pembinaan laluan baru Pasir Puteh-Machang, Lebuhraya Kota Bharu-Kuala Krai dan Jambatan Palekbang Kota Bharu dijangka akan menyokong usaha meningkatkan pembangunan dan ekonomi di negeri Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat... [Disampuk]

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Ya.

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid: Yang Berhormat Menteri saya ada bangkitkan mengenai peruntukan Tentera Laut Diraja Malaysia untuk memperoleh enam pesawat helikopter demi operasi keselamatan di Pantai Timur Sabah.

Jadi saya mohon kepada kementerian supaya memberi keutamaan oleh kerana ini merupakan keperluan keselamatan orang-orang Sabah khususnya orang-orang yang duduk di Pantai Timur Sabah. Jadi saya harap pihak kementerian dapat mempertimbangkannya, sekiranya peruntukan tambahan itu akan sampai ke Kementerian Kewangan. Terima kasih.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Terima kasih, Yang Berhormat Senator. Saya memohon maaf tidak terlekat apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator dalam apa yang telah saya gulungkan ini. Tidak apa, kita ambil ingatan apa yang telah dibangkitkan.

Ya, memang saya difahamkan *interception*, ini di bawah Kementerian Pertahanan. Kita hendak *intercept* bot pancung yang laju setelah mereka datang *kidnap* dan minta *ransom* dan sebagainya ini. Hanya kita boleh lawannya ini dengan cepatnya bertindak melalui helikopter seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator tadi. Terima kasih.

Puan Asmak binti Husin: Mohon pencilahan. Minta maaf. Sikit sahaja.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Hendak *landing* baru bangkit.

Puan Asmak binti Husin: Sikit sahaja. Mengenai pelabuhan Tok Bali tadi adakah kerajaan mempunyai perancangan yang tersusun dan fasa-fasa dalam membangunkan Tok Bali, sekurang-kurang sampai ke peringkat Kemaman.

Sebab memang sekarang ada diberitahu yang ada projek cuma tidak nampak fasa-fasanya. Kalau ada mungkin boleh disertakan. Selepas ini pun tidak apa. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Terima kasih, Yang Berhormat. Ya, memang di bawah Program ECER, mereka ada fasa-fasa untuk membangunkan Tok Bali sebagai *supply base*. Cumanya oleh kerana ianya juga *private sector driven*, dengan izin, jadi kita boleh menyediakan kemudahan-kemudahan asas untuk benda ini berlaku dan kita mengharapkan *public sector* mengambil peluang ini untuk mengambil bahagian dalam itu dan sendirinya menyediakan peluang pekerjaan yang besar untuk penduduk-penduduk tempatan bagi menjadikan Tok Bali *another supply base* untuk tujuan *oil and gas* seperti mana yang berlaku di Kemaman.

Akhirnya, oleh kerana Tuan Yang di-Pertua yang berada di kerusi di sana, maka tidak lengkap kalau saya tidak akhiri dengan dua rangkap pantun.

Timbalan Yang di-Pertua: Cantik.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Akan tetapi, pantun saya ini tidak klasikal macam Tuan Yang di-Pertua. Seperti mana klasik juga Tuan Yang di-Pertua.

*Pohon selasih di dalam kolam;
Anak haruan berenang-renang;
Terima kasih kami ucapkan;
Budi Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Dewan Negara menjadi kenangan.*

Timbalan Yang di-Pertua: Haa, terima kasih.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: ...

*Terbang selisih si burung kedidi;
Terbang berduyun di waktu pagi;
Terima kasih daun keladi;
Di lain mesyuarat kita bertemu lagi.*

Sekian, terima kasih... [Tepuk]

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih.

*Burung tempua, burung cenderawasih;
Mari hinggap di atas batang;
Saya mengucapkan terima kasih;
Kerana Yang Berhormat sanggup datang... [Tepuk]*

Jadi Yang Berhormat Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah, Menteri Kewangan kita telah menjawab dengan panjang lebar dan faham semua kita ini dan maksudnya faham juga dan semuanya terang.

Tadi saya bermula pada pukul 2.57 petang. Sekarang sudah 3.57 petang. Terima kasih. Jadi telah kemukakan segala benda-benda pada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Sekarang saya ada empat orang lagi yang akan gulungkan oleh anggota pentadbiran di Jabatan Perdana Menteri iaitu satu daripadanya Yang Berhormat Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin terima kasih Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Datuk Wira Dr. Md Farid bin Md Rafik, ketiga Yang Berhormat Puan Fuziah binti Salleh, dan Yang Berhormat Senator Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy. Empat orang.

Saya hendak mulakan dulu dengan Yang Berhormat Yang Berhormat Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin. Dipersilakan.

3.58 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya saya mengucapkan terima kasih kepada semua pembahas daripada kalangan Yang Berhormat Senator yang bijaksana yang

telah membahaskan dengan panjang lebar mengenai Jabatan Perdana Menteri ini khususnya di bahagian Hal Ehwal Undang-undang.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan juga semua para Senator, terdapat 11 agensi di bawah JPM yang saya diamanahkan untuk menjaganya iaitu Majlis Keselamatan Negara (MKN), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC), Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR), Bahagian Kabinet, Perlembagaan dan Perhubungan Antara Kerajaan (BKPP), Bahagian Hal Ehwal Undang-undang (BHEUU), Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Bahagian Istiadat dan Urus setia Persidangan Antarabangsa, Parlimen Malaysia, Pejabat Perdana Menteri dan juga akhir sekali Jabatan Peguam Negara.

■1600

Tuan Yang di-Pertua, saya bermula dengan agensi iaitu Majlis Keselamatan Negara. Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob bin Sapari semasa perbahasan Titah Diraja telah meminta supaya kerajaan mewujudkan satu dasar untuk menangani anak-anak Rohingya yang berkeliaran di tengah-tengah bandar.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, antara dasar sedia ada negara ke atas pelarian yang memegang kad UNHCR adalah anak-anak pelarian ini boleh mendapat akses kepada kemudahan pendidikan di sekolah swasta yang dikendalikan oleh pihak badan bukan kerajaan (NGO), komuniti pelarian dan juga UNHCR itu sendiri.

Pada ketika ini, Yang Berhormat Senator, terdapat 61 buah pusat pembelajaran alternatif ataupun dalam bahasa Inggerisnya *alternative learning center* (ALC) dan 13 daripadanya berdaftar dengan Kementerian Pendidikan.

Merujuk kepada Arahan Majlis Keselamatan Negara No. 22 dan 23, mekanisme pengurusan pendatang asing tanpa izin yang memegang kad UNHCR yang dikeluarkan pada tahun 2009 menjadi asas utama pengurusan pelarian di Malaysia telah menetapkan bahawa Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat perlu mengambil tindakan berhubung isu-isu berkaitan anak-anak pelarian yang mempunyai kad UNCHR. Seterusnya, Yang Berhormat Senator, ini termasuklah mengkaji penglibatan negara dalam Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak 1999 serta merangka dasar-dasar berkaitan dengan hal pengurusan kanak-kanak pelarian di negara ini.

Seterusnya, saya berpindah kepada agensi SPRM. Yang Berhormat Senator Dr. Nuing Jeluing telah bertanyakan berkenaan status ataupun cadangan janji untuk meletakkan SPRM di bawah Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menegaskan bahawa sebarang usaha untuk menjadikan mana-mana agensi ataupun suruhanjaya yang diiktiraf oleh perlembagaan

memerlukan pindaan ke atas Perlembagaan Persekutuan yang perlu disokong oleh dua pertiga Ahli Parlimen. Mengambil kira situasi pada masa kini, untuk makluman Yang Berhormat Senator, SPRM bercadang meminda Akta SPRM sedia ada bagi membolehkan Parlimen mempunyai peranan lebih besar terhadap urusan pelantikan Ketua Pesuruhjaya SPRM.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator juga, selaras dengan peruntukan seksyen 11(2) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 yang sedia ada, SPRM melaporkan kepada Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah (JKMR) yang dianggotai oleh Ahli Parlimen dan bukan kepada Perdana Menteri.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad mencadangkan agar SPRM menyiasat sama ada terdapat unsur-unsur rasuah dalam Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) yang kebanyakan tidak beroperasi.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator dan Dewan yang mulia ini, SPRM ada menerima aduan mengenai Projek Bekalan Air Luar Bandar seperti yang dibangkitkan. Akan tetapi Yang Berhormat Senator, perkara ini masih sedang dalam siasatan dan untuk itu, saya rasa adalah pramatang untuk kita membuat sebarang apa-apa kesimpulan.

Seterusnya, saya berpindah kepada Yang Berhormat Senator Dr. Nuing Jeluing juga tetapi berhubung isu IPCMC. Yang Berhormat Senator Dr. Nuing Jeluing dalam soalnya ingin tahu sama ada penubuhan IPCMC akan diteruskan.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kerajaan sedang mengkaji dan menggubal draf Rang Undang-undang Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis (IPCMC). Rang undang-undang tersebut, jika semuanya berjalan lancar, *insya-Allah*, akan dibentangkan di Parlimen sebaik sahaja semua isu dan perkara dasar dimuktamadkan dalam rangka penubuhan IPCMC melalui penguatkuasaan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan. Tidak ada hendak bertanya ya, Yang Berhormat Senator? Saya kalau tidak ada orang bertanya ini, Tuan Yang di-Pertua, rasa macam pelik sedikit.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob bin Sapari, sahabat saya, bertanyakan tentang dana politik. Untuk makluman semua Ahli Dewan, kerajaan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Antirasuah (JKKMAR) Siri Ke-2 Bil.2/2018 pada 9 Julai 2018 yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri- untuk makluman Yang Berhormat Senator juga, JKKMR ini dianggotai oleh ramai *senior ministers* dan juga *senior government servants*. Jadi, mesyuarat dalam persidangan kedua ini telah bersetuju dengan cadangan penggubalan satu undang-undang berhubung dengan pembiayaan politik bagi mewujudkan mekanisme pembiayaan politik yang berintegriti.

Berkenaan dengan cadangan supaya kerajaan menyalurkan dana politik kepada semua parti politik, perkara ini merupakan satu penentuan dasar yang memerlukan kajian terperinci kerana ia melibatkan komitmen kewangan negara. Perkara ini mungkin boleh dipertimbangkan pada masa hadapan apabila situasi kewangan negara membenarkan. Yang Berhormat Senator maksudkan itu adalah lebih kepada *state funding*.

Dr. Yaakob bin Sapari: Mohon mencelah.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Jadi, yang itu, Yang Berhormat Senator- ya, sila. Boleh Tuan Yang di-Pertua?

Dr. Yaakob bin Sapari: Yang Berhormat Menteri beritahu kalau tidak ada soalan, dia peliklah. Saya nyatakan soal ketelusan dalam politik kerana selama ini dana politik ini sorok-sorok. Realitinya, parti-parti politik perlukan dana. Jadi, yang menjadikan amalan rasuah berlaku peringkat paling tinggi melibatkan orang politik. Oleh sebab itu, ini suatu yang segera yang perlu ditangani.

Saya cadangkan umpamanya di negara-negara lain, seperti di Jerman, di Turki, bahkan di Indonesia, ada dana disediakan. Contohnya, ikut jumlah undi. Katakan satu undi adalah RM5, ada 20 juta orang pengundi, RM100 juta di-*allocate* kepada semua-semua parti politik. Di negara kita, amalannya yang perintah punyai semua, yang bangkang tidak punya apa-apa. Dari segi demokrasi, ini tidak sihat. Ini supaya semua layanan diberi kepada semua orang politik sama ada kerajaan ataupun bukan kerajaan. Hari ini Pakatan Harapan adalah kerajaan. Dahulu kita protes, kita kata kalau Barisan Nasional memerintah, Barisan Nasional punya semua. Jadi, pandangan saya, ada dana khas dan disegerakan, tidak tunggu soal ekonomi sebab proses demokrasi berterusan. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator. Sebenarnya, apa Yang Berhormat Senator bangkitkan itu adalah salah satu bentuk dana politik. Sebenarnya kalau Yang Berhormat Senator betul-betul melihat kepada isu *political financing* ini, di sana wujudnya pelbagai bentuk. Salah satunya adalah *state funding* macam tadilah, contohnya macam Jerman dan Turki.

Yang Berhormat Senator, saya akui yang itu mungkin dipanggil satu mekanisme yang paling baik. Akan tetapi, Yang Berhormat Senator, bila kita laksanakan itu, kita memerlukan satu kewangan yang agak kukuh. Saya tidak menafikan apa yang Yang Berhormat Senator kata untuk mewujudkan ketelusan. Oleh sebab itulah bagi kita, sekarang ini apabila kita hendak mewujudkan satu akta berkaitan *political financing* ataupun dana politik ini, tujuannya adalah untuk memastikan sebarang penerimaan wang itu telus.

Sebenarnya, Yang Berhormat Senator, saya akui memang secara umumnya kita lihat kerajaan macam ada *advantage*. Akan tetapi, Yang Berhormat Senator, apa yang berlaku

sebenarnya parti-parti politik ini kalau bertanding walaupun pembangkang, memang mereka mendapat sebenarnya pembiayaan politik juga mungkin dengan cara-cara yang mereka biasa buatlah. Akan tetapi kali ini, Yang Berhormat Senator, kita hendak pastikan semua itu dibuat secara telus. Jadi, kalau mereka terima wang itu, pastinya wang itu wang yang boleh dipertanggungjawabkan. Itulah sebab kita mencadangkan satu akta yang khusus.

Akan tetapi, Yang Berhormat Senator cadangkan itu berkaitan dengan *state funding* itu, saya rasa buat masa inilah, saya katakan tadi mungkin dengan kekurangan kewangan mungkin kita tidak mampu lagi, tetapi, Yang Berhormat Senator, tidak mustahil pada masa akan datang mungkin ia akan dapat dilaksanakan. Jadi, saya setuju dengan cadangan Yang Berhormat Senator dari segi tujuannya untuk melahirkan ketelusan tetapi buat masa ini, kita mungkin tidak mampu lagi hendak buat *state funding*.

Dr. Yaakob bin Sapari: Soalan tambahan. Pekeliling Kementerian Kewangan tidak membenarkan dana kerajaan diberi kepada parti politik. Saya pernah mencadangkan di Dewan Undangan Negeri, oleh sebab pekeliing di peringkat Pusat tidak membenarkan, negeri tidak boleh laksanakan. Apakah pekeliing itu boleh diubah? Maknanya supaya ada tanggungjawab dan telus pada parti politik. Itu sebab saya sebut soal kita sorok-sorok. Pilihan raya perlu dana yang besar tetapi ia tidak di-*declare* dalam sistem demokrasi kita.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Yang Berhormat Senator, apa yang Yang Berhormat Senator bangkitkan itu, sebenarnya itu semua kita buat kajian dalam dana politik. Dalam kita buat kajian ini, sekarang kita telah membuat *compare notes* banyak negara, Yang Berhormat Senator. Kita cuba cari manakah model yang paling baik untuk kita laksanakan dan sesuai dengan Malaysia ini. Jadi, saya hendak katakan, Yang Berhormat Senator, apa yang Yang Berhormat Senator katakan itu sebenarnya itu juga dimasukkan dalam senarai perkara-perkara yang kita fikirkan.

■1610

Jadi Yang Berhormat, saya harap bersabar sementara waktu sebab sebagaimana Yang Berhormat boleh bersabar boleh jatuhkan Kerajaan Barisan Nasional, Yang Berhormat pun kena sabarlah macam mana untuk kita dapatkan perubahan yang besar. Yang Berhormat sama dengan sayalah, kita sama-sama sabar. Saya cakap ini Yang Berhormat, ini perkara yang realitinya.

Jadi untuk nak bawa perubahan ini Yang Berhormat, bukan boleh makan masa yang pendek, dia mungkin memerlukan, mungkin satu *term* tidak mampu Yang Berhormat. Akan tetapi kita *at least* telah bergerak dalam landasan yang betul. Sekurang-kurangnya Yang Berhormat, buat kali pertama kita bersedia untuk menggubal satu akta berkaitan dengan

pembiayaan politik. *I think we start the brawling* dululah. Kita biarkan dahulu Yang Berhormat, lepas itu daripada situ kita perbaiki daripada semasa ke semasa.

Jadi Yang Berhormat, saya harap dapat bersama-samalah. Kalau Yang Berhormat ada cadangan-cadangan yang baik, Yang Berhormat boleh menulis kepada kita, berikan pandangan Yang Berhormat, kita akan ambil kira Yang Berhormat. Polisi sekarang Yang Berhormat, untuk maklumanlah ya, kami ini, kalau sayalah di peringkat kementerian saya, apa sahaja aduan daripada rakyat hatta surat layang pun kita ambil tindakan, Yang Berhormat. Malah saya nak bagi tahu Yang Berhormat, ada satu aduan daripada surat layang yang tidak ada nama, kita ambil tindakan dan tindakan itu telah pun diambil ke peringkat yang kata orang itu agak *advance* lah. Jadi menunjukkan kita ini kerajaan yang bersedia mendengar sebarang keluhan dan juga aduan rakyat. Apa lagi daripada Yang Berhormat yang bijaksana.

Supaya tak tanya lagi tu [*Ketawa*] Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga ingin menegaskan bahawa akta berkaitan dengan politik antara lain bagi menumpukan berkenaan aspek ketelusan ataupun transparensi penerimaan dana bagi tujuan politik. Oleh yang demikian, mekanisme pelaksanaan dalam akta tersebut akan merangkumi aspek entiti yang dibenarkan untuk memberikan dan menerima dana politik, pelaporan mengenai dana politik yang diterima serta pengauditan dana politik tersebut.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad. Tak ada ya? Ada atau tidak ada?

Beberapa Ahli: Ada.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Yang Berhormat telah menyarankan kerajaan mengambil langkah-langkah untuk meningkatkan integriti di kalangan penjawat awam, anggota Kabinet dan jentera kerajaan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, maaf sekejap ya.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Ya, silakan.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, usai PRU-14, kerajaan telah mengambil pelbagai langkah dan dasar untuk meningkatkan nilai integriti dalam negara mencakupi pelbagai aspek sama ada melibatkan sektor perkhidmatan awam mahupun anggota pentadbiran. Dimulai dengan inisiatif kerajaan menubuhkan Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah (GIACC) merangkap Sekretariat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Antirasuah yang

dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bagi menyelaras pelaksanaan, memantau dan menilai keberkesanan semua inisiatif berkenaan *governance*, integriti dan antirasuah.

Untuk makluman, GIACC sekarang ini dipengerusikan oleh seorang yang agak berpengalaman iaitu Tan Sri Abu Kassim Mohamed yang pernah menerajui SPRM. Sejak penubuhan GIACC pada 8 Jun 2018, mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Antirasuah ini telah bersidang sebanyak tujuh kali Yang Berhormat dan telah membuat banyak keputusan berkaitan *governance*, integriti dan antirasuah untuk dilaksanakan. Kesemua keputusan tersebut sedang dilaksanakan dalam fasa pelaksanaan yang berbeza-beza. Antaranya ialah pelancaran Pelan Antirasuah Nasional (NACP) pada 29 Januari 2019 oleh Yang Berhormat Perdana Menteri.

Yang Berhormat, saya nak bagi tahu, yang JKKMAR ini Yang Berhormat, kebetulan saya adalah salah seorang anggotanya. Dalam mesyuarat ini Yang Berhormat, memang banyak kita telah buat keputusan. Jadi, *insya-Allah* saya rasa kita akan dapat mencapai banyak hasil yang positif kalau sekiranya semua saranan itu dapat dilaksanakan. Pelan Antirasuah Nasional yang telah digubal meliputi semua aspek berpandukan risiko rasuah di pelbagai sektor dan perkhidmatan di mana Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional akan bertanggungjawab bagi penyelarasan, pemantauan dan penilaian terhadap pelaksanaan pelan tersebut.

Sementelah dengan itu, Pelan Anti Rasuah peringkat nasional setiap kementerian dengan agensi juga akan menyediakan Pelan Antirasuah Organisasi ataupun OACP masing-masing. Selain itu Yang Berhormat, Jawatankuasa Antirasuah telah ditubuhkan bagi memastikan dasar yang dibuat tidak berkompromi kepada sebarang tindakan rasuah di setiap peringkat seperti berikut iaitu:

- (i) Jawatankuasa Antirasuah Peringkat Kebangsaan dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara;
- (ii) Jawatankuasa Antirasuah Peringkat Kementerian ataupun jabatan ataupun Agensi Persekutuan; dan
- (iii) JAR ataupun Jawatankuasa Antirasuah Peringkat Kerajaan Negeri

Kerajaan sememangnya bertekad untuk melakukan reformasi tadbir urus serta meningkatkan ketelusan bagi mencegah rasuah dan salah guna kuasa sepertimana mandat yang telah diberikan oleh rakyat. Sebagai contoh, usaha memantapkan unit integriti di semua agensi kerajaan dalam menempatkan pegawai SPRM sebagai ketua unit integriti. Usaha-usaha ini akan menjadikan Malaysia secara keseluruhannya sebagai sebuah negara yang dikenali kerana integritinya bukan kerana rasuahnya.

Yang Berhormat, memang untuk makluman ya, selepas kita mengambil alih kerajaan ini Yang Berhormat, sekarang ini boleh dikatakan negara kita tidak lagi dikenali sebagai negara kleptokrasi malahan negara kita telah mula mendapat tempat di kalangan masyarakat antarabangsa. Minta maaf Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan kedatangan Persatuan Kebajikan Parlimen Bukit Gelugor ke Dewan Negara... *[Tepuk]* Diharap lawatan ini akan memberikan manfaat kepada tetamu yang hadir pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya dah beritahu kepada Bentara, bila Yang Berhormat Menteri menjawab tolong jangan ganggu dengan...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: *[Ketawa]* Tak apa, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Okey, terima kasih. Seterusnya Yang Berhormat Senator dan juga Tuan Yang di-Pertua, saya ingin berpindah kepada Yang Berhormat Dr. Yaakob bin Sapari juga berkaitan dengan SPR. Yang Berhormat Senator telah mencadangkan supaya SPR membuat reformasi sistem pilihan raya yang ada di negara ini termasuklah penurunan had umur mengundi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sedang meneliti dan mengkaji cadangan-cadangan reformasi pilihan raya daripada pelbagai pihak termasuklah cadangan yang dinyatakan oleh Yang Berhormat iaitu penurunan had umur mengundi.

Dalam hal ini, kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Pembaikan Sistem dan Undang-undang Pilihan Raya ataupun *Electoral Reform Committee* (ERC) untuk mengkaji secara menyeluruh sistem dan undang-undang pilihan raya di Malaysia. SPR telah bekerjasama dengan ERC untuk meneliti cadangan-cadangan reformasi pilihan raya yang dikemukakan. Proses ini memerlukan libat urus dengan pelbagai pihak termasuklah penelitian ke atas peraturan dan undang-undang yang sedia ada yang memerlukan tempoh masa yang bersesuaian untuk mendapat pandangan daripada pemegang taruh ataupun *stakeholder* sebelum pertimbangan yang sewajarnya dapat dibuat terhadap cadangan tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan secara prinsipnya telah meluluskan cadangan untuk menurunkan umur layak mendaftar sebagai pemilih daripada 21 tahun kepada 18 tahun, itu daripada prinsipnya kita dah setuju.

Untuk makluman Yang Berhormat, dalam konteks ASEAN ini hanya Malaysia dengan Singapura sahaja masih 21 tahun lagi. Sekiranya Yang Berhormat, keputusan muktamad telah dipersetujui oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Kabinet, *insya-Allah* Yang Berhormat, saya rasa tidak mustahil akan dibentangkan di Parlimen untuk kita dapat laksanakan saranan Yang Berhormat tersebut.

Dr. Yaakob bin Sapari: Mencelah. Antara perkara yang saya sebut juga ialah supaya *online system* di antara Jabatan Pendaftaran Negara dengan SPR. Tidaklah makna rakyat terpaksa mendaftar haknya sebagai pengundi, akta dipinda supaya- saya pernah tanya kepada SPR kenapa tidak boleh *online*? Alasannya, kerana akta tidak membenarkan. Jadi akta dipinda supaya SPR dan Jabatan Pendaftaran Negara boleh terus maklumat tersebut.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Terima kasih Yang Berhormat. Ini yang saya kata tadi, ERC ini Yang Berhormat iaitu Jawatankuasa Pembaikan Sistem dan Undang-undang Pilihan Raya ini pun ada mencadangkan apa Yang Berhormat cadangkan. Jadi itu bukan satu cadangan yang kata orang Yang Berhormat, kita pandang ringanlah. Memang semua ini Yang Berhormat, memang kita ada masukkan dalam salah satu agenda perubahan pilihan raya ini.

Jadi cumanya saya rasa sama ada ia boleh dilaksanakan cepat atau lambat, itu mungkin proses masa sahajalah. Akan tetapi secara umumnya Yang Berhormat, apa Yang Berhormat cadangkan itu memang pun dalam perhatian SPR dan juga pihak kerajaan. Jadi Yang Berhormat tidak perlu bimbanglah. Yang Berhormat berdoalah sampai Yang Berhormat dapat jadi Senator lebih lama lagi dan dapat lihat [*Ketawa*]

Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad lagi sekali telah membangkitkan isu berkenaan kenyataan Pengerusi SPR ke atas rakyat Kelantan yang berada di Kuala Lumpur dengan melabelkan mereka, "Kaki kelab malam."

■1620

Yang Berhormat memohon penjelasan mengenai apakah bentuk tindakan tatatertib yang boleh diambil ke atas Pengerusi SPR mengikut Perlembagaan Malaysia ataupun mengikut Akta SPR dan juga tata kelola penjawat awam yang ditakrifkan oleh Kanun Keseksaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pengerusi SPR telah membuat permohonan maaf secara rasmi melalui kenyataan media SPR bertarikh 5 April 2019. Berhubung dengan perkara tersebut Presiden Parti PAS dan juga Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan melalui kenyataan medianya sebelum ini telah mengucapkan terima kasih dan seterusnya menerima permohonan maaf daripada SPR.

Dengan permohonan maaf tersebut, SPR berpandangan bahawa isu tersebut dianggap telah selesai dan tiada keperluan untuk mengambil tindakan lanjut terhadap perkara tersebut. Memandangkan anggota SPR termasuk pengerusinya bukan merupakan penjawat awam yang boleh dikenakan tatatertib sebagaimana yang terpakai kepada penjawat awam biasa, sebarang salah laku ataupun *misconduct* atau peninggalan tugas secara rasmi oleh anggota SPR hanya boleh diambil melalui penubuhan tribunal seperti mana yang dinyatakan

dalam Perkara 114(3), Perlembagaan Persekutuan. Jadi SPR ada berbeza sedikit dengan anggota kakitangan awam biasa.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya pergi kepada isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin Samad membangkitkan isu penglibatan JPA dalam menentukan gaji Ahli Dewan Negara dan meminta perkara tersebut dikaji. Untuk makluman Yang Berhormat, pindaan gaji Ahli Dewan Negara memerlukan pindaan terhadap Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 [Akta 237]. Justeru, sebelum ia diluluskan oleh kerajaan ulasan input daripada pelbagai agensi berkaitan adalah diperlukan termasuk pihak JPA bagi membantu kerajaan membuat keputusan tepat dan menyeluruh berhubung isu tersebut.

Yang Berhormat Senator Datuk Rabiyyah Ali membangkitkan isu pihak manakah yang sebenarnya mempunyai hak dan *statutory* untuk menjaga Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) dan badan kuasa melantik penjawat awam. Selepas itu bagaimanakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memastikan komen ataupun kenyataan anggota Kabinet yang bukan menjaga perkhidmatan awam supaya tidak berlakunya pertindihan kuasa dan haru-biru dalam perkhidmatan awam selaras dengan prinsip Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Saya rasa Yang Berhormat merujuk kepada kenyataan seorang Timbalan Menteri berkaitan dengan isu ini iaitu isu katanya akan berlaku pemutihan.

Untuk makluman Yang Berhormat, JPA, SPA dan SPP adalah di bawah portfolio ataupun bidang kuasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Jadi Yang Berhormat tidak perlu bimbang walaupun ada kenyataan daripada hatta Menteri sekalipun, itu semua pandangan bagi kamilah, itu pandangan peribadi ataupun pandangan yang tidak muktamad. Oleh sebab JPA, SPA dan SPP adalah di bawah kuasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Berhubung dengan kenyataan umum anggota-anggota pentadbiran diminta berpegang teguh kepada prinsip kesepakatan dan kebertanggungjawaban- *accountability* bersama terhadap keputusan-keputusan kerajaan yang telah dibuat secara kolektif. Sebarang kenyataan umum yang boleh menimbulkan keresahan mana-mana pihak ataupun bercanggah dengan keputusan kerajaan hendaklah sentiasa dielakkan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mempunyai pelbagai mekanisme bagi menasihati anggota-anggota pentadbiran untuk berpegang teguh kepada prinsip. Namun, ia tidaklah bermakna anggota-anggota pentadbiran dari dihalang untuk memberi pandangan yang berbeza.

Yang Berhormat Senator Datuk Rabiyyah Ali membangkitkan isu Timbalan Menteri MITI tadi kan yang telah saya tekankan tadi, jadi saya rasa saya tidak ulang lagi. Cuma, dia

mengatakan adakah kementerian yang ada *statutory power* untuk menjaga JPA, SPA dan SPP yang telah saya terangkan tadi.

Saya pergi kepada Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi Haji Suhaili yang membangkitkan isu pindaan Artikel 1(2), Perlembagaan Persekutuan. Yang Berhormat bersetuju dengan penubuhan Jawatankuasa PEMANDU, *Steering Committee* dan teknikal iaitu *Technical Committee* rundingan MA63. Yang Berhormat mencadangkan Perkara 160(2) yang berkaitan dengan makna "*Persekutuan*" diperbaiki dan juga Artikel 112D dan juga Artikel 112D(3) yang ini berkaitan dengan *special grant* dilihat semula dalam membincangkan MA63. Yang Berhormat juga mencadangkan hasil mesyuarat kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, CM Sabah dan Sarawak sebelum dibentangkan di Parlimen. Saya jawab yang bawah dahulu, Yang Berhormat.

Untuk Yang Berhormat, *Steering Committee* Yang Berhormat juga dianggotai oleh Ketua Menteri Sabah dan juga Ketua Menteri Sarawak. Jadi saya rasa isu Yang Berhormat bangkitkan bahawa hasil mesyuarat dikemukakan kepada mereka yang disebutkan tidak timbullah kerana mereka juga ada dalam anggota mesyuarat tersebut. Seterusnya Yang Berhormat isu-isu yang dibangkitkan ada dalam proses semakan Jawatankuasa Khas Kabinet untuk menyemak dan hasil semakan tersebut akan dilaporkan kepada ahli-ahli jawatankuasa yang juga merangkumi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Berhormat Ketua Menteri Sabah dan Sarawak.

Dr. Zaiedi juga seterusnya- minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Theodore Douglas Lind pada 23 April 2019 yang mencadangkan pindaan Perlembagaan Persekutuan, Artikel 1(2) dikemukakan semula ke Parlimen dengan lebih menyeluruh, luas dan terbuka.

Walaupun kita telah bantangan, memang kita akui kita telah gagal mendapat kelulusan kerana tidak dua pertiga. Sekarang Yang Berhormat minta supaya dikemukakan semula. Saya ingin mencadangkan kepada Yang Berhormat kalau boleh minta pihak-pihak yang sebelum ini menentang ataupun menggagalkan pindaan tersebut, jika mereka bersungguh untuk minta supaya pindaan ini dibuat, mereka boleh menulis surat kepada kita. Kita hendak tengok keseriusan mereka. Mereka boleh menulis surat kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri nyatakan mereka sebenarnya minta supaya dikaji semula.

Jadi saya rasa mungkin kita boleh pertimbangkan sebab kita telah buat Yang Berhormat. Kita telah membuat telah usahakan untuk pinda benda ini selaras dengan *spirit* MA63. Akan tetapi malangnya apabila kita bawa ke Parlimen Dewan Rakyat, tidak diluluskan.

Jadi kita rasa amat mungkin amat kesal sedikitlah kerana apa yang kita ingin laksanakan mengikut *spirit* yang asal tidak dipersetujui.

Jadi saya harap kali ini kalau sekiranya pihak-pihak yang merasakan bahawa hendak juga buat, sila tulis surat kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya kita nampak keseriusan. Sekarang ini kita tidak ada apa-apa keputusanlah tetapi kita minta mereka menulis surat kepada pihak-pihak anggota pentadbiran sekarang terutamanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Tuan Adrian...

Tuan Yang di-Pertua: Lasimbang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Adrian Banie kah? Banny kah Banie?

Tuan Yang di-Pertua: Lasimbang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: [*Ketawa*] Ingin tahu tentang jawatankuasa yang ditubuhkan untuk mengkaji MA63 dan bilakah jangka masa laporan hasil perbincangan akan dikeluarkan. Untuk makluman Yang Berhormat, seperti Yang Berhormat sedia maklum Jawatankuasa Khas Kabinet ini ialah menyemak pelaksanaan Perjanjian Malaysia 63 yang telah ditubuhkan dan dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di peringkat Menteri sendiri di peringkat Jawatankuasa PEMANDU.

Seterusnya jawatankuasa ini juga telah dianggotai oleh wakil Kerajaan Persekutuan dan wakil kerajaan negeri Sabah dan Sarawak yang termasuk Ketua Menteri Sabah dan Sarawak. Jawatankuasa Khas Kabinet ini bertanggungjawab untuk mengkaji dan membuat penilaian semula Perjanjian Malaysia 63 yang termasuk isu mengenai Perkara 1(2) dan juga perkara-perkara yang berkaitan dengannya dan seterusnya mengemukakan senarai tuntutan untuk dipertimbangkan dengan rundingan antara Kerajaan Persekutuan dan juga Kerajaan Negeri.

Rundingan antara wakil Kerajaan Persekutuan dengan kerajaan negeri Sabah dan Sarawak sedang giat dijalankan di peringkat Jawatankuasa PEMANDU, teknikal dan juga kerja. Untuk makluman Yang Berhormat, untuk jawatankuasa kerja ini kita telah pergi kepada *detail* lagi kita telah rujuk *clusters*. Maknanya kita betul-betul Yang Berhormat serius dalam isu ini.

Untuk makluman Yang Berhormat...

Puan Asmak binti Husin: Pohon soalan tambahan.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Ya, silakan.

Puan Asmak binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, cuma saya hendak tanya, dalam Jawatankuasa Kerja melibatkan pindaan tersebut adakah dimasukkan juga *consultancy* dengan negeri-negeri lain sebab kita kan satu Malaysia. Jadi mungkin negeri-negeri juga ingin

dapat kefahaman dan *impact* sekiranya perkara ini dilaksanakan apakah *impact* terhadap negeri-negeri lain. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Terima kasih, Yang Berhormat. Sebenarnya perkara itu juga ada dibincangkan. Ada cadangan daripada pihak yang tertentulah minta supaya negeri-negeri lain juga dimasukkan. Akan tetapi apabila cadangan itu dikemukakan Yang Berhormat, usahanya pihak Sabah dan Sarawak merasakan buat masa ini tidak perlu lagi sebab yang kita bincangkan ini spesifik kepada Sabah dan Sarawak. Jadi kita tahu kalau terlampau ramai sangat negeri-negeri nanti takut-takut kepentingan Sabah dan Sarawak itu dikesampingkan.

■1630

Jadi buat sementara ini Yang Berhormat, kita tidak bercadang untuk meletakkan wakil-wakil negeri di Kelantan dan Terengganu. Kata orang kita *concentrate* dahulu pada Sabah dan Sarawak, tetapi cadangan Yang Berhormat adalah cadangan yang baik. *Insyah-Allah* saya rasa kalau sekiranya keadaan memerlukan, kita mungkin akan mansuhkan juga. Oleh sebab kita Yang Berhormat, ada *timeline* ini.

Untuk Yang Berhormat, kita kena selesaikan sepenuhnya dalam masa enam bulan. Jadi jawapannya tadi. Untuk makluman Yang Berhormat, jawatankuasa khas ini diberi tempoh masa selama enam bulan untuk melaksanakan kajian tersebut. Makna kita letakkan suatu masa yang begitu pendek. Sebab Yang Berhormat, kalau ramai sangat Yang Berhormat, ramai sangat kepala ini Yang Berhormat, enam bulan boleh jadi enam tahun.

Jadi, sebab itu kita rasa buat sementara ini kita kekalkan dahulu. Sebenarnya Yang Berhormat, yang ramai itu pun, yang sekarang yakni Sabah dan Sarawak itu pun minta tambah lagi. Kalau masuk negeri lagi Yang Berhormat, saya tidak tahulah apa yang akan jadi. Jadi, saya harap Yang Berhormat kena juga- kita juga kena realistik dan juga praktikal ya.

Pada masa ini Jawatankuasa Khas Kabinet masih dalam proses perbincangan dan rundingan mengenai isu-isu yang melibatkan pelaksanaan hak-hak negeri Sabah dan Sarawak di bawah Perjanjian Malaysia 1963 tersebut. Rundingan ini akan berterusan sehingga suatu persetujuan- *consensus* atau kompromi dapat dicapai dan diterima baik oleh semua pihak.

Keputusan yang dicapai dalam jawatankuasa ini akan dibentangkan dan dipersetujui di bawah peringkat jawatankuasa PEMANDU yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang juga turut dianggotai oleh Ketua Menteri Sabah dan Sarawak sebelum ia dibentangkan di Parlimen. Persetujuan yang dicapai kelak mungkin akan

melibatkan pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan dan beberapa perundangan yang lain.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya merujuk kepada isu yang melibatkan agensi MAMPU. Ini dibangkitkan oleh sahabat saya Yang Berhormat Dato' Sri Khairudin Samad yang mencadangkan agar kementerian membuat Hari Terbuka pada setiap minggu demi untuk memastikan kelancaran sistem penyampaian kerajaan. Untuk makluman Yang Berhormat, kita bukan buat setiap minggu tetapi kita buat setiap hari. Dah buat pun *[Ketawa]*

Jadi Yang Berhormat, tertinggal kereta api sikit ini *[Ketawa]* Jangan takut Yang Berhormat. Saya gurau sahaja. Gurau Ramadhan ya. Akan tetapi Yang Berhormat, kerajaan sentiasa memberi perhatian untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan dengan memberi tumpuan kepada perkhidmatan pelanggan. Penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan bukan sahaja tertumpu kepada penambahbaikan sistem dan proses kerja, malah aspek meningkatkan jalinan hubungan antara organisasi dengan pelanggan turut diberikan perhatian sewajarnya.

Dato' Sri Khairudin Samad: Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya mohon.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Sila. Sila *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat... *[Disampuk]*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Boleh tidak saya habiskan dahulu. Nanti saya benarkan. Boleh ya?

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan telah mengeluarkan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 1/2008 iaitu Panduan Pengurusan Perhubungan Pelanggan bagi meningkatkan jalinan hubungan dan interaksi antara organisasi dan pelanggan dengan lebih cekap dan berkesan.

Jadi, ada pekeliling ya, Yang Berhormat. Pekeliling ini adalah pekeliling yang lama Yang Berhormat, bukan dibuat kerajaan baharu, daripada kerajaan lama lagi. Salah satu peningkatan atau saluran yang digalakkan oleh kerajaan dalam meningkatkan kualiti perhubungan awam adalah melalui program Hari Bertemu Pelanggan.

Program ini memberi peluang kepada tiap-tiap perjawatan mendapatkan maklumat secara terus daripada pelanggan berhubung masalah yang dihadapi oleh mereka yang merupakan input berguna dalam kepada perancangan dan kejayaan program, projek dan aktiviti kementerian dan agensi. Dalam konteks ini kerajaan tidak menetapkan kekerapan pelaksanaan program ini atau kaedah interaksi dengan pelanggan yang digunakan. Sebaliknya, agensi boleh menentukan kaedah yang bersesuaian mengikut jenis perkhidmatan masing-masing. Jadi, saya kalau ada, Tuan Yang di-Pertua. Hendak tanya kah?. Silakan,

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin Samad. Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah cakap gurau.

Dato' Sri Khairudin Bin Samad: Yang Berhormat Timbalan Menteri, tidak. Bukan saya kata itu. Saya tidak kata itu. Saya naik *Grab*, saya tidak naik kereta api.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: [*Ketawa*]

Dato' Sri Khairudin Bin Samad: Tidak tertinggal kereta api. Naik *Grab*. Cuma saya hendak maklum bahawa mungkin masa saya sebut itu, saya dapat berita, saya cuba untuk hubungi kementerian memang hendak jumpa Yang Berhormat Menteri, dia minta kita *email*-kan dahulu. Kalau kita telefon, ada lagu arwah Sudirman... [*Dewan ketawa*]

Bunyi itu sahaja. Tidak ada orang jawab. Kita cuba lagi dua jam kemudian, bunyi *ringing tone* yang sama. Lagu arwah Sudirman. Saya kalau hendak dengar lagu, saya beli kaset lah. Pergi telefon buat apa kan. Masa saya sebut- bukan tertinggal kereta api, tidak. Akan tetapi, maksud saya daripada beritahu kepada rakyat kalau hendak jumpa Yang Berhormat Menteri, *email*. Saya takut nanti rakyat kata hendak undi, *email*, masa pilihan raya nanti. Jadi rakyat boleh jawab balik. Hendak suruh saya undi boleh, tetapi *email* saya dahulu. Saya pun hendak bagi undi saya hendak *email*. Tidak bagi *email*, saya tidak mahu undi. Saya takut yang itu. So, saya sebut kalau boleh kita adakan setiap minggu. Akan tetapi, sekarang Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab tiap-tiap hari. *Alhamdulillah* tidak tinggal kereta api. Terima kasih.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Terima kasih kepada sahabat saya, Dato' Sri Khairudin. Untuk makluman Yang Berhormat fasal Sudirman ini, Yang Berhormat tidak setuju dengan *ringtone* Sudirman, hendak tukar lagu lain kah atau macam mana? [*Ketawa*]

Dato' Sri Khairudin Bin Samad: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Okey Yang Berhormat saya akuilah kadang-kadang ada sesetengah kementerian itu mungkin masih lagi kata orang kadang-kadang benda ini kita hendak katakan suatu kesimpulan semua pun tidak betul juga ya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Mungkin ada sesetengah kementerian begitu. Ada sesetengah kementerian sudah ada perubahan. Saya tidak boleh bercakap bagi semua pihak kementerian. Akan tetapi bagi pihak kementerian yang JPM di bawah saya, saya punya polisi lah kalau di pejabat saya ini Yang Berhormat, kita memang akan layan semua aduan tanpa mengira bangsa, tanpa mengira agama, tanpa mengira sesiapa pun. Malah saya kata tadi kalau surat layang pun kami ambil tindakan. Malah saya arahkan pegawai saya kalau sekiranya ada apa-apa surat, saya akan baca daripada- kata orang daripada awal sampai akhir.

Baru-baru ini Yang Berhormat untuk makluman, saya terima satu aduan daripada Jerman. Surat itu dihantar melalui *courier* yang- daripada Jerman. Mengadu. Dekat- saya rasa dekat 10 helai suratnya. Panjang. Saya baca satu-satu. Walaupun tidak melibatkan kementerian saya, aduan itu lebih kepada kementerian lain. Akan tetapi, saya ambil inisiatif baca juga. Kita cuba cari penyelesaian.

Oleh sebab kita sebenarnya Yang Berhormat hendak berubah. Cuma Yang Berhormat, saya akuih benda ini kadang-kadang memakan masa, tetapi Yang Berhormat kena *bear with us*. Sebenarnya secara umumnya saya rasa pegawai kerajaan ini, mereka buat kerja baik Yang Berhormat. Cumanya perlu penambahbaikan.

Jadi, saya rasa apa Yang Berhormat itu saya akan bangkitkanlah. Mungkin saya akan bangkitkan pada MAMPU supaya mereka mengambil kira benda ini. Akan tetapi untuk makluman pekeliling itu memang ada Yang Berhormat, saya akan beri Yang Berhormat selepas ini kalau Yang Berhormat hendak. Kita boleh bagi.

Jadi Yang Berhormat sekiranya Yang Berhormat merasakan bahawa selepas ini ada pegawai-pegawai kata hendak jumpa saya *email* dahulu dan sebagainya. Yang Berhormat boleh buat aduan. Jangan takut Yang Berhormat. Kita tidak akan ambil tindakan kalau Yang Berhormat buat aduan. Tidak ambil tindakan kepada pihak-pihak yang itulah. Kita akan- Yang Berhormat sekarang ini kita mencari penyelesaian. Kita bukan lagi hendak kepada kalau boleh "*blame game*". Kita hendak cari penyelesaian. Kita *together* cari penyelesaian. Kita kerajaan yang cuba cari penyelesaian.

Saya rasa Yang Berhormat, yang mampu Yang Berhormat- itu sahaja isu Yang Berhormat bangkitkan. Seterusnya saya ingin bangkitkan kepada Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah berkaitan dengan "Datuk" palsu [*Ketawa*] Yang Berhormat membangkitkan isu penyalahgunaan darjah kebesaran dan "Datuk" palsu. Yang Berhormat bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat Senator Prof Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah Bin Abu Shah yang mencadangkan diwujudkan suatu undang-undang tertentu mengenai isu ini. Yang Berhormat juga ingin tahu jumlah dan senarai darjah kebesaran yang ditarik semula oleh kerajaan.

Untuk makluman Yang Berhormat tentang cadangan supaya undang-undang tertentu ya. Tidak perlu Yang Berhormat. Ini kerana undang-undang telah ada. Di peringkat Persekutuan, kerajaan telah menguatkuasakan Akta Kesalahan yang berhubungan dengan Anugerah 2017 atau Akta 787 bermula pada 25 Oktober iaitu bermula berkuat kuasa pada 25 Oktober 2017. Ia telah diluluskan di Dewan Rakyat pada 23 November 2016 dan diluluskan oleh Dewan Negara ini pada 20 Disember 2016.

Malahan saya hendak katakan bahawa semasa pembentangan di peringkat Dewan Negara pun Yang Berhormat Senator Prof Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah Bin Abu Shah pun turut sama dalam berbahas. Memang akta itu ada. Jadi, saya rasa memang akta ini mengandungi 19 seksyen di bawah lima bahagian dan terpakai bagi seluruh Persekutuan berkenaan dengan anugerah asing dan Anugerah Yang di-Pertuan Agong. Antara jenis kesalahan dan penalti yang digariskan ialah- antara ya, menerima atau menggunakan anugerah yang tidak diiktiraf boleh dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun.

■1640

Seterusnya, menjalankan atau menghadiri Istiadat Pengurniaan bagi anugerah-anugerah yang tidak diiktiraf. Denda tidak melebihi RM10,000 atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Seterusnya, kesalahan membuat lambang kebesaran bagi anugerah tidak diiktiraf. Boleh didenda tidak melebihi RM10,000 atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Keempat, Yang Berhormat, menyatakan diri sebagai pemegang anugerah Yang di-Pertuan Agong. Boleh dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun.

Kelima, menerima dan menggunakan anugerah asing tidak diiktiraf. Boleh dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun. Kalau Yang Berhormat tengok akta itu, ada lebih kurang, saya tak ingatlah tetapi beratus-ratus negara yang telah kita iktiraf.

Keenam, menerima anugerah asing daripada Ketua Negara sebelum mendapat kebenaran bertulis Yang di-Pertuan Agong. Boleh didenda tidak melebihi RM500,000.

Ketujuh, meminta, menerima dan memberi suapan- *bribery*, bagi anugerah yang diiktiraf ataupun anugerah yang tidak diiktiraf.

Kelapan, kesalahan-kesalahan suapan. Boleh dipenjarakan tidak melebihi 20 tahun.

Akta 787 ini, Yang Berhormat, turut menyediakan satu peruntukan khas yang merangkumi kesalahan di bawah undang-undang negeri tetapi ia dilakukan di luar wilayah negeri itu. Kesalahan rentas sempadan atau *cross border* berhubung dengan anugerah iaitu seksyen 17, Akta 787, kesalahan di bawah undang-undang negeri yang dilakukan di luar wilayah negeri.

Dalam hubungan ini, undang-undang negeri berkaitan pengurniaan darjah kebesaran, bintang dan pingat perlu dimasukkan ke dalam Jadual Kedua Akta 787. Sehingga kini, enam negeri yang telah mengemukakan enakmen dan undang-undang negeri masing-masing untuk dimasukkan ke dalam Jadual Kedua iaitu negeri Johor, Kelantan, Selangor, Pahang, Perak dan Melaka.

Keenam-enam enakmen dan undang-undang negeri berkenaan telah diwartakan dalam Jadual Kedua Akta 787 dan berkuat kuasa pada 10 Januari 2019.

Dengan berkuat kuasanya Akta 787 ini, Yang Berhormat, ia akan membendung pelbagai bentuk kesalahan berkaitan anugerah terutamanya penipuan serta penyalahgunaan pengurniaan darjah kebesaran, bintang dan pingat di negara ini.

Berhubung perkara itu juga, masyarakat dinasihatkan agar segera membuat laporan polis sekiranya berurusan dengan individu yang disyaki menyalahgunakan darjah kebesaran, bintang ataupun pingat serta gelaran pengurniaan tersebut. Sebarang semakan status pengurniaan darjah kebesaran, bintang dan pingat persekutuan dan negeri boleh dibuat melalui sistem semakan di laman web Bahagian Istiadat dan Urus setia Persidangan Antarabangsa Jabatan Perdana Menteri atau berhubung terus dengan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri yang berkenaan.

Tentang soalan Yang Berhormat berhubung tindakan yang telah diambil. Berhubung penarikan semula darjah kebesaran, bintang dan pingat peringkat persekutuan, dari tahun 1958 sehingga kini, seramai tiga orang penerima yang telah ditarik semula kurniaannya di mana- ini di peringkat Persekutuan, Yang Berhormat- masing-masing merupakan penerima sama ada Seri Maharaja Mangku Negara membawa gelaran "Tun" yang ini, Yang Berhormat, saya hanya bagi tahun tarikhnya iaitu tahun 1968, tetapi saya tidak beritahu nama individu untuk kita menghormati mungkin maruah dan sebagainya. Seterusnya Panglima Setia Mahkota yang membawa gelaran "Tan Sri", pun ada juga diambil tindakan. Seterusnya Ahli Mangku Negara, yang ini tidak melibatkan gelaran "Datuk" dan sebagainya, pun diambil tindakan.

Bagi penarikan semula darjah kebesaran, bintang dan pingat negeri, ia merupakan kuasa prerogatif Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja dan Tuan-Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri. Oleh yang demikian, rekod penarikan semula dicadangkan oleh Pejabat Setiausaha Negeri masing-masing. Jadi, kita, seperti yang saya kata tadi, yang melibatkan pihak Persekutuan, Yang Berhormat.

Seterusnya, izinkan saya, Tuan Yang di-Pertua, pergi kepada Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ismail bin Yusop yang mencadangkan usaha penjenamaan dan memperbaharui Dewan Negara sebagai semak dan imbang seperti berikut- Ahli Dewan Negara diberi ruang untuk mendekati rakyat, Ahli Dewan Negara dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa Khas mengikut kepakaran bidang Ahli-ahli Dewan Negara termasuk menjadi ahli dalam Kaukus Reformasi dan Tadbir Urus Parlimen.

Sebelum saya jawab Yang Berhormat Tuan Haji Ismail bin Yusop, saya haraplah- saya cakap secara umum ya- kalau boleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang bertanyakan

soalan memberikan perbahasan dan membangkitkan isu-isu tertentu macam ini seboleh-bolehnya kalau tidak ada apa-apa aral, hadirilah dalam Dewan ini untuk kita boleh mungkin bertanya soalan tambahan dan sebagainya. Jadi kalau kita hendak memperkasakan Dewan Negara, kita bermula daripada diri kita sendiri...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Kita mesti tunjukkan contoh...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, dia baru keluar.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Baru keluar. Itulah. Patutnya tunggu [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua: Dia tak tahu bila Yang Berhormat hendak cakap.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Saya pun tak tahu bila dia keluar [*Ketawa*] Jadi sama-sama tidak tahu ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri tak payah tahu lah. Sekarang baca.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Tidak mengapa, Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa kita mesti jadikan Dewan ini sebagai satu perkara yang serius.

Tuan Yang di-Pertua: Saya faham, Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat hendak ucap, nanti Ahli-ahli Yang Berhormat akan bangkitkan banyak masalah di mana Menteri pun tak datang. Tak payahlah, Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: ...Tahu. Saya, Tuan Yang di-Pertua, tak ada masalah. Kalau kami tak datang, Yang Berhormat boleh tegur, tak ada masalah, tetapi kita haraplah tunjukkan keseriusan. Saya bukan cakap di Dewan Negara- di Dewan Rakyat pun sama. Saya rasa Dewan Rakyat...

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Saya faham, Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: ...Ada sesetengah Yang Berhormat kadang-kadang membangkitkan isu tetapi bila kita jawab tak ada.

Tuan Yang di-Pertua: Ini baru keluar, tidak mengapalah.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Jadi, kalau kita hendak memperkasakan Dewan Negara, kita kena semua bekerjasama. Pihak kami bekerjasama, pihak sana bekerjasama.

Saya pada dasarnya tidak ada masalah, Tuan Yang di-Pertua, saya setuju, tetapi saya minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, saya terpaksa membangkitkan isu ini supaya kita dapat mempelajari. Kadang-kadang isu yang dibangkitkan dalam Dewan Negara ini kadang-kadang isu-isu yang, minta maaf, tidak mencerminkan isu yang besar. Jadi, saya harap selepas ini kalau boleh kalau kita bahas, kita bahaskan isu-isu yang menunjukkan kita sesuai dengan status kita sebagai Dewan Negara ini yang, untuk makluman Yang Berhormat, Perlembagaan Malaysia ini meletakkan satu mekanisme...

Dr. Yaakob bin Sapari: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Okey, baguslah bangun. Silakan duduk sekejap.

Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Wira Haji Omardin: Tarik balik.

Dr. Yaakob bin Sapari: Tarik balik.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Tak, tak tarik balik.

Dr. Yaakob bin Sapari: Tarik balik. Walaupun ini bukan Dewan Rakyat, Dewan Negara, tetapi kenyataan Menteri itu satu yang...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Tak, saya hendak beri contoh. Saya hendak beri contoh, Yang Berhormat.

Dr. Yaakob bin Sapari: Banyak isu yang dibangkitkan. Walaupun ini bukan Dewan Rakyat, betul, tetapi ini di Dewan Negara tetapi...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat semua, duduk sekejap. Duduk.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Saya cakap begini, Yang Berhormat, sebab saya bersetuju dengan Yang Berhormat supaya kita memperkasakan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, tolong jawab, tak payah ucaplah, Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Tidak mengapalah, Yang Berhormat. Saya rasa kalau kita...

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat Yang Berhormat...

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta *clarification* sahaja apa dia Yang Berhormat kata tidak ada- *low class* lah maknanya.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Saya bukan kata *low class*. Saya kata ada isu-isu yang dibangkitkan itu mungkin tidak sepatutnya...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, sekejap. Duduk, duduk, Yang Berhormat [*Ketawa*] Saya hendak beritahu kepada Menteri-menteri Kabinet, usah gunakan masa untuk menjawab ini sebagai teguran. Kalau teguran itu munasabah, tidak mengapa. Dekat Dewan Rakyat, setengah masa ini habis kerana gaduh. Dekat Dewan Negara tak ada. Yang sini bersopan santun, membenarkan semua isu... [*Tepuk*] Yang Ahli-ahli- bukan saya hendak bagi sokongan kepada Ahli-ahli Dewan Negara. Ini betul, Yang Berhormat, kena faham. Sini kita tak buang masa. Yang kita bagi sesebuah rang undang-undang yang diluluskan, semua *standard operating procedure*, dengan izin, adalah dari Dewan Negara. Cuba tengok *just by Hansard* dan sebagainya. Dekat sana itu banyak masalah. Sini Dewan yang sama, tetapi tak ada masalah. So, kalau hendak tegur itu, tolong, Yang Berhormat, tegur secara munasabah.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju apa Tuan Yang di-Pertua kata di Dewan Rakyat ini kadang-kadang memang...

Tuan Yang di-Pertua: Dan saya hendak tahu, Yang Berhormat, kebanyakan sini semua...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Tuan Yang di-Pertua, boleh tak saya menjawab dahulu?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak mengapa, nanti sekejap. Saya hendak beritahu Yang Berhormat, kebanyakan sini semua adalah berpengalaman dari banyak sektor dan...

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah: Kalau hendak kami menjerit, kami pun boleh menjerit.

Tuan Yang di-Pertua: Tak payahlah, Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri cakap ini dia memang hendak bagi- tidak mengapalah, itu Menteri pun okey, tak ada masalah, boleh tegur tetapi hendak tegur itu tolonglah, Yang Berhormat, jangan emosi sangat. Nanti saya punya Senator semua emosi, susahlah ini [*Ketawa*]

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Tuan Yang di-Pertua, saya tak ada masalah. Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju seratus peratus. Sepatutnya memang- maksud saya bukan masalah cara penyampaian. Itu saya setuju, Dewan Rakyat memang banyak benda-benda yang kita *left much to be desired*, dengan izin. Akan tetapi, saya hendak katakan di sini memang Perlembagaan telah di-*design in such a way* memang memastikan latar belakang yang berbeza masuk dalam Dewan Negara ini. Memang ada. Ada wakil daripada OKU, wakil daripada- tentunya saya yang itu saya tidak ada masalah.

■1650

Apa yang saya maksudkan Yang Berhormat, ada juga kadang soalan-soalan yang dibangkitkan yang bila saya tengok saya kata, perlu kah dibangkitkan dalam Dewan Negara? Akan tetapi, saya rasa tidak salah kalau saya tegur ini untuk kebaikan kita semua. Bukan saya- saya tiada niat pun langsung untuk hendak memperkecilkan Dewan Negara, tidak langsung.

Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Wira Haji Omardin: Menteri boleh...

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah: Soalan yang bagaimana?

Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Wira Haji Omardin: Satu minit, boleh satu Menteri? Dia bukan soalan itu yang tidak berkualiti. Kadang-kadang ada Menteri pun jawapannya tidak berkualiti Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Setuju, saya setuju, tidak ada masalah. Jangan takut, kalau kami kena kritik, kami tidak melenting *insya-Allah*. Kalau betul, kami terima sebab kita ini bukan datang sini untuk kita hendak mencari kesalahan. Saya hendak kata ini, saya hendak cakap ini sebagai untuk sama-sama kita ini- sebab itu saya kata kalau kita hendak betul-betul memperkasakan, jangan kita hanya nampak kesalahan orang lain, kita nampak

kesalahan diri kita sendiri, barulah betul. Saya akui ada sesetengah Menteri mungkin jawapan tidak memuaskan. Saya hendak bagi contoh kata Yang Berhormat...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Ada Yang Berhormat Senator yang...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Sekejap, saya hendak teruskan. Saya hendak jawab ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, sudahlah Yang Berhormat Menteri. Saya hendak tegur Yang Berhormat Menteri ini. Saya ingat Yang Berhormat Menteri ini tolonglah... [*Dewan riuh*]

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Tidak apa, tidak apa. Tegurlah, tiada masalah.

Tuan Yang di-Pertua: Dengarlah Yang Berhormat, saya hendak tegur Yang Berhormat Menteri ini, janganlah kita panjang-panjangkan perbahasan yang tidak ada kena-mengena dengan urusan Yang Berhormat sebagai Timbalan Menteri kementerian. Tolong, jawab soalan yang dibangkitkan dalam perbahasan. Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Okey, saya tiada masalah Tuan Yang di-Pertua. Saya antara orang yang boleh terima sebarang kritikan.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau Yang Berhormat hendak juga, saya boleh bagi kepada semua Ahli Yang Berhormat ini untuk tegur.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Boleh, silakan. Tiada masalah. Terus terang saya kata Tuan Yang di-Pertua, saya antara orang yang tidak ada masalah. Saya sebenarnya lebih suka kalau boleh...

Datuk Haji Abidullah bin Salleh: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Baik, silakan.

Datuk Haji Abidullah bin Salleh: Tuan Yang di-Pertua, kalau macam itu, nanti buat dialog lain di luar. Bila-bila Yang Berhormat boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apa-lah Yang Berhormat. Sudahlah Yang Berhormat Menteri.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: *I am ready to* apa ini, tidak ada masalah.

Tuan Yang di-Pertua: Okeylah, tidak apalah Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya menghormati Tuan Yang di-Pertua, saya akan baca terus jawapan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Tolong baca.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Saya hendak katakan, saya menjawab ini sebab saya rasakan supaya kita dapat sama-sama membantu memperkasakan Dewan Negara

sebab ada cadangan-cadangan yang baik. Cumanya kadang-kadang ada setengah cadangan yang saya rasa kita perlu perbetulkan.

Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin membangkitkan tentang agar semua jawapan bertulis diserahkan kepada Yang Berhormat yang bertanya sebelum perbahasan dimulakan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, tolong jawab berkenaan dengan Yang Berhormat Ismail yang bangkitkan isu memperkasakan Dewan Negara.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Isu tadi Yang Berhormat, saya sudah jawab tadi Yang Berhormat. Kita akan telah ini pun, apa ini...

Tuan Yang di-Pertua: Mana ada jawab?

Seorang Ahli: Tidak jawab lagi.

Seorang Ahli: Itulah, membebel sahaja, kan sudah lupa.

Tuan Yang di-Pertua: Sudahlah Yang Berhormat, biar Menteri jawab.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Yang Berhormat mencadangkan supaya penjenamaan dan pembaharuan Dewan Negara sebagai semak imbang. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan menyambut baik cadangan tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, untuk Yang Berhormat kata Ahli Dewan Negara juga dijadikan sebagai anggota *caucus*, saya sebagai anggota *caucus* yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim telah pun kita bersetuju untuk meletakkan juga anggota-anggota itu daripada Ahli Dewan Negara.

Makna kita memang mengambil berat, jangan takut Yang Berhormat Senator. Kita akan memastikan kita punya sistem *bicameral* ini dapat dilaksanakan dengan berkesan. Yang Berhormat juga- yang untuk Yang Berhormat Senator Tuan Ismail, itu sahaja sebenarnya dibangkitkan.

Yang Berhormat Senator Dr. Nuing Jeluing bertanya, adakah Parlimen ini berusia 56 tahun dan bukannya 60 tahun dengan kemasukan Sabah dan Sarawak. Untuk makluman Yang Berhormat, institusi Parlimen berusia 60 tahun pada tahun 2019 mengambil kira Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama Parlimen yang bersidang pada 11 September 1999.

Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin mencadangkan supaya semua jawapan bertulis diserahkan kepada Yang Berhormat yang bertanya sebelum perbahasan dimulakan. Ini bagi membolehkan Yang Berhormat menyemak semula jawapan yang diberikan menepati jawapan yang dikehendaki dan Yang Berhormat boleh berbahas mengenai jawapan tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat, mengikut Peraturan Mesyuarat 23(6) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara, "Jika tidak berkehendakkan jawab lisan atau jika jawab bertulis adalah diperintah dikeluarkan menurut perenggan (3) dalam Peraturan

Mesyuarat 21, maka Menteri yang diarahkan kepada pertanyaan itu hendaklah menghantar salinan jawapan itu kepada ahli yang bertanya dan seterusnya kepada Setiausaha dan Setiausaha hendaklah menguruskan supaya jawapan ini dimasukkan di dalam Penyata Rasmi Mesyuarat.” Kerajaan akan memastikan agar semua jawapan pertanyaan bertulis ini dikemukakan kepada Ahli Dewan yang bertanya mengikut masa yang bersesuaian.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Puan Nuridah binti Mohd Salleh mencadangkan Akta Perkhidmatan Parlimen atau *Parliamentary Services Act* dikembalikan dan seterusnya mencadangkan agar kerajaan memberikan perhatian kepada usaha reformasi Dewan Negara agar Dewan ini dapat memainkan peranan yang aktif dalam menyelesaikan permasalahan rakyat. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan amat komited dalam pelaksanaan janji 16, mengembalikan wibawa Parlimen.

Sehubungan itu, Akta Perkhidmatan Parlimen ini masih dalam peringkat kajian. Pelbagai sesi perbincangan bersama agensi berkaitan telah diadakan dalam cadangan Akta Perkhidmatan Parlimen yang baharu akan dibentangkan kepada kerajaan setelah dimuktamadkan kandungannya. Cadangan kepada usaha reformasi Dewan Negara juga dalam perhatian pihak kerajaan. Dalam hal ini, Bengkel Penyediaan Laporan Jawatankuasa Kerja Reformasi Dewan Negara (JKRDN) telah berjaya dilaksanakan pada 12 Mac sehingga 15 Mac 2019. Laporan akhir agenda reformasi Dewan Negara telah diserahkan kepada Pengerusi Jawatankuasa Kerja Reformasi Dewan Negara dan akan dilaksanakan apabila dimuktamadkan kelak.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob bin Sapari mencadangkan Ahli Senator diberikan dana untuk menjalankan penyelidikan seperti di Filipina. Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini tiada cadangan untuk memberikan peruntukan kepada Ahli Dewan Negara. Jadi saya rasa Yang Berhormat tentang isu ini, kalau Yang Berhormat rasa hendak itu, Yang Berhormat boleh lah membuat surat dan sebagainya.

Akan tetapi untuk Yang Berhormat menyatakan perbandingan dengan Filipina, saya tidak begitu tepat. Ini sebab di Filipina sistem dia berbeza, saya rasa di sana ada yang dipilih oleh rakyat, dia bukan dilantik sedangkan di negara kita, Senator dilantik mengikut Perlembagaan. Jadi mungkin nama dia Senator macam di Amerika tetapi dari segi dia punya kuasa dan juga *power* lebih besar. Jadi kalau Yang Berhormat...

Dr. Yaakob bin Sapari: Boleh mencelah?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Okey, silakan.

Dr. Yaakob bin Sapari: Saya mencadangkan supaya *Senate* ini berperanan lebih luas dalam membantu kerajaan. Tanpa peruntukan sebagai seorang Senator, kita hendak buat *research*, hendak memberikan pandangan, ia perlukan bantuan peruntukan. Kalau kerajaan

merasakan ini perlu supaya *Senate* berperanan, satu peruntukan disediakan kepada *Senate* untuk ada staf dan buat *research*. Hari ini, Senator cuma ada elaun sahaja. Bagaimana kita hendak berperanan lebih baik supaya membantu kerajaan? Itu pandangan. Ini kalau boleh Yang Berhormat bawa dalam kerajaan supaya dicadangkan ada peruntukan diberi kepada Senator untuk tugas-tugas pentadbiran.

Saya bandingkan dengan Filipina, saya jumpa Senator daripada Filipina. Jadi soal dilantik atau soal *appointed* atau *elected*, itu hanya metodologi. Saya jumpa Senator Filipina di Qatar baru-baru ini. Dia ada geran dan ada pegawai. Saya tanya, "Siapa ini?" "Ini pegawai saya yang membantu membuat *research*". Kita agak malu juga bila di sana saya nampak Senator lain ada *researcher* nya, dia bawa pegawai-pegawainya. Akan tetapi dari Malaysia, cuma empat orang pergi tanpa bantuan.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Terima kasih Yang Berhormat, cadangan yang baik. Saya tidak ada masalah dan bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat itu. Akan tetapi Yang Berhormat, untuk makluman, mungkin dana dia sendiri. Apa yang saya faham mula-mula ialah dana yang maksud Yang Berhormat macam seorang Ahli Parlimen yang mungkin pada masa ini bagi kami tidak perlu sebab kita rasa Senator ini tidak mempunyai satu kawasan tertentu yang seperti Ahli Parlimen.

Akan tetapi kalau sekiranya Yang Berhormat maksudkan pegawai-pegawai itu *research* untuk bantu kerajaan, itu satu cadangan yang baik dan saya rasa tidak ada masalah kalau sekiranya Yang Berhormat, *you can write to me* Yang Berhormat. Saya akan bawakan kepada Yang Berhormat Menteri dalam Mesyuarat Pasca Kabinet untuk kita mungkin- saya dengan Yang Berhormat Datuk Wira Dr. Md Farid, kami kedua-dua ini setiap minggu akan bermesyuarat dalam Pasca Kabinet dengan Yang Berhormat Perdana Menteri. Jadi kita boleh...

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: [*Bangun*]

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Silakan. Sekejap ya. Jadi saya harap kalau Yang Berhormat ada cadangan yang baik begitu, kemukakan kepada kami. Ini sebab kadang-kadang cadangan ini Yang Berhormat, kena dibuat dalam bentuk bertulis, baru mudah untuk kita panjangkan kepada pihak-pihak yang lain. Silakan Yang Berhormat Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Terima kasih Menteri, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin memohon penjelasan kepada Timbalan Menteri. Sebenarnya kesungguhan rakan-rakan di Dewan Negara untuk memperbaiki mutu, kualiti ditambah baik dan sebagainya telah diberi sokongan yang amat baik pada keseluruhan. Malah, perkara tersebut telah dibuat

dengan sangat terancang. Diadakan sidang meja bulat, diadakan diskusi, diadakan macam-macam.

■1700

Sehinggakan ramai narasumber, Speaker daripada Kanada, narasumber daripada diusahakan setakat yang mampu, sedalam yang mungkin. Cuma yang ingin saya mohon penjelasan Timbalan Menteri, adakah jawapan-jawapan Timbalan Menteri tadi bahawa kami tidak mahu memberi peruntukan, kami tidak- adakah itu keputusan Kabinet sebab saya rasa pertemuan saya dengan Menteri semalam Yang Berhormat Datuk Liew Vui Keong, respons saya dapat lain. Oleh sebab itu saya mohon penjelasan kerana itu yang dikatakan tadi itu sebab agenda untuk memperkasakan Parlimen ini setahu saya ialah satu agenda yang agak utama oleh Pakatan Harapan. Saya mohon penjelasan tentang itulah.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Saya tidak berapa jelas, apakah maksud tadi ya?

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Maksud saya tadi apabila Timbalan Menteri menjawab tadi, 'kami membuat keputusan tidak ada peruntukan', lepas itu menjawab bahawa sebabnya kerana dipilih dan dilantik- memberi alasan-alasan itu. Saya khuatir itu bukan alasan daripada Kabinet. Adakah itu keputusan Kabinet? Itu persoalan saya sebab Timbalan Menteri menjawab ini bagi pihak kementerian sedangkan Menteri tahu bahawa Jawatankuasa Kerja Dewan Negara memang telah dibuat dan malah pertemuan saya dengan dia semua dua kali malah jawapan beliau di sini memberi gambaran yang positif...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Okey, terima kasih.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: ...Terhadap usaha-usaha untuk reformasi Dewan Negara.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Okey terima kasih Yang Berhormat Senator. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, bila kata diberikan dana tadi, maksud saya itu yang asalnya dana ini setakat inilah yang ada peruntukan kepada Ahli-ahli Parlimen yang di Dewan Rakyat, mereka ada buat pejabat dan buat dana.

Jadi yang saya mula-mula faham mengenai soalan ini adalah dana yang begitu tetapi yang bila dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob bin Sapari tadi, sebenarnya ia lebih kepada dana dalam bentuk macam untuk pemerkasaan tugas-tugas. Yang itu saya rasa- saya tidak pasti Kabinet ada buat keputusan atau tidak tetapi yang saya dapat jawapan ini ialah pada masa ini tiada cadangan untuk memberikan peruntukan kepada Ahli Dewan Negara. Bila saya dapat jawapan ini Yang Berhormat saya hendak beritahu, jawapan ini jawapan yang dah rasmi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ya betul itu adalah rasmi tetapi Yang Berhormat Menteri cakap itu, fasal tak pilih itu ada dalam jawapan rasmi?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Tidak dipilih?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Senator ini tidak dipilih dan sebagainya, ada dalam jawapan rasmi ke?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Itu pendapat Yang Berhormat Menteri kan?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Tak, Tuan Yang di-Pertua sebenarnya bila kami...

Tuan Yang di-Pertua: Tak, itu yang ditanya oleh Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Tak, memang rasmi, saya bagi jawapan rasmi sebab bagi saya...

Tuan Yang di-Pertua: Ada dalam rasmi?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Tak, saya tak baca inilah tetapi saya hendak beritahu Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, bila kita jawab ini...

Tuan Yang di-Pertua: Pendapat Yang Berhormat Menteri.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Bukanlah Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Kami pun Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, bila kami di kalangan Menteri-Menteri ini, kami juga mempunyai maklumat. Tidak semestinya jawapan yang ditulis ini saja, kami juga ada maklumat. Sebab kami juga untuk makluman, kalau baca seksyen 43D, kami ini menjalankan urusan-urusan rasmi dan kami juga mewakili Menteri juga. Kami ini walaupun nama Timbalan Menteri, pada hakikatnya kami menjalankan urusan-urusan Menteri juga.

Tuan Yang di-Pertua: So itu rasmi daripada kementerianlah?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Tidak, saya hendak katakan apabila kita tidak ada kawasan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, adakah itu rasmi atau tidak? Itu yang ditanya, hanya itu.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Rasmi, rasmi.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, rasmi, cukup. Sambung.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Okey, tak apa Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua nampaknya hari ini agak *quite difficult to me*.

Tuan Yang di-Pertua: Tak [*Ketawa*] Fasal Yang Berhormat, saya hendak Yang Berhormat habiskan kementerian secepat mungkin, saya hendak tolong.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Sebab itu kalau boleh kita jangan buat dalam bulan puasa. Semua nak cepat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, jangan salah faham. Saya tak nak Yang Berhormat cakap fasal yang tidak kena-mengena, nanti banyak...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beritahu Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, jawapan di sini semua rasmi. Ini jawapan *Hansard* dalam...

Tuan Yang di-Pertua: Okey, itu Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Kami tak akan jawab tak rasmi. Saya ingat jawapan di sini, jawapan rasmi.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, itu Yang Berhormat, itu adalah jawapan rasmi.

Tuan Nga Hock Cheh: *[Bangun]*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Sebab itu kita pada Penyata Rasmi, *Parliament Hansard* itu dinamakan "Penyata Rasmi". *We cannot answer...*

Tuan Yang di-Pertua: Tak, tak. Apa Yang Berhormat baca itu bukan *Hansard*, itu adalah jawapan kementerian.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Betul.

Tuan Yang di-Pertua: Selepas ini akan menjadi rasmi.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Betul Tuan Yang di-Pertua, saya setuju.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya pun faham undang-undang. Sekejap, silakan Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua janganlah bergaduh dengan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Bukan, bukan, saya tidak bergaduh.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Saya dah pernah gaduh dengan Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat masa pembangkang, dah letihlah Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, saya faham. Yang Berhormat Senator duduk sekejap, Yang Berhormat Menteri pun duduk. Yang Berhormat, saya bukan nak bertelagah ataupun ada-bila dia tanya, terus adakah rasmi atau tak rasmi. Akan tetapi Yang Berhormat cakap panjang-panjang, kita pun tidak tahu apa dia punya jawapan. Saya ini...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beritahu Tuan Yang di-Pertua, jawapan tadi saya kata...

Tuan Yang di-Pertua: Itu yang ditanya itu, jangan salah faham.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Tidak, saya betul...

Tuan Yang di-Pertua: Yang ditanya jawapan daripada Yang Berhormat adalah jawapan rasmi?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Yalah.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, cukup.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Ya, dah cukup.

Tuan Yang di-Pertua: Okey dah. Okey, sekejap.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Okey kita pergi kepada Datuk.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan, sekejap Yang Berhormat. Silakan.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Ada lagi? Oh, okey.

Tuan Nga Hock Cheh: Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *I like to ask* Yang Berhormat Timbalan Menteri, *is it a fair request to ask for some dana?* Adakah patut atau tidak minta sedikit dana untuk membolehkan Senator *to engage research assistant to help in prepare in the quality of debate and thus the quality of debate depends on how a Senator gets into the Dewan Negara.*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Nga Hock Cheh: *It's irrelevant whether its elected or pointed.*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Senator, tadi Menteri dah jawab tak ada cadangan untuk peruntukan. Kalau Yang Berhormat tanya 10 kali pun jawapan yang sama. Perkara yang pertama.

Kedua, saya tengok ini bukan satu masalah untuk *research*. Kita ada *researchers* di Parlimen, Ahli-ahli Yang Berhormat ini guna pakai *researcher* itu sajalah. Itu saja yang saya boleh tolong. Okey, kita ada *researcher* di Parlimen yang boleh diguna pakai oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Kalau tanya dengan Menteri, nanti 10 minit dia jawab. Silakan Yang Berhormat, jawapan-jawapan lain, tolong.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua nak saya berhenti sekarang ke?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak, tidak.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Tidak ada masalah Tuan Yang di-Pertua kalau nak berhenti pun, saya pun nak buka puasa ini.

Tuan Yang di-Pertua: Tak payah, jangan-jangan. Semua orang puasa ini.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Janganlah buat sindiran begitu, tak baiklah.

Tuan Yang di-Pertua: Tak Yang Berhormat. Yang Berhormat kena faham saya memang tak ada masalah langsung dengan Yang Berhormat tetapi agak panjang-panjanglah Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Tuan Yang di-Pertua, saya menjawab ini Tuan Yang di-Pertua, tidak semestinya jawapan baca semua dalam ini sebab ada sesetengah jawapan yang dikemukakan oleh pegawai ini, kita pun rasa kita perlu tambah.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Sebab untuk menjelaskan keadaan. Jadi saya harap Yang Berhormat- tetapi saya hendak beritahu Tuan Yang di-Pertua, jawapan dalam Parlimen ini tidak ada langsung jawapan peribadi kami. Kami semua ini bukan memegang jawatan peribadi, kami memegang jawatan rasmi. Jadi jawapan kami rasmi. Jadi Yang Berhormat tidak perlulah risau kalau sekiranya jawapan kami rasmi atau rasmi. Sepatutnya tak boleh tanya pun.

Tuan Yang di-Pertua: Eh rasmi, kita nak tahu yang rasmi. Saya tak nak pendapat Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Memang rasmi Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Okey.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Sebarang jawapan di Parlimen ini jawapan rasmi. Saya hendak beritahu Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Bila Yang Berhormat menjawab, apa juga yang diberitahu oleh Yang Berhormat itu adalah rasmi kerana Yang Berhormat itu *from the*, dengan izin, dari kementerian.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Ya sebab memang rasmi.

Tuan Yang di-Pertua: So kita faham.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Tuan Yang di-Pertua, saya tak takut sebab jawapan saya rasmi. Saya tak takut pun kata...

Tuan Yang di-Pertua: Okey, okey saya faham. Saya percaya Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Kalau Tuan Yang di-Pertua percaya pada saya, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: *[Ketawa]*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Saya pun- saya sebenarnya Yang Berhormat, saya tidak ada masalah Tuan Yang di-Pertua untuk ditegur dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua: Saya faham, saya faham. Semua orang dah kenal Yang Berhormat pun *[Ketawa]*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Terima kasih, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Puan Asmak binti Husin: Tambah sikit boleh? Boleh ke tutup?

Tuan Yang di-Pertua: Hendak tambah apa pula? Ini tak payah jawab pun dia cakap 10 minit *[Ketawa]*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Tuan Yang di-Pertua kacau pun 10 minit juga. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Okey, sila.

Puan Asmak binti Husin: Ini saya bagi cadangan. Begini saya ingat, untuk *settle*-kan isu, selain daripada isu berkaitan dengan *research* ada banyak lagi isu. Sistem sokongan untuk Senator terutama.

Tuan Yang di-Pertua: Tak, *research* itu Yang Berhormat bukan di bawah bidang kuasa Menteri.

Puan Asmak binti Husin: Ya, itu maksudnya itu contoh. Contoh bagaimana wang tersebut yang ada itu boleh memperkasakan kita selain daripada peruntukan berkaitan dengan *research*, ada lagi benda-benda lain yang diperlukan oleh Ahli Dewan Negara untuk menyokong tugas-tugas.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya minta maaf kerana Menteri dah cakap tidak ada cadangan. Dia bukan Menteri Kewangan pun, Ahli-ahli Yang Berhormat ini jumpa dengan Menteri Kewanganlah. Silakan Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak *landing*-lah [Ketawa] Tak apalah Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tak apa Yang Berhormat, saya menyokong Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Tak, saya hendak *landing* betul, saya cakap ini jujur Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, okey.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Tuan Yang di-Pertua kalau boleh bagi saya *landing* dengan *safe*. Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid, ini kawan lama saya ini mencadangkan agar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberi penerangan berhubung janji-janji manifesto daripada Pakatan Harapan kepada Ahli Dewan kerana perkara ini menjadi perbualan rakyat.

Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan mengambil maklum cadangan Yang Berhormat Senator agar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberi penerangan berhubung janji-janji Manifesto Pakatan Harapan kepada Dewan. Walau bagaimanapun, penerangan dan perjalanan mengenainya telah pun diberikan dari masa ke semasa melalui pelbagai platform seperti melalui wawancara, media, kenyataan-kenyataan rasmi, jawapan soalan di Parlimen sama ada oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ataupun oleh Ahli Jemaah Menteri yang lain.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, prestasi pencapaian Manifesto Pakatan Harapan bagi 10 teras dan iltizam untuk membina negara dan memenuhi harapan diukur melalui status kemajuan 464 inisiatif yang merupakan dasar dan tindakan spesifik yang dinyatakan dalam setiap janji. Secara khusus, sebanyak 60 janji dirangka berdasarkan lima

teras utama dan 47 janji dinyatakan di bawah lima iltizam khusus yang melibatkan tempoh pelaksanaan satu sehingga lima tahun.

■1710

Antara program-program yang telah ditunaikan adalah seperti berikut:

- (i) menghapuskan GST dan menggantikan dengan SST;
- (ii) penubuhan Majlis Perumahan Mampu Milik Negara;
- (iii) menurunkan bilangan Menteri di Jabatan Perdana Menteri kepada tiga orang sahaja;
- (iv) menurunkan peruntukan Jabatan Perdana Menteri daripada lebih RM17 bilion kepada RM7.39 bilion sahaja;
- (v) mengurangkan bilangan agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri dengan cara merasionalisasikan serta memindahkan institusi yang dikenal pasti kementerian lain yang lebih bersesuaian;
- (vi) memilih Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) daripada Ahli Parlimen Parti Pembangkang; dan
- (vii) melantik Ketua Pengarah JAKOA dari kalangan masyarakat Orang Asli sendiri.

Kerajaan sentiasa berusaha untuk menunaikan janji Manifesto Pakatan Harapan di sebalik pelbagai cabaran terutamanya kedudukan kewangan yang dibebankan hutang yang tinggi dan kesukaran untuk mendapat sokongan majoriti 2/3 bagi menunaikan janji yang melibatkan pindaan Perlembagaan demi meningkatkan kesejahteraan dan kemakmuran ekonomi negara.

Seterusnya Yang Berhormat Puan Asmak Husin, membangkitkan bagaimanakah cara untuk kerajaan meningkatkan MP wanita di Parlimen. Apakah langkah-langkah yang perlu dilaksanakan oleh kerajaan dalam memajukan sistem Parlimen yang mesra wanita. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagai mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, tiada sebarang halangan bagi wanita menjadi Ahli Dewan Rakyat asalkan mereka berjaya memenangi pilihan raya kawasan Parlimen yang ditandingi.

Bagi Ahli Dewan Negara, 26 daripada 70 ahlinya adalah dipilih melalui pengundian oleh negeri dengan dua Senator setiap negeri di Persekutuan manakala selebihnya dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri. Setakat ini Yang Berhormat telah terdapat sejumlah 49 orang wanita di kalangan Ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Di mana 32 orang adalah Ahli Dewan Rakyat dan 17 orang telah dilantik sebagai Senator dalam Dewan Negara. Sejumlah itu menyumbang sebanyak 16.8 *percent* dari keseluruhan anggota Dewan.

Keempat, pencapaian ini walaupun dilihat agak kecil tapi sebenarnya adalah besar sekiranya ia dibandingkan dengan pada tahun-tahun awal negara mencapai kemerdekaan. Malah buat julung kali pertamanya jawatan Timbalan Perdana Menteri disandang oleh wanita. Hendak tambah Tuan Yang di-Pertua mungkin tidak melibatkan Dewan tapi Ketua Hakim Negara seperti yang saya sebutkan tadi pun daripada kalangan wanita.

Kerajaan percaya seiring dengan peningkatan pendidikan, keupayaan serta kebolehan golongan wanita yang diberi pelbagai peluang dan ruang untuk terus maju lebih ramai wanita akan bergiat secara aktif menyumbang kepada pembangunan negara dengan tidak terhad kepada menjadi Ahli Parlimen sahaja. Yang Berhormat Tuan Aknan Ehtook membangkitkan isu Siam sebagai bumiputera, orang-orang Siam, orang Thailand dan ingin tahu apakah tindakan yang telah diambil oleh kerajaan mengenai pengiktirafan ini. Adakah satu pekeliling telah ataupun akan dikeluarkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perlembagaan Persekutuan tidak memperuntukkan mengenai status masyarakat Siam. Selain itu salasilah bumiputera juga diadakan dalam Perlembagaan Persekutuan ataupun mana-mana undang-undang bertulis. Istilah "bumiputera" sering digunakan oleh kerajaan dalam melaksanakan dasar-dasar kerajaan dan lazimnya istilah "bumiputera" merujuk kepada warganegara Malaysia yang terdiri daripada kategori yang berikut:

- (a) orang Melayu sebagai mana yang diperalihkan di bawah Fasal 2, Perkara 160, Perlembagaan Persekutuan; dan
- (b) anak negeri Sabah dan Sarawak sebagaimana yang diperalihkan di bawah Fasal 6, Perkara 161A Perlembagaan Persekutuan dan berhubung dengan anak negeri bagi negeri Sabah hendaklah di baca bersama dengan *interpretation* ataupun *Definition of Native- Ordinance* Sabah.

Seterusnya perlindungan kepada orang-orang Melayu dan anak-anak negeri Sabah dan Sarawak diperuntukkan di bawah Perkara 153, Perlembagaan Persekutuan. Pada masa yang sama kerajaan juga bertanggungjawab untuk melindungi kepentingan sah kaum-kaum lain tertakluk kepada Perkara 153, Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, manakala Orang Asli sebagai mana ditakrifkan di bawah fasal 2, Perkara 160, Perlembagaan Persekutuan ialah Orang Asli Semenanjung Tanah Melayu dan orang yang ditafsirkan dalam seksyen 3, Akta Orang Asli 1954 [*Akta 134*] turut diambil kira dalam pelaksanaan dasar kerajaan yang menyentuh bumiputera. Perlindungan kepada Orang Asli selaras dengan peruntukan Perenggan (c), Fasal 5, Perkara 8, Perlembagaan Persekutuan.

Seterusnya berdasarkan pelaksanaan dasar sedia ada ini, seorang warganegara masyarakat Siam hanya akan diiktiraf sebagai bumiputera oleh kerajaan jika dia memenuhi semua syarat sama ada sebagai orang Melayu, anak-anak negeri ataupun Orang Asli. Buat masa ini tiada peruntukan di bawah undang-undang tubuh atau enakmen negeri yang mentakrifkan orang Melayu, anak orang negeri atau Orang Asli sebagai termasuk orang Siam.

Yang Berhormat Senator Aknan Ehtook juga membangkitkan...

Tuan Aknan a/l Ehtook: Tuan Yang di-Pertua, mohon mencelah tentang yang isu tadi saya belum habiskan.

Pertama sekali saya hendak maklum kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri kata yang Siam itu adalah orang Thailand sebenarnya bukan. Hendak fahamkan betul-betul bahawa orang Siam adalah rakyat Malaysia yang lahir di sini dan ibu bapa kita orang sini. Orang Thailand adalah orang datang daripada Thailand. Jadi bukan orang yang sama, itu pertama.

Kedua, tentang bumiputera itu, memanglah itu jawapan yang saya dengar setiap kali sesi saya bangkitkan. Akan tetapi kali ini saya bangkitkan atas dasar bahawa orang Siam telah diterima sebagai Ahli Parti Peribumi Bersatu Malaysia. Ahli-ahli yang lain Melayu, Orang Asli, bumiputera Sabah dan Sarawak dianggap sebagai bumiputera. Jadi saya punya munasabah ialah apabila ahli yang lain diterima sebagai bumiputera, tidakkah orang Siam juga diterima sedemikian. Jadi *argument* saya dalam konteks itu bukan konteks perundangan semata-mata. Terima kasih.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Terima kasih Yang Berhormat Senator Aknan. Untuk makluman Yang Berhormat kita tidak boleh lepas daripada isu Perlembagaan dan juga perundangan Yang Berhormat sebab sebelum kita boleh mengiktiraf mana-mana orang sebagai bumiputera ini, kita mesti mengambil kira kedudukan perundangan yang ada. Jadi saya harap Yang Berhormat kena akur dengan peruntukan Perlembagaan. Oleh sebab itu saya menjawab ini berdasarkan Jabatan Perdana Menteri, Bahagian Undang-undang ini saya dari sudut perundangan memang itulah jawapan saya yang rasmi Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin ini jawapan yang terakhir saya berkaitan dengan Yang Berhormat Senator Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah, membangkitkan tentang wujudnya pendakwaan berat sebelah, pendakwaan terpilih- *selective prosecution* terutamanya pada Melayu- *Muslim* dan perkara ini perlu diberi perhatian, ini yang dibangkitkan.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kuasa Peguam Negara diperuntukkan dalam Perkara 1(5), Perlembagaan Persekutuan kuasa budi bicara untuk memulakan, menjalankan atau memberhentikan apa-apa prosiding bagi sesuatu kesalahan. Sejak ia

dikuatkuasakan sehingga kini, kuat kuasa budi bicara tersebut telah dilaksanakan dengan telus dan berlandaskan prinsip undang-undang yang adil dan saksama. Sekiranya ada keterangan yang kukuh dan mencukupi tentang elemen jenayah berhubung dengan satu perbuatan yang telah dilakukan, pendakwaan akan dilakukan ke atas pesalah tidak mengira bangsa, agama, status, dan fahaman. Oleh itu saya ingin menegaskan tidak wujud pendakwaan berat sebelah ataupun pendakwaan terpilih.

Yang Berhormat Senator Puan Asmak Husin membangkitkan Perkara 81 Perlembagaan, memperuntukkan obligasi kerajaan negeri kepada Kerajaan Persekutuan. Namun demikian, tiada peruntukan kata Yang Berhormat dalam Perlembagaan Persekutuan berhubung dengan obligasi Kerajaan Persekutuan kepada kerajaan negeri. Sekiranya Kerajaan Persekutuan tidak menjalankan obligasinya, apakah remedi yang boleh diberikan kepada kerajaan negeri.

Untuk makluman Yang Berhormat, Perkara 81, Perlembagaan yang dirujuk membutuhkan obligasi negeri kepada Persekutuan iaitu kuasa eksekutif kerajaan negeri hendaklah dijalankan supaya dapat dipastikan bahawa apa-apa undang-undang Persekutuan yang dipakai bagi negeri itu dipatuhi dan tidak menghalang atau menjejaskan perjalanan kuasa eksekutif Persekutuan.

Dalam hal ini selaras dengan sistem Persekutuan *Federalisma* yang diamalkan di Malaysia, pembahagian kuasa antara Kerajaan Persekutuan dengan kerajaan negeri telah diperuntukkan dengan jelas dalam Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan. Pembahagian kuasa ini adalah berdasarkan konsep Persekutuan yang berteraskan ciri bahawa kuasa setiap institusi di kawal selia oleh undang-undang utama Persekutuan iaitu Perlembagaan Persekutuan.

Selaras dengan Perkara 74, Perlembagaan Persekutuan kuasa perundangan Parlimen bagi Kerajaan Persekutuan disenaraikan dalam Senarai 1, manakala kuasa perundangan Dewan Undangan Negeri bagi kerajaan negeri disenaraikan dalam Senarai 2, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan masing-masing.

■1720

Kedua-dua Parlimen dan Dewan Negeri mempunyai kuasa perundangan secara bersama bagi perkara yang dinyatakan dalam Senarai Bersama- *Concurrent List*. Perkara 74 Perlembagaan Persekutuan dan Jadual Kesembilan, Perlembagaan hendaklah dibaca bersama dengan Perkara 80, Perlembagaan mengenai pembahagian kuasa Eksekutif. Dalam hal ini, kuasa Eksekutif Persekutuan meliputi segala perkara yang mengengainya Parlimen boleh membuat undang-undang dan kuasa Eksekutif sesuatu negeri meliputi semua perkara yang mengengainya badan perundangan negeri boleh membuat undang-undang.

Selain itu, Yang Berhormat Senator, Perlembagaan Persekutuan juga telah memperuntukkan tentang pembahagian sumber kewangan atau pendapatan antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri. Sebagai contoh, Perkara 109, Perlembagaan Persekutuan meletakkan tanggungjawab untuk Kerajaan Persekutuan untuk mengadakan pemberian kewangan kepada kerajaan negeri yang dikenali sebagai pemberian ikut kepala, *per head* dan pemberian penyelenggaraan jalan negeri. Kerajaan Persekutuan juga perlu mengadakan Kumpulan Rizab Wang Negeri bagi tujuan pembangunan dan menambah hasil negeri mengikut Fasal 6, Perkara 109, Perlembagaan Persekutuan.

Perlembagaan Persekutuan juga memperuntukkan badan perundingan dan mekanisme yang bertujuan untuk menyeragamkan dasar Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri dalam perkara-perkara tertentu yang menyentuh bidang kuasa serta kepentingan kerajaan negeri. Contohnya, Majlis Kewangan Negara yang ditubuhkan di bawah Perkara 108 Perlembagaan Persekutuan, Majlis Tanah Negara di bawah Perkara 91, Perlembagaan Persekutuan dan Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan di bawah Perkara 95A, Perlembagaan Persekutuan.

Selain itu, Jemaah Menteri pada 5 September 2016 telah menubuhkan satu Jawatankuasa Khas Kabinet untuk menyemak dan meneliti hak Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak di bawah Perjanjian Malaysia 1963 (MA63). Oleh itu, sekiranya Kerajaan Persekutuan tidak menjalankan obligasinya, perkara tersebut boleh diangkat dan dibincangkan dalam badan perundingan dan melalui mekanisme yang telah diwujudkan seperti di atas.

Selain itu, jika terdapat pertikaian antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri, perenggan (b) Fasal 1, Perkara 128, Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan bidang kuasa mahkamah untuk memutuskan mengenai pertikaian atau apa-apa soal lain antara negeri dengan negeri atau antara Persekutuan dengan mana-mana negeri.

Pembahagian kuasa yang jelas antara Kerajaan Persekutuan dengan kerajaan negeri dan perwujudan badan perundingan dan mekanisme bagi berunding mengenai apa-apa pertikaian berbangkit antara Persekutuan dan negeri serta peruntukan Perlembagaan Persekutuan sepertimana dinyatakan di atas jelas menunjukkan bahawa kuasa dan kepentingan negeri terus dipelihara di bawah sistem Persekutuan yang diamalkan di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah Yang Berhormat?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Tuan Yang di-Pertua, ada satu lagi iaitu Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah binti Haji Md Nordin tetapi adakah saya perlu baca atau tidak, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Terima kasih. Beliau ini mungkin- tadi saya kata sudah akhir tetapi ini pun mungkin yang akhir juga. Tadi mungkin separuh akhir. Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, saya memastikan selepas Tuan Yang di-Pertua tegur yang dahulu, kita catat semua. Oleh sebab itu kami bangkitkan semua.

Yang Berhormat Senator ingin tahu sejauh manakah *Attorney General Chambers* (AGC) melihat *Rome Statute* yang bercanggah dengan Artikel 4, 32, 38(2)- ini kata Yang Berhormat Senator ya- 181 dan 182 Perlembagaan dan menasihatkan Menteri keluar negara untuk menandatangani surat statut tersebut walaupun bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan dan menjejaskan Raja-Raja Melayu.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, *Rome Statute* tidak bercanggah dengan Perkara 4, Perkara 32, fasal (2) Perkara 38, Perkara 181 dan Perkara 182 Perlembagaan. Maknanya, tidak ada apa-apa percanggahan. Jadi, saya rasa apa Yang Berhormat Senator kata itu supaya diambil tindakan, sebenarnya tidak relevan sebab tidak ada apa-apa pun peruntukan kalau kita ratifikasi *Rome Statute*. Tidak ada apa-apa langsung berkaitan percanggahan dengan Perlembagaan. Kalau ada, itu- minta maaf, saya gunakan bahasa Perdana Menteri- "cerita dongeng." Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri.

Dipersilakan Yang Berhormat Datuk Wira Dr. Md Farid bin Md Rafik.

5.24 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Wira Dr. Md Farid bin Md Rafik]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Salam sejahtera, selamat petang dan juga salam perpaduan.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang untuk memberikan sedikit penjelasan bagi beberapa agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri. Pada petang ini, saya akan memberikan penjelasan bagi pihak Khazanah Nasional Berhad (Khazanah), bagi pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA), *Malaysian Industry Group for High Technology* (MITE), Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH) dan juga Permodalan Nasional Berhad (PNB).

Saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang prihatin dan telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Titah Diraja 2019 yang mana telah membangkitkan isu-isu berkaitan dengan jabatan ataupun agensi yang telah disebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, yang pertama berkenaan dengan Khazanah Nasional Berhad. Saya ingin beralih kepada isu yang dibangkitkan berkaitan Khazanah oleh Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah binti Haji Md Nordin pada 22 April 2019 yang mana Yang Berhormat Senator bertanya adakah benar LEGOLAND milik Khazanah Nasional akan dijual.

Untuk buat masa ini...

Tuan Yang di-Pertua: Apa yang dijual?

Datuk Wira Dr. Md Farid bin Md Rafik: LEGOLAND di Johor Bahru. Tuan Yang di-Pertua, untuk buat masa ini, Khazanah tidak terlibat dalam sebarang rundingan mahupun menerima tawaran daripada mana-mana pihak untuk membeli LEGOLAND Malaysia Resort. Sungguhpun demikian, sekiranya terdapat sebarang tawaran yang munasabah bagi pembelian aset-aset miliknya, Khazanah akan membuat pertimbangan yang sewajarnya.

Secara amnya, pertimbangan bagi pelupusan aset adalah tertakluk kepada falsafah pelaburan Khazanah iaitu memperoleh pulangan kewangan yang diselaraskan dengan risiko yang sewajarnya, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *appropriate risk adjusted financial returns*, sambil pihak Khazanah meninjau peluang terbaik bagi mencapai pulangan dalam setiap pelaburan mereka.

Saya juga mengambil maklum isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah pada 25 April 2019. Beliau ingin mengetahui status terkini aset-aset kerajaan yang telah dijual.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, proses pelupusan merupakan salah satu aktiviti lazim yang dilakukan oleh Khazanah setiap tahun sebagai sebahagian daripada aktiviti perniagaannya. Secara keseluruhannya, Khazanah telah memperoleh kira-kira RM1.4 bilion di dalam bentuk hasil pelupusan aset pada tahun 2018 yang mana hasil tersebut digunakan bagi tujuan untuk pembayaran balik hutang, pembayaran dividen dan juga pembayaran semula dalam aset-aset baharu.

Sebahagian daripada proses semakan portfolio yang lazim, Khazanah akan mempertimbangkan peluang pelupusan aset-aset sebaik sahaja aset tersebut mencapai objektif pelaburan dan pulangan sarannya. Ini merupakan rasional utama bagi sebarang pelupusan yang dilakukan oleh pihak Khazanah. Setiap satu peluang pelupusan akan dinilai berdasarkan sasaran kewangan dan juga sasaran strategik yang ditetapkan yang turut bergantung kepada masa dan kekuatan pasaran serta ketersediaan kualiti dan kredibiliti pembeli memandangkan pelupusan itu sendiri sememangnya bersifat oportunistik.

Selanjutnya, saya ingin beralih kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani binti Mat pada 25 April 2019 yang menyarankan agar

kerajaan memulihkan GLC yang rugi dan kurang mendapat keuntungan serta tidak terlalu fokus untuk menjual aset-aset negara dengan alasan mereka mengalami kerugian.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, secara lazimnya, penjualan aset-aset milik kerajaan khususnya aset-aset yang ada di dalam pegangan syarikat-syarikat berkaitan kerajaan tidak dilakukan hanya kerana syarikat-syarikat tersebut mencatatkan kerugian semata-mata. GLC secara amnya memainkan pelbagai peranan strategik kepada negara.

Sehubungan dengan itu, penguasaan kerajaan dalam syarikat-syarikat tersebut tidak dilihat hanya daripada segi keuntungan sahaja tetapi dari pelbagai sudut lain termasuk manfaat ekonomi yang dijana oleh GLC tersebut kepada negara seperti mewujudkan peluang pekerjaan dan perniagaan yang disediakan dan sebagainya.

Oleh yang demikian, sekiranya sesebuah GLC itu mencatatkan prestasi kewangan yang kurang memuaskan, tanggungjawab untuk memulihkan semula kedudukan GLC tersebut diletakkan di atas bahu lembaga pengarah dan pengurusan GLC berkenaan tanpa campur tangan kerajaan secara langsung selaras dengan amalan tadbir urus korporat yang baik.

■1730

Namun begitu, kepentingan kerajaan di dalam GLC tersebut tetap dipelihara melalui wakil pemegang saham khususnya yang mewakili syarikat-syarikat pelaburan berkaitan kerajaan ataupun GLIC yang menganggotai lembaga pengarah GLC tersebut. Sungguhpun begitu, GLIC seperti Khazanah Nasional akan mempertimbangkan peluang pelupusan aset-aset tertentu sebaik sahaja aset tersebut mencapai objektif pelaburan dan pulangan sasaran yang ditetapkannya kerana ia mula melabur dalam aset-aset tersebut. Setiap peluang pelupusan akan dinilai berdasarkan sasaran kewangan dan juga sasaran strategik yang telah ditetapkan yang turut bergantung kepada masa dan kekuatan pasaran serta ketersediaan kualiti dan kredibiliti pembeli yang ada.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin beralih kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Saya mengambil maklum mengenai isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Ir. Md. Nasir bin Hashim pada 24 April 2019 yang mana beliau mencadangkan supaya kementerian memanggil penjawat-penjawat awam yang membuat kenyataan di media sosial, memburuk-burukkan kerajaan dan memberi amaran kepada mereka.

Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan sentiasa memberikan perhatian yang amat serius mengenai isu penjawat awam yang secara terbuka membuat kenyataan negatif di media sosial terutamanya yang memburukkan ataupun memberikan imej yang negatif kepada dasar kerajaan ataupun seseorang.

Larangan ke atas penjawat awam daripada membuat apa-apa pernyataan awam yang bersifat negatif sama ada secara lisan ataupun bertulis atau dengan apa-apa lain cara jelas diperuntukkan di bawah Peraturan 19(1) Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 (P.U.(A) 395/1993) yang menetapkan bahawa:

- (i) seseorang pegawai awam tidak boleh secara lisan ataupun secara bertulis atau dengan apa-apa cara yang lain termasuk membuat apa-apa pernyataan awam yang boleh memudaratkan apa-apa dasar, rancangan ataupun keputusan kerajaan tentang apa-apa isu;
- (ii) membuat apa-apa pernyataan awam yang boleh memalukan atau memburukkan nama kerajaan;
- (iii) membuat apa-apa ulasan tentang kelemahan apa-apa dasar, rancangan atau keputusan kerajaan; atau
- (iv) mengedarkan apa-apa pernyataan atau ulasan sama ada yang dibuat atau mana-mana orang lain.

Sekiranya terdapat kes-kes yang dilaporkan berhubung dengan perkara-perkara ini, proses siasatan akan dijalankan dan jika pegawai tersebut dibuktikan dan didapati bersalah, hukuman tatatertib boleh dikenakan terhadap pegawai tersebut.

Saya mengambil maklum mengenai isu yang dibangkitkan seterusnya oleh Yang Berhormat Senator Dr. Nuing Jeluing pada 24 April 2019 yang mana beliau membangkitkan mengenai pengisian jawatan ketua jabatan Persekutuan dan negeri yang banyak dimonopoli oleh etnik atau kaum tertentu sahaja di Sarawak. Hal ini boleh menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan rakyat.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, urusan pengisian jawatan di peringkat pembuat keputusan dan strategik termasuk ketua jabatan Persekutuan adalah berdasarkan kepada merit dan kelayakan tanpa mengira kaum, etnik, bangsa dan juga agama. Proses pemilihan dan penempatan pegawai dibuat mengambil kira pelbagai faktor meliputi prestasi, kompetensi, daya kepimpinan, pengalaman, kekananan, integriti dan juga kesesuaian. Hanya pegawai yang benar-benar layak dan tersaring sahaja akan diperakukan untuk mengisi jawatan-jawatan tersebut. Ini adalah bagi memastikan pegawai yang mengisi jawatan-jawatan berkenaan adalah terdiri daripada pegawai yang kompeten dan berkebolehan.

Secara amalnya, pertimbangan yang sama rata diberikan untuk semua penjawat awam dalam proses pemilihan mengikut kelayakan jawatan. Walau bagaimanapun, pertimbangan keutamaan kepada orang-orang Sarawak akan diberikan bagi pengisian-pengisian di jabatan-jabatan Persekutuan di negeri Sarawak dengan syarat pegawai tersebut memenuhi kriteria pemilihan yang dinyatakan.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Datuk Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat, pada 24 April 2019 pula membangkitkan isu pengurangan penjawat awam yang berjumlah 1.7 juta, di mana 400,000 terdiri daripada guru, 300,000 terdiri daripada anggota keselamatan iaitu polis dan tentera. Yang Berhormat meminta kerajaan tidak terburu-buru dalam mengecilkan saiz tersebut dan kajian mengenainya hendaklah dilakukan.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, saiz perkhidmatan awam yang besar ini semestinya akan terus meningkatkan perbelanjaan mengurus kerajaan dan ia memberikan kesan impak yang signifikan kepada peruntukan perbelanjaan pembangunan. Jumlah keseluruhan perjawatan perkhidmatan awam kini adalah sebanyak satu juta perjawatan dengan peratus pengisian sebanyak 94 peratus bersamaan dengan 1.6 juta orang. Ini merangkumi Perkhidmatan Awam Persekutuan, Badan Berkanun Persekutuan, Perkhidmatan Awam Negeri, Badan Berkanun Negeri dan juga Pihak Berkuasa Tempatan.

Kerajaan berpandangan jumlah perjawatan ini boleh dikurangkan secara berhemah tanpa menjejaskan prestasi penyampaian perkhidmatan dan juga punca pendapatan pegawai yang terlibat.

Sehubungan dengan itu, kerajaan telah menyasarkan pengurangan sebanyak satu peratus perjawatan bagi tahun 2019 melibatkan pelbagai gred dan skim perkhidmatan dengan anggaran penjimatan tahunan sebanyak RM2.18 bilion. Perjawatan yang dikenal pasti untuk dimansuhkan adalah jawatan kosong yang tidak diisi dan tidak diperlukan. Jawatan di agensi yang mempunyai pertindihan fungsi, pemansuhan jawatan bagi perkhidmatan yang boleh diautomasikan dan diserahkan fungsi ataupun *outsourcing* serta perkhidmatan alternatif.

Sehubungan dengan itu, kerajaan menjangkakan ia tidak akan memberikan kesan kepada sebarang tugas yang sedia ada memandangkan jawatan-jawatan yang dimansuhkan ini merupakan jawatan-jawatan yang tidak diperlukan dan jawatan-jawatan yang tidak diisi yang tidak melibatkan penyandang yang sedia ada. Tiada pengurangan kakitangan awam yang sudah mempunyai jawatan terlibat dalam pelaksanaan dasar ini. Di samping itu, sektor utama yang melibatkan perkhidmatan terus kepada rakyat seperti sektor kesihatan, sektor pendidikan dan juga sektor keselamatan tidak akan terjejas dengan pelaksanaan dasar ini.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, pada 24 April 2019, Yang Berhormat Senator Datuk Ng Chiang Chin dan juga Yang Berhormat Senator Tuan Aknan a/l Ehtook turut sama mencadangkan supaya Jabatan Perkhidmatan Awam meneliti dan memberikan cuti tanpa rekod kepada penjawat awam berketurunan Siam yang menyambut perayaan Songkran.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, dalam hal ini kerajaan telah bersetuju memberikan kemudahan cuti tanpa rekod kepada pegawai perkhidmatan awam yang berketurunan Siam selama satu hari sempena Tahun Baru Siam ataupun Songkran pada 13

April setiap tahun mulai tahun 2020 melalui surat edaran Jabatan Perkhidmatan Awam bertarikh 25 April 2019.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid, pada 25 April 2019 mencadangkan cuti tanpa rekod diberikan kepada penjawat awam yang terdiri daripada Orang Asli untuk menyambut Hari Orang Asli Kebangsaan pada 9 Ogos setiap tahun. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, Cuti Tanpa Rekod yang diberikan sebelum ini seperti Cuti Tanpa Rekod Pesta Keamatan, Cuti Tanpa Rekod Hari Gawai, perayaan Deepavali dan juga perayaan *Good Friday* berdasarkan perayaan agama dan juga kaum.

Walau bagaimanapun, kemudahan Cuti Tanpa Rekod tidak diperuntukkan untuk sambutan hari-hari tertentu seperti Hari Guru, Hari Pahlawan dan juga Hari Polis. Mengambil kira Hari Orang Asli Kebangsaan diadakan sempena sambutan Hari Orang Asli Sedunia bertujuan untuk mengiktiraf budaya, pencapaian dan juga sumbangan Orang Asli. Ianya bukan merupakan perayaan agama dan kaum, maka pegawai yang terlibat boleh dibenarkan menggunakan kemudahan Cuti Rehat atau cuti-cuti lain yang berkelayakan atau kebenaran meninggalkan pejabat dalam waktu bekerja untuk tujuan menyambut atau menyertai sambutan hari tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin meneruskan penjelasan mengenai Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA).

■1740

Saya ingin menyentuh isu yang diutarakan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Nuing Jeluing pada 23 April 2019. Yang Berhormat Senator ingin tahu kenapa kaum Dayak tidak diwakili dengan sewajarnya di dalam perkhidmatan awam. Untuk makluman Yang Berhormat, kaedah pengambilan dan pelantikan ke perkhidmatan awam am Persekutuan yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) adalah berasaskan merit dan kompetensi seseorang calon.

Dasar pelantikan ini bertujuan semestinya untuk memastikan calon tersebut adalah calon yang berkualiti dan menepati kriteria yang ditetapkan dan mereka sahaja ini dilantik ke perkhidmatan awam. Tiada penempatan sebarang kuota untuk sesuatu kaum atau etnik tertentu dalam pelantikan anggota perkhidmatan awam. Semua warga Malaysia mempunyai peluang yang sama untuk dipertimbangkan dalam persaingan yang terbuka dan adil. Dengan izin, *open and fair competition*.

Pada masa yang sama, dasar sedia ada menetapkan pemberian *empowerment* kepada Sabah dan Sarawak di mana bagi pengisian jawatan Persekutuan di Sabah, keutamaan pengisian oleh calon kelahiran anak-anak Sabah dan pengisian jawatan Persekutuan di Sarawak keutamaan diberikan kepada calon-calon daripada kelahiran

Sarawak. Pada masa yang sama, calon kelahiran Sabah dan Sarawak juga dibenarkan untuk mengisi jawatan Persekutuan di Semenanjung Malaysia.

Saya juga ingin mengambil maklum isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi Krishnan pada 25 April 2019. Yang Berhormat membangkitkan mengenai kuota satu peratus penjawat awam OKU yang masih belum dapat diisi. Beliau mencadangkan diwujudkan satu saluran memaklumkan kekosongan jawatan di sektor awam, mengadakan kursus untuk graduan Orang Kurang Upaya dan mendapatkan pekerjaan supaya setiap kementerian menerima penjawat awam OKU dan ianya dijadikan KPI KSU ataupun Ketua Pengarah di kementerian-kementerian tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada setiap tahun Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) telah melaksanakan pengambilan dan pelantikan calon Orang Kurang Upaya (OKU). Pada tahun 2018, daripada seramai 13,473 pelantikan tetap SPA telah melantik seramai 114 calon OKU ataupun 0.85 peratus ke perkhidmatan awam. Peratusan ini menunjukkan peningkatan berbanding tahun sebelumnya yang terletak pada 0.39 peratus.

Sasaran satu peratus peluang pekerjaan di dalam perkhidmatan awam kepada golongan OKU seperti yang ditetapkan di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2008 merupakan sasaran yang sentiasa dijadikan asas oleh SPA. Walau bagaimanapun, pencapaiannya banyak bergantung kepada kesediaan kementerian-kementerian dan juga jabatan-jabatan yang menerima penempatan calon OKU. Ia perlu disesuaikan di antara norma kerja dan juga jenis kecacatan calon tersebut. Selain itu, *accessibility* dan kemudahan OKU di bangunan pejabat juga perlu diambil kira bagi mengelakkan kesukaran di dalam menjalankan tugas yang telah diberikan.

Bagi pengambilan calon OKU, SPA hanya meletakkan kelayakan tapisan yang minimum kepada mereka. Sebagai contoh, bagi perjawatan gred 41, jika calon tersebut ditetapkan kelulusan akademi dengan pencapaian tahap CGPA tertentu bagi Ijazah Sarjana Muda, calon OKU hanya cukup untuk mempunyai Ijazah Sarjana Muda sahaja. Calon-calon OKU yang mempunyai syarat skim perkhidmatan yang minimum akan terus dipanggil untuk temu duga...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Wira Dr. Md Farid bin Md Rafik: Yes, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tukar giliran sebentar.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sambung.

Datuk Wira Dr. Md Farid bin Md Rafik: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman bagi memudahkan calon memohon pekerjaan, SPA setakat ini telah menyediakan sistem pendaftaran pekerjaan di mana semua calon OKU boleh memohon secara dalam talian ataupun *online* dengan mengisi borang SPA8i di portal SPA pada bila-bila masa dan di mana-mana jua. Manakala hebahan mengenai kekosongan sesuatu jawatan itu pula dibuat melalui iklan yang tersebar luas melalui portal SPA dan media-media sosial seperti Facebook.

Bagi menyampaikan maklumat dan panduan memasuki perkhidmatan awam, SPA juga sentiasa melaksanakan program *outreach* SPA termasuk membuka *booths* di program-program karnival kerjaya anjuran pelbagai pihak. Pada tahun 2018 sahaja, SPA telah melaksanakan sebanyak 61 program *outreach* di seluruh Malaysia.

Seterusnya Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Tuan Yang di-Pertua saya ingin menyentuh isu yang dibangkitkan berkenaan dengan *Malaysian Industry-Government Group for High Technology* (MIGHT). Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas dan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abidullah bin Salleh pada 25 April 2019 membangkitkan isu yang sama mengenai Projek Kereta Nasional Ketiga yang ingin mengetahui jumlah kos penyelidikan dan pembangunan ataupun R&D untuk membangunkan projek ini. Adakah ia melibatkan pelaburan berbilion ringgit? Apakah pendirian terkini kerajaan mengenai projek ini kerana projek ini dikatakan tidak memberi kelebihan kepada rakyat.

Untuk makluman Yang Berhormat, projek kereta nasional baharu adalah inisiatif yang akan dibiayai sepenuhnya oleh pihak swasta. Kerajaan hanya akan menyediakan peruntukan untuk penyelidikan dan pembangunan ataupun *Research and Development* (R&D) bagi membangunkan prototaip kereta nasional baharu tersebut. Majlis Pembangunan Negara yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 28 November 2018 telah memperuntukkan siling sebanyak RM20 juta bagi membangunkan prototaip kereta nasional baharu. Setakat ini sejumlah RM8 juta telah disalurkan kepada agensi peneraju bagi projek kereta nasional baharu iaitu Kumpulan Industri-Kerajaan Bagi Teknologi Tinggi (MIGHT) di bawah Jabatan Perdana Menteri bagi membangunkan prototaip kereta nasional baharu.

Ahli-ahli Yang Berhormat, ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa mengumumkan mengenai projek kereta nasional baharu dalam bahasa Inggeris, dengan izin, *“The idea about investing in a national car is not just about building a national car, it’s about becoming a catalyst for growing the Malaysian engineering capability.”* Ianya selaras dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai negara pengeluar dan bukan lagi sebagai negara pengguna akan dapat dicapai dan dimanifestasikan sejajar dengan Malaysia baharu yang fokus dengan pembangunan sains dan juga teknologi.

Projek kereta nasional baharu bukan sahaja mewujudkan sebuah kereta tetapi mengambil kesempatan daripada bakat dan sumber yang ada untuk mewujudkan pemangkin bagi pembangunan ekosistem di mana usahawan-usahawan, perniagaan-perniagaan dan industri terutamanya daripada *local players* dapat berkembang dengan pesat. Ianya secara tidak langsung dapat mewujudkan peluang-peluang pekerjaan terutamanya kepada belia-belia tempatan di dalam bidang kejuruteraan di mana ianya satu kunci penting kepada Malaysia menjadi negara pengeluar.

Projek kereta nasional baharu juga dapat menyediakan peluang bagi syarikat berpangkalan di Malaysia untuk mengambil bahagian dan meletakkan diri mereka di barisan hadapan perubahan ini. Ianya juga secara tidak langsung dapat mempertingkatkan projek pembangunan vendor tempatan dalam menyokong projek kereta nasional yang baharu ini. Kecemerlangan dalam sektor automotif akan menjadi satu batu loncatan kepada sektor pembuatan dan kejuruteraan peringkat tinggi seperti industri aeroangkasa yang pada masa ini telah menjana pendapatan kepada negara lebih daripada RM14 bilion dan telah mewujudkan 24,500 pekerja mahir pada tahun 2018.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh sedikit isu yang diperkaitkan berkenaan dengan Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU). Pada 25 April 2019 Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhammad bin Mustafa memohon sedikit pencerahan berkenaan status dan juga fungsi Majlis Tindakan Negeri Kelantan, adakah sama dengan Jabatan Pembangunan Persekutuan Kelantan?

Seterusnya bertanya siapa dan berapa orang yang dilantik menjadi ahli serta berapakah wakil Kerajaan Negeri Kelantan di dalam majlis tersebut?

■1750

Untuk makluman Yang Berhormat, Arahan Satu 2018 jentera pelaksanaan penyelarasan pelaksanaan memperuntukkan Majlis Tindakan Negeri dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Kerajaan Persekutuan yang dilantik oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Urus setia kepada mesyuarat tersebut ialah Jabatan Pembangunan Persekutuan Negeri Kelantan yang mana Pengarah Pembangunan Negeri ataupun STSDO bertindak sebagai Setiausaha Mesyuarat. Kekerapan mesyuarat adalah setiap suku tahun dan mesyuarat pertama telah pun diadakan pada 7 Mac 2019.

Keahlian Majlis Tindakan Negeri ini seperti yang ditetapkan di bawah Arahan Nombor Satu 2018 terdiri daripada ketua-ketua jabatan agensi di peringkat negeri. Di antaranya Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri, Pegawai Kewangan Negeri, Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri, Pengarah Tanah dan Galian Negeri, Pengarah Jabatan Kerja Raya Negeri, Pengarah Jabatan Pertanian Negeri, Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran

Negeri, Pengarah Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri, Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri, Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri, Ketua-ketua Jajahan dan Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Pihak Berkuasa Tempatan. Seterusnya Yang Berhormat, saya ingin menyentuh sedikit mengenai isu bahagian pengurusan hartanah. Yang Berhormat...

Tuan Aknan a/l Ehtook: Tuan Yang di-Pertua, mohon mencelah.

Datuk Wira Dr. Md Farid bin Md Rafik: Silakan.

Tuan Aknan a/l Ehtook: Terima kasih. Tadi Yang Berhormat Menteri sebut tentang ICU. Jadi, isu ini saya hendak sentuh sedikit. Oleh sebab ini tentang eKasih. Minggu lepas saya ada tanya Kementerian Luar Bandar tentang kemasukan data dalam eKasih dan juga *update* data dalam eKasih. Jadi dikatakannya di bawah ICU. Jadi saya hendak tanya siapakah yang bertanggungjawab untuk mendapat maklumat, untuk mengemas kini senarai nama dalam eKasih. Adakah MPKK di kampung-kampung dipertanggungjawabkan?

Soalan saya selanjutnya, apakah kaedah untuk memastikan bahawa data yang dimasukkan itu maklumat yang di dapatkan itu bersih. Tidak ada orang yang tidak bertanggungjawab, dimasukkan data orang yang tidak layak dimasukkan dalam eKasih. Itu satu. Juga saya minta izin untuk patah balik tadi Yang Berhormat Menteri sebut tentang Songkran tadi. Saya tidak sempat hendak mencelah. Saya ada mohon supaya kerajaan masukkan hari Songkran itu dalam kalendar yakni kalendar kuda yang orang pakai itu. Supaya ada orang boleh tahu bahawa hari itu adalah hari Songkran. Jadi, ke mana kah tindakan ataupun apakah harus kita buat untuk memastikan benda itu ada dalam kalender. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Datuk Wira Dr. Md Farid bin Md Rafik: Terima kasih pada Yang Berhormat. Pertama sekali, saya ingin memberikan sedikit penjelasan mengenai eKasih dan semestinya sistem eKasih ini betul, ia diletakkan di bawah Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan (ICU). Ia merupakan satu *database* yang kita buat untuk menyelaraskan bantuan-bantuan yang kita boleh berikan kepada golongan-golongan yang kurang bernasib baik yang mana kita kategorikan mereka sama ada miskin tegar, miskin ataupun terkeluar.

Proses pendaftaran dalam eKasih ini terdapat kalau boleh dikategorikan secara ringkasnya terdapat dua proses yang mana yang pertama kita meminta bantuan daripada pemimpin-pemimpin tempatan sama ada daripada Ahli-ahli Parlimen, daripada Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, daripada MPKK-MPKK dan juga mana-mana pemimpin tempatan yang banyak terlibat di peringkat akar umbi untuk menyuarakan ataupun memberikan maklumat mengenai individu-individu yang boleh didaftarkan dan proses pendaftaran itu amat

mudah yang mana ia hanya boleh mengisi satu borang yang cukup ringkas dan diserahkan kepada pihak yang berkenaan, sama ada pihak ICU ataupun pihak pegawai daerah.

Seterusnya, proses yang menjadi agak rumit dan sebenarnya menjadi *bottleneck* dalam pendaftaran eKasih ini adalah proses bancian ataupun proses saringan yang mana pegawai-pegawai dari pihak ICU sendiri akan turun untuk melihat kesesuaian dan mengambil maklumat-maklumat lain yang perlu untuk memastikan bahawa perkara yang telah didaftarkan itu, perkara yang dilaporkan itu adalah benar dan sah dan bantuan yang sepatutnya boleh kita salurkan dengan secepat mungkin.

Jadi eKasih itu betul di bawah ICU dan seterusnya proses pendaftaran itu kami di pihak ICU memang mengalami sedikit masalah daripada jumlah pembanci yang ada. Ini kerana pada pertengahan bulan yang lepas sahaja kita mempunyai dalam lebih daripada 40,000 *applicants* ataupun permohonan untuk didaftarkan. Akan tetapi, kita tidak mempunyai jumlah pembanci yang cukup. Apa pihak ICU telah buat adalah kita telah meminta satu peruntukkan tambahan daripada MOF dan *insya-Allah* kita akan lihat bagaimana dan kalau dapat daripada peruntukkan tambahan ini bilangan pembanci itu akan dapat kita tambah.

Jadi, secara kesimpulannya tuan daripada eKasih ini kita memohon jasa baik daripada semua pihak, semua pemimpin setempat, tidak kira daripada pihak kerajaan ataupun pihak pembangkang kerana ia melibatkan untuk bantuan golongan-golongan miskin dan ini kita tidak pernah untuk memastikan bahawa tidak ada sistem yang mana memilih bulu dan sebagainya.

Seterusnya untuk Songkran ini, seperti mana yang telah diterangkan tadi bahawa penjawat-penjawat awam yang berketurunan Siam dan juga boleh mengambil cuti tanpa rekod bermula daripada 2020 untuk perayaan Songkran. Sama ada ia diiktiraf ataupun dimasukkan di dalam kalender itu, saya rasa, saya pun tidak pasti bagaimana jalan yang terbaik. Mungkin ia boleh dipromosikan sebagai satu kebudayaan dan mungkin boleh bercakap sama ada dengan pihak pelancongan dan sebagainya. Minta maaf Yang Berhormat. Saya tidak pasti bagaimana cara terbaik hendak menjawab permintaan Yang Berhormat tersebut.

Seterusnya saya ingin menyentuh mengenai dengan bahagian Pengurusan Hartanah. Pada 23 April 2019 Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob bin Sapari menggesa pihak kerajaan untuk memberikan peruntukkan sebanyak 400 juta bagi mewujudkan Kompleks Wisma Persekutuan Negeri Selangor. Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah seliaan Bahagian Pengurusan Hartanah Jabatan Perdana Menteri terdapat dua bangunan guna sama Kerajaan Persekutuan di negeri Selangor yang menempatkan pejabat-pejabat jabatan ataupun agensi

Kerajaan Persekutuan iaitu yang pertama Bangunan Persekutuan Petaling Jaya dan yang kedua Wisma Persekutuan Klang.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, pada masa ini BPH JPM belum mempunyai perancangan untuk membina BGKP tambahan di Selangor. Walau bagaimanapun BPH JPM akan menilai semula tahap keperluan BGKP berkenaan dari semasa ke semasa berdasarkan input-input daripada jabatan ataupun agensi-agensi Kerajaan Persekutuan di Selangor, selain turut mengambil kira kos pembinaan dan kos penyelenggaraan dalam jangka masa panjang.

Akhir sekali, saya ingin menyentuh sedikit berkenaan dengan Permodalan Nasional Berhad (PNB). Pada 22 April 2019 Yang Berhormat Senator Datuk Fahariyah binti Haji Md Nordin bertanyakan, apakah langkah mitigasi kerajaan agar dapat mengukuhkan nilai pasaran dan operasi pelaburan yang khusus kepada ASB dan juga ASB2.

ASB dan ASB2 memperuntukkan had sehingga 90 peratus daripada dana tersebut untuk pelaburan di dalam ekuiti. Oleh itu seperti produk-produk yang lain, prestasi pelaburan ASB dan ASB2 bergantung pada perkembangan ekonomi dan pasaran saham. Langkah-langkah pragmatik oleh kerajaan seperti tadbir urus yang baik, pengurusan ekonomi yang mantap dan pendekatan berdasarkan risiko yang wajar adalah amat penting untuk memastikan kestabilan ekonomi dan prestasi pasaran kewangan yang baik secara berterusan.

Selaras dengan Pelan Strategik PNB 2017-2022, PNB melaksanakan inisiatif-inisiatif strategik bagi meningkatkan prestasi syarikat dan produk-produk pelaburan PNB termasuk ASB dan ASB2 dengan fokus kepada tiga teras utama iaitu memacu kecemerlangan operasi. Kedua, pengurusan pelaburan yang efektif dan yang ketiga memastikan pulangan yang lestari kepada aset pelaburan dan pelabur PNB. Dengan mandat untuk meningkatkan nilai dan kekayaan kepada para pelabur, fokus untuk tempoh terdekat bagi PNB adalah untuk melaksanakan penilaian pertengahan penggal bagi Pelan Strategik 2017-2022 yang akan menekankan aspek strategik pengumpulan aset, pengurusan risiko dan transformasi organisasi.

■1800

Sebagai penutup, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan menyentuh agensi-agensi ataupun jabatan-jabatan yang terlibat yang telah saya berikan tadi dan memberikan input sepanjang perbahasan Titah Diraja 2019. Saya ingin menyatakan bahawa Jabatan Perdana Menteri akan sentiasa mengambil perhatian ke atas setiap pandangan dan cadangan yang telah diutarakan oleh Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih juga kepada pegawai-pegawai daripada agensi-agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri yang telah terlibat bertungkus-lumus dalam menyediakan jawapan dan juga maklumat-maklumat tambahan bagi saya menjawab dalam penggulungan pada hari ini.

Di kesempatan ini juga, saya ingin untuk mengucapkan selamat berpuasa kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga pegawai-pegawai yang beragama Islam. Semoga kita semua dapat menjalankan ibadah puasa ini dengan jayanya. Sekian, *wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh*. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: *Waalaikumussalam*. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Wira Dr. Md Farid bin Md Rafik yang telah menjelaskan panjang lebar dan terang dan sekali lagi terima kasih ya.

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Puan Hajah Fuziah binti Salleh. Dipersilakan.

6.01 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Puan Fuziah binti Salleh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh*. Salam sejahtera.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah melontarkan soalan dan cadangan yang berkaitan dengan pengurusan hal ehwal Islam sewaktu perbahasan Titah Diraja sama ada secara umum atau khusus. Saya menghargai segala pandangan dan cadangan yang telah ditimbulkan Ahli Yang Berhormat sekalian.

Sebanyak 12 isu dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkaitan dengan Jabatan Perdana Menteri hal ehwal agama Islam yang melibatkan agensi-agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri melibatkan JAKIM, Tabung Haji dan juga fatwa. Sesungguhnya kami di Jabatan Perdana Menteri berkongsi hasrat yang sama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat untuk mengangkat martabat Islam selaras dengan kedudukan Islam sebagai Agama Persekutuan sebagaimana termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid memohon kerajaan melalui JAKIM menyatakan fatwa mengenai status mangsa MH370 khasnya mangsa beragama Islam yang tidak boleh dilakukan sembahyang ghaib dan harta mangsa tidak boleh difaraidkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sekalian, Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia telah mengadakan dua kali muzakarah khas bagi membincangkan mengenai tragedi MH370 iaitu pada 25 Mac 2014 dan 20 April

2015. Muzakarah telah mengkategorikan penumpang MH370 sebagai *mafqud* yang secara zahir dan kebarangkalian kuatnya telah dianggap terkorban. Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa tarikh sabit kematian mangsa MH370 adalah ditetapkan pada 29 Januari 2015 selaras dengan pengisytiharan kerajaan selaku *ulil amri* selepas tempoh pencarian dilakukan secara bersungguh-sungguh selama setahun dengan pelbagai kepakaran dari dalam dan luar negara.

Sahibus Samahah Datuk Seri Dr. Zulkifli bin Mohd Albakri, Mufti Wilayah Persekutuan melalui penjelasannya dalam *Bayan Linnas* Siri Ke-11 bertarikh 31 Januari 2015 bertajuk '*Penjelasan Hukum Terhadap Mangsa MH370*' menjelaskan pandangan-pandangan berikut termasuk berkenaan dengan solat jenazah ghaib dan perwarisan harta iaitu wajar dilakukan solat jenazah ghaib dengan mengambil kira sebahagian daripada pendapat ulama termasuk juga tahlil dan berdoa untuk mangsa MH370 yang beragama Islam yang terkorban, manakala hak pewarisan berjalan mengikut keputusan mahkamah syariah.

Perkara ini selaras dengan keputusan muzakarah yang bersidang pada 25 Mac 2014 bahawa jika pihak berkuasa berjaya menemui mayat atau cebisan mayat, hendaklah diuruskan kesemua mayat mengikut Islam dan solat jenazah hendaklah diniatkan hanya untuk orang Islam sahaja. Berkenaan dengan pengagihan harta pusaka, ia hendaklah dirujuk kepada pihak berkuasa berkaitan dan dalam hal ini, ia hendaklah dirujuk kepada mahkamah syariah.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin memohon kerajaan untuk memandang serius dan menambah baik perkara berikut:

- (i) penyelarasan dibuat antara agensi seperti halal, SIRIM dan lain-lain untuk tidak menyusahkan IKS dan praktikal untuk dilaksanakan;
- (ii) auditor yang tidak realistik seperti meminta usahawan daging salai untuk tidak ada debu di kawasan memasak; dan
- (iii) pengauditan halal dibuat oleh auditor yang tidak kompeten, yang hadir ialah auditor dalam bidang lain. Contohnya yang pergi buat *inspection* dekat bahagian rempah tetapi dia berasal daripada kosmetik.

Ini yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengurusan industri halal agak unik dan kompleks kerana ia melibatkan rentas agensi. Sebanyak 342 agensi dikenal pasti terlibat secara langsung dalam ekosistem halal di negara ini. Ia meliputi agensi di Peringkat Persekutuan mahupun negeri dan melibatkan lebih 192 akta atau undang-undang dan peraturan.

Untuk tujuan penyelarasan agensi berkaitan halal, jugalah ditubuhkan Majlis Halal Malaysia yang melibatkan 12 kementerian. Pensijilan halal tidak dikendalikan secara bersendirian oleh pihak berkuasa berwibawa pensijilan halal. Penyelarasan antara agensi yang berkait dengan halal sememangnya telah wujud di peringkat awal penggubalan *Malaysian Standards* yang berkaitan halal lagi yang diselaraskan dan dibangunkan oleh Jabatan Standard Malaysia.

Inti pati pembangunan *Malaysian Standards* mengambil kira semua aspek meliputi hukum syarak, sains dan teknologi, aspek kualiti dan keselamatan, undang-undang dan peraturan, ekosistem dan persekitaran. Input daripada pihak pengguna dan juga pihak industri diambil kira. *Malaysian Standards* ini mengandungi garis panduan praktikal untuk industri agar mampu memenuhi asas perdagangan dan perniagaan dalam industri halal. Sehingga hari ini, sejumlah lapan *Malaysian Standards* telah dibangunkan. Pemeriksaan yang dilakukan oleh *auditor* halal berdasarkan kepada *Malaysian Standards*, Akta Perihal Dagangan 2011, Akta Makanan 1983, Akta Binatang 1953 dan Akta Makanan Haiwan 2009, fatwa yang berkuat kuasa, akta peraturan lain yang berkaitan dari semasa ke semasa.

Berdasarkan dokumen rujukan yang dinyatakan di atas yang meliputi aspek halal, kualiti, keselamatan dan kebersihan inilah yang menjadi aspek pemeriksaan oleh *auditor* halal. Pengauditan halal dijalankan melibatkan sekurang-kurangnya dua orang pegawai yang kompeten yang terdiri daripada pegawai syariah dan juga pegawai teknologi makanan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia yang ditempatkan di JAKIM. Pegawai-pegawai tersebut merupakan pegawai terlatih yang telah melalui latihan yang berkaitan secara berkala. Antaranya Amalan Pengilangan Yang Baik (GMP), Amalan Kebersihan Yang Baik (GHP), *Hazard Analysis and Critical Control Point* (HACCP) serta tatacara audit yang menepati konsep *halalan toyyiban*.

Antara aspek-aspek pengauditan yang diambil kira dalam pensijilan halal pula meliputi aspek bahan mentah, ramuan, bahan bantuan pemprosesan dan pemprosesan iaitu semasa penyediaan, pengendalian pemprosesan, pembungkusan, penyimpanan, pemindahan produk, penggunaan peralatan dan pengangkutan. Syarat-syarat lain adalah melibatkan pelabelan dan pembungkusan kilang pemprosesan premis makanan, elemen pekerja, sistem sanitasi, rekod halal, kemudahan-kemudahan dan kebajikan pekerja, penyeliaan dan pemantauan, alat dan unsur penyembahan atau latihan halal. Adapun daripada aspek pembangunan industri, kerajaan sentiasa mengambil langkah untuk membantu usahawan dalam pelbagai aspek. Tanggungjawab ini adalah di bawah *Halal Development Corporation* ataupun HDC, SME Corp dan lain-lain.

Dalam masa yang sama, kerajaan melalui JAKIM dan pihak berkuasa agama negeri-negeri sentiasa bertindak aktif menggalakkan pengusaha memohon sijil halal. Dalam masa yang sama, kerjasama agensi-agensi pembimbing seperti Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), institusi penyelidikan seperti MARDI, Lembaga Perusahaan Pekebun Kecil (RISDA), Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA) dan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), Unit Pemaju Agensi Bumiputera (TERAJU), Majlis Agama Rakyat (MARA) sentiasa bekerjasama dalam usaha memudah cara dan membantu usahawan khususnya usahawan industri kecil dan sederhana.

■1810

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hanya JAKIM dan Majlis Agama Islam Negeri sahaja dinamakan sebagai pihak berkuasa berwajib untuk memperakui halal. Produk atau perkhidmatan yang diperakui halal hanyalah jika ditandakan dengan logo halal Malaysia atau logo halal badan pensijilan halal yang diiktiraf. Permohonan bagi mendapatkan perakuan halal perlulah dibuat kepada JAKIM atau MAIN atau hendaklah memenuhi syarat standard prosedur dan pekeliling yang dikuatkuasakan oleh JAKIM dan MAIN.

Berkenaan dengan aduan spesifik yang diadukan oleh Yang Berhormat Senator Puan Asmak, kita dapati bahawa mungkin ada aduan yang khusus yang kita bersedia untuk menerima aduan secara bertulis sekiranya pegawai yang turun ke padang untuk membuat audit itu tidak sesuai dari segi latar belakangnya dan tidak menepati syarat yang saya bacakan tadi.

Begitu juga berkenaan dengan kawasan yang berdebu, mungkin juga tidak menepati aspek *halalan toyyiban* seperti yang kita gariskan tadi. Jadi, mungkin perlu juga kita nasihatkan kepada mereka untuk menepati aspek *halalan toyyiban* itu sebab kadang-kadang mereka tidak faham mengapa tidak diluluskan. Sebenarnya saya juga dengar apa yang tersirat di sini bahawa yang tersiratnya ialah susah sangat hendak dapat sijil halal, itu yang tersirat ya.

Jadi, daripada KPI yang telah diletakkan oleh pihak JAKIM, kita dapati bahawa KPI nya ialah kurang daripada 15 hari perlu dapat sijil, paling lewat sebulan dan ada dalam rekod kita paling cepat tiga hari. Maksudnya, itu KPI yang telah ditetapkan oleh JAKIM dan JAKIM sentiasa mengadakan penyelarasan dengan kerajaan negeri yang juga terlibat dalam pensijilan halal ini untuk memastikan tidak ada jurang antara KPI negeri dan juga KPI JAKIM.

Akan tetapi selalu juga kita dengar masalah ini timbul lagi berkenaan dengan sukarnya mereka memahami, mungkin sukar memahami syarat. Di sinilah seharusnya agensi-agensi yang kita sebutkan tadi, yang saya bacakan tadi harus memainkan peranan. Tidak boleh

dibiarkan mereka memohon sendiri, seharusnya ada agensi yang memainkan peranan untuk membantu mereka...

Puan Asmak binti Husin: *[Bangun]*

Puan Fuziah binti Salleh: Boleh saya teruskan?

Puan Asmak binti Husin: Mungkin boleh tambah sedikit. Sebenarnya aduan ini dibuat oleh usahawan-usahawan yang terlibat, terutamanya usahawan bumiputera yang terlibat dengan bahagian makanan. Ada yang berpendapat bahawa standard itu dibina oleh ahli akademik yang mana mereka mungkin tidak membuat konsultasi dengan peniaga-peniaga yang terlibat dalam bidang makanan. Saya ada bangkitkan contohnya macam pengusaha budu, pengusaha budu. Kalau di Kelantan kita ada banyak pengusaha budu yang mana antara syarat *halalan toyyiban* ini adalah supaya tempat itu tidak berbau tetapi budu ini memang sifat dia berbau.

Memang boleh kita buat tempat itu tidak berbau, tetapi kalau kita tengok kita ada pengusaha yang dapat pensijilan halal tetapi teknologi dia tinggi dan kosnya agak mahal. Jadi mereka juga mencadangkan supaya kalau di tempat-tempat *research* dibuat kerjasama antara JAKIM dan juga tempat seperti MARDI dan sebagainya untuk menghasilkan teknologi yang lebih murah kepada peniaga-peniaga agar mereka dapat mencapai tahap yang dikehendaki. Itu sahaja.

Puan Fuziah binti Salleh: Terima kasih di atas maklum balas yang diberikan. Memang kita tidak nafikan pengusaha-pengusaha merasakan sukar untuk mencapai standard yang dikenakan. Namun Yang Berhormat Senator, *certification* oleh JAKIM ini, pensijilan halal JAKIM ini diiktiraf di 45 buah negara. Maksudnya kita yang memberi pensijilan itu dan kita *certified* 78 buah agensi keseluruhannya. Maka standard itu perlu kita kekalkan kerana kita menjadi model kepada negara-negara lain.

Akan tetapi, tidak dinafikan bahawa pengusaha-pengusaha ini memang mempunyai masalah untuk memahami standard itu. Di sinilah peranan HDC sebenarnya dan di sini peranan agensi-agensi yang kita sebutkan tadi supaya dapat membimbing usahawan-usahawan ini untuk memahami standard itu dan supaya mereka dapat mengisi apa itu, apa orang kata standard yang telah ditetapkan.

Walau apa pun, pensijilan halal ini tidak diwajibkan. Akan tetapi sekiranya mereka hendak berdaya saing, mereka hendak eksport ke luar negara, tentu sekali logo halal JAKIM itu ialah sesuatu yang menambah nilai kepada produk mereka. Jadi, saya yakin di situ bukan JAKIM yang harus turunkan standard. Kita harus bantu mereka untuk memahami standard itu dan mereka dibantu, dibimbing, *coach* supaya mereka dapat mencapik standard yang ditetapkan, *insya-Allah*. Sama-sama kita bantu *insya-Allah* Yang Berhormat Senator.

Saya terus Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris membangkitkan sama ada kerajaan bercadang untuk menggubal satu akta bagi menangani kes-kes menghina Islam.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan hari ini percaya bahawa undang-undang dan hukuman sedia ada adalah mencukupi dalam menangani isu-isu berkaitan dengan penghinaan Nabi Muhammad SAW dan tiada keperluan untuk menggubal dan mewujudkan satu akta baharu. Sama ada isu-isu penghinaan Nabi ataupun isu penghinaan agama, kita merasakan bahawa undang-undang yang ada pada hari ini cukup dan tiada keperluan untuk menggubal dan mewujudkan satu akta baharu.

Di dalam perkara ini, undang-undang sedia ada yang telah diperuntukkan untuk membendung dan menghalang mana-mana individu dan kumpulan daripada menghina kesucian agama Islam dan kemuliaan Rasulullah SAW, ada beberapa. Pertama ialah Akta Kesalahan Jenayah Syariah. Akta Kesalahan Jenayah Syariah ini dia ada untuk Wilayah Persekutuan [*Akta 559*], dan di peringkat negeri-negeri, kita ada Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah di negeri masing-masing.

Jadi, “Mana-mana orang yang secara lisan atau secara bertulis atau dengan gambaran yang tampak atau dengan apa-apa cara lain menghina agama Islam atau menyebabkan agama Islam dipandang hina ataupun mempersendakan, mengajuk-ajuk atau mencemuh amalan atau upacara yang berhubungan dengan agama Islam atau mempersendakan atau menyebabkan dipandang hina mana-mana undang-undang yang sedang berkuat kuasa di Wilayah Persekutuan yang berhubungan dengan agama Islam adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi RM3,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya”. Ini di bawah Akta 559 dan di negeri masing-masing ada Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah di negeri masing-masing dan hukumannya mengikut enakmen di negeri masing-masing.

Peruntukan di atas boleh diguna pakai jika pelaku adalah dalam kalangan orang Islam Tuan Yang di-Pertua. Dalam memastikan keamanan dan keharmonian amalan beragama di negara ini, peruntukan undang-undang seterusnya boleh diguna pakai kepada pelaku tanpa mengira agama iaitu yang pertama, seksyen 298A(1) Kanun Keseksaan [*Akta 574*] yang memperuntukkan bahawa, “Barang siapa dengan perkataan-perkataan sama ada secara lisan atau bertulis atau dengan isyarat atau dengan pernyataan zahir atau dengan apa-apa perbuatan, aktiviti atau kelakuan atau dengan mengelolakan, memajukan atau mengaturkan atau membantu dalam mengelolakan, memajukan atau mengaturkan apa-apa aktiviti atau selainnya dalam apa-apa cara yang lain:

- (a) menyebabkan atau cuba menyebabkan atau mungkin menyebabkan suasana tidak harmoni, perpecahan atau perasaan permusuhan, benci membenci atau sakit hati; atau
- (b) memudaratkan atau cuba memudaratkan atau mungkin memudaratkan pemeliharaan keadaan harmoni atau perpaduan.

Atas alasan keagamaan di antara orang-orang atau kumpulan orang-orang yang menganut agama yang sama atau berlainan agama hendaklah dihukum dengan hukuman penjara bagi satu tempoh tidak kurang dari dua tahun dan tidak lebih dari lima tahun”.

■1820

Kedua, seksyen 211, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [*Akta 588*] memperuntukkan larangan terhadap pemberian kandungan jelik seperti yang berikut.

Pertama, tiada pemberi perkhidmatan aplikasi kandungan atau orang lain yang menggunakan perkhidmatan aplikasi kandungan boleh memberikan kandungan yang sumbang, lucah, palsu, mengancam atau jelik sifatnya dengan niat untuk mengacau, mendera, mengugut atau mengganggu mana-mana orang.

Kedua, seseorang yang melanggar subseksyen (1), melakukan sesuatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya dan juga boleh didenda selanjutnya RM1,000 bagi setiap hari atau sebahagian daripada sehari kesalahan itu diteruskan selepas pensabitan.

Ketiga, seksyen 233, Akta 588 juga boleh digunakan, yang memperuntukkan kesalahan penggunaan tidak wajar kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian seperti yang berikut: pertama, seseorang yang-

- (a) dengan menggunakan mana-mana kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian atau perkhidmatan aplikasi secara sedar:
 - (i) membuat, mewujudkan atau meminta-minta; dan
 - (ii) memulakan penghantaran, apa-apa komen, permintaan, cadangan atau komunikasi lain yang lucah, sumbang, palsu, mengancam atau jelik sifatnya dengan niat untuk menyakitkan hati, menganiayai, mengugut atau mengganggu orang lain; atau
- (b) memulakan suatu komunikasi dengan menggunakan mana-mana perkhidmatan aplikasi sama ada secara berterusan, berulang kali atau selainnya dan dalam masa itu komunikasi mungkin atau tidak mungkin berlaku, dengan atau tanpa mendedahkan identitinya dan dengan niat

untuk menyakitkan hati, menganiayai, mengugut atau mengganggu mana-mana orang di mana-mana nombor atau alamat elektronik.

Ini melakukan suatu kesalahan- seseorang yang melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen ini apabila disabit, boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya dan hendaklah juga boleh didenda selanjutnya RM1,000 bagi setiap hari kesalahan itu diteruskan selepas pensabitan. Berdasarkan peruntukan-peruntukan undang-undang tersebut, kerajaan hari ini tidak bercadang untuk menggubal satu akta baharu bagi menangani kes-kes menghina agama Islam.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin ingin tahu bagaimana harapan pendeposit Tabung Haji mendapat pulangan dividen yang sepatutnya tetapi tidak dapat pulangan tersebut. Maksudnya dividen yang rendah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, Lembaga Tabung Haji mengagihkan hibah kepada pendeposit berdasarkan kemampuan kewangan tahun semasa dan tertakluk kepada pematuhan kehendak Akta Tabung Haji 1995 di bawah seksyen 22. Dengan adanya pelan pemulihan dan penstrukturan Tabung Haji, ia membolehkan pengagihan hibah diagihkan kepada pendeposit yang berlandaskan Akta Tabung Haji tersebut. Situasi pengagihan hibah yang rendah pada tahun 2018 adalah bersifat sementara kerana kedudukan kewangan Tabung Haji telah kembali pulih dan jurang defisit yang dialami Tabung Haji telah berjaya ditutup. Dijangka tiada lagi kejutan pada masa hadapan kerana kerugian rosot nilai telah direkodkan pada tahun 2018.

Buat makluman Tuan Yang di-Pertua, sejak kita umumkan hibah kita yang terendah iaitu 1.25 peratus, kita dapati bahawa pendeposit telah bertambah dan kita mencatatkan jumlah deposit RM1 bilion sejak daripada diumumkan. Sebalik daripada apa yang kita anggarkan, yang dikatakan nanti pendeposit hilang kepercayaan tetapi sebaliknya bertambah jumlah deposit.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin juga ingin tahu bagaimana kerajaan menguruskan perkara bagi mengelakkan campur tangan bukan Islam dalam urusan agama Islam. Sebagai contoh, isu SPV di mana CEO adalah orang bukan Islam yang menguruskan isu orang Islam. Tuan Yang di-Pertua, soalan ini juga telah dijawab dalam Dewan Negara ini pada minggu lepas tetapi saya ulang sedikit ya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, penubuhan SPV yang dimiliki penuh oleh kerajaan dikenali sebagai Urusharta Jamaah Sdn. Berhad bertujuan membantu

mengambil alih aset-aset Lembaga Tabung Haji yang mengalami kejatuhan nilai bagi menutup jurang di antara aset dan liabiliti yang dialami oleh Lembaga Tabung Haji.

Ahli Lembaga Pengarah Urusharta Jamaah Sdn. Berhad yang telah dilantik adalah terdiri daripada pegawai-pegawai Kementerian Kewangan. Kesemua mereka mempunyai pengalaman dan pengetahuan luas dalam bidang masing-masing. Ada lima orang Ahli Lembaga. Semuanya orang Melayu Islam. Manakala Encik Izad Shahadi Mohd Sallehuddin telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Urusharta Jamaah Sdn. Berhad berkuat kuasa pada 2 April 2019. Pelantikan ini sebagai langkah pembentukan pasukan pengurusan di Urusharta Jamaah Sdn. Berhad bagi memastikan kelangsungan proses pemulihan aset-aset yang dipindahkan oleh Tabung Haji. Kesemua mereka adalah beragama Islam dan dengan itu tiada isu campur tangan orang bukan Islam dalam pengurusan Tabung Haji melalui SPV Urusharta Jamaah Sdn. Berhad.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris memohon penjelasan sama ada kerajaan perlu melaksanakan pembersihan Tabung Haji daripada segi struktur pentadbiran yang mana Yang Berhormat ingin mencadangkan Tabung Haji perlu dijaga dan dikekalkan fungsinya. Subsidi bersasar perlu diberikan misalnya kepada individu yang pertama kali ke haji dan dikekalkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan pada masa ini menaruh kepercayaan dan keyakinan yang tinggi kepada pengurusan baharu Lembaga Tabung Haji dalam meneruskan kesinambungan pentadbirannya. Pelantikan pengurusan Tabung Haji yang baharu adalah terdiri daripada golongan profesional Muslim yang mempunyai pengalaman luas serta diyakini mampu untuk memberikan sumbangan melalui kepakaran dalam bidang masing-masing demi untuk kesinambungan Tabung Haji dalam memacu kejayaan ekonomi ummah dan pengurusan haji secara yang baik.

Ahli Yang Berhormat, seterusnya adalah mengenai subsidi haji. Untuk makluman semua jemaah haji muassasah yang menunaikan haji kali pertama, layak untuk menerima tanggungan subsidi daripada Tabung Haji termasuk pengiring mereka yang merayu bagi tahun ini. Pada masa yang sama, kerajaan bersama pihak Tabung Haji masih dalam peringkat kajian berkenaan dengan subsidi bersasar kepada jemaah haji pada masa akan hadapan. Belum dibuat keputusan pada masa hadapan Tuan Yang di-Pertua.

Seterusnya, izinkan saya Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dr. Zaidi Haji Suhaili membangkitkan status terkini *Tabung Haji Hotel & Convention Centre* yang terdapat di bandar Kuching adakah telah dijual atau diletakkan di bawah SPV, bagaimana dengan pekerja-pekerja hotel.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah pelan pemulihan dan penstrukturan Lembaga Tabung Haji, aset-aset yang memberi pulangan rendah dan mengalami kejatuhan nilai melebihi 20 peratus telah dipindahkan dan diletakkan di bawah SPV iaitu Urusharta Jamaah Sdn. Berhad Ini termasuklah harta tanah *TH Hotel & Convention Centre Kuching Sarawak*.

Tuan Yang di-Pertua, selanjutnya berkaitan dengan para pekerja *Tabung Haji Hotel dan Convention Centre Kuching*. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak *Tabung Haji Hotel & Residence*, anak syarikat Tabung Haji telah merujuk dan mematuhi garis panduan yang dikeluarkan oleh Jabatan Tenaga Kerja Sarawak bagi memastikan kebajikan para pekerja hotel berkenaan sentiasa dipelihara.

Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan ya. Yang Berhormat Senator Dato' Sri Ti Lian Ker membangkitkan bahawa Lembaga Tabung Haji yang sebelum ini untung tetapi kini perlu di *bail out* dan ia tidak wajar daripada aspek *accountability*.

Yang Berhormat Senator Dato' Sri Ti Lian Ker mencadangkan strategi *bail out* Lembaga Tabung Haji perlu dibentangkan di Parlimen.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lembaga Tabung Haji sebenarnya tidak untung sebelum ini, tidak seperti yang dikatakan. Sebenarnya Lembaga Tabung Haji mencatatkan kerugian sebanyak RM1.4 bilion dan bukannya keuntungan sebanyak RM3.4 bilion seperti yang dinyatakan bagi tahun kewangan 2017. Jurang defisit bagi tahun 2017 pula sebanyak RM4.1 bilion dan meningkat sebanyak RM10.9 bilion pada tahun 2018. Berdasarkan seksyen 24 Akta Tabung Haji, semua dana pendeposit adalah dijamin oleh kerajaan. Maka jika berlaku pengeluaran secara besar-besaran oleh pendeposit, maka kerajaan perlu membantu Tabung Haji secara terus dan serta-merta.

■1830

Namun dengan adanya pelan pemulihan dan penstrukturan Tabung Haji, komitmen kerajaan untuk membantu Tabung Haji telah dilaksanakan secara berperingkat. Tabung Haji juga mampu dan telah melaksanakan pengagihan hibah kepada pendeposit berlandaskan Akta Tabung Haji.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sesi pembentangan di Parlimen telah diadakan pada Disember 2018 dan selanjutnya telah dijelaskan pada sesi Dewan Rakyat yang lepas. Saya tunjukkan dokumen tersebut Tuan Yang di-Pertua. Ini dokumen yang dibentangkan, *table* dalam Dewan Rakyat, saya tidak pasti Dewan Negara ada terima atau tidak. Dua dokumen yang di *table*-kan di dalam Dewan Rakyat. Sebenarnya telah dibentangkan di dalam Parlimen. Yang Berhormat Senator Dato' Sri Ti Lian Ker, tidak betul di dalam maklumat yang mengatakan tidak dibentangkan dan seharusnya dibentangkan di Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Sri Ti Lian Ker memohon penjelasan adakah kerajaan bercadang untuk melibatkan Permodalan Nasional Berhad dalam memperkasakan Lembaga Tabung Haji secara holistik dan komprehensif. Yang Berhormat Senator Dato' Sri Ti Lian Ker tidak hadir, tetapi sebenarnya saya ingin bertanya sama ada apa yang dimaksudkan keterlibatan PNB dalam pengurusan, adakah dalam pengurusan portfolio aset Tabung Haji. Adakah itu yang dimaksudkan?

Oleh sebab Tabung Haji ini dengan izin Tuan Yang di-Pertua ada *core business* ialah pengurusan pengoperasian haji. Jadi, kalau sekiranya itu yang dimaksudkan, kerajaan pada masa kini tidak berhasrat untuk melibatkan entiti lain termasuk Permodalan Nasional Berhad dalam menguruskan portfolio, aset Lembaga Tabung Haji.

Walau bagaimanapun, pihak Tabung Haji sentiasa membuka peluang untuk perkongsian pengetahuan bersama entiti-entiti lain demi untuk memperkasakan Tabung Haji. Buat masa ini, Tabung Haji diletakkan di bawah kawal selia Bank Negara Malaysia untuk mengukuhkan tahap tadbir urus dan kepercayaan orang awam terhadap Tabung Haji. Penyeliaan Bank Negara merangkumi aktiviti pengambilan deposit, penekanan terhadap pengurusan risiko dan kawalan dalaman serta pengurusan mudah tunai. Kerajaan juga dengan kerjasama Tabung Haji sedang mengkaji model perniagaan secara menyeluruh merangkumi aspek pengurusan pelaburan, aspek pengurusan deposit dan pendeposit dan pengoperasian haji.

Jadi, sebelum ini tidak diletakkan di bawah kawal selia Bank Negara. Jadi sebab itulah apabila tidak diletakkan di bawah kawal selia Bank Negara, rosot nilai tidak dibuat, polisi rosot nilai bertukar-tukar dan tidak dilaporkan sehingga 90 peratus rosot nilai, maka itulah yang menyebabkan jurang antara *balance sheet* dan P&L Tabung Haji itu tidak mencerminkan perkara yang sebenar pada tahun 2017. Jadi sedang dirangka Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Nuridah binti Mohd Salleh mencadangkan agar kerajaan mengambil langkah-langkah yang efektif dalam meningkatkan solidariti terhadap Tabung Haji.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, kerajaan memandang serius terhadap isu-isu yang membabitkan Lembaga Tabung Haji pada masa kini. Beberapa inisiatif dan langkah sewajarnya telah dan sedang diambil bagi menangani isu berkaitan Tabung Haji demi kepentingan para pendeposit serta mengembalikan Tabung Haji sebagai sebuah institusi ikonik negara.

Antara langkah dan inisiatif tersebut termasuklah pelantikan pengurusan baharu Tabung Haji yang terdiri daripada golongan profesional Muslim yang mempunyai pengalaman luas serta diyakini mampu untuk memberi sumbangan serta kepakaran masing-masing demi

untuk pemulihan dan kesinambungan Tabung Haji. Pelantikan anggota Lembaga Pengarah Tabung Haji seperti mana yang termaktub dalam seksyen 6(1), Akta Tabung Haji 1995 [Akta 535].

Pelaksanaan pelan pemulihan dan penstrukturan semula Tabung Haji yang melibatkan pemindahan aset-aset yang mengalami kejatuhan nilai dan memberi pulangan rendah kepada sesebuah syarikat tujuan khas, Urusharta Jamaah Sdn. Berhad. maksudnya dilaksanakan pelan pemulihan tersebut. Langkah ini bertujuan untuk memulihkan kedudukan kewangan Tabung Haji supaya nilai aset melebihi nilai liabiliti.

Ketiga, meletakkan Tabung Haji di bawah kawal selia Bank Negara Malaysia bagi mengukuhkan tahap tadbir urus dan kepercayaan orang ramai. Penyeliaan oleh Bank Negara Malaysia merangkumi aktiviti pengambilan deposit, penekanan terhadap pengurusan risiko dan kawalan dalaman serta pengurusan mudah tunai, mengkaji semula portfolio pelaburan dan alokasi aset Tabung Haji supaya ia menjana pendapatan yang lebih mampan dan stabil. Pelaksanaan langkah mengembalikan Tabung Haji kepada tujuan asalnya iaitu menyediakan platform untuk bakal-bakal haji menyimpan untuk tujuan menunaikan haji.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani binti Mat mencadangkan subsidi haji dikekalkan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua jemaah haji muassasah yang menunaikan haji kali pertama layak untuk menerima tanggungan subsidi daripada Tabung Haji termasuk pengiring dan mereka yang merayu bagi tahun ini. Keputusan ini telah dimuktamadkan dan diumumkan pada 28 Februari 2019 selepas mengambil kira pelbagai aspek termasuk keupayaan dan kedudukan unjuran kewangan Tabung Haji bagi tahun 2019.

Sehubungan dengan itu, kos bagi menunaikan haji ataupun kos haji untuk jemaah haji muassasah bagi musim haji 2019 bersamaan dengan 1440 hijrah adalah RM22,900 seorang. Bayaran haji bagi jemaah haji muassasah yang menunaikan haji buat pertama kali kekal pada RM9,980 seorang. Saya ingin memaklumkan, kos ini telah kekal selama 10 tahun tidak ada perubahan. Justeru Tabung Haji akan menanggung subsidi haji berjumlah RM12,920 untuk setiap jemaah yang layak dan jumlah keseluruhan tanggungan subsidi haji dianggarkan berjumlah RM400 juta bagi musim haji tahun ini iaitu 1440 Hijrah.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani binti Mat juga membangkitkan tentang pemberian hibah pada tahun-tahun sebelum ini yang dikatakan melanggar Akta Tabung Haji sedangkan akaun ini telah diaudit oleh Jabatan Audit Negara. Yang Berhormat Senator mencadangkan kerajaan menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja untuk menyiasat kerugian yang dialami Lembaga Tabung Haji.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seperti mana yang diumumkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) pada 9 April 2019 yang lalu, tiada keperluan untuk menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja bagi menyiasat Lembaga Tabung Haji. Ia memandangkan Jabatan Audit Negara dan *PricewaterhouseCoopers* telah jelas memperincikan dapatan mereka terhadap kelemahan pengurusan Tabung Haji sebelum ini. Di samping itu, isu-isu membabitkan Tabung Haji telah ditangani dengan baik dan sewajarnya ke arah pemulihan institusi berkenaan. Seperti yang saya katakan ia boleh juga dibentangkan di Parlimen.

Puan Hajah Sabani binti Mat: Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja hendak tanya. Saya sebenarnya mencadangkan supaya satu Suruhanjaya Diraja ditubuhkan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sebelum itu terima kasih di atas penerangan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Apa yang saya katakan, saya cadangkan satu Suruhanjaya Diraja ditubuhkan sebab bagi membolehkan satu siasatan dibuat. Saya tahu supaya Tabung Haji ini merupakan satu entiti ataupun satu amanah di mana pendepositnya 100 percent adalah orang Islam.

Jadi, kita tidak mahu ada mana-mana pihak, tidak kiralah sama ada yang sekarang ataupun yang dahulu, kalau mereka betul-betul buat salah, biarlah kita hukum sebab di luar sana pandangan mereka terhadap Tabung Haji itu menjadi lain. Kita tidak mahu imej Tabung Haji dan kita mahu supaya imej Tabung Haji itu tinggi dan sentiasa mendapat keyakinan daripada orang Islam keseluruhannya. Terima kasih Yang Berhormat.

Puan Fuziah binti Salleh: Terima kasih di atas pandangan Yang Berhormat Senator. Ya, seperti- saya faham apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Senator dan itu juga yang kita inginkan bersama. Seperti yang telah saya katakan tadi dan saya ulang bahawa perkara ini telah pun dipersoalkan dan telah pun dijawab oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri iaitu Datuk Seri Dr Mujahid Yusof pada 9 April berkenaan dengan Suruhanjaya Siasatan Diraja ini.

Diterangkan bahawa tiada keperluan memandangkan sudah ada laporan yang detil yang boleh didapati oleh orang ramai, boleh membaca dan menunjukkan secara detil berkenaan dengan apa dia salah laku yang berlaku di dalam Tabung Haji. Jabatan Audit Negara juga telah membuat kenyataan, ulasan dan *PricewaterhouseCoopers* juga telah jelas memperincikan. Memang kita hendak orang ramai menaruh keyakinan dan saya kira itu memang sudah terbukti apabila orang ramai menaruh keyakinan dengan tambahnya deposit pendeposit selepas kita mengumumkan hibah.

■1840

Jadi, perkara ini telah pun dibincangkan, di suarakan dan telah pun dijawab oleh Yang Berhormat Menteri seperti yang saya katakan tadi. Jadi, tidak ada keperluan untuk mengadakan RCI pada hari ini kerana telah pun mengisi keperluan siasatan tersebut. Akan tetapi apa yang kita mahu sekarang ialah kita maju ke hadapan, Yang Berhormat Senator. Oleh sebab sekarang ini Tabung Haji, dengan izin, *the worst is over*.

Sekarang ini kita sedang dalam proses membina Tabung Haji semula dan ada beberapa pendekatan-pendekatan yang sedang difikirkan, model-model bagaimana kita mengurangkan risiko, mengambil amalan yang terbaik, *the best practice*, amalan terpuji dalam masa hadapan. Dahulu, Tabung Haji ada *consultant-consultant*.

Pada hari ini, Tabung Haji meletakkan pengurusan dan juga *Board of Directors*, dengan izin, untuk bertanggungjawab sepenuhnya untuk melihat kepada integriti dan kredibiliti institusi yang kita sama-sama ingin jaga ini, Yang Berhormat Senator.

Jadi, itulah saya kira Tuan Yang di-Pertua, setakat itu yang telah dibahaskan, yang saya telah jawab. Saya percaya itu sahajalah isu yang berbangkit dalam perbahasan pada kali ini. Saya ingin mengambil kesempatan ini...

Puan Asmak binti Husin: Ada satu lagi soalan saya...

Puan Fuziah binti Salleh: Berkaitan ya?

Puan Asmak binti Husin: Ya, berkaitan. Saya telah bertanya dalam perbahasan saya mengenai bajet untuk Pusat Khidmat Keluarga, Sosial dan Komuniti (PKKSK) iaitu rakan strategik JAKIM. Oleh sebab sebelum ini mereka mendapat peruntukan tetapi untuk tahun ini, mereka tidak mendapat apa-apa peruntukan sedangkan mereka ini banyak membantu isu-isu kekeluargaan dan undang-undang daripada JAKIM sendiri.

Puan Fuziah binti Salleh: Yang Berhormat Senator, saya tidak ada di dalam ulasan saya ini. Boleh tidak saya jawab secara bertulis soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah terlibat di dalam perbahasan yang telah memberikan cadangan-cadangan yang bernas untuk membangunkan negara kita bersama. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pegawai yang bertugas yang telah bertungkus-lumus menyediakan jawapan. Saya meminta maaf sekiranya ada tertinggal, yang kita akan beri jawapan secara bertulis.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat berpuasa dalam bulan Ramadhan ini, semoga kita mendapat keberkatan dan puasa kita pada tahun ini

lebih baik daripada tahun lepas ya dan mendapat *redha* daripada Allah, keampunan daripada Allah SWT. Sekian, terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*.

Timbalan Yang di-Pertua: *Walaikumussalam*, terima kasih Yang Berhormat Menteri, Puan Fuziah binti Salleh mewakili JPM dan telah menerangkan panjang lebar, terang, jelas dan kami mengucapkan terima kasih di atas penjelasan tadi.

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy, dipersilakan.

6.43 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy]:
Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Salam sejahtera, salam perpaduan.

Terlebih dahulu saya bagi pihak Jabatan Perdana Menteri ingin mengambil kesempatan merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan menjunjung kasih Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Saya selaku Menteri di Jabatan Perdana Menteri akan menggulung bagi Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (Perpaduan), Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) dan Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA) yang terletak di bawah kluster Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, saya mulakan penggulungan dengan agensi pertama di bawah saya iaitu Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional. Kita sememangnya peka dengan kepelbagaian etnik, agama dan budaya yang sedia wujud di negara ini yang sememangnya boleh menimbulkan sensitiviti agama dan menjejaskan perpaduan jika tidak diuruskan dengan sebaiknya.

Mengambil kira hakikat ini, kerajaan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional telah, sedang dan akan meneruskan pelbagai usaha bagi memperkukuhkan perpaduan dan integrasi nasional dalam kalangan rakyat Malaysia dengan menggunakan pendekatan mendampingi dan mendidik, dengan izin, *engage and educate* melalui pelaksanaan pelbagai program.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair yang amat prihatin terhadap usaha-usaha kerajaan dalam memupuk perpaduan dan integrasi nasional melalui pelbagai aktiviti sosial dan budaya. Memang tidak dapat dinafikan, bahawa perpaduan negara adalah elemen penting dalam memacu kestabilan politik dan kemajuan negara.

Usaha berterusan akan dilaksanakan untuk menerapkan elemen perpaduan semenjak negara mencapai kemerdekaan. Pelbagai dasar telah dilaksanakan untuk mencapai proses

perpaduan ini dan antara dasar utama ke arah membina perpaduan melalui dasar pendidikan yang menekankan keseragaman sistem persekolahan. Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama dan kurikulum yang sama untuk melahirkan rakyat yang mendukung cita-cita negara dalam mewujudkan perpaduan yang berpandukan Rukun Negara.

Di samping itu, dasar kebudayaan kebangsaan merupakan panduan pembentukan dan pengekalan identiti rakyat Malaysia serta sebagai mekanisme mengukuhkan perpaduan melalui kebudayaan. Umumnya, semua dasar sedia ada kerajaan selama ini telah menyokong ke arah perpaduan dan integrasi nasional. Kerajaan di bawah Malaysia baharu sentiasa mendukung dan meletakkan perpaduan dan keharmonian sebagai agenda utama. Pelbagai inisiatif baharu telah diperkenalkan agar dasar kerajaan lebih *inclusive* dan memberikan peluang yang saksama kepada semua pihak.

Kerajaan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional merupakan agensi yang bertanggungjawab untuk memperkasakan perpaduan dan keharmonian di dalam kalangan masyarakat Malaysia. Dalam usaha memastikan perpaduan terus terpelihara, pelbagai program dan aktiviti baharu dirangka sebagai pendekatan baharu untuk melaksanakan program, dengan izin, *outreach* secara lebih berkesan dan bersistematik dengan penglibatan penduduk setempat. Antara usaha-usaha tersebut adalah seperti berikut:

- (i) meningkatkan persefahaman dalam kalangan penganut agama melalui Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian Di Antara Penganut Agama (JKMPKA) yang terdiri daripada wakil pemimpin Islam dan bukan Islam seperti Hindu, Buddha, Kristian, Sikh, Tao dan Baha'i dengan mengadakan dialog-dialog keagamaan dalam kalangan penganut-penganut agama bagi memberikan kefahaman mengenai anutan pelbagai agama di Malaysia agar rakyat saling memahami, menerima dan menghormati di antara satu sama lain; dan
- (ii) menyebarkan pendidikan pendamaian dalam kalangan komuniti agar melakukan pencelahan atau intervensi terhadap konflik atau perselisihan di antara dua pihak dalam komuniti setempat. Untuk mencapai objektif ini, perpaduan melatih pasukan mediator komuniti sebagai kumpulan yang dirujuk oleh masyarakat dalam menangani sebarang konflik di peringkat komuniti agar isu-isu perkauman dan sensitiviti agama dapat dibendung sebelum ia menular menjadi isu lebih besar

Dato' Dr. Ananthan a/l Somasundaram: Boleh mencelah Yang Berhormat Menteri? Ia berkaitan dengan isu sensitif yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Menteri. Saya

memohon penjelasan yang berkaitan dengan isu yang ditimbulkan oleh Zamri Vinoth baru-baru ini. Saya dapati polis telah pun menahan dan telah mengambil keterangan sebelum dia dibebaskan.

Soalan saya, di sini ialah sebagai seorang Menteri yang bertanggungjawab ke atas perpaduan rakyat keseluruhannya, apakah langkah yang diambil oleh Yang Berhormat Menteri yang mewakili Kementerian Pendidikan supaya perkara yang sensitif seperti ini tidak akan berulang lagi di masa akan datang? Saya mahu mendengar penjelasan dari pihak Yang Berhormat Menteri sendiri, di samping PDRM melaksanakan tanggungjawab mereka. Terima kasih.

Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Pertama sekali, saya bukan di Kementerian Pendidikan. Saya di Jabatan Perdana Menteri.

Tadi, saya rasa Yang Berhormat Senator tersilap cakaplah.

■1850

Dato' Dr. Ananthan a/l Somasundaram: Kementerian Perpaduan, mewakili perpaduan.

Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy: Ya, ya, *correct*. So, saya rasa apabila saya menjawab kesemua jawapan saya, jawapan Yang Berhormat akan terjawablah ya.

Ketiga, meningkatkan interaksi komuniti melalui pelaksanaan Program Sayangi Komuniti di 103 lokasi miskin bandar dan pinggir bandar sehingga tahun 2018 yang menyasarkan kepada kumpulan B40 yang berisiko tinggi dan kepelbagaian kaum bertujuan untuk mengintegrasikan dan menanamkan sikap saling hormat-menghormati dan kerjasama dalam kalangan komuniti setempat.

Keempat, pengiktirafan sebagai rakan perpaduan kepada rakan strategik di jabatan yang telah banyak menyokong dan bekerjasama dalam melaksanakan program perpaduan dan keharmonian. Rakan perpaduan ini terdiri daripada badan korporat atau swasta dan badan bukan kerajaan yang bersedia menyumbang dana dan sumber ke arah peningkatan perpaduan dalam kalangan rakyat negara ini sebagai sebahagian daripada tanggungjawab *social corporate* mereka.

Selain itu, menyedari akan kepentingan generasi muda sebagai barisan kepimpinan negara di masa hadapan, perpaduan telah mengambil langkah proaktif dalam usaha menanamkan semangat cintakan perpaduan dan patriotisme dalam kalangan golongan remaja melalui inisiatif berikut:

- (i) mendidik asas silang budaya melalui Modul Silang Budaya yang diperkenalkan kepada pelajar dan guru penasihat Kelab Rukun Negara di peringkat sekolah. Pendidikan melalui modul ini merupakan

pendedahan kebersamaan untuk membolehkan para pelajar memahami dan menghormati bahasa, agama dan budaya kaum-kaum lain serta menerima dan menghargai kepelbagaian tersebut;

- (ii) pengamalan dan penghayatan kepada prinsip-prinsip Rukun Negara dan nilai-nilai sejagat sebagai asas perpaduan nasional melalui Program My Rukun Negara yang diperkenalkan di 1,781 Tabika Perpaduan dan 6,458 Kelab Rukun Negara di peringkat sekolah rendah dan peringkat sekolah menengah serta 164 Sekretariat Rukun Negara di peringkat IPTA dan IPTS; dan
- (iii) Program Latihan Industri Perpaduan terdiri daripada PLIP fasa satu yang memberi peluang penempatan Latihan Industri kepada pelajar bumiputera menjalani Latihan Industri di syarikat bukan bumiputera. Manakala PLIP fasa dua menempatkan pelajar bukan bumiputera menjalani Latihan Industri di syarikat bumiputera.

Pelaksanaan program ini sebagai kaedah menggalakkan silang kerjaya untuk pengukuhan perpaduan dan menerapkan unsur-unsur silang budaya, pemahaman antara agama, *interfaith* dan penerimaan antara kaum. Melalui usaha-usaha sebegini, rakyat digalakkan berkongsi nilai-nilai sejagat dalam kalangan mereka agar mana-mana unsur positif dari budaya pelbagai kaum yang sesuai boleh menyumbang kepada perpaduan nasional.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan saranan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Nga Hock Cheh agar usaha-usaha memupuk perpaduan diperkukuhkan dengan menekankan konsep kewarganegaraan dan penggubalan undang-undang bagi mengelakkan sensitiviti antara kaum serta cadangan dari Yang Berhormat Senator Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah bahawa jabatan perlu menjalankan kegiatan atau aktiviti perpaduan untuk menyatupadukan rakyat, saya ingin memaklumkan bahawa kerajaan sedang dan telah mengambil beberapa langkah strategik ke arah itu seperti berikut:

- (i) dalam usaha menubuhkan Majlis Perundingan Keharmonian Rakyat (MPKR) yang dianggotai oleh ahli-ahli yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat bagi memperkukuhkan perpaduan dan integrasi nasional. Cadangan penubuhan MPKR bertujuan mempromosikan Malaysia di peringkat global sebagai model negara *moderate* yang mengutamakan semua kelompok masyarakat demi menjaga keharmonian antara kaum dan agama dan berfungsi sebagai platform untuk percambahan fikiran dan rekonsiliasi antara kaum dan agama;

- (ii) memperkasakan kepimpinan lebih 8,000 Jawatankuasa Rukun Tetangga di seluruh negara agar peka dan sensitif terhadap isu-isu atau gerakan-gerakan yang sengaja mengancam untuk memecahbelahkan perpaduan dan keharmonian rakyat agar kebajikan setiap warga dijaga dan diambil berat;
- (iii) melaksanakan program dan aktiviti mempromosikan persefahaman dan keharmonian dalam kalangan penganut pelbagai agama seperti sambutan *World Interfaith Harmony Week*, *International Day for Tolerance*, *Harmony Dialogue* dan lain-lain;
- (iv) mencari penyelesaian terhadap isu-isu perkauman dan agama yang boleh menyebabkan perpecahan kaum dan memupuk pendamaian di peringkat akar umbi melalui khidmat 1,130 orang *mediator* komuniti di seluruh negara;
- (v) meningkatkan penghayatan dan pengamalan prinsip-prinsip Rukun Negara kepada pelajar-pelajar sekolah di 6,458 Kelab Rukun Negara di sekolah rendah dan menengah dan 164 Sekretariat Rukun Negara di peringkat institusi pengajian tinggi di seluruh negara;
- (vi) menggalakkan silang kerjaya dan kefahaman budaya di syarikat-syarikat milik bumiputera dan bukan bumiputera melalui penyertaan mahasiswa bumiputera dan bukan bumiputera melalui Program Latihan Industri Perpaduan atau dikenali dengan PLIP;
- (vii) menyemai nilai-nilai murni kepada lebih 35,000 orang kanak-kanak di bawah umur enam tahun melalui 1,781 buah Tabika Perpaduan di seluruh negara agar mereka dididik mengenai kepelbagaian yang wujud dalam masyarakat negara ini sejak kecil lagi agar mereka lebih memahami dan menghayatinya apabila dewasa kelak supaya perpaduan masyarakat dan keharmonian negara terus terpelihara;
- (viii) menyebarkan mesej dan slogan perpaduan agar membudayakan perpaduan dan meraikan kepelbagaian melalui penglibatan syarikat-syarikat swasta, GLC dan badan bukan kerajaan (NGO) yang juga merupakan sebahagian dari warganegara ini; dan
- (ix) menganjurkan program dan aktiviti perpaduan dan kebudayaan pelbagai kaum secara berterusan yang bertujuan membentuk sebuah bangsa Malaysia yang bersatu padu dengan memberi penekanan untuk meningkatkan kesedaran, penghayatan dan amalan nilai-nilai murni

kepada kumpulan sasar seperti kanak-kanak, pelajar, belia, wanita, dan akhirnya merangkumi semua lapisan masyarakat.

Di samping itu, dalam aspek menangani isu-isu sensitif pula, undang-undang yang sedia ada adalah mencukupi contohnya, Polis Diraja Malaysia (PDRM). Melalui PDRM, tindakan boleh diambil di bawah Akta Hasutan 1948 serta di bawah Kanun Keseksaan dan di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia, Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 [Akta 589] pula dapat dikuatkuasakan.

Akta-akta ini masih relevan dan boleh digunakan jika berlaku perlakuan yang berunsurkan penghinaan agama oleh individu atau pihak yang tidak bertanggungjawab. Akta Hasutan 1948 boleh dikuatkuasakan kepada perlakuan yang menunjukkan apa jua perbuatan, ucapan atau sebagainya yang mempunyai kecenderungan menghasut individu lain. Manakala Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia pula bertindak menyelia dan memantau segala bentuk aktiviti komunikasi dan multimedia seperti penyalahgunaan media sosial untuk menyebarkan isu-isu sensitif di Malaysia.

Jadi, bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat tadi, selanjutnya saya ingin menyatakan dalam kes Zamri Vinoth ini, kes ini masih dalam penyiasatan polis. Saya rasa adalah tidak wajar untuk saya memberikan apa-apa komen di Dewan yang mulia ini pada tahap ini kerana ia masih dalam siasatan polis, belum ada apa-apa keputusan yang diambil untuk menuduh mana-mana pihak.

Jadi, seterusnya Perpaduan juga...

Puan Asmak binti Husin: Mohon soalan tambahan. Saya ingin bertanya tentang *mediator* komuniti yang diwujudkan, ada 1000 lebih. Apakah sebenarnya fungsi *mediator* komuniti ini dan adakah kita rakyat boleh kenal siapa dia *mediator* itu? Selepas itu adakah *mediator* komuniti ini melibatkan komuniti maya? Ini kerana kalau fizikal komuniti mungkin kita ada peluang untuk bercampur gaul di antara satu sama lain. Akan tetapi kalau komuniti maya ini, kita nampak mereka ini bergaul tanpa sentuhan fizikal. Jadi, bahasa itu, perlakuan itu, kadang-kadang sukar dikawal. Jadi, bagaimana dengan *mediator* komuniti di peringkat maya?

■1900

Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy: *Mediator* komuniti di peringkat akar umbi adalah sebahagian daripada anggota-anggota rukun tetangga. Akan tetapi di alam maya pula, memang saya akui terdapat banyak isu yang dibangkitkan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Buat masa kini, kita belum ada lagi apa-apa *mediator community* di alam *cyber world* ini. Jadi, kerajaan kini sedang berbincang dengan pelbagai pihak termasuk juga badan-badan sukarela NGO dan juga pihak swasta untuk mendapatkan input dan juga pandangan mereka mengenai apa yang boleh dilakukan untuk menangani isu-isu yang timbul

di media sosial. Jadi, tidak lama lagi saya percaya satu pelan akan dapat dibentuk bagi menangani isu-isu seperti ini.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil kira masa. Jadi saya tidak pasti sama ada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abidullah bin Salleh ada di sini atau tidak. Kalau beliau tidak ada saya boleh berikan jawapan bertulis. Tiada ya? jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya akan memberikan jawapan bertulis kepada soalan yang dibangkitkan oleh beliau.

Seterusnya, saya ingin menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Aknan a/l Ehtook berhubung dengan pemberian Cuti Tanpa Rekod kepada penjawat awam yang berketurunan Siam bagi menyambut perayaan Songkran. Dengan suka citanya saya ingin memaklumkan bahawa kerajaan telah bersetuju yang memberikan kemudahan Cuti Tanpa Rekod selama satu hari sempena perayaan Tahun Baru Siam atau Songkran pada 13 April setiap tahun mulai tahun 2020 bagi memberi ruang kepada pegawai yang berbangsa Siam untuk menyambut perayaan Songkran bersama keluarga mereka.

Perkara ini telah diputuskan melalui surat yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam pada 25 April 2019. Ini membuktikan komitmen Kerajaan Pakatan Harapan dalam memastikan semua golongan masyarakat walaupun kumpulan minoriti dapat menyambut hari kebesaran kaum masing-masing dengan penuh kesyukuran dan dalam suasana yang selesa dan harmoni.

Tuan Aknan a/l Ehtook: Yang Berhormat Menteri mohon menceleh keja. Terima kasih. Hari ini saya rasa berbangga kerana Yang Berhormat Menteri dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab tentang isu ini. Satu penghormatan yang besar kepada masyarakat Siam dan bagi pihak masyarakat Siam saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada kerajaan dan juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana setuju dengan cadangan masyarakat Siam untuk memohon Cuti Tanpa Rekod bagi penjawat awam. Terima kasih Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, boleh tidak kita habiskan 7.15? Boleh tidak kita habis sampai 7.15?

Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy: Tujuh suku? Saya akan cuba habiskan.

Timbalan Yang di-Pertua: Oleh sebab, kita bulan puasa. So, kalau boleh berucap...

Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy: Ya saya faham. Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya selanjutnya menggulung bagi agensi kedua di bawah saya iaitu Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA). Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad tiada di sini. Ada? Oh, ada [*Ketawa*]

Saya ingat boleh *skip* tadi... [*Dewan Ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua: Tidak boleh *skip*.

Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy: Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad, membangkitkan isu berkaitan pengukuran tanah adat Orang Asli.

Untuk makluman Yang Berhormat, dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas, kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM7.87 juta untuk menjalankan kerja ukur perkampungan Orang Asli bagi tujuan pewartaan. Berdasarkan peruntukan yang diluluskan, sebanyak 105 buah perkampungan Orang Asli telah dibuat kerja ukur dengan pecahan mengikut tahun seperti berikut:

- (i) bagi tahun 2016, sejumlah RM1.4 juta diperuntukkan bagi 20 buah kampung;
- (ii) tahun 2017, sejumlah RM1.47 juta diperuntukkan bagi 24 buah kampung;
- (iii) tahun 2018, sejumlah RM1.5 juta bagi 20 buah kampung;
- (iv) tahun 2019, sejumlah RM1.5 juta bagi 18 buah kampung; dan
- (v) tahun 2020, dianggarkan RM2 juta akan diperuntukkan bagi 23 buah perkampungan.

JAKOA akan memohon peruntukan tambahan untuk menjalankan kerja ukur perkampungan Orang Asli dalam RMKe-12 iaitu bermula dari tahun 2021 hingga tahun 2025 dengan anggaran kos RM25 juta.

Dalam isu berkaitan tanah masyarakat Orang Asli, peranan yang dimainkan oleh JAKOA adalah melaksanakan kerja-kerja ukur di penempatan Orang Asli dan memanjangkan permohonan pewartaan kepada pihak berkuasa tempatan kerajaan negeri. Keputusan pewartaan sama ada di bawah seksyen 62, Kanun Tanah Negara atau di bawah seksyen 6 atau seksyen 7 Akta Orang Asli 1954 adalah tertakluk kepada keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

Menyedari kuasa berkaitan tanah adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri, jabatan ini terus mengadakan rundingan dengan pihak kerajaan negeri terhadap status permohonan dan isu-isu berbangkit di kawasan Orang Asli. Kerja-kerja ukur bagi tujuan pewartaan masih dijalankan dari semasa ke semasa mengikut peruntukan kewangan yang diluluskan kepada JAKOA.

Yang Berhormat juga mencadangkan hasil pengukuran tanah adat Orang Asli dipamerkan di pejabat JAKOA, balai raya dan makluman diberikan kepada Tok Batin dan MPKK OA. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, JAKOA tiada halangan untuk mempamerkan hasil kerja ukur yang telah dijalankan bagi tujuan permohonan pewartaan kepada komuniti kampung, Tok Batin dan Majlis Pembangunan Komuniti Kampung (MPKK) untuk rujukan.

Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad juga turut membangkitkan persoalan mengapa biasiswa pelajar Orang Asli lambat dibayar. Terdapat beberapa isu dan masalah kelewatan pembayaran biasiswa kepada pelajar Orang Asli. Antara isu yang dihadapi oleh JAKOA adalah:

- (i) proses migrasi sistem kewangan jabatan daripada Kementerian Pembangunan Luar Bandar ke Jabatan Perdana Menteri yang mengambil masa;
- (ii) proses semakan semula surat kelulusan perjanjian bantuan pendidikan pelajar Orang Asli;
- (iii) kelewatan pelajar mengemukakan tuntutan kepada JAKOA;
- (iv) kecuaiian pelajar yang tidak mengemukakan keputusan peperiksaan pada tempoh yang ditetapkan atau mempunyai isu berkaitan penajaan seperti penangguhan, pelanjutan dan lain-lain masalah berkaitan;
- (v) dokumen lampiran yang dihantar oleh pelajar bagi tuntutan bayaran bantuan pendidikan kabur dan tidak menepati prosedur yang ditetapkan oleh JAKOA; dan
- (vi) terdapat sesetengah pelajar yang gagal dihubungi kerana sentiasa bertukar nombor telefon.

Seterusnya Yang Berhormat juga mencadangkan kerajaan menempatkan kenderaan pacuan empat roda di kampung-kampung dan pos pedalaman Orang Asli untuk kemudahan kecemasan Orang Asli pergi ke hospital atau membeli barang keperluan.

Untuk makluman Yang Berhormat, JAKOA mengambil maklum akan cadangan tersebut namun pelaksanaannya perlu diteliti dengan mendalam sekiranya cadangan Yang Berhormat melibatkan kenderaan jabatan. Isu berbangkit adalah berkaitan kebertanggungjawaban terhadap pengurusan aset kerajaan yang mana berdasarkan peraturan semasa, hanya pegawai kerajaan tertentu dibenarkan untuk mengakses dan menggunakan kenderaan jabatan. Sekiranya bukan kenderaan jabatan yang dicadangkan, JAKOA akan meneliti prinsip dan kaedah pelaksanaan memandangkan ia melibatkan pertambahan kepada kos pengurusan jabatan.

Walau bagaimanapun, bagi tujuan kemudahan kesihatan, JAKOA memang memberi keutamaan kepada masyarakat Orang Asli dengan menggunakan kenderaan jabatan yang dipandu oleh pemandu jabatan selain daripada kontrak perkhidmatan pengangkutan pesakit yang disediakan. Selain itu, bagi tujuan kemudahan kesihatan, JAKOA sentiasa berkolaborasi dengan Kementerian Kesihatan Malaysia melalui hospital atau klinik setempat serta pasukan Bomba Malaysia yang menyediakan kemudahan helikopter bagi tujuan mengangkut pesakit.

Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad juga mencadangkan kerajaan melakukan reformasi dan penstrukturan semula JAKOA. Jabatan Kemajuan Orang Asli telah membentangkan permohonan penstrukturan semula dan pemerkasaan JAKOA di Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuah (JKKMAR) yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir bin Mohamad pada bulan Mac yang lalu. Kertas cadangan penstrukturan semula JAKOA yang telah dibentangkan, sedang dikemas kini dan akan dikemukakan untuk pertimbangan Jabatan Perkhidmatan Awam setelah dirundingkan di peringkat Jabatan Perdana Menteri.

■1910

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid telah menyarankan agar Akta 134 dikaji semula agar ia relevan dengan keperluan semasa serta dapat menangani masalah berkaitan Orang Asli. Akta 134 hendaklah dimasukkan dalam kajian pembaharuan rang undang-undang oleh kerajaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan sememangnya bercadang untuk membuat pindaan terhadap Akta Orang Asli 1954 Semakan 1974. Sehubungan dengan itu, Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) telah mendaftarkan Akta 134 ke dalam senarai akta untuk pindaan oleh pihak kerajaan yang dipantau oleh pihak Bahagian Hal Ehwal Undang-undang Jabatan Perdana Menteri pada bulan Januari 2019.

Cadangan pindaan ini bertujuan untuk menambahbaikkan peruntukan perundangan untuk kemajuan serta perlindungan hak masyarakat Orang Asli. Perkara-perkara yang akan ditambah baik meliputi tafsiran Orang Asli, pentadbiran Orang Asli, pendidikan tanah dan sebagainya, sejajar dengan keperluan semasa.

Cadangan pindaan Akta 134 berkenaan akan ditambah baik dengan mengambil kira isu-isu dan keperluan semasa yang menyentuh masyarakat Orang Asli seperti laporan daripada pasukan petugas laporan *inquiry national* mengenai hak tanah Orang Asli dan hak-hak seperti mana yang digariskan di dalam *Declaration on the Rights of Indigenous People*.

Selain itu, jabatan juga akan meneliti isu-isu berbangkit seperti pertindihan kawasan hutan simpanan kekal dengan kawasan penempatan Orang Asli termasuk kawasan rayau dan tanah adat yang dituntut oleh masyarakat Orang Asli.

Bagi memastikan pindaan dilaksanakan nanti memenuhi aspirasi masyarakat Orang Asli, pihak JAKOA telah menganjurkan konvensyen Orang Asli Kebangsaan 2019 pada 22 April 2019 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) untuk mendapatkan maklum balas dan input daripada masyarakat dan pihak-pihak berkepentingan Orang Asli.

Resolusi daripada konvensyen ini akan dijadikan sebagai asas kepada pindaan Akta 134 agar selari dengan keperluan masyarakat Orang Asli. Antara kandungan resolusi yang

telah diperoleh dalam konvensyen tersebut adalah termasuk berkaitan tanah dan juga kepimpinan.

Terdapat lapan resolusi berkaitan tanah. Antara yang berkaitan rapat dengan pindaan akta merangkumi pemilikan tanah adat dan tanah yang diduduki secara sah oleh Orang Asli, perlindungan ke atas tanah pegangan Orang Asli, mewujudkan tribunal tuntutan tanah Orang Asli, peruntukan pampasan yang wajar seperti peruntukan undang-undang di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960, pembangunan tanah Orang Asli dan Hak bersama Orang Asli dalam kawasan yang diwartakan di bawah Akta Perhutanan Negara 1984 serta akta-akta di bawah PERHILITAN.

Selain itu terdapat juga tuntutan agar kuasa Menteri di bawah seksyen 16(2) Akta 134 dipinda, perkara berkaitan pemecatan Batin perlu melalui lembaga atau majlis adat yang di cadang ditubuhkan dan bukan seperti peruntukan undang-undang sedia ada. Kesemua perkara ini akan diperhalusi dan diambil kira dalam pindaan Akta 134 kelak.

Boleh sambung lagi atau saya berhenti? Tidak banyak jugalah.

Timbalan Yang di-Pertua: Hendak sambung?

Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy: Cuma saya ingat.

Timbalan Yang di-Pertua: Boleh lagi dua, tiga minit, boleh?

Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy: Ataupun sekiranya Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid setuju saya *just take the important point* sahaja kalau Yang Berhormat Senator setuju, boleh ya? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Macam mana, hendak Sambung?

Dato' Isa bin Ab. Hamid: Bertulis...

Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy: Bertulis ya. Okey, saya *just* ambil yang penting sahaja. Selainnya boleh diberikan secara bertulis.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid turut mencadangkan perkara-perkara seperti berikut:

- (i) sambutan Hari Orang Asli diadakan setiap tahun;
- (ii) kerajaan menubuhkan Majlis Penasihat Orang Asli Kebangsaan sebagai satu entiti yang dapat memberikan nasihat berkenaan Orang Asli;
- (iii) JAKOA mewujudkan pusat penyelidikan Orang Asli.

Pihak JAKOA bercadang untuk mengadakan sambutan Hari Orang Asli pada setiap tahun bersesuaian dengan seruan kerajaan. Sambutan Hari Orang Asal Sedunia kali pertama

diputuskan oleh Perhimpunan Agung bagi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada 23 Disember 1994 menerusi Resolusi 49/214.

Asas pemilihan tarikh sambutan pada 9 Ogos setiap tahun adalah bagi memperingati tarikh kali pertama melaksanakan Majlis Mesyuarat Kerja Bangsa-Bangsa Bersatu berhubung Orang Asal. Pada setiap tahun Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu telah menetapkan tema meraikan sambutan Hari Orang Asal Sedunia. Tema pada tahun ini memberi penekanan kepada masyarakat Orang Asal yang menetap di kawasan bandar dan di sempadan antarabangsa.

Kerajaan mengambil maklum akan cadangan penubuhan Majlis Penasihat Orang Asli dan sedang dalam proses penelitian terma rujukan serta keanggotaan yang sesuai. Kerajaan juga mengambil maklum cadangan mewujudkan Pusat Penyelidikan Orang Asli dan akan meneliti cadangan tersebut.

Walau bagaimanapun, JAKOA telah mengadakan kerjasama dengan para penyelidik dalam kajian-kajian berkaitan Orang Asli. Hasil kajian penemuan para penyelidik akan dikumpulkan di Perpustakaan Orang Asli Gombak yang merupakan pusat rujukan setempat bagi kajian Orang Asli.

Seterusnya, bagi menjawab persoalan Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang. Dia tidak ada di sini. Akhir sekali ialah isu yang dibangkitkan dalam MITRA. Saya percaya Yang Berhormat Senator Datuk Sambanthan a/l Manickam pun tiada. Jadi, saya akan berikan secara bertulis, Tuan Yang di-Pertua.

Dengan itu, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan memberikan cadangan bagi menambahbaikkan jabatan ini. Sebelum saya mengakhiri penggulungan ini, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan selamat menunaikan ibadah puasa kepada seluruh umat Islam di negara ini. Semoga kita sebagai rakyat Malaysia sentiasa progresif dan bersatu padu dalam membangunkan negara yang tercinta ini agar nikmat kemakmuran dan kekayaan negara akan dapat dinikmati oleh semua. Sekian, terima kasih.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy, Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang memberi kerjasama yang penuh dan menjelaskan segala yang timbulkan dan telah menerangkan panjang lebar hasrat kita akan datang. Itu tadi saya ingin akhiri kita berbuka puasa pada pukul 7.30 malam ya.

*Naik basikal ke Ampang Hilir;
Penat berkayuh diteruskan juga;
Jika jujur di jiwa mengalir;
Alamat hidup penuh bahagia... [Tepuk]*

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah Usul Menjunjung Kasih atas Titah Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong oleh Yang Berhormat Dato' Sri Khairudin bin Samad hendaklah dipersetujukan.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Diputuskan,

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatunya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-bbilang syukur dan menjunjung kasih Titah Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Kedua, Parlimen Yang Keempat Belas.”]

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, Mesyuarat hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Selasa 7 Mei 2019.

Sekian, *wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

[Dewan ditangguhkan pada pukul 7.19 malam]